

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KEUNGGULAN NOVEL SEJARAH TERPILIH BERDASARKAN
TEORI TEKSDEALISME**

MOHD HANIFF BIN MOHAMMAD YUSOFF



**DOCTOR OF PHILOSOPHY
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2025**



PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(*Certification of thesis / dissertation*)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(*We, the undersigned, certify that*)

MOHD HANIFF MOHAMMAD YUSOFF

calon untuk Ijazah PhD
(*candidate for the degree of*)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(*has presented his/her thesis / dissertation of the following title*):

“KEUNGGULAN NOVEL SEJARAH TERPILIH BERDASARKAN TEORI TEKSDEALISME”

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(*as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation*).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **07 November 2024.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
07 November 2024.


Pengerusi Viva: (<i>Chairman for VIVA</i>)	Assoc. Prof. Dr. Mashetoh Abd. Mutalib	Tandatangan (<i>Signature</i>)	
Pemeriksa Luar: (<i>External Examiner</i>)	Prof. Dr. Azhar Wahid	Tandatangan (<i>Signature</i>)	
Pemeriksa Luar: (<i>External Examiner</i>)	Assoc. Prof. Datin Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi	Tandatangan (<i>Signature</i>)	
Nama Penyelia/Penyelia-penyelia: (<i>Name of Supervisor/Supervisors</i>)	Assoc. Prof. Dr. Rohaya Md Ali	Tandatangan (<i>Signature</i>)	
Nama Penyelia/Penyelia-penyelia: (<i>Name of Supervisor/Supervisors</i>)	Dr. Phat A/L Awang Deng	Tandatangan (<i>Signature</i>)	

Tarikh:
(*Date*) **07 November 2024**

Kebenaran Mengguna

Penyerahan tesis penyelidikan Ijazah Doktor Falsafah ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat pengajian Ijazah Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju memberi keizinan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah untuk menjadikan tesis ini sebagai rujukan atau penyelidikan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya untuk Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Sebarang bentuk penyalinan, pengambilan atau penggunaan keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan komersial tidak dibenarkan tanpa kebenaran daripada penyelidik. Pengiktirafan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia wajar diberikan atas sebarang bentuk kegunaan bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini boleh dibuat dengan menulis kepada:



Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
College of Arts and Sciences UUM
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

Abstrak

Novel berunsur memerlukan kreativiti pengarang dalam menaakul peristiwa sejarah dan mengeksploitasinya untuk menghasilkan karya baharu yang berasaskan kreativiti mereka. Keunggulan sesebuah teks novel sejarah bergantung pada sejauh mana pengarang mampu ‘mensejarahkan fiksyen’, iaitu dengan mengadunkan unsur sejarah dan fiksyen sehingga terhasil sebuah karya yang berteraskan realiti yang kukuh. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan perhatian kepada keunggulan pengarang dalam proses penghasilan karya kreatif, terutamanya tindakan dan pendekatan yang diambil oleh pengarang. Sebaliknya, kajian yang memberi tumpuan khusus terhadap keunggulan teks itu sendiri, berasaskan prinsip tertentu dalam teori sastera, masih kurang diterokai. Justeru, kajian ini berusaha memperlihatkan keunggulan teks sejarah berdasarkan teori Teksdealisme bagi menjelaskan keistimewaan sesebuah teks sejarah. Kajian ini menyasarkan tiga objektif utama, iaitu: i) mengenal pasti elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran dalam novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme, ii) menganalisis elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran dalam novel sejarah terpilih berdasarkan teori yang sama, dan iii) merumuskan penerapan elemen keunggulan teks yang meliputi prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran dalam novel sejarah terpilih berpandukan teori Teksdealisme. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis novel karya Affifuddin Omar, iaitu *Tun Tuah* (2016) dan *Tun Perak* (2017), serta novel karya Faisal Tehrani, iaitu *1515* (2003) dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2007) sebagai data kajian. Analisis ini berpandukan *Sejarah Melayu*, edisi Shellabear (2016), dan *Hikayat Hang Tuah*, edisi Kassim Ahmad (2017), sebagai teks hipogram. Teori Teksdealisme digunakan bagi memperlihatkan keunggulan teks, dan kajian ini dihadkan kepada dua prinsip utama sahaja, iaitu prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran. Hasil kajian memperlihatkan bahawa pengarang novel sejarah menerapkan elemen keunggulan teks, khususnya prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran, dalam pembinaan naratif novel sejarah. Tuntasnya, penghasilan novel sejarah menuntut kebijaksanaan dan kreativiti pengarang dalam menyaring bahan sejarah sebagai sumber pengkaryaan, sekali gus menyerlahkan keunggulan teks dalam novel sejarah.

Kata Kunci: Keunggulan teks, Novel sejarah, Teksdealisme, Prinsip Kehadiran, Prinsip Pelanggaran.

Abstract

Historical novels require authors to creatively interpret historical events and transform them into new literary works shaped by their unique vision. The strength of a historical novel lies in the author's ability to "historicize fiction" by blending historical fact with fictional elements to produce a narrative grounded in reality. However, most previous studies have primarily focused on the author's role in the creative process, emphasizing their skills in crafting the story. In contrast, studies that specifically explore the textual excellence of historical novels based on established principles in literary theory remain limited and underexplored. Therefore, this study seeks to highlight the excellence of historical texts through the lens of Teksdealisme theory in order to explain the superiority of historical narratives. The study aims to achieve three main objectives. First, it aims to identify elements of textual excellence, specifically the principle of presence and the principle of violation, in selected historical novels based on the Teksdealisme theory. Second, it analyzes these elements of textual excellence within the same context. Finally, the study summarizes the application of these elements, which include the principle of presence and the principle of violation, in selected historical novels using the Teksdealisme theoretical framework. This study employs a qualitative approach by analyzing novels written by Affifuddin Omar, namely *Tun Tuah* (2016) and *Tun Perak* (2017), as well as novels by Faisal Tehrani, namely *1515* (2003) and *Nama Beta Sultan Alauddin* (2007). These novels are examined using *Sejarah Melayu*, Shellabear edition (2016), and *Hikayat Hang Tuah*, Kassim Ahmad edition (2017), as their hypotexts. The Teksdealisme theory is applied to highlight the excellence of the texts, with the study focusing specifically on two principles: presence and violation. The findings of this study reveal that historical novelists incorporate elements of textual excellence, specifically the principle of presence and the principle of violation, in crafting the narratives of historical novels. Ultimately, the creation of historical novels demands the wisdom and creativity of authors in filtering historical materials as sources for literary production, thereby highlighting the textual excellence found in historical narratives.

Keywords: Textual excellence, Historical novel, Teksdealisme theory, Principle of Presence, Principle of Violation

Penghargaan

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kajian ini telah berjaya disiapkan walaupun diduga dengan pelbagai kekangan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Madya Dr Rohaya Md Ali dan Dr Phat A/L Awang Deng, selaku penyelia atas kesabaran, bimbingan dan kata-kata semangat yang diberikan sepanjang proses penyeliaan. Keprihatinan dan pertolongan yang diberikan ternyata begitu bermakna, semoga Tuhan membalas segala kebaikan.

Proses pengajian ini tentunya tidak bermakna tanpa doa seorang emak dan ayah. Terima kasih mak dan ayah yang tidak menghalang minat anaknya, malah sanggup berkorban membanting tulang, mengisi lewat-lewat usia demi kecukupan anak-anaknya. Terima kasih mak, terima kasih ayah. Terima kasih kepada Bahagian Basiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui MyBrain15 yang menaja pengajian saya selama dua tahun. Sesungguhnya basiswa yang disalurkan benar-benar membantu dan dapat mengurangkan beban semasa mengikuti pengajian ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan taulan sepengajian sama ada yang telah berjaya menamatkan pengajian ataupun belum, terima kasih atas kerjasama, perkongsian dan inspirasi selama ini.

Tidak dilupakan juga sekalung penghargaan kepada barisan pensyarah dan warga Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun, dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia yang tidak betah memberikan bantuan saat saya memerlukan.

Akhir kalam, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan dalam proses menyiapkan kajian ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberikan manfaat kepada semua dan melestarikan riwayat kesusasteraan Melayu.

Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi kandungan	vi
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI RAJAH.....	viii
BAB SATU	PENGENALAN
1.1	Pendahuluan..... 1
1.2	Permasalahan Kajian6
1.3	Persoalan Kajian 8
1.4	Objektif Kajian.....8
1.5	Batasan Kajian.....9
1.6	Kepentingan Kajian..... 10
1.7	Definisi Operasi12
1.8	Kesimpulan.....15
BAB DUA	SOROTAN KAJIAN
2.1	Pengenalan.....16
2.2	Susur Galur Novel Sejarah di Malaysia.....16
2.3	Kajian Lampau.....20
	2.3.1 Kajian Novel Sejarah.....20
	2.3.2 Kajian Kepengarangan.....30
	2.3.3 Kajian Teksdealisme.....38
	2.3.4 Kajian Persuratan Faisal Tehrani dan Affifudin Omar.....43
2.4	Jurang Penyelidikan.....49
2.5	Kesimpulan.....52

BAB TIGA	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan.....	54
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	54
3.3	Kaedah Kajian	57
	3.3.1 Kaedah Kepustakaan.....	58
	3.3.2 Kaedah Analisis Kandungan.....	59
3.4	Pengaplikasian Teori.....	59
	3.4.1 Teori Teksdealisme.....	60
	3.4.2 Kerangka Teori.....	61
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	64
	3.5.1 Data Kajian.....	65
	3.5.2 Pewajaran Pemilihan Data.....	66
3.6	Prosedur Menganalisis Data.....	67
3.7	Kerangka Konseptual.....	68
3.8	Kesimpulan.....	73
BAB EMPAT	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan.....	74
4.2	Prinsip Kehadiran dalam Novel-novel Sejarah Terpilih.....	74
	4.2.1 Idealisme Pengarang	75
	4.2.1.1 Pemilihan Watak Sejarah.....	75
	4.2.1.2 Gagasan Pengarang dalam Karya.....	94
	4.2.2 Pengekalan dan Pengubahsuaian Peristiwa.....	124
	4.2.2.1 Peristiwa Perkahwinan Diraja.....	126
	4.2.2.2 Peristiwa Pewarisan Takhta.....	133
	4.2.2.3 Peristiwa Peminangan Puteri Gunung Ledang.....	138
	4.2.2.4 Peristiwa Kemangkatan Sultan Mahmud Syah.....	141
	4.2.2.5 Peristiwa Amuk.....	144
	4.2.2.6 Peristiwa diserang Lanun	147
	4.2.2.7 Peristiwa Perang Melaka dan Feringgi.....	149
	4.2.3 Rakaman Penzamanan.....	156

	4.2.3.1 Latar Masa.....	157
	4.2.3.2 Latar Tempat.....	164
	4.2.3.3 Latar Masyarakat.....	175
4.3	Prinsip Pelanggaran dalam Novel-novel Sejarah Terpilih....	188
	4.3.1 Pelanggaran Tema.....	189
	4.3.2 Pelanggaran Plot.....	199
	4.3.3 Pelanggaran Watak.....	215
	4.3.4 Pelanggaran Sejarah.....	230
4.4	Kesimpulan.....	233
BAB LIMA	RUMUSAN DAN PENUTUP	
5.1	Pengenalan.....	235
5.2	Rumusan.....	235
5.3	Implikasi.....	240
5.4	Kebaharuan.....	242
5.5	Cadangan.....	248
5.6	Penutup.....	249
RUJUKAN	250

Senarai Jadual

Jadual 4.1: Idealisme Pengarang melalui Pemilihan Watak Sejarah dalam Novel Sejarah Terpilih.....	76
Jadual 4.2: Idealisme Pengarang melalui Gagasan Pengarang dalam Novel Sejarah Terpilih.....	95
Jadual 4.3: Kehadiran Peristiwa Sejarah dalam Novel-novel sejarah Terpilih.....	125
Jadual 4.4: Senarai Raja-raja yang Memerintah Melaka	158
Jadual 4.5: Perbandingan Plot Perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana.....	206
Jadual 4.6: Perbandingan Plot Peristiwa Kemangkatan Sultan Alauddin.....	211
Jadual 4.7: Perbandingan Plot Peristiwa Perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Tun Teja.....	213
Jadual 5.1: Rumusan Dapatan Kajian.....	243



Senarai Rajah

Rajah 3.1: Kerangka Teori	62
Rajah 3.2: Kerangka Konseptual	69
Rajah 4.1: Binaan Plot	200



BAB SATU

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Penulisan fakta sejarah dalam bentuk novel bukan sesuatu yang baharu dalam dunia penulisan kesusasteraan tanah air. Fakta sejarah ditulis secara kritis dan imaginatif dalam bentuk karya kreatif bagi menarik perhatian khalayak pembaca dalam usaha memahami makna dan hakikat sejarah yang berlaku pada masa lampau dan masa kini. Kebanyakan novel sejarah memperlihatkan fakta sejarah yang diambil daripada masa lampau, lantas diolah dalam bentuk novel untuk bacaan pada hari ini, di samping menyisipkan nilai dan faedah tertentu kepada pembaca berkaitan sejarah yang dikemukakan. Perihal ini ternyata berbeza dengan teks sejarah iaitu teks yang memaparkan fakta berkaitan sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau, ditulis menggunakan peraturan atau format tertentu berdasarkan fakta sejarah yang diperakui.

Sejarah merupakan disiplin ilmu kemanusiaan yang mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Sejarah begitu penting dalam memacu kehidupan serta menjadi pengajaran dalam menidakkan perkara yang tidak diinginkan berulang kembali. Perkataan sejarah dari segi etimologi berasal dari bahasa Arab iaitu *syajarah* (*Loan Worlds in Indonesia and Malay*, 2008). Arba'iyah Mohd Noor (2006) menghuraikan sejarah berasal daripada perkataan Arab iaitu *syajarah* yang membawa pengertian pohon secara khususnya dan secara amnya pengertian tersebut turut mendukung erti bagi salasilah, riwayat, keturunan dan asal-usul. Pengertian ini hanyalah pengertian asas, sedangkan pengertian lebih luas merangkumi pelbagai aspek dan disiplin. Ishak Saat (2010) mentakrifkan sejarah sebagai peristiwa yang penting ataupun sebaliknya serta

merupakan pengetahuan pada masa lampau yang boleh dijadikan sebagai rujukan. Secara dasarnya, sejarah merupakan perkara yang pernah berlaku, namun boleh berada dalam senario yang berbeza iaitu sama ada memberi impak dalam kehidupan sehingga diingati bertahun-tahun lamanya atau tidak dihiraukan lagi.

Ketamadunan dan pembangunan sesebuah bangsa turut dikaitkan dengan sejarah. Sejarah mampu mengubah kebudayaan dan cara pemikiran sesuatu bangsa, sekali gus menghuraikan perkembangan ketamadunan sesuatu bangsa. Ahmad Adam (2016) merumuskan sejarah merupakan peringatan terhadap pengalaman sesuatu bangsa. Ketamadunan sesuatu bangsa dibangunkan oleh sejarah mereka sendiri dan sejarah dapat mengajar mereka untuk berfikir tentang pengalaman yang lalu sebagai proses untuk menghadapi masa kini. Sikap menghargai sejarah akan mempersiapkan sesuatu bangsa dengan segala persediaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Abdullah Sani Usman (2005) menyokong kenyataan ini dengan berhujah bahawa masa hadapan sesuatu bangsa dan negara akan musnah sekiranya melupakan sejarah pada masa lalu yang sebenarnya menjadi cermin dan batu asas dalam pembangunan bangsa dan negara. Hal ini menunjukkan sejarah begitu signifikan dalam memberi pemaknaan serta kelestarian kepada ketamadunan sesuatu bangsa.

Kesusasteraan Melayu tidak terlepas daripada mengangkat sejarah sebagai wacana dalam penulisan kreatif terutamanya genre novel. Hal ini turut dipraktikkan oleh Abdul Halim Ali (2012) yang menyatakan dalam lapangan kesusasteraan, aspek sejarah menjadi punca pengkaryaan, kritikan dan juga rujukan. Sejarah menjadi sumber idea

serta asas pembinaan naratif dalam novel berunsur sejarah. Secara tidak langsung, wujudnya hubungan intertekstual antara novel sejarah dengan naskah sejarah serta medium lain yang mengemukakan fakta-fakta sejarah. Hubungan ini memperlihatkan kreativiti pengarang dalam mengolah sumber sejarah menjadi sebuah karya berbentuk fiksiyen. Sahlan Mohd Saman (1995) menegaskan sifat asal sesebuah karya sastera seperti novel terhasil daripada pengolahan pengarang terhadap pelbagai bahan mentah yang diperolehinya yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan dan antara disiplin. Novel sejarah merupakan novel yang mengangkat kisah-kisah sejarah dan tokoh-tokoh yang begitu masyhur dalam kalangan masyarakat, lalu disampaikan kisahnya dari generasi ke generasi secara lisan. Mohamad Saleeh Rahamad (2005) menyatakan novel sejarah didasari dengan peristiwa sejarah, digerakkan dengan watak-watak sejarah serta latar masa yang selari dengan fakta asalnya.

Novel berunsur sejarah menterjemahkan sejarah yang bersifat objektif ke dalam bentuk fiksiyen atas tanggungjawab pengarang dalam mengolah fakta yang diperolehinya. Pengarang mengoptimumkan kreativiti untuk mengabungkan imajinasinya dan sejarah untuk menghasilkan karya. Isu hak cipta untuk teks sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* tidak timbul kerana pengarang asal yang tidak diketahui dan dianggap sebagai milik bersama dalam sesebuah masyarakat. Kebanyakan novel sejarah di pasaran mengangkat watak utama yang sama seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Dang Anum dan Puteri Gunung Ledang yang diinspirasi daripada hipoteks seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Hal ini kerana watak-watak unggul seperti Hang Tuah ini sering diperkatakan secara

temurun dan menjadi suri teladan dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung membuktikan bahawa watak Hang Tuah begitu penting dalam perkembangan masyarakat Melayu tanpa mempersoalkan kebenaran atau kewujudan Hang Tuah itu sendiri.

Pengarang mengungkapkan peristiwa dan tokoh sejarah dalam novel mereka sebagai wadah kreativiti dan juga pemikiran. Kreativiti pengarang dituntut dalam menghasilkan novel berunsur sejarah pada zaman yang berbeza, di samping membawa pemikiran dan ideologi yang tersendiri untuk disampaikan kepada pembaca. Foucault (dalam Mohamad Salleh Rahamad, 2005) menegaskan sesebuah wacana tidak akan terhasil jika tidak mempunyai ideologi walaupun hasil penulisan tersebut berunsur sejarah yang mempunyai fakta sejarah di dalamnya. Jelasnya, setiap hasil penulisan termasuklah novel berunsur sejarah perlu mempunyai ideologi atau pemikiran dalam menjana minda para pembaca. Hal yang sama turut disuarakan Abdul Rahman Abdullah (2009) yang menyatakan apabila bidang kesusasteraan dikaitkan dengan sejarah, yang ingin ditekankan bukanlah tentang sejarah tersebut sebaliknya tujuan atau matlamat yang ingin disampaikan melalui karya tersebut oleh pengarang.

Sesebuah karya sastera akan mencerminkan persekitaran semasa secara tidak langsung. Mokhtar Kamaruddin Daud (1980) menegaskan kita sememangnya tidak dapat menafikan penerbitan sesebuah karya sastera merupakan sebuah produk zaman yang mewakili zaman semasa penghasilannya. Hal ini menjelaskan karya sastera yang diterbitkan mewakili masyarakat pada zaman karya sastera tersebut dikarang. Begitu

juga halnya dengan penerbitan novel berunsur sejarah biarpun menggunakan latar masa pada masa lampau. Walau bagaimanapun, pengarang menyampaikannya dengan pemikiran pengarang berdasarkan situasi semasa sama ada berkaitan politik, sosial mahupun hal kemasyarakatan. Unsur sejarah diangkat oleh pengarang sebagai wadah kreativiti dan pemikiran.

Mawar Safei (2005) menganggap penulisan dalam kesusasteraan merupakan sebuah kreativiti yang melibatkan proses berfikir dan proses menghasilkan sebuah karya. Novel berunsur sejarah menuntut kreativiti pengarang dalam menaakul peristiwa-peristiwa sejarah, lalu mengeksploitasinya dalam menghasilkan sebuah karya baharu berdasarkan kreativiti pengarang. Hizairi Othman (2000) berpendapat kreativiti berperanan dalam memberi suntikan baharu terhadap kesusasteraan Melayu dengan penerapan ilmu dari bidang atau disiplin yang lain. Menggandingkan dua disiplin iaitu sejarah dan kesusasteraan telah meluaskan lagi lapangan kedua-dua disiplin secara tidak langsung. Umar Junus (1989) menjelaskan 'mensejarahkan fiksyen' ialah mengadunkan sejarah kepada fiksyen, lalu menghasilkan karya berunsur sejarah dengan dasar realiti yang kukuh. Secara tidak langsung, novel berunsur sejarah menggabungkan dua disiplin iaitu sejarah yang dikaitkan dengan fakta dan fiksyen yang begitu sinonim dengan imaginasi atau kreativiti pengarang.

Seterusnya, kreativiti dan ideologi dalam penulisan kreatif akan mencerminkan kepengarangan seseorang pengarang. Setiap pengarang mempunyai cara yang tersendiri dalam menyampaikan kisah biarpun setiap pengarang memperkatakan

perihal yang sama. Othman Puteh (1999) menganggap satu daripada ciri atau perbezaan seseorang pengarang dengan yang lainnya dapat diteliti melalui proses menyingkap dan mentafsir makna hidup dan fenomena kehidupan itu. Begitu juga perihalnya dalam penulisan novel sejarah kerana pengungkapan peristiwa yang sama daripada penulis-penulis yang berbeza ternyata tidak asing lagi. Sebagai contoh, peristiwa sejarah kejatuhan Melaka yang sering menjadi pilhan pengarang untuk diungkapkan kembali dalam karya seperti novel *Panglima Awang* karya Harun Aminurrasyid (1958), *1515* karya Faisal Tehrani (2003), *Enrique Melaka* (2016) karya Abdul Latip Talib dan *Awang Kembara Mengelilingi Dunia* (2016) karya Kamaludin Abdul Settar. Kesemua novel sejarah ini menjadikan peristiwa kejatuhan Melaka sebagai landasan cerita dalam menghasilkan sebuah karya sastera. Penyelidikan ini memberi tumpuan dalam menganalisis keunggulan teks dalam penghasilan karya kreatif yang bersumberkan naskhah sastera sejarah *Sejarah Melayu* (edisi Shellabear) dan *Hikayat Hang Tuah* (edisi Kassim Ahmad).

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Penelitian terhadap kajian berkaitan kemampuan teori Teksdealisme mengangkat keunggulan kepengarangan dalam karya sastera menemukan pelbagai dapatan kajian yang bermanfaat. Teori Tekdealisme yang dicetuskan oleh Mana Sikana (1996) berusaha untuk menyaring kewibawaan pengarang berpandukan empat prinsip yang dianjurkan iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Secara jelasnya, teori ini menggariskan matlamat bahawa

setiap pengarang mempunyai impian untuk meletakkan karyanya pada suatu tahap yang terbaik iaitu pada tahap keunggulan.

Menyorot kajian lampau, secara jelasnya telah banyak penelitian yang memunggar keunggulan kepengarangan dalam karya-karya sastera seperti yang dilakukan oleh Mohd Saipuddin Suliman (2016), Ahmad Zaidi Baharuddin dan Ani Omar (2018), Fauzi Hassan (2019), Sara Beden (2019) serta kajian oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2022). Kajian oleh Mohd Saipuddin Suliman (2016) cuba menggeledah kepengarangan Abdul Ghafar Ibrahim (Agi) berdasarkan puisi-puisi Tri-V yang dihasilkan. Kajian Ahmad Zaidi Baharuddin dan Ani Omar (2018) pula cuba mengenal pasti serta menghuraikan pemikiran Mana Sikana menerusi teks drama terpilih. Seterusnya, Fauzi Hassan (2019) tampil dalam memperdebatkan kepengarangan Faisal Tehrani dalam tesis kedoktorannya menerusi beberapa novel terpilih iaitu *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1515* (2003), *1511H[Kombat]* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2008), *Bahlut* (2010) dan *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit* (2016). Sara Beden (2019) tampil dengan kajiannya yang mengaplikasikan prinsip kehadiran yang terkandung dalam Teori Teksdealisme dalam mengangkat kepengarangan Jong Chian Lai. Selanjutnya, Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2022) dalam kajiannya telah memfokuskan penelitian terhadap tahap keunggulan teknik kepengarangan Baha Zain dalam penghasilan puisi-puisinya. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kebanyakan kajian cuba merungkai keunggulan kepengarangan pengarang dan setiap kajian memberi fokus terhadap pengarang tertentu. Secara tidak langsung, sorotan karya mengemukakan kecenderungan

pengkaji dalam menganalisis teknik penghasilan karya yang menjadi jati diri kepengarangan seseorang pengarang, lantas mengangkat keunggulan pengarang.

Secara tuntasnya, dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan kajian lepas memberi tumpuan terhadap keunggulan pengarang berdasarkan teori Teksdealisme. Walau bagaimanapun, kajian akademik yang memberi perhatian terhadap aspek keunggulan teks masih berada dalam kelompok yang terencil. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis keunggulan teks dan diberikan fokus terhadap novel sejarah.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan yang berikut:

1. Apakah elemen keunggulan teks yang dikenal pasti dalam novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme?
2. Bagaimanakah keunggulan teks dalam novel-novel sejarah terpilih dianalisis?
3. Apakah rumusan yang diperolehi berdasarkan penerapan elemen keunggulan teks dalam novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif berikut:

1. Mengenal pasti elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran dalam novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme.

2. Menganalisis elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran terhadap novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme.
3. Merumuskan penerapan elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran terhadap novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian berkaitan keunggulan teks novel sejarah ini terbatas kepada penggunaan novel *Tun Tuah* (2016) dan *Tun Perak* (2017) oleh Affifuddin Omar, dan novel *1515* (2003) dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2010) oleh Faisal Tehrani yang mengangkat aspek sejarah dalam penciptaan karya mereka. Novel-novel berunsur sejarah oleh dua pengarang ini dihasilkan berdasarkan sejarah yang diadaptasi daripada pelbagai aspek dan sumber sejarah. Oleh yang demikian, kajian ini membataskan novel-novel berunsur sejarah yang mengangkat kisah atau peristiwa yang terkandung dalam teks sastera sejarah iaitu *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* sahaja. Teks sastera sejarah *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* telah menerima pengiktirafan daripada UNESCO sebagai salah satu warisan dunia. Secara keseluruhannya, kajian ini hanya akan meneliti dan menganalisis novel *Tun Tuah* (2016), novel *Tun Perak* (2017), novel *1515* (2003), dan novel *Nama Beta Sultan Alauddin* (2016).

Batasan kajian ini turut berlandaskan teori yang digunakan dalam kajian ini, iaitu teori Teksdealisme. Teori Teksdealisme yang diperkenalkan oleh Mana Sikana (1996)

menganjurkan empat prinsip iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Walau bagaimanapun, kajian ini dibataskan hanya terhadap dua prinsip sahaja iaitu prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran.


1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umumnya, hasil penelitian kajian ini secara tidak langsung akan memberikan kesan terhadap beberapa perkara, antaranya ialah penelusuran terhadap kajian ini membawa kepada kelangsungan tradisi penyelidikan. Penelitian terhadap novel berunsur sejarah dalam kajian ini begitu signifikan bagi menampung korpus terhadap kajian novel berunsur sejarah terutamanya di dalam negara. Kajian terhadap novel berunsur sejarah masih kurang dijalankan dan wajar diberi perhatian. Penelitian terhadap novel berunsur sejarah sebelum ini pula lebih tertumpu kepada novel berunsur sejarah yang diterbitkan pada abad ke-20 dan novel berunsur sejarah yang terlalu lama penerbitannya seperti novel sejarah berjudul *Panglima Awang* (1958). Oleh yang demikian, penelitian kajian ini memberi fokus pada novel berunsur sejarah yang diterbitkan pada abad ke-21 iaitu novel berunsur sejarah *Tun Tuah* (2016) dan *Tun Perak* (2017), *1515* (2003), *Nama Beta Sultan Alauddin* (2016),

Perlu ditegaskan bahawa penelitian terhadap novel berunsur sejarah melalui kajian ini begitu penting pada masa ini bagi memerihalkan kelestarian novel berunsur sejarah dalam industri penerbitan dan pembukuan. Pemanfaatan novel berunsur sejarah sebagai data kajian secara tidak langsung dapat memanjangkan jangka hayat novel berunsur sejarah dan teks-teks sastera sejarah yang akan dicari semula oleh pembaca

atau masyarakat untuk dibaca. Selain dapat memperkenalkan teks kajian, secara tidak langsung para pembaca akan melakukan perbandingan antara karya fiksi sejarah dengan teks-teks tradisional dan mempopularkan kembali teks-teks tradisional.

Kajian ini juga tidak terlepas daripada memberi sumbangan dari segi teori yang digunapakai dalam kajian ini. Teori yang dipraktikkan dalam kajian ini ialah Teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana yang secara tidak langsung memanfaatkan teori yang diasaskan oleh sarjana tempatan. Teori ini cuba menggeledah keunggulan kepengarangan melalui teks-teks pengarang. Teori ini dapat diaplikasi dalam menentukan atau menganalisis kualiti sesebuah karya. Secara tidak langsung, penyelidikan ini dapat memberi kefahaman dalam mentafsir keunggulan kepengarangan.



Pemanfaatan teori Teksdealisme yang bermotifkan penyaringan keunggulan karya dapat dijadikan sebagai panduan atau parameter kewibawaan sesebuah karya sastera. Perihal ini dapat dijadikan panduan oleh tiga entity yang diwakili pembaca, penulis dan juga penerbit. Pembaca akan lebih cakna serta selektif dalam memilih bahan bacaan dengan memilih naskhah-naskhah yang unggul. Penulis pula akan leboh berwawasan dalam mempertingkatkan mutu pengkaryaan demi membangunkan masyarakat menerusi karya-karya yang idealis. Seterusnya, penerbit dapat menjadikan kajian ini sebagai mekanisme dalam menyaring manuskrip-manuskrip mentah yang diterima sebelum dipilih untuk penerbitan karya yang berkualiti.

Seterusnya, kepentingan kajian ini dapat dilihat dari sudut sumbangannya terhadap masyarakat. Pengetahuan sejarah begitu penting dalam usaha memacu ketamadunan sesuatu bangsa. Melalui sejarah, masyarakat dapat menilai perkara yang telah berlaku untuk mengharungi masa kini dan masa hadapan agar kesilapan yang pernah dilakukan sebelum ini tidak diulangi lagi. Melalui kajian ini, masyarakat didedahkan dengan peristiwa-peristiwa sejarah yang mungkin sudah dilupai ataupun tidak pernah diketahui selama ini. Tambahan pula, seiring dengan perkembangan dunia percetakan, sejarah dari masa lampau dapat disampaikan dengan lebih sistematik pada masa kini kepada masyarakat. Secara tidak langsung, masyarakat memperoleh pengetahuan terhadap sejarah dan menjadi rujukan dalam menangani konflik-konflik pada masa akan datang.

1.7 DEFINISI OPERASI

Bahagian ini menjelaskan konsep bagi istilah yang berkaitan dengan kajian. Istilah-istilah yang berkenaan ialah novel sejarah, keunggulan teks dan keunggulan pengarang.

Novel Sejarah

Istilah novel sebenarnya berasal daripada bahasa Itali iaitu *novella* yang merujuk kepada “perkhabaran baru” atau “cerita yang pendek” (*Glosari Istilah Kesusasteraan*, 2017). Sebagai sebuah karya prosa, novel merupakan genre yang popular berbanding genre yang lain. Novel juga terdapat pelbagai jenis dan klasifikasi novel ini bergantung kepada muatan cerita. Salah satu jenis novel yang wujud ialah novel sejarah. Siti Hawa

Salleh (2009) mentakrifkan novel sejarah mempunyai jalan cerita yang lebih panjang hasil tokoh tambah daripada penulis berbanding cerita asal. Baldick (2015) pula menjelaskan novel sejarah seperti berikut;

“A novel in which the action takes place during a specific historical period well before the time of writing (often one or two generations before, sometimes several centuries), and in which some attempt is made to depict accurately the customs and mentality of the period. The central character-real or imagined-is usually subject to divided loyalties within a larger historic conflict of which readers know the outcomes.”

(hlm:166)

Walaupun menggunakan peristiwa sejarah, watak-watak sejarah serta latar masa dalam peristiwa lampau, novel sejarah bukanlah medium penyampaian peristiwa yang telah berlalu semata-mata. Hal ini diperakukan Lukacs (1965) dalam mengemukakan konsep novel sejarah itu sendiri;

“What matters therefore in the historical novel is not the re-telling of great historical events, but the poetic awakening of the people who figured in those events, what matters is that we should re-experience the social and human motives which led men to think; feel and act as they did in historical reality.”

(hlm: 42)

Secara jelasnya, novel sejarah bukan sekadar mengisahkan peristiwa sejarah tetapi memberi mesej kepada pembaca dalam mempelajari atau mencontohi perilaku watak-watak hebat sejarah yang ditonjolkan semula dalam novel sejarah. Novel sejarah ialah karya fiksi yang mempunyai unsur-unsur sejarah dengan mengemukakan latar, peristiwa dan watak-watak yang pernah wujud dalam sejarah. Pengarang menghasilkan novel berunsur sejarah dengan mengangkat kembali watak-watak unggul yang pernah dijulung dalam masyarakat seperti Hang Tuah, Tun Fatimah dan

pejuang-pejuang kemerdekaan tanah air. Selain itu peristiwa-peristiwa sejarah dikisahkan kembali kepada generasi pada masa kini sebagai pengetahuan, ingatan dan juga pengajaran.

Sehubungan itu, novel sejarah yang digunakan dalam kajian ini merujuk novel yang menggunakan fakta sejarah yang berlaku dan diolah dalam bentuk fiksi. Kajian ini menggunakan novel sejarah yang memaparkan watak dan peristiwa sejarah diambil daripada karya historiografi sebagai data kajian iaitu *Tun Tuah* (2016) yang mengangkat watak Hang Tuah dan *Tun Perak* (2017) yang mengangkat watak Tun Perak, hasil karya Affifudin Omar serta novel *1515* (2003) yang menjungkir kembali peristiwa kejatuhan Melaka ke atas Portugis dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2007) yang mengangkat watak Sultan Alauddin Riayat Syah karya Faisal Tehrani.

Keunggulan Teks

Keunggulan merupakan suatu tahap yang tertinggi dalam proses penciptaan karya. Pada tahap ini karya dianggap begitu berkualiti dan mencerminkan keunggulan kepengarangan. Mana Sikana (2013) menyatakan untuk sampai ke tahap teks yang unggul, pengarang seharusnya mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Karya akan dianggap unggul apabila pengarang berani untuk meneroka sesuatu yang baharu dan menghindari konvensi. Keunggulan teks dalam kajian ini merujuk kepada keunggulan teks novel sejarah yang dihasilkan oleh pengarang yang dikaji berdasarkan teks terdahulu dengan mengambil kira aspek penciptaan karya tersebut. Menerusi kajian ini, penyelidik cuba merungkai keunggulan teks novel-novel sejarah terpilih.

Keunggulan Pengarang

Seseorang pengarang akan berusaha menghasilkan karya yang terbaik, malah memperbaiki gaya kepengarangannya dari semasa ke semasa. Seseorang pengarang yang unggul akan sentiasa optimis dalam menghasilkan karya kreatif yang mampu memberi impak kepada masyarakat, malah menampilkan identiti yang tersendiri dalam kepengarangannya berbanding pengarang yang lain (Mohd Rosmizi, Ghazali Din dan Phaosan Jehwae, 2020). Keunggulan pengarang merujuk tindakan yang dilakukan oleh pengarang termasuklah proses kreatif yang mampu memberikan kesan kepada penghasilan karya sehingga menghasilkan karya yang terbaik, malah mampu menyerlahkan identiti kepengarangan seseorang pengarang. Keunggulan pengarang dalam kajian ini merujuk kepada keunggulan pengarang Affifudin Omar dan Faisal Tehrani yang menghasilkan novel-novel kajian iaitu *Tun Tuah* (2016), *Tun Perak* (2017), *1515* (2003) dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2007).

1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini menjelaskan secara keseluruhan tentang kajian yang dilaksanakan dan dihuraikan dalam beberapa topik kecil iaitu pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Selain itu turut dibincangkan ialah batasan kajian, kepentingan kajian, dan definisi operasional secara ringkasnya dalam memberikan kefahaman secara dasarnya tentang kajian ini.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menyorot sejarah perkembangan novel sejarah dan seterusnya membincangkan kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Penyelidik mengupas kajian-kajian terdahulu yang memberikan perhatian terhadap penelitian novel sejarah, pemfokusan terhadap kepengarangan, kajian-kajian yang mengaplikasikan teori Teksdealisme serta penyelidikan terhadap karya-karya tulisan Affifudin Omar dan Faisal Tehrani. Kajian-kajian tersebut menjadi panduan untuk menjalankan kajian ini. Kajian-kajian terdahulu sangat penting dalam usaha penambahbaikan kajian yang terbaharu.

2.2 SUSUR GALUR NOVEL SEJARAH DI MALAYSIA

Penerokaan novel berunsur sejarah berbahasa Melayu di Malaysia dikenal pasti sejak 1930-an lagi yang ditandai dengan kemunculan novel *Panglima Ratu* (1936) oleh Raja Mansur. Seterusnya penerbitan novel *Ancuman Mahkota* secara bersiri dalam majalah *Al-Hikmah* pada tahun 1937 sehingga 1938 oleh Abdul Kadir Adabi Ahmad. Pada tahun 1940-an, lahir pula novel *Keris Melaka* (1940), *Korban Keris Melaka* (1940) dan *Panah Beracun* (1940) karya Ahmad Bakhtiar. Menjelang tahun 50-an, novel sejarah masih dihasilkan tetapi tidak menunjukkan peningkatan dari segi kuantiti. Walau bagaimanapun, sebuah karya yang besar lahir pada dekad ini iaitu novel *Panglima Awang* (1958) karya Harun Aminurrashid (Mohamad Salleh Rahamad, 2005).

Harun Aminurrashid dianggap sebagai pelopor dalam penulisan novel sejarah di Malaysia. Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya (2014) beranggapan Harun Aminurrashid begitu dominan dengan novel-novel sejarah. Novel berunsur sejarahnya yang berjudul *Panglima Awang* dianggap begitu penting dalam perkembangan novel berunsur sejarah di Malaysia. Menurut S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir (2003), novel ini menyerlahkan kehebatan bangsa Melayu sebagai pelaut serta orang pertama yang mengelilingi dunia.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Shaiful Bahari Md. Radzi, Khazin Mohd. Tamrin dan Yahya Abu Bakar (2009) menyatakan novel *Panglima Awang* begitu mendapat sambutan sehingga novel-novel berunsur sejarah oleh Harun Aminurrashid yang lain seperti *Wan Cantik* (1949), *Anak Panglima Awang* (1961), *Tun Mandak* (1963) dan *Wang Derus* (1965) tidak mampu menandingi kemasyhuran novel *Panglima Awang*. Bukan itu sahaja, malah novel ini seolah-olah mencetuskan fenomena apabila turut mendapat sambutan yang hebat di Nusantara. Sambutan yang menggalakkan ini menyebabkan novel *Panglima Awang* terus dicetak berulang kali. Terdapat faktor yang dominan apabila melihat keluarbiasaan permintaan terhadap novel *Panglima Awang* ini berbanding novel-novel sejarah yang lain. Novel ini sebenarnya menyerlahkan jati diri dan mengangkat ketamadunan bangsa Melayu melalui watak Panglima Awang itu sendiri. Khalid Hussain (1972) melalui tulisannya memaklumkan novel ini menerima sambutan yang menggalakkan selepas terdapatnya laporan dalam akhbar Inggeris dan Indonesia yang menyatakan orang pertama yang mengelilingi dunia ialah orang Melayu.

Dekad 70-an dan 80-an menunjukkan kemerosotan penerbitan novel sejarah dan situasi ini disebabkan dengan kepelbagaian bahan bacaan yang berada di pasaran, malah situasi ini menjadikan pilihan pembaca semakin meluas. Walau bagaimanapun, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan 'Peraduan Menulis Novel Sejarah Kanak-kanak' pada tahun 1981 dan secara tidak langsung membantu perkembangan penerbitan novel sejarah remaja dan kanak-kanak. Melalui peraduan tersebut, lahirlah novel-novel berunsur sejarah seperti *Pahlawan Pasir Salak*, *Anak Bentayan*, *Merdeka! Merdeka!* dan *Pelita yang Menyala* (Mohamad Salleh Rahamat, 2005)

Fasa seterusnya pada fragmen dekat 90-an memperlihatkan kelahiran novel-novel serius yang hebat dalam dekat ini seperti *Imam* (1995) oleh Abdullah Hussain, *Sukma Angin* (1999) oleh Arenawati dan *Shit* (1999) oleh Shahnnon Ahmad. Hashim Ismail (2007) menyatakan dekat 90-an menunjukkan kerancakan penerbitan novel yang didorong oleh penglibatan penulis daripada pelbagai latar belakang, lantas memberi kepelbagaian juga dalam hasil penulisan. Novel sejarah masih berada dalam kelompok yang minoriti berbanding genre novel yang lain. Walau bagaimanapun, perhatian sewajarnya diberikan kepada novel berunsur sejarah yang dikarang oleh Zaharah Nawawi iaitu *Anugerah* (1995). Novel *Anugerah* merupakan novel yang tebal dengan 1351 halaman dan mengangkat kisah pejuang kemerdekaan tanah air dari perspektif pejuang wanita apabila novel ini mengangkat watak Ibu Zain sebagai watak utama di dalamnya (*Berita Harian*, 14 Ogos, 2017).

Memasuki alaf baharu 2000, Faisal Tehrani dilihat begitu cemerlang dalam menghasilkan novel-novel berunsur sejarah. Novel *1515* merupakan novel yang begitu signifikan untuk dibicarakan apabila diangkat sebagai pemenang tempat pertama Hadiah Sastera Kumpulan Utusan kategori novel remaja untuk tahun 2002. Menurut panel juri tentang novel *1515*, “kekalahan Melaka seperti diungkapkan sejarah dirombak melalui iedologi kemelayuannya dengan mencipta naratif baharu. Nyemah Mulya dibangkitkan semula untuk menawan Portugis pada tahun 1515 dan kuasa Melayu kekal di situ sehingga 1580” (Utusan Malaysia, 6 Januari 2019). Selain itu, Faisal Tehrani turut menulis novel berunsur sejarah yang lain seperti *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Nama Beta Sultan Alauddin* (2007), *Saasatul Ibaad* (2008) dan *Sebongkah Batu di Kuala Berang* (2011).

Penulis yang bernama Abdul Latip Talib pula begitu dikenali apabila menghasilkan sejumlah naskhah novel berunsurkan sejarah Islam. Abdul Latip Talip terus tekal menulis novel sejarah Islam sejak tahun 2007 sehingga sekarang. Contoh novel berunsur sejarah Islam tulisan beliau ialah *Tariq bin Ziyad* (2009), *Sultan Muhammad al-Fateh* (2008), *Imam Maliki* (2010), *Imam Hanafi* (2010), *Imam Syafie* (2010), *Imam Hanbali* (2010), *Hassan al-Banna* (2014) dan banyak lagi. Talib Samat (2013) menyifatkan Abdul Latip Talib sebagai penulis novel sejarah Islam yang unggul kerana telah memberi kesan terhadap perkembangan novel sejarah Islam yang selama ini tidak diberikan perhatian oleh penerbit.

Seterusnya, Affifudin Omar yang merupakan bekas ahli politik dilihat begitu cenderung dalam menghasilkan novel berunsur sejarah. Bermula dengan penghasilan novel-novel sejarah yang mengisahkan peristiwa yang berkaitan dengan diri dan keluarganya sehinggalah mengangkat tokoh-tokoh agung dalam teks sastera sejarah Melayu iaitu Hang Tuah dan Tun Perak menerusi novel sejarahnya yang berjudul *Tun Tuah* (2016) dan *Tun Perak* (2017).

2.3 KAJIAN LAMPAU

Kajian terdahulu berkaitan analisis novel sejarah turut mendapat perhatian oleh para sarjana sama ada kajian dalam negara mahupun luar negara. Pelbagai aspek kajian ke atas novel sejarah telah dibincangkan. Bagi merungkai permasalahan kajian, pengkaji tidak sekadar meneliti kajian lampau berkaitan novel sejarah semata-mata, sebaliknya, pengkaji turut menyorot kajian yang berkaitan dengan objektif kajian. Hasil daripada usaha pengumpulan bahan yang dijalankan, pengkaji telah merangkumkan sejumlah kajian lampau mengikut kategori tertentu iaitu kajian Novel Sejarah, kajian Kepengarangan, kajian Teksdealisme, serta kajian Persuratan Faisal Tehrani dan Affifudin Omar.

2.3.1 Kajian Novel Sejarah

Perbincangan tentang novel sejarah dalam kalangan sarjana bukanlah sesuatu yang baharu malah telah diperkatakan daripada pelbagai aspek. Keistimewaan novel sejarah yang terletak kepada kebenaran fakta sejarah dan fiksyen memberi ruang kepada para

sarjana untuk mengadili serta membincangkan novel sejarah daripada kepelbagaian disiplin.

Antara sarjana yang terlibat dalam analisis novel sejarah ialah Ladislav Nagy (2014) yang telah menjadikan novel sejarah tulisan Walter Scott yang berjudul *Waverley* sebagai data kajian. Kajian ini cuba membuktikan fiksyen sejarah terhasil daripada menggabungkan dua unsur utama iaitu sejarah dan juga percintaan dalam penulisan. Kajian ini menjadikan pendekatan yang diperkenalkan oleh Georg Lukacs iaitu pengkategorian novel sejarah sebagai panduan. Menurut Lukacs (1981), novel sejarah membawa kita menikmati hakikat yang terjadi pada masa lalu. Hasil penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati novel *Waverly* merupakan sebuah karya fiksyen sejarah yang diadun antara unsur sejarah dan juga unsur percintaan. Menggabungkan kedua-dua unsur ini menjadikan novel sejarah karya Walter Scott ini lebih bersifat moden dalam memperbetulkan sejarah atau mentafsirkan sejarah dengan pandangan baharu daripada perspektif penulis.

Seterusnya, Siti Aisyah Mohamed Salim (2014) cuba mengemukakan sejarah alternatif sebagai medium dalam menaikkan semangat dan mengembalikan maruah Melayu yang ditonjolkan dalam penulisan novel. Selain itu, pengkaji meneliti kedudukan cerita dalam novel kajian sama ada hadir sebagai wacana ataupun sekadar cerita sahaja. Kajian ini menjadikan novel daripada penulis Singapura iaitu Isa Kamari yang berjudul *Duka Tuan Bertakhta* sebagai data kajian. Novel ini cuba mengetengahkan sejarah Singapura dari perspektif penduduk peribumi Singapura itu

sendiri iaitu orang Melayu dan menyangkal pandangan sejarawan Barat yang memihak kepada Barat sebagai penemu, pembangun dan pemakmur Singapura. Teori Persuratan Baru oleh Affandi Hassan menjadi pilihan pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Hasil analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati penulis memanfaatkan beberapa elemen naratif seperti bahasa, plot dan elemen kejutan dalam membangunkan dan menyampaikan cerita. Pengkaji menyimpulkan naskhah ini tidak menonjol dengan ketara sebagai sebuah wacana yang mendukung teori Persuratan Baru memandangkan penulis menyampaikan kisah di dalam novel ini secara penceritaan biasa dan tidak menghujahkan sejarah alternatif Singapura.

Kajian oleh Mohd Nazri Zainuddin (2015) cuba mengesan ciri-ciri kepimpinan berkualiti yang terdapat dalam novel *Tengku Menteri* dan *Urih Pesisir* serta mengenal pasti unsur-unsur kepimpinan yang boleh diaplikasikan oleh kepimpinan dalam masyarakat di peringkat sekolah. Kajian ini menerapkan teori Teksdealisme oleh Mana Sikana tetapi hanya memberi penekanan kepada prinsip individualisme. Hasil dapatan kajian mendapati watak-watak utama dalam novel kajian mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang berkualiti seperti mementingkan agama dan pendidikan, menghargai orang bawahan, menerima pendapat orang lain, menyediakan kemudahan kepada masyarakat, mahir dan bijak dalam menyelesaikan masalah serta cekap dan pantas mengambil ruang dan peluang.

Kajian oleh Wildan, Mohd Harun dan Yenni Safrida (2015) yang berjudul “Fakta Sejarah dalam Novel *Perempuan Keumala* karya Endang Moerdopo” cuba meneliti

fakta sejarah tentang tokoh yang bernama Keumalahayati, peristiwa-peristiwa sejarah dan penggunaan nama tempat bersejarah yang terdapat dalam novel. Pendekatan *New Historicism* turut diketengahkan dalam kajian ini dan fakta sejarah yang ditemui dicatatkan oleh pengkaji sebelum dianalisis. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati novel *Perempuan Keumala* telah memanfaatkan fakta sejarah dalam memerihalkan watak Keumalahayati, peristiwa sejarah dan lokasi bersejarah di Indonesia.

Sebuah lagi kajian yang menjalankan kajian tentang pensejarahan baharu ialah kajian oleh Mimas Ardianti (2016) dengan tajuk kajiannya “Kajian *New Historicism* Novel Hatta: Aku Datang Karena Sejarah” karya Sergius Sutanto. Objektif kajian ini ialah meneliti aspek sosial, politik dan budaya yang berhubungan dengan peristiwa-peristiwa sejarah di Indonesia. Pendekatan *New Historicism* juga digunakan dalam menganalisis novel *Hatta: Aku Datang karena Sejarah* karya Sergius Sutanto. Hasil penelitian yang diperolehi menemukan penceritaan dalam novel ini bersandarkan pada zaman pendudukan Belanda dan Jepun di Indonesia. Selain itu, kajian ini mendapati novel ini tidak terlepas daripada mengetengahkan persoalan berkaitan sosial, politik dan ekonomi.

Mohc. Nurfahrul Lukmanul Hakim (2016) pula memilih tiga genre yang berbeza iaitu kumpulan puisi, kumpulan cerpen dan novel sebagai data kajian. Kajiannya yang berjudul “Telaah Penulisan Karya Sastra Sejarah sebagai Refleksi Sumber Pembelajaran Sejarah” meneliti kumpulan puisi *Post-Kolonial dan Wisata Sejarah*

dalam Sajak karya Zeffery Alkatiri, kumpulan cerpen *Semua untuk Hinada* karya Iksaka Banu dan novel *Pulang* karya S. Chudori. Kajian ini cuba meneliti karya-karya berunsur sejarah untuk mengenal pasti manfaat yang terkandung dalam karya-karya sebegini. Pengkaji mendapati bahawa pemaknaan sumber sejarah dalam karya sastera dapat menarik minat pembaca untuk mendekati sejarah. Hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa bacaan berunsur sejarah menjadi menarik dan secara tidak langsung memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan mempelajari sejarah dalam kehidupan.

Kajian oleh Arriyanti (2016) cuba melihat perkaitan sejarah sebagai perkara yang telah berlaku dengan keadaan pada hari ini. Penelitian ini bersandarkan pada pengamatan pengkaji terhadap cerita dan peristiwa yang diungkapkan dalam novel *Rahasia Mahadee* karya E.S. Ito. Pengkaji menyifatkan penulis memanfaatkan sumber sejarah sebagai pesanan kepada generasi semasa agar menjadikan sejarah sebagai iktibar. Oleh yang demikian, pengkaji beranggapan sejarah yang dijadikan sumber pengkaryaan dalam novel ini mempunyai beberapa fungsi yang terdiri daripada: medium penyampai pesan peradaban, medium pencetus idea, medium mengingatkan generasi muda, medium pengajaran masyarakat, medium terapi minda, cerminan peradaban bangsa dan sebagai tonggak kebangkitan bangsa dalam membentuk kehidupan yang lebih baik.

Sementara itu, Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016) cuba untuk mengenal pasti jenis retorik dan meneliti elemen-elemen retorik yang diaplikasikan

oleh pengarang dalam novel *Orang Kota Bharu*. Pengkaji menjadikan teori Retorik oleh Enos dan Brown (1993) sebagai landasan kajian ini. Hasil kajian mendapati, pengarang memanfaatkan retorik naratif dalam karyanya tanpa sedar dengan penggunaan bahasa figuratif seperti metafora, anafora, repeten, epifora, simile, personifikasi, hiperbola dan hibrida.

Kamariah Kamarudin, Nor Shahila Mansor dan Muhd Zulkifli Ismail (2017) dalam penelitian mereka, cuba mengungkap kesan ketamadunan Islam dalam novel Melayu mutakhir yang terpilih iaitu novel *Lentera Cinta Albaicin* dan *Nuansa Kota Merah*. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks dan pendekatan tematik dalam menganalisis kedua-dua buah novel tersebut. Berdasarkan pengamatan yang dilaksanakan, pengkaji merumuskan dapatan kajian kepada tiga aspek yang dominan yang dipaparkan dalam novel sejarah ketamadunan Islam ini iaitu unsur agama, budaya dan sosial.

Selanjutnya, Hamish Dalley (2018) menerusi makalahnya, berpendapat bahawa novel-novel sejarah yang dihasilkan di tempat-tempat seperti Australia dan New Zealand merupakan gambaran realisme sastera yang dipengaruhi oleh ketegangan ideologi kolonialisme para peneroka. Mendekati novel kajian dari perspektif kolonialisme, novel-novel ini menawarkan perbezaan kritikal antara realisme dan naturalisme dalam kesusasteraan pascakolonial. Penelitian ini turut melibatkan pensejarahan progresif Lukács yang memihak kepada model sejarah sastera. Analisis terperinci digambarkan melalui analisis lanjutan daripada dua orang novelis muda paling penting yang

mengemukakan isu sejarah penjajah peneroka iaitu Eleanor Catton dari New Zealand dan Rohan Wilson dari Australia.

Kajian oleh Ghazali Taib dan Abdul Halim Ali (2018) cuba merungkai unsur-unsur sejarah baharu yang terkandung dalam novel *1515*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bersandarkan kepada analisis kandungan serta dihuraikan secara deskriptif berpandukan teori Pensejarahan Baharu oleh Stephen J. Greenblatt. Hasil penelitian yang dijalankan, pengkaji menemukan enam unsur sejarah baharu yang dapat dikenal pasti dalam novel *1515* karya Faisal Tehrani. Enam unsur sejarah baharu yang dimaksudkan ialah watak Nyemah Mulya dalam zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah, kisah kepewiraan Nyemah Mulya yang menentang Portugis, Alfonso Albuquerque yang mati dibunuh Nyemah Mulya, tokoh wanita memimpin armada perang Melaka menentang Lisbon, Portugal ditawan Melaka dan orang Melayu membina empayar pemerintahan di Portugal pada tahun 1515 sehingga 1580.

Merritt Moseley (2019) dalam penelitiannya cuba untuk membuktikan kandungan novel tulisan George Saunders yang berjudul *Lincoln in The Bardo* (2017) sebagai sebuah novel sejarah. Pengkaji mendapati karya tersebut mempunyai banyak ciri novel sejarah seperti garis masa yang dikisahkan dan penggabungan watak sejarah. Malah hasil penelitian mendapati novel ini memberi fokus pada peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku. Novel ini dianggap mencabar sempadan genre kerana sejarahnya diadunkan dengan fiksyen sehingga pengkaji merasakan novel ini selayaknya dianggap sebagai novel neo-sejarah.

Chenhan Zhang, Qingpeng Zhang, Shui Yu, James J. Q. Yu dan Xiaozhuang Song (2020) pula menganggap kemanusiaan merupakan subjek penting kerana kemanusiaan memungkinkan perkembangan dalam sejarah, kesusasteraan dan filem. Dalam kajian mereka, pengkaji melakukan kajian empirikal terhadap teks sejarah Cina, iaitu *Records of the Three Kingdoms* dan novel sejarah cerita yang sama, *Romance of the Three Kingdoms*. Pengkaji menggunakan teknik pemrosesan bahasa semula jadi (NLP) berasaskan pembelajaran mendalam untuk mengekstrak aksara dan hubungannya. Pendekatan NLP yang diterima pakai boleh mengekstrak 93% dan 91% aksara yang muncul dalam dua buku, masing-masing. Kemudian, pengkaji mencirikan rangkaian sosial dan sentimen watak utama dalam teks sejarah dan novel sejarah. Mereka mendapati bahawa rangkaian sosial dalam novel berbentuk fiksiyen adalah lebih kompleks dan dinamik daripada teks sejarah asal, dan pengaruh watak utama berbeza. Penemuan ini memberi penerangan tentang gaya penceritaan yang berbeza dalam dua teks yang berbeza dan bagaimana novel sejarah merumitkan rangkaian sosial watak untuk memperkayakan penceritaan.

Ufuk perbincangan novel sejarah dalam makalah akademik diteruskan oleh Amir Zakiy Hamzah dan Che Abdullah Che Ya (2020) yang menguliti novel *Luka Nering* karya Malim Gozali PK. Kajian ini berpusatkan kepada tujuan pengkaji yang ingin mengemukakan semula pemaknaan baru terhadap sejarah, politik dan ekonomi yang diungkapkan menerusi novel *Luka Nering* yang secara jelas mengisahkan sejarah negeri Perak yang turut merangkumi peristiwa Perjanjian Pangkor 1874. Penyelidikan ini berorientasikan penyelidikan kualitatif dengan menerapkan teori Pensejarahan

Baharu oleh Stephen J. Greenblatt. Kajian ini dibataskan kepada peristiwa sejarah yang terdapat dalam novel kajian dan difokuskan daripada sudut pandangan tempatan dan bukan dari sudut pandangan Barat. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pengarang telah memberi pemaknaan baharu terhadap sejarah negeri Perak. Pengarang secara jelasnya menafikan kehadiran British ke Perak atas dasar untuk memodenkan pentadbiran dan pembangunan di negeri Perak, sebaliknya melebarkan wilayah jajahan mereka. Secara tidak langsung, pengarang mengemukakan pendiriannya dalam penulisan dengan memberikan kemenangan kepada anak bangsa.

Penelitian kajian lampau turut memperlihatkan kecenderungan pengkaji dalam memperhalusi kajian hubungan antara teks dengan teks. Kajian oleh Muhamad Faiz Sazali, Mawar Safei dan Che Abdullah Che Ya (2021) yang meneliti novel *Kalbu Qalha* karya Amelia Hashim, di samping merujuk beberapa hipoteks seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, manuskrip *Undang-undang Kedah* dan manuskrip *Surat-Menyurat*. Kajian ini menyasarkan objektif untuk meneliti usaha kepengarangan Amelia Hashim dalam mengembangkan fakta-fakta sejarah dari teks tradisi ke dalam bentuk karya fiksiyen melalui novelnya yang berjudul *Kalbu Qalha*. Pengkaji telah menjalankan kajian ini dengan menganalisis kandungan berpandukan teori Intertekstualiti. Hasil dapatan kajian menunjukkan Amelia Hshim melakukan proses tranformasi terhadap teks hipoteks ke dalam novelnya. Ternyata, dapatan kajian ini menyerlahkan usaha Amelia Hashim dalam memperbaiki sejarah sedia ada sebagai strategi kepengarangannya dalam menyampaikan semangat mempertahankan maruah bangsa kepada pembaca.

Kajian seterusnya oleh Nur Shahirah Amir dan Mawar Safei (2023) yang memanfaatkan novel sejarah *Wanita Rawa Terakhir* karya Nor Faridah Abdul Manaf. Kajian ini cuba mengemukakan pembuktian peranan novel ini sebagai novel sejarah terhadap fakta-fakta sejarah yang dihadirkan ke dalam novel ini. Oleh yang demikian, pengkaji mendasari konsep novel sejarah yang dikemukakan Mohamad Saleeh Rahamad dalam buku *Pencerekaan Novel Sejarah* (2005) sebagai panduan dalam menganalisis novel kajian. Selain itu, pengkaji turut menjalankan kajian ini dengan berpandukan kaedah kepustakaan. Hasil penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati pengarang mengemukakan watak-watak sejarah dalam novelnya walaupun watak-watak tersebut tidaklah memainkan peranan yang besar. Pengarang juga tidak terlepas daripada mewujudkan watak-watak rekaan untuk membantu menghidupkan suasana zaman dan secara tidak langsung membantu memberikan pentafsiran terhadap beberapa peristiwa sejarah yang dikemukakan dalam novel ini.

Jelasnya, kajian-kajian yang dilakukan dengan menjadikan novel sejarah sebagai data kajian dapat dibahagikan beberapa kelompok yang dominan berdasarkan perbincangan secara menyeluruh. Antaranya kajian secara umum, strategi naratif, wacana pendidikan dan juga perspektif pensejarahan baru. Kajian-kajian bersifat umum berjaya mendedahkan dapatan kajian masing-masing atas premis persepsi masing-masing. Walau bagaimanapun, interpretasi terhadap novel sejarah atas dasar persepsi semata-mata akan menyebabkan persepsi tersebut disalahtafsirkan memandangkan setiap individu mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Terdapat juga kajian-kajian terhadap novel sejarah yang menyingkap keupayaan pengarang

dalam membangunkan naratif sesebuah novel sejarah. Hakikatnya, kajian-kajian lepas dalam kelompok ini telah menyorot pelbagai strategi yang digunakan dalam penghasilan novel sejarah. Pengkaji menekuni novel sejarah yang dipilih sebagai data kajian, lalu menyorot elemen yang mendasari pembinaan naratif novel sejarah tersebut. Kajian dalam dunia pendidikan turut tidak meminggirkan novel sejarah sebagai data kajian. Secara jelasnya, novel sejarah dianggap sebagai bahan yang sesuai untuk diteladani berdasarkan sejarah yang diungkapkan. Menerusi kelompok ini, novel sejarah bukan sekadar menjadi panduan dalam aspek pendidikan sendiri untuk mengharungi hari mendatang, tetapi sebagai bahan mengajar di institusi pendidikan sebagai pemudah cara dalam menyampaikan perihal sejarah sebenar. Kelompok seterusnya ialah merunut kajian yang meneliti novel sejarah dari sudut pandang Pensejarahan Baharu atau *New Historicism*. Pensejarahan Baharu merupakan aliran yang mengemukakan pandangan terhadap pembaikan serta pembinaan semula sejarah dengan pemaknaan yang baharu.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini masih berorientasikan novel sejarah sebagai data kajian iaitu melibatkan novel *Tun Tuah* (2016), *Tun Perak* (2017), *1515* (2003) dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2016). Walau bagaimanapun, kajian ini akan meneliti keunggulan teks yang diserlahkan melalui novel sejarah.

2.3.2 Kajian Kepengarangan

Pengarang dan kepengarangan sememangnya tidak boleh dipisahkan. Pengarang merupakan entiti yang penuh aksi serta tindakan serta cukup cakna akan masa silam

dan masa hadapan (Mana Sikana, 2013). Kepengarangan pula merujuk kepada hasil-hasil tulisan pengarang dan perihal-perihal lain yang bersangkutan dengan pengarang. Kepengarangan juga merupakan tamsilan jati diri seseorang pengarang dalam pengkaryaan.

Abdullah Zawawi Mohd Hairani (2013) meninjau kepengarangan Azizi Haji Abdullah, seorang penulis prolific tanah air. Kajian ini menjadikan 10 buah novel Azizi Haji Abdullah sebagai data kajian bagi memperlihatkan kepengarangan Azizi Haji Abdullah. 10 buah novel yang dimaksudkan ialah *Senja Belum Berakhir* (1971), *Ayah Bonda* (1978), *Seorang Tua di kaki Gunung* (1981), *Tuk Cai* (1991), *Hoi!* (1994), *Ayahanda* (1997), *Sangeetha* (2006), *Harga Sebuah Maruah* (2007), *Memoir Seorang Guru* (2007) dan *Zikir Rindu* (2009). Sebagai usaha merungkai kecenderungan dalam kepengarangan Azizi Haji Abdullah, teori Personaliti Mekanisme Bela Diri digunakan dalam kajian ini. Setelah analisis dilakukan, pengkaji mendapati, Azizi Haji Abdullah begitu bertanggungjawab dalam memperjuangkan nasib bangsanya melalui penulisannya. Azizi Haji Abdullah cuba merungkai kepincangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat setempat sama ada dari aspek sosial, ekonomi mahupun politik. Penelitian juga mendapati watak utama selalunya merupakan seorang tua yang akan memperjuangkan nasib bangsanya dalam memperbetulkan kepincangan yang terjadi.

Seterusnya, Ghazali Din (2016) mengkaji kepengarangan Muhammad Haji Salleh dari perspektif elemen naluri. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan dan

pengaruh elemen naluri dalam kepengarangan Muhammad Haji Salleh. Kajian secara kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan. Pengkaji menganalisis sebanyak 10 buah kumpulan puisi Muhammad Haji Salleh yang mengandungi 742 buah sajak dengan menggunakan Model Proses Kreatif Teks naluri. Analisis yang dilakukan ke atas 742 buah sajak daripada 10 kumpulan puisi ini telah menemukan kehadiran elemen naluri yang secara dominan mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam proses kreatifnya. Elemen naluri yang paling dominan ialah Naluri Kealaman dan Naluri Keindividualan. Naluri Kealaman hadir dalam 286 buah sajak, Naluri Keindividualan dalam 191 buah sajak, manakala Naluri Keindahan dalam 175 buah sajak. Naluri Keintelektualan pula ditemukan dalam 171 buah sajak yang dianalisis, Naluri Kemasyarakatan dalam 156 buah sajak, Naluri Kemanusiaan dalam 121 buah sajak dan Naluri Kerohanian dalam 28 buah sajak. Hasil kajian ini juga menemukan pengaruh elemen Naluri Kealaman dan Keindividualan sangat kuat mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam penciptaan sajaknya. Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa elemen naluri mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam penghasilan sesuatu teks di samping elemen lain iaitu idea dan pemikiran.

Zubir Idris (2017) melalui penelitiannya berpendapat kepengarangan dalam syair-syair perang memperlihatkan satu usaha pengarangnya dengan cara yang kreatif mengembalikan wibawa masyarakat yang diwakilinya, sebagai tindak balas terhadap konflik yang tercetus akibat kedatangan pihak penjajah. Kajian yang dijalankan cuba mengungkap tentang kepengarangan dalam beberapa syair perang pilihan seperti Syair


Perang Mengkasar, Syair Peperangan Aceh dan Syair Perang Menteng. Kajian ini memanfaatkan model oleh William Graham Sumner yang mentakrifkan etnosentrisme sebagai kecenderungan menilai kebudayaan sendiri lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain sebagai kerangka penulisan. Analisis intrinsik berdasarkan aspek kekuatan kebahasaan turut diteliti untuk meneliti bagaimana ia diajukan oleh pengarang bagi mengangkat etnosentrisme etnik Melayu Nusantara. Dapatan kajian menunjukkan beberapa elemen seperti persoalan maruah, perasaan cinta akan tanah air, institusi yang akrab lagi istimewa antara raja dan rakyat, semangat patriotisme yang tinggi dan pegangan teguh kepada ajaran agama diperkatakan dalam Syair Perang Mengkasar, Syair Peperangan Aceh dan Syair Perang Menteng. Pengkaji juga merumuskan pengarang syair perang cenderung mengangkat etnosentris peribumi Melayu Nusantara (Makasar, Aceh dan Palembang) pada kedudukan yang tinggi dengan menggunakan kekuatan bahasa.

Kajian kepengarangan diteruskan Roslina Abu Bakar (2017) yang meneliti kepengarangan manuskrip Melayu tradisional menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* dari sisi disiplin komunikasi. Bagi menggambarkan proses komunikasi tradisi, penulis menggunakan kaedah analisis kandungan serta teknik kualitatif menerusi model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang. Analisis kajian ini menunjukkan manuskrip tradisional Melayu mampu menghadirkan mesej kepada pembaca di samping menghiburkan. Selain itu, dapatan kajian menjelaskan kepengarangan manuskrip Melayu tradisional lebih menonjol kepada elemen hubungan pengarang dengan Tuhan, individu, masyarakat dan juga alam.

Titi Farhanah (2017) pula dalam tesisnya telah mengkaji kepengarangan bagi sebuah manuskrip terjemahan. Kajian ini memberi tumpuan kepada teknik kepengarangan kitab *Fath Al-Rahman* yang dikarang oleh Syeik Zakaria Al-Ansari. Walau bagaimanapun, skop kajian hanya meliputi kitab terjemahan yang diolah semula oleh Qadi Harun. Pengkaji menggabungkan dua teori untuk digunakan dalam kajian ini iaitu teori kepengarangan Foucault (1998) dan teori Teeuw (2003). Pengkaji mendapati hasil terjemahan masih membawa wacana asal berdasarkan kitab *Fath Al-Rahman*. Selain itu, makna yang cuba disampaikan tidak menyimpang ataupun salah berdasarkan manuskrip yang asal.

Sementara itu, Fauzi Hasan (2019) dalam kajiannya telah menganalisis dan menilai keunggulan kepengarangan Faisal Tehrani berdasarkan novel-novel terpilihnya. Keunggulan yang diraih akan meletakkan Faisal Tehrani pada kedudukan tersendiri dan membezakannya dengan pengarang yang lain. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menganalisis tujuh buah novel, iaitu *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1515* (2001), *1511H[Kombat]* (2003), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2008), *Bahlut* (2010) dan *Bagaimana Anyiss Naik Ke Langit* (2016). Kaedah kajian yang dijalankan adalah bersifat kualitatif yang menganalisis teks dan kerja lapangan. Teori yang digunakan ialah Teori Teksdealisme (2006) yang digagaskan oleh Mana Sikana. Teori ini menetapkan empat prinsip bagi menganalisis keunggulan, iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Semua prinsip Teori Teksdealisme diaplikasikan bagi menilai tahap keunggulan Faisal Tehrani. Pencapaian keunggulan terbahagi kepada tiga tahap, iaitu rendah (lemah),

separa (sederhana) dan tinggi. Dalam prinsip kehadiran menunjukkan bahawa novel-novel kajian bersumberkan kehadiran daripada pengalaman, pengembaraan, pengkajian, pembacaan dan isu-isu semasa. Bagi prinsip perlanggaran menunjukkan perlanggaran dari aspek tema, watak, latar, aliran dan teknik penceritaan. Prinsip pengukuhan pula menunjukkan pengukuhan dari aspek pemikiran, subjek, watak, isu mini naratif, aliran, teknik penceritaan, latar, penggunaan fakta dan sumber sokongan. Prinsip individualisme yang membina identiti kepengarangan adalah aspek subjektiviti, stail individu, kedirian individu dan tindakan individu. Kajian mendapati, terdapat satu lagi aspek yang membina individualisme pengarang, iaitu sensitiviti dan kreativiti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, Faisal Tehrani mencapai tahap keunggulan yang tinggi berdasarkan novel-novel kajian. Namun begitu, tahap keunggulan tersebut akan mengalami perubahan kerana akan ditentukan oleh karya-karya seterusnya.



Selanjutnya, Sara Beden (2019) menyelongkar kepengarangan Jong Chian Lai, seorang pengarang kelahiran negeri Sarawak yang tidak asing lagi. Beliau menganalisis prinsip kehadiran dalam tiga buah novel karya Jong Chian Lai berdasarkan teori Teksdealisme. Teori Teksdealisme mengandungi empat prinsip yang dapat digunakan untuk mengukur tahap kualiti kepengarangan seseorang pengarang. Kajian ini hanya mengaplikasikan prinsip kehadiran untuk menganalisis novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1986), *Pemberontakan* (1994) dan *Ensera Marga Timur dari St Anthony* (2009). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan analisis memperlihatkan bahawa Jong Chian Lai

sentiasa membuat inovasi atau pembaharuan dalam ketiga-tiga novel dalam usaha menghadirkan kepelbagaian sumber dan idea yang baharu menerusi pengalaman peribadi dan penyelidikan. Pembaharuan ini diteliti menerusi sumber idea, struktur dan aliran dalam ketiga-tiga teks. Struktur penciptaannya mengalami perubahan selain memperlihatkan pengekalan terhadap struktur tertentu. Aliran turut menunjukkan pembaharuan dari realisme kepada aliran realisme magis. Impaknya, setiap teks ciptaannya menunjukkan pembaharuan dan pementapan yang dilakukan dari semasa ke semasa bagi mencapai tahap unggul sekali gus memberikan perangsang kepada penulis-penulis lain agar sentiasa melakukan pembaharuan dalam penciptaan karya kreatif.

Nurul Husna Mat Noor (2020) pula berminat untuk menyelidik kepengarangan Osman Ayob, seorang penulis yang prolifik di negeri Kedah. Pengkaji memilih novel berjudul *Empangan Tugal* sebagai data kajian dalam mendeskriptif kepengarangan Osman Ayob. Kajian ini secara tuntasnya bertujuan untuk mengkaji aspek keberanian dan proses kreatif penghasilan novel tersebut. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan kaedah kepustakaan, di samping menerapkan teori Rasa Fenomologi. Hasil dapatan yang diperolehi, pengkaji menyifatkan Osman Ayob menampilkan keberanian dalam berkarya apabila mengemukakan isu mengkritik pemimpin rakyat dalam karyanya. Nilai keberanian yang ditonjolkan memperlihatkan keupayaan pengarang untuk berkarya dengan lebih baik.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2022) tampil dengan kajian yang meneliti tahap keunggulan teknik kepengarangan puisi Baha Zain melalui elemen tema, bentuk, dan gaya bahasa. Selain itu, ketekalan Baha Zain menjadikan tema kemanusiaan dalam gagasan kepengarangannya pada peringkat awal dan mutakhir turut diberi perhatian, di samping mengemukakan faktor perubahan teknik kepengarangan puisi Baha Zain bersandarkan evolusi zaman kehidupannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berorientasikan kajian kepustakaan sepenuhnya dengan menjadikan beberapa buah kumpulan puisi awal, puisi mutakhir dan puisi eceran sebagai sampel utama data. Kaedah kata kunci bertepatan dengan persoalan dan objektif kajian seperti kepengarangan atau idealisme penyair, tema dan persoalan puisi kemanusiaan, gaya bahasa, dan reka bentuk puisi dijadikan sebagai sampel utama data kepustakaan. Kajian ini melibatkan analisis bersifat tekstual berdasarkan hubungan kait sosiologi manusia melalui pengalaman persekitaran atau pengalaman peribadi. Sehubungan itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Teksdealisme melalui empat prinsip seperti; prinsip kehadiran, prinsip pengukuhan, prinsip pelanggaran dan prinsip individualisme sebagai penganalisan bagi membuktikan keunggulan teknik kepengarangan Baha Zain dalam puisi kemanusiaan terpilih. Hasil kajian menunjukkan ketekalan Baha Zain mengangkat isu kemanusiaan sepanjang zaman membuktikan kewibawaan beliau mempertahankan identiti dalam penghasilan karya, di samping memberi pendedahan kepada masyarakat memperkasakan nilai kemanusiaan dalam kehidupan. Kajian ini juga menjelaskan ketinggian nilai kemanusiaan yang dipertahankan Baha Zain adalah kerana beliau meletakkan dirinya sebagai mewakili masyarakat bawahan dalam menyuarakan hak yang sewajarnya dipertahankan. Begitu juga, teknik penyampaian

bervariasi memperlihatkan keperibadian Baha Zain dalam penghasilan puisi dan sekali gus membezakan kepengarangan beliau dengan penyair yang lain.

Secara keseluruhannya, kajian lampau dalam kelompok ini menyerlahkan identiti kepengarangan pengarang yang terpilih. Pengkaji telah memperinci gaya serta keistimewaan pengarang dalam teks-teks kajian berdasarkan teori yang dipilih. Kajian ini pula akan meneroka kepengarangan Affifudin Omar dan Faisal Tehrani dengan berdasarkan teori Teksdealisme. Secara tidak langsung, kajian ini akan mendeskriptif kepengarangan dua orang pengarang berbanding kajian-kajian lampau yang lebih terarah mengkaji kepengarangan seorang pengarang sahaja, malah kajian ini akan memfokuskan keunggulan teks berbanding kajian lampau yang cenderung menganalisis keunggulan pengarang.

2.3.3 Kajian Teksdealisme

Kelompok ini akan memberi fokus terhadap kajian lampau yang mengalikasikan teori Teksdealisme, yang dianjurkan Mana Sikana. Teori Teksdealisme atau Teori Keunggulan ini cuba mentafsir keunggulan teks atau pengarang menerusi empat prinsip iaitu kehadiran, pengukuhan, pelanggaran dan individualisme.

Mohd Nazri Zainuddin (2015) dalam tesisnya cuba mengenal pasti kepimpinan berkualiti dalam novel *Tengku Menteri* dan *Urih Pesisir*. Teori Teksdealisme diaplikasikan bagi mengenal pasti kepimpinan yang paling unggul antara watak-watak yang terdapat dalam novel kajian. Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan watak-

watak yang dikaji menyumbang kepada kepimpinan berkualiti dalam sistem kekeluargaan, masyarakat dan pentadbiran. Watak Ngah Ibrahim disifatkan paling dominan sebagai watak yang unggul dari segi kepimpinan setelah penelitian terhadap kedua-dua buah novel ini dilaksanakan.

Seterusnya, Faizah Jalal dan Ani Omar (2015) menjadikan drama *Pelayaran Inderaputera II* sebagai data kajian untuk meneliti ciri-ciri intelektual, menganalisis nilai-nilai intelektual dan mengkaji gaya kepengarangan Ismail Kassan. Analisis teks yang dijalankan telah mengaplikasikan empat prinsip teori Teksdealisme iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan kepengarangan. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya persamaan dan perbezaan antara drama *Pelayaran Inderaputera II* dengan *Hikayat Inderaputera*. Drama *Pelayaran Inderaputera II* memperlihatkan pemikiran dan sensitiviti Ismail Kassan terhadap pembangunan negara.

Nordiana Ab. Jabar (2015) mengaplikasi teori Tekdealisme dalam mengukur keunggulan unsur Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang terkandung dalam puisi tradisional. Selain itu, kajian ini juga cuba membuktikan wujudnya hubungan unsur-unsur pendidikan yang terdapat dalam FPK dengan puisi tradisional dan menganalisis tahap kerelevanan puisi tradisional yang dipilih sebagai data kajian. Pengkaji memberi fokus terhadap 30 buah puisi tradisional teks Komponen Sastera (KOMSAS) yang diambil daripada antologi *Kasut Kelopak Jantung, Gema Sepi Gadis*

Genius, Harga Sebuah Lukisan, Harga Remaja dan Dirgahayu Bahasaku. Dapatan kajian menunjukkan kewujudan lima belas unsur FPK terdapat dalam 30 puluh buah puisi tradisional melalui asas pertama teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran. Kedua, proses pengekalan dan perubahan tema membuktikan puisi tradisional teks KOMSAS relevan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Ketiga, pengkaji merumuskan citra masyarakat dan elemen pendidikan saling berkaitan dengan unsur FPK. Secara tidak langsung, penerapan FPK mampu melahirkan keseimbangan insan dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek melalui puisi tradisional KOMSAS.

Mohd Rosli Saludin (2015) pula mengaplikasi teori Teksdealisme dalam bidang budaya dan bukan dalam bidang sastera seperti kajian-kajian yang lain. Objektif kajian ini ialah menjelaskan maksud adat, menganalisis kepelbagaian dan keunikan adat Negeri Sembilan dan menilai amalannya dalam masyarakat Negeri Sembilan. Pengkaji cuba merungkai permasalahan dalam membina identiti masyarakat Negeri Sembilan yang terdiri daripada pelbagai etnik. Pengkaji menyenaraikan beberapa langkah yang boleh dilakukan sebagai usaha dalam membentuk identiti masyarakat Negeri Sembilan seperti mewujudkan dasar kebudayaan Negeri Sembilan, menggunakan unsur-unsur adat dan kebudayaan luar yang sesuai dan menerapkan unsur agama Islam dalam pembentukan keperibadian dan identiti bagi Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, kajian ini menimbulkan keraguan kerana pengkaji tidak memperjelaskan analisis menggunakan teori Teksdealisme seperti yang dicanangkan pada permulaan penulisan.

Kajian berikutnya merupakan tesis kedoktoran Mohd Saipuddin Suliman (2016). Beliau menerapkan teori Teksdealisme dalam kajiannya yang menganalisis puisi Tri-V (verbal, vokal, visual) karya Abdul Ghafar Ibrahim. Selain itu, kajian ini turut menerapkan teori stilistik untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk deviasi, pemikiran serta individualisme yang terkandung dalam puisi-puisi Tri-V. Hasil kajian mendapati puisi-puisi nukilan Abdul Ghafar Ibrahim melanggar hukum tatabahasa dan bentuk konvensional. Walau bagaimanapun, karya-karya beliau mempunyai pemikiran dan falsafah yang tinggi dalam mengangkat kepengarangan beliau.

Kajian oleh Nur Muhamad Syahir Ayob (2018) telah mengkaji skrip drama tulisan Anwar Ridwan dan menggunakan teori Teksdealisme. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya meneliti prinsip kehadiran sahaja yang dijelmakan melalui teks kajian. Teks drama pentas *Yang Menjelma dan Menghilang* karya Anwar Ridhwan menjadi pilihan pengkaji untuk diteliti. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis pemikiran pengarang dari sudut politik yang terkandung dalam teks drama pentas *Yang Menjelma dan Menghilang*. Pengkaji menemukan kehadiran pemikiran politik pengarang berdasarkan konsep kekuasaan seperti pengaruh, persuasi, manipulasi, paksaan dan autoriti.

Kajian seterusnya pula begitu menarik kerana pengkaji menganalisis karya pengarang dengan menerapkan teori yang diasaskan oleh pengarang itu sendiri. Ahmad Zaidi Baharuddin dan Ani Omar (2018) cuba menganalisis pemikiran Mana Sikana melalui

teks-teks drama yang pernah dihasilkannya iaitu teks drama *lhsan, Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Hikmah, Mustaqima, Apa-apa, Di Hujung Taming Sari, Pasir-Pasir di Pasir Salak* dan *Air Mala Naning*. Analisis dilakukan dengan memanfaatkan teori Teksdealisme. Empat prinsip yang menjadi landasan teori ini ialah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keperibadian telah dijadikan kriteria mengukur keunggulan drama-drama Mana Sikana. Kajian mendapati drama-drama beliau mempunyai pelbagai tingkat pengalaman. Dalam meletakkan mutu drama ke tahap yang lebih unggul, beliau telah melakukan pelanggaran terhadap konvensi sastera termasuklah pelanggaran terhadap aliran, watak dan teknik. Hal ini selari dengan prinsip perlanggaran dan pengukuhan dalam teori Teksdealisme. Beliau telah menemui jati diri pengarang dari kelima-lima aspek iaitu subjektiviti, stail, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu beliau yang selari dengan konsep keperibadian dalam teori Teksdealisme.

Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab Jabar, Norazimah Zakaria, Lim Ying Xuan dan Afidatul Syazwani Afandi (2023) tampil dengan kajian yang memberikan penilaian terhadap teori Teksdealisme itu sendiri. Kajian ini bertujuan meneliti teori Teksdealisme berdasarkan aspek pembangunan teori, rangka dasar teori dan kaedah pengaplikasian teori dalam karya sastera. Selain itu, kajian ini menyasarkan objektif untuk menganalisis puisi-puisi konkrit Tri-V karya Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) dengan menggunakan teori Teksdealisme. Kajian ini telah menyorot aspek pembangunan teori dan rangka dasar teori yang didasari empat prinsip utama iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keperibadian dalam mengenal

pasti keunggulan sesebuah karya. Seterusnya, penelitian terhadap kepenyairan AGI dengan menggunakan teori Teksdealisme ini telah memperlihatkan AGI sebagai seorang pengarang yang unggul kerana puisi-puisi Tri-V tulisannya memenuhi empat prinsip yang dianjurkan teori Teksdealisme.

2.3.4 Kajian Persuratan Faisal Tehrani dan Affifudin Omar

Penelitian seterusnya berkaitan dengan kajian yang memusatkan karya-karya tulisan Faisal Tehrani dan Affifudin Omar sebagai data kajian. Faisal Tehrani sememangnya merupakan pengarang yang tidak asing lagi dalam dunia penulisan dan kesusasteraan tanah air. Malah, karya-karyanya telah mendapat pengiktiran dan sering menjadi rujukan sebagai data kajian dalam penulisan ilmiah. Affifudin Omar pula merupakan bekas ahli politik yang akhirnya berjinak-jinak dalam dunia penulisan novel. Sebelum pengakhiran riwayatnya, Affifudin Omar dikenal pasti cenderung menghasilkan novel sejarah.

Kajian Rosma Derak (2007) telah menjadikan novel *1515, 1511 H Kombat* dan *Surat-surat Perempuan Melayu Johor* sebagai data kajian tesis sarjananya. Pengkaji menggunakan kaedah *Deconstructing Historiography* terhadap ketiga-tiga buah novel kajiannya dan mendapati telah menemui persamaan yang jelas dalam ketiga-tiga novel tersebut iaitu penulisan semula sejarah iaitu penentangan daripada golongan *subaltern* atau golongan yang dijajah. Selain itu, kajian ini mengemukakan dapatan bahawa golongan *subaltern* mempunyai hak untuk bersuara menentang penjajah.

Misran Rokiman (2009) menerusi kajiannya yang bertajuk “Pembangunan Tamadun Islam akan Berulang? Meneliti Novel Remaja *1511 H Kombat* Karya Faisal Tehrani” membincangkan sebuah novel remaja berjudul *1511H Kombat* karya Faisal Tehrani seorang penulis muda yang prolifik di negara ini. Karya Faisal Tehrani ini banyak menyentuh tentang pentingnya kesedaran beragama oleh anak-anak muda sebagai asas kekuatan jati diri. Sebagai landasan menganalisis novel ini teori perulangan sejarah yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun lebih 600 tahun digunakan. Teori ini menjelaskan, dalam pembangunan tamadun sesebuah negara-bangsa akan mengalami jatuh bangun secara berulang-ulang akibat berlaku berbagai-bagai konflik. Bagi mengekalkan sesebuah tamadun bangsa itu agar tidak jatuh, Ibn Khaldun menyarankan supaya setiap bangsa memiliki semangat kekitaan yang teguh yang berlandaskan sifat berhemah tinggi, taat dalam melaksanakan kewajipan, menyanjung tinggi syariat agama dan adil mengurus dan mengambil berat. Kaedah penelitian yang digunakan ialah teknik bacaan rapi dan seterusnya menganalisis isi novel tersebut dengan mengaplikasikan empat ciri semangat kekitaan ke atas watak dan perwatakan khususnya terhadap watak utamanya. Hasil analisis diharapkan boleh menjadi panduan kepada orang Melayu yang telah mengalami rentetan kejatuhan bermula zaman kesultanan Melayu Melaka, kemudian ditakluk di bawah penjajah silih berganti selama lebih 400 tahun dan setelah itu bangkit semula apabila negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pengkaji cuba melihat keadaan semasa dengan semangat kekitaan yang cuba diterapkan oleh penulis dalam novel *1511 H Kombat*.

Shaidatul Suhana Ros (2013) dalam tesis sarjana beliau telah menjadikan novel berjudul *1515, Tunggu Teduh Dulu* dan *Bedar Sukma Bisu* karya Faisal Tehrani sebagai data kajian. Kajian ini telah menetapkan tiga objektif untuk dicapai iaitu mengenal pasti dan mengkategorikan pemikiran dalam novel Faisal Tehrani, seterusnya menghuraikan pemikiran pascakolonialisme serta teknik penggarapannya dalam novel Faisal Tehrani dan menganalisis pemikiran pascakolonialisme dalam novel Faisal Tehrani. Teori Pascakolonialisme menjadi pilihan dalam usaha mencapai objektif yang ditetapkan. Setelah analisis dilaksanakan, pengkaji merumuskan hasil dapatan yang diperolehi memperlihatkan pemikiran pascakolonialisme begitu terserlah dalam novel-novel kajian. Penulis juga digambarkan berjaya mengeksploitasi pemikiran pascakolonialisme dalam novel-novel tulisannya bagi membantu proses pembinaan jati diri bangsa.

Rosma Derak (2014) dalam kajian yang berjudul “Mendekonstruksi Sejarah dalam Novel 1515: Satu Penulisan Semula daripada Perspektif Golongan Sulbaltern” telah menggunakan kaedah *Deconstructing Historiography* yang diperkenalkan oleh Ranajit Guha untuk penulisan semula sejarah dari perspektif yang baharu. Dapatan kajian ini menunjukkan berlakunya penulisan semula sejarah dan mengangkat golongan *sulbaltern* dalam penentangan penjajah. Dapatan kajian memperlihatkan Faisal Tehrani menulis semula sejarah kejatuhan Melaka pada tahun 1515 dengan mengubah kemenangan kepada Melaka yang berjaya menawan Portugis pada tahun 1515.

Melalui novel *Surat-surat Perempuan Melayu Johor* dalam kajian Rosma Derak dan Asmiaty Amat (2016), pengkaji mengkaji perjuangan wanita sebagai wakil bagi golongan yang dijajah ketika zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim di negeri Johor. Pengkaji telah menjalankan kajian dengan menganalisis kandungan novel *Surat-surat Perempuan Melayu Johor* untuk meneliti sejarah negeri Johor yang dinafikan oleh penjajah Inggeris ketika di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim. Melalui kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati negeri Johor pernah melaksanakan pemerintahan berteraskan Islam suatu ketika dahulu dan majalah *Akhram Johor* telah dijadikan panduan. Walau bagaimanapun, pihak Inggeris telah mencampuri urusan pemerintahan sultan dengan melaksanakan undang-undang sekular Inggeris secara paksaan.

Wan Hasmah Wan Teh (2016) meneliti novel pertama karya Afifudin Omar iaitu *Seri Dewi Malam* yang diterbitkan pada tahun 2012 dari sudut gender. Kajian ini bertujuan memperlihatkan stereotaip gender feminiti yang lebih mendominasi berbanding maskuliniti. Data yang digunakan dalam kajian ini ialah novel *Seri Dewi Malam*, di mana watak maskulinitinya diwakili watak Aziz dan watak feminiti diwakili oleh watak Rohana. Pengkaji mendapati pengarang novel ini iaitu Affifudin Omar mempunyai keupayaan menulis dari perspektif wanita walaupun beliau merupakan seorang lelaki.

Seterusnya, Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Mohd. Ali dan Madiawati Mamat @ Mustaffa (2018) cuba menganalisis pembinaan jati diri Faisal Tehrani menerusi novel-

novelnya iaitu *Perempuan Politikus Melayu, 1515, 1511 H [Kombat], Surat-surat Perempuan Johor, Tunggu Teduh Dulu dan Bahlut*. Kajian ini menerapkan prinsip Individualisme dalam pemaknaan jati diri penulis yang merupakan salah satu prinsip yang terkandung dalam teori Teksdealisme. Bagi menemukan pembinaan jati diri pengarang, unsur-unsur subjektiviti, stail individu, reka cipta individu dan tindakan individu dianalisis satu persatu seperti yang dianjurkan dalam prinsip individualism. Hasil analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati Faisal Tehrani telah mengemukakan subjektiviti berkaitan belia, keagamaan, kemiskinan, politik dan masyarakat terpinggir. Penelitian daripada sudut stail individu pula mendapati, Faisal Tehrani turut menggunakan bahasa asing seperti Arab dan Inggeris. Bagi unsur reka cipta individu pula, Faisal Tehrani dilihat begitu selesa menggunakan sudut pandangan orang pertama dan ketiga. Seterusnya bagi unsur tindakan individu, Faisal Tehrani begitu teliti mengemukakan latar tempat untuk dijadikan bahan penulisan agar pembaca dapat menghubungkan dengan situasi sebenar. Faisal Tehrani turut memasukkan peristiwa sejarah Islam seperti kisah Ashabul Kahfi, serangan tentera Abrahah dan pembukaan Kota Makkah dalam novelnya. Secara tuntasnya, pengkaji berpendapat Faisal Tehrani berusaha membentuk jati diri kepengarangannya melalui subjektiviti, stail individu, reka cipta individu dan tindakan individu yang ditonjolkan dalam penulisan novel-novelnya.

Nurhanis Sahiddan, Hashim Ismail dan Tengku Intan Marlina (2020) telah menghasilkan kajian mengenai persuratan Affifudin Omar. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan gambaran watak Melayu dalam *Tun Tuah* (2016) karya Affifudin Omar

dan seterusnya menganalisis kekuatan watak dari segi kemelayuan mereka pada saat genting. Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan kerangka konseptual kolonial Homi K. Bhabha. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, pengkaji menyifatkan watak Sultan Mahmud Syah adalah contoh watak yang meniru nilai-nilai Barat. Walau bagaimanapun menerusi novel *Tun Tuah* (2016), terdapat banyak watak-watak yang menentang wacana penjajah dan memiliki nilai kemelayuan yang tinggi seperti Hang Jebat, Tun Tuah, Tun Perak dan Sultan Alauddin.

Seterusnya kajian oleh Has Alia Hasnan dan Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2022) yang merungkai perbandingan kreativiti dan kepengarangan dalam novel sejarah Malaysia dan Indonesia berdasarkan karya Affifudin Omar dan Langit Kresna Hariadi. Novel sejarah yang dipilih dalam kajian ini ialah *Tun Perak Paduka Raja* (2017) dan *Gajah Mada Makar Dharmaputra* (2012). Analisis perbandingan kajian ini menggunakan prinsip Intertekstualiti yang dicadangkan Kristeva (1980) untuk mengukur kreativiti dan kepengarangan seseorang penulis dalam mengolah teks sastera tradisional kepada fiksyen sejarah. Perihal ini akan menyerlahkan kekuatan dan kelemahan antara kedua-dua penulis tersebut. Kajian ini penting dalam menunjukkan dinamika pemikiran pengarang novel sejarah di peringkat Nusantara.

Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum, Muhamad Fadzllah Zaini dan Rohaya Md Ali (2023) telah menjalankan kajian terhadap novel Faisal Tehrani yang berjudul *Nama Beta Sultan Alauddin*. Kajian ini cuba menganalisis komunikasi kepimpinan watak Sultan Alauddin secara bertema iaitu ethos, patos dan

logos berdasarkan teori Aristotle. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana teks kajian dianalisis secara deskriptif. Teori Segitiga Retorik Aristotle menjadi sandaran dalam proses analisis kandungan yang dilaksanakan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa Sultan Alaudin mempunyai keperibadian yang baik (ethos); mempunyai ikatan silaturahim yang rapat dengan Menteri dan rakyat (pathos) serta menyelesaikan masalah dengan kecerdasan emosi dan intelektual (logos) dalam komunikasi kepimpinan baginda.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini tampil berbeza dengan mengkaji kedua-dua pengarang secara langsung iaitu Affifudin Omar dan Faisal Tehrani. Kajian ini akan meneliti keunggulan novel sejarah hasil karya kedua-dua orang pengarang ini.

2.4 JURANG PENYELIDIKAN

Jurang penyelidikan merujuk kepada kelompangan atau kekurangan dalam bidang kajian yang belum diterokai atau dikaji dengan mendalam. Jurang penyelidikan berlaku apabila terdapat kekurangan data, perspektif, atau teori dalam kajian lepas yang memberi peluang untuk penyelidik mengembangkan pengetahuan atau memberi sumbangan baru dalam bidang kajian. Identifikasi jurang penyelidikan penting untuk memperkukuh pemahaman dalam sesuatu bidang, sekali gus memberi peluang kepada kajian baru yang lebih komprehensif dan relevan untuk dilaksanakan.

Berdasarkan sejumlah kajian lepas yang dikelompokkan dalam tema ‘Kajian Novel Sejarah’, terdapat kelompangan yang dapat diisi. Kajian lepas umumnya

memfokuskan kepada analisis novel sejarah dalam konteks yang pelbagai, seperti penggunaan unsur sejarah, penceritaan dalam novel sejarah, atau aplikasi teori-teori sastera tertentu seperti Pensejarahan Baharu dan teori Retorik. Sebagai contoh, kajian oleh Ladislav Nagy (2014) menganalisis gabungan unsur sejarah dan percintaan dalam novel sejarah, sementara kajian oleh Ghazali Taib dan Abdul Halim Ali (2018) memberi tumpuan kepada elemen sejarah baharu dalam *1515* karya Faisal Tehrani. Kajian-kajian ini secara amnya lebih bersifat deskriptif dan bertujuan untuk meneroka naratif novel sejarah terpilih. Kajian yang dijalankan dalam konteks ini pula lebih tertumpu kepada empat novel sejarah terpilih karya Affifudin Omar dan Faisal Tehrani iaitu *Tun Tuah* (2016), *Tun Perak* (2017), *1515* (2003) dan *Nama Beta Alauddin* (2016). Terdapat juga kajian-kajian lepas yang dibincangkan secara umum dan skop perbincangan terlalu luas, manakala kajian yang dijalankan ini lebih terarah kepada analisis mendalam terhadap novel-novel sejarah terpilih dengan memberikan penumpuan terhadap keunggulan teks novel sejarah.

Seterusnya, jurang penyelidikan yang dapat dikenal pasti daripada kajian-kajian lepas yang dikelompokkan dalam tema 'Kajian Kepengarangan' iaitu kekurangan perbandingan langsung antara gaya kepengarangan dua pengarang berbeza dalam satu kajian. Sebahagian besar kajian terdahulu seperti Abdullah Zawawi Mohd Hairani (2013), Ghazali Din (2016), dan Fauzi Hasan (2019) memberi tumpuan kepada kajian terhadap seorang pengarang sahaja dan menggali keistimewaan serta kepengarangan pengarang tersebut secara mendalam. Walaupun kajian-kajian ini memberikan

pendedahan yang berharga tentang personaliti dan teknik kepengarangan pengarang, tiada satu kajian pun yang secara khusus mengupas gaya kepengarangan dua atau lebih pengarang dalam konteks yang sama. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan fokus terhadap dua orang pengarang yang menghasilkan novel sejarah iaitu Affifudin Omar dan Faisal Tehrani.

Memandangkan kajian ini akan mengaplikasikan teori Teksdealisme, maka kajian lampau yang menggunakan teori Teksdealisme juga tidak terkecuali disaring. Secara jelasnya, kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aplikasi teori ini dalam analisis individu tanpa melibatkan perbandingan untuk memahami bagaimana prinsip-prinsip dalam teori tersebut berinteraksi atau berbeza dalam karya-karya pelbagai pengarang. Oleh itu, jurang penyelidikan ini membuka ruang untuk kajian yang lebih luas, di mana kepengarangan dua pengarang yang berbeza, seperti Affifudin Omar dan Faisal Tehrani, dapat dianalisis dan dibandingkan, menggunakan pendekatan teori Teksdealisme. Penyelidikan ini berpotensi untuk memperkenalkan analisis perbandingan yang lebih menyeluruh tentang keunggulan teks berbanding pengarang semata-mata. Selain itu, kajian ini memberikan perhatian terhadap dua prinsip sahaja iaitu prinsip kehadiran dan juga prinsip pelanggaran yang dianjurkan dalam teori Teksdealisme.

Selain itu, jurang penyelidikan yang dapat dikenal pasti dalam kajian-kajian lepas adalah kekurangan kajian yang mengkaji secara langsung perbandingan antara kedua-dua orang pengarang, iaitu Faisal Tehrani dan Affifudin Omar, terutamanya dalam

menghasilkan novel sejarah. Kebanyakan kajian lebih memberi fokus kepada analisis individu terhadap karya pengarang tanpa melihat secara bersamaan bagaimana keduanya membentuk dan menyampaikan cerita sejarah melalui pendekatan yang berbeza. Oleh yang demikian kajian ini menelusuri tentang kepengarangan antara Faisal Tehrani dan Affifudin Omar, terutamanya dalam konteks keunggulan teks dalam novel-novel sejarah yang dihasilkan.

Berdasarkan penelitian kajian-kajian lepas, pengkaji mengemukakan kajian baharu yang berlandaskan objektif yang ditetapkan iaitu; mengenal pasti elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran dalam novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme; menganalisis elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran terhadap novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme serta; merumuskan penerapan elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran terhadap novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme.

2.5 KESIMPULAN

Bab ini secara kolektifnya telah memberi gambaran yang jelas tentang novel sejarah di tanah air. Selain itu, bab ini memberi tumpuan terhadap kajian lampau yang telah dijalankan berdasarkan tema yang sesuai, selari dengan skop kajian ini. Penelitian terhadap bahagian ini secara jelasnya memperlihatkan kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian ini telah dilaksanakan dari pelbagai aspek dan pendekatan bagi

melunaskan objektif kajian masing-masing. Walau bagaimanapun, terdapat kelompangan yang boleh diberikan perhatian dan nilai tambah dalam penghasilan kajian yang seterusnya. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis novel-novel sejarah terpilih dengan mengaplikasikan Teori Teksdealisme yang diperkenalkan Mana Sikana, selajutnya merumuskan keunggulan teks yang terserlah dalam novel-novel sejarah terpilih.



BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Metodologi merujuk kepada kaedah dan prosedur yang sistematik yang digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul, menganalisis, dan mentafsirkan data. Pemilihan metodologi yang tepat bergantung kepada objektif kajian, jenis data yang diperlukan, serta soalan penyelidikan yang ingin dijawab.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu elemen penting dalam penyelidikan yang merangkumi proses merancang dan menyusun langkah-langkah untuk mencapai objektif kajian. Proses yang dilaksanakan menentukan metodologi yang akan digunakan serta cara pengumpulan dan analisis data. Pemilihan reka bentuk kajian yang sesuai adalah kunci untuk memperoleh hasil yang sahih dan boleh dipercayai.

Terdapat banyak perkara yang tidak dapat dijelaskan hanya dengan merujuk kepada data numerik dalam penyelidikan semata-mata. Kaedah-kaedah pengumpulan data penyelidikan kualitatif yang sering digunakan termasuklah temu bual tidak berstruktur, pemerhatian dan soal selidik berbentuk esei (Chua Yan Piaw, 2011). Pendekatan kualitatif merupakan kaedah yang mendiskiptifkan data-data yang dikumpulkan (Pierce, 2008). Pendekatan kualitatif merupakan pendekatan yang paling

sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Pengumpulan data kajian meliputi dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber skunder.

Pengumpulan data premier diperolehi daripada data-data kajian yang telah dipilih iaitu melalui pembacaan terhadap naskhah-naskhah sastera yang telah dipilih. Pada peringkat awal penyelidikan, beberapa novel-novel hasil tulisan Affifudin Omar dan Faisal Tehrani yang membawa citra sejarah menjadi pilihan untuk ditekuni sebelum pemilihan yang lebih objektif dilakukan. Kedua-dua figura ini menjadi pilihan kerana begitu dominan dalam memilih subjek sejarah sebagai motif pencerekaan. Affifudin Omar setelah bersara dari bidang politik, dilihat begitu cenderung menghasilkan karya kreatif berbentuk novel. Novel-novel yang dihasilkan memperlihatkan kecaknaan Affifudin Omar dalam mengfiksyenkan realiti berdasarkan berapa nama lokasi sebenar yang disebut dalam karya-karyanya. Sejumlah novel tulisan Affifudin Omar dikenal pasti iaitu *Mujahid Agung* (2010), *Paradoks* (2011), *Odisi Anak Kampar* (2011), *Tun Tuah* (2016) dan *Tun Perak* (2017). Novel-novel ini dihadap isi kandungannya terlebih dahulu. Novel *Mujahid Agung* meriwayatkan kehidupan seorang tokoh politik Kedah yang bernama Haji Omar. Novel *Paradoks* pula membawa pembaca mendekati watak ahli politik yang cuba mencari peluang untuk sentiasa relevan dalam dunia politik dengan segala strategi sehingga sanggup terlibat dengan gejala sosial yang tidak bermaruah. Novel *Odisi Anak Kampar* merupakan novel yang memaparkan sejarah penghijrahan masyarakat Indonesia terutama Salleh dan Jamil dari Kampar, Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu. Seterusnya, dua novel terakhir karya Affifudin Omar berjudul *Tun Tuah* yang diilhamkan daripada tokoh masyarakat yang tidak asing lagi

iaitu Hang Tuah, manakala novel *Tun Perak* pula menceritakan tentang kehidupan dan ketokohan Tun Perak, seorang bendahara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Sejumlah novel Faisal Tehrani yang terdiri daripada *1515* (2003), *1511 [H] Kombat* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Manikam Kalbu* (2007), *Sebongkah Batu di Kuala Berang* (2011), dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2016) dibaca dengan teliti untuk memahami alur penceritaan setiap satu daripadanya. Novel *1515* membawakan pembalikan sejarah Melaka dalam penceritaan. Novel *1511[H] Kombat* pula menjangkau masa hadapan, memperlihatkan perjuangan menegakkan agama Islam dari dijajah secara fizikal mahupun rohani oleh anak-anak muda Islam seluruh dunia. Seterusnya, novel *Surat-surat Perempuan Johor* mengemukakan sejarah Johor yang berkisahkan hubungan antara kerajaan Johor dan Turki, serta tentang undang-undang Islam yang diamalkan kerajaan Johor suatu ketika dahulu. Novel *Manikam Kalbu* pula membawa pembaca mengenal busana tradisional Melayu dengan lebih dekat lagi. *Sebongkah Batu di Kuala Berang* mengisahkan sekumpulan pelajar filem yang berusaha menyiapkan sebuah dokumentari tentang kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Novel *Nama Beta Sultan Alauddin* pula menceritakan ketokohan salah seorang sultan Melaka iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah.

Seterusnya, pengkaji turut menjadikan *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* sebagai teks sumber untuk menyaring kandungan sejarah yang terkandung dalam sejumlah novel-novel yang terpilih karangan Affifudin Omar dan Faisal Tehrani. Perbandingan yang dilakukan memperlihatkan empat novel yang mempunyai

hubungan antara teks dalam memaparkan semula watak, mahupun peristiwa sejarah iaitu *Tun Tuah*, *Tun Perak*, *1515* dan *Nama Beta Sultan Alauddin*. Keempat-empat novel ini menjadi pilihan pengkaji sebagai data kajian.

Sementara itu, sumber sekunder diperolehi daripada tesis-tesis, jurnal-jurnal dan buku-buku rujukan yang sesuai untuk kajian ini. Bahan sekunder diperlukan bagi memperkukuhkan lagi maklumat kajian yang dijalankan di samping memberi pengetahuan yang baru. Artikel jurnal dan tesis yang hampir sama seperti kajian yang ingin dijalankan dikenal pasti. Sumber sekunder yang diperolehi juga membolehkan pengkaji melihat perbandingan berdasarkan kajian-kajian lampau.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merujuk kepada pendekatan atau cara yang digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul data, menganalisisnya, dan membuat kesimpulan berdasarkan objektif kajian. Kaedah kajian ini penting kerana akan menentukan ketepatan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Tanpa kaedah yang tepat dan sesuai, hasil kajian boleh menjadi tidak sah atau tidak boleh dipercayai, yang mengurangkan kredibiliti dan validiti kajian tersebut. Oleh itu, pemilihan kaedah yang betul dan pelaksanaan yang cermat adalah sangat penting untuk memastikan kajian mencapai hasil yang sah dan relevan.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Secara keseluruhannya, kajian penyelidikan ini menggunakan kaedah kepustakaan memandangkan kaedah ini paling sesuai digunakan. Menerusi kajian ini, banyak maklumat diperolehi daripada tesis-tesis, jurnal-jurnal dan buku-buku rujukan. Bahan-bahan ini sangat penting untuk mendapatkan kelompangan daripada kajian-kajian terdahulu. Selain itu pendapat atau pemikiran daripada para sarjana diperlukan bagi memperkukuhkan kenyataan serta fakta yang diperolehi. Kaedah perpustakaan turut penting bagi memperoleh latar belakang bidang kajian dan mendapatkan maklumat-maklumat sokongan.

Seiring dengan perkembangan sains dan teknologi, pengkaji turut menggunakan aplikasi Mendeley untuk mendapatkan artikel jurnal yang berkaitan dengan lebih mudah. Aplikasi ini memerlukan jaringan internet untuk mencapai data carian yang diinginkan. Selain itu, aplikasi ini juga dapat membantu pengkaji menyediakan sistem rujukan. Sehubungan dengan itu, perpustakaan yang dikunjungi bagi mendapatkan sumber-sumber sekunder. Perpustakaan yang akan dikunjungi ialah Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

3.3.2 Kaedah Analisis Kandungan

Analisis kandungan adalah suatu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menganalisis komunikasi dalam bentuk teks, audio, atau visual. Analisis kandungan merupakan kaedah yang diaplikasikan untuk pengkajian yang lebih objektif, sistematik terhadap kandungan bertulis seperti buku teks, novel, rencana pengarang, diari dan kandungan lisan seperti ucapan dan wawancara (Sulaiman Masri, 2005).

Menerusi kajian ini, kaedah analisis kandungan adalah paling sesuai dan tepat untuk digunakan dalam menilai data kajian. Hal ini kerana analisis kandungan membolehkan pengkaji mengkaji secara mendalam bahan atau data yang terkandung dalam teks, yang berkaitan dengan fokus kajian. Kaedah ini memerlukan pengkaji membaca teks-teks kajian dengan teliti dan difahami keseluruhan kandungan teks-teks kajian. Seterusnya penyelidik akan menyaring kandungan, dalam memilih kesesuaian data yang berketepatan dengan kehendak teori yang digunakan.

3.4 PENGAPLIKASIAN TEORI

Penggunaan teori dalam kajian atau amalan harian adalah aspek penting yang memberikan pemahaman yang lebih mendalam serta panduan dalam membuat keputusan yang lebih berinformasi. Teori berfungsi sebagai kerangka atau panduan yang membolehkan seseorang memahami fenomena atau situasi tertentu berdasarkan prinsip-prinsip yang telah terbukti melalui penyelidikan terdahulu. Secara keseluruhannya, penggunaan teori bukan sahaja memberi penjelasan yang lebih jelas

mengenai fenomena yang dikaji, tetapi juga meningkatkan kredibiliti dan kesahihan hasil dapatan kajian, malah menjadikan penyelidikan lebih berstruktur.

3.4.1 Teori Teksdealisme

Kajian ini akan menggunakan teori Teksdealisme yang diperkenalkan oleh Mana Sikana untuk menganalisis novel sejarah yang dipilih. Teori ini melibatkan empat prinsip utama, iaitu prinsip kehadiran, pengukuhan, pelanggaran, dan individualisme atau kepengarangan. Teori ini dipilih untuk mengenal pasti keunggulan kepengarangan dalam karya tersebut. Prinsip kehadiran merujuk kepada idea dan pengalaman yang menjadi asas bagi penciptaan karya. Pengalaman yang digunakan dalam karya boleh berasal daripada pengalaman peribadi atau melalui pengalaman pembacaan. Seterusnya, prinsip pengukuhan berkaitan dengan usaha pengarang untuk menghasilkan teks yang unggul, iaitu melibatkan proses penambahbaikan berterusan terhadap karya sebelumnya. Prinsip pelanggaran pula menggambarkan proses dinamik iaitu Tindakan pengarang yang berani melakukan inovasi dan pembaharuan dalam karya mereka. Akhir sekali, prinsip individualisme atau turut dikenali sebagai kepengarangan, merupakan puncak kepada ketiga-tiga prinsip sebelumnya, yang menggesa setiap pengarang untuk menonjolkan keperibadian dan keunikan dalam karya yang dihasilkan oleh mereka (Mana Sikana, 2015).


Pemilihan teori yang tepat dalam sesebuah kajian adalah penting bagi memastikan kajian dapat menjawab persoalan dengan berkesan dan mencapai objektif yang

ditetapkan. Dalam kajian ini, penelitian terhadap keunggulan teks memerlukan teori yang relevan dan sesuai untuk diaplikasikan. Teori Teksdealisme dipilih kerana pendekatan ini menekankan analisis dalaman dalam usaha memahami teks sebagai entiti yang berdiri sendiri. Selain meneliti elemen intrinsik seperti struktur, tema, dan gaya bahasa, teori ini juga mengambil kira aspek luaran seperti latar belakang pengarang dan konteks sejarah yang mempengaruhi penghasilan teks. Secara dasarnya, teori Teksdealisme turut dikenali sebagai teori keunggulan yang mempunyai falsafah setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan karyanya pada suatu tahap keunggulan (Mana Sikana, 2015). Melalui teori ini, pengkaji dapat menilai keunggulan teks berdasarkan prinsip-prinsip utama seperti kehadiran, pengukuhan, pelanggaran, dan individualisme. Pendekatan ini membuka ruang kepada pelbagai pentafsiran berdasarkan kandungan teks serta konteksnya, menjadikannya lebih relevan dalam menilai keunggulan sesebuah karya secara menyeluruh.

3.4.2 Kerangka Teori

Kajian berkaitan keunggulan novel sejarah ini mengaplikasikan teori Teksdealisme oleh Mana Sikana (1996). Teori ini menjelaskan bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya pada suatu tahap keunggulan. Sebagai langkah dalam menghasilkan sebuah karya yang unggul, maka seseorang pengarang akan berusaha dengan segala kebolehan, intelektual dan ketrampilannya untuk menghasilkan sebuah karya yang bagus berbanding dengan karya yang pernah dihasilkan sebelum ini sama

ada karya sendiri, ataupun karya pengarang lain. Secara tidak langsung menerusi karya yang dihasilkan mencerminkan identiti kepengarangan pengarang.



Rajah 3.1 Kerangka Teori

Kajian ini akan menganalisis menggunakan teori Teksdealisme yang diperkenalkan oleh Mana Sikana (1996). Teori ini melibatkan empat prinsip iaitu prinsip kehadiran, pengukuhan, pelanggaran dan individualisme. Walau bagaimanapun, kajian ini berfokus pada dua prinsip sahaja iaitu prinsip kehadiran dan prinsip dalam usaha menemukan keunggulan teks terhadap dalam novel sejarah yang dipilih sebagai data kajian.

Prinsip kehadiran dalam Teori Teksdealisme merupakan peringkat awal dalam proses menuju keunggulan yang menyediakan landasan kepada penulisan novel sejarah. Dalam kajian ini, prinsip kehadiran diaplikasikan terhadap novel *Tun Tuah* (2016) dan

Tun Perak (2017) karya Affifudin Omar serta *1515* (2003) dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2016) karya Faisal Tehrani. Dalam konteks penghasilan keempat-empat novel sejarah ini, memperlihatkan kehadiran sumber tradisional seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* yang menjadi teras rujukan sebagai sumber pengkaryaan. Pengarang memanfaatkan teks-teks sejarah dan hikayat tersebut sebagai sumber utama untuk membentuk latar peristiwa, pemilihan watak, serta penyusunan konflik.

Prinsip Pelanggaran merupakan prinsip kedua dalam Teori Teksdealisme. Menurut Mana Sikana (1996), pelanggaran ialah suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Tujuan utama prinsip ini adalah untuk memperlihatkan kesedaran pengarang dalam menghasilkan karya-karya yang unggul melalui keberanian menafsirkan semula tradisi serta menampilkan pembaharuan yang mampu meninggikan taraf pengkaryaan. Dalam diri setiap pengarang wujud keinginan untuk memperbaiki dan memperbaharui setiap karya yang dihasilkan, dan prinsip pelanggaran menjadi wadah penting untuk menzahirkan usaha tersebut. Oleh yang demikian, menerusi kajian ini, pengkaji meneliti keupayaan pengarang dalam memperbaiki dan memperbaharui nilai sejarah yang termaktub sebelumnya dalam karya kontemporari.

Kedua-dua prinsip ini diaplikasikan secara serentak dalam kajian kerana keunggulan teks novel sejarah tidak hanya bergantung pada kesetiaan terhadap sumber tradisional semata-mata, tetapi juga pada keberanian pengarang untuk melanggar batas konvensi

dan menampilkan tafsiran baharu. Melalui gabungan dua prinsip ini, pengkaji berusaha menilai sejauh mana keempat-empat novel sejarah terpilih mencapai taraf keunggulan teks.

3.5 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah penting untuk memastikan kesahihan dan ketepatan analisis keunggulan novel sejarah dan mencapai objektif kajian yang disasarkan.

Data utama bahan bercetak merupakan sumber utama yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji mula dengan mengumpul novel sejarah yang berkaitan dengan topik kajian. Bahan bercetak ini dipilih berdasarkan kriteria tertentu seperti kecenderungan pengarang yang menghasilkan novel berunsur sejarah serta pengiktirafan yang memperkukuhkan jati diri seseorang pengarang. Seterusnya, pengkaji menilai naratif dalam novel sejarah terpilih tersebut dengan teks tradisional yang dipilih iaitu *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Selain itu, pengkaji mendapatkan data daripada pelbagai sumber seperti artikel jurnal, artikel majalah, dan internet yang juga penting dalam melengkapkan kajian. Pengkaji akan mencari sumber-sumber sekunder yang berkaitan dengan novel sejarah yang dikaji. Artikel jurnal dan majalah menyediakan analisis mendalam tentang novel sejarah, manakala sumber internet memberi akses kepada pandangan dan ulasan umum

masyarakat serta kajian terdahulu yang relevan. Sumber ini memberikan perspektif tambahan dan memperkaya analisis yang dilakukan.

Pengkaji mengenal pasti, mengumpul data, dan mentafsir data dengan mengatur maklumat yang diperoleh dalam bentuk jadual. Proses ini memudahkan pengkaji untuk membandingkan novel-novel sejarah terpilih dengan teks tradisional terpilih dan mengorganisasi data berdasarkan tema-tema tertentu, seperti kehadiran idealisme pengarang, pengekalan dan pengubahsuaian peristiwa, periodisasi, pelanggaran watak, pelanggaran plot dan sebagainya yang digambarkan dalam novel-novel kajian. Dalam mentafsir data, pengkaji menghuraikan secara deskriptif dalam membahaskan keunggulan novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme.

3.5.1 Data Kajian

Kajian ini akan menggunakan novel sebagai data kajian primer memandangkan kajian ini akan mengkaji keunggulan kepengarangan. Novel yang dimaksudkan ialah novel *Tun Tuah* dan novel *Tun Perak* karya Afifuddin Omar serta novel *1515* dan novel *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani. Data sekunder turut digunakan sebagai sokongan dalam menjalankan kajian ini. Data sekunder yang dimaksudkan ialah rujukan terhadap buku-buku, tesis dan artikel jurnal. Pendapat atau pemikiran daripada para sarjana diperlukan bagi memperkukuhkan kenyataan serta fakta yang diperoleh.

3.5.2 Pewajaran Pemilihan Data

Data kajian yang dipilih dalam kajian ini ialah dua buah novel yang ditulis oleh Affifudin Omar. Novel tersebut ialah *Tun Tuah* dan novel *Tun Perak*. Novel *Tun Tuah* diterbitkan pada tahun 2016 mengemukakan watak Hang Tuah yang pernah disebut dalam naskhah klasik Melayu iaitu *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*. Novel *Tun Perak* pula diterbitkan pada tahun 2017 juga oleh Afif Books Sdn. Bhd. Novel *Tun Perak* ini mengangkat watak Tun Perak seorang bendara terbilang dalam Kesultanan Melayu Melaka pada zaman dahulu dan turut disebut dalam *Sejarah Melayu*. Yayasan Pembangunan Buku Negara telah menganugerahkan Anugerah Novelis Sejarah kepada Affifudin Omar di Anugerah Buku Negara 2017 atas iltizamnya menulis novel berunsur sejarah.

Data yang seterusnya pula ialah dua buah novel karya Faisal Tehrani seorang figura yang tidak asing lagi dalam dunia penulisan dan pernah menerima Anugerah Seni Negara 2006. Novel tersebut ialah novel *1515* yang telah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2002 bagi kategori novel remaja dan Anugerah Buku Negara 2005, malah novel ini telah diulang cetak sebanyak empat kali sejak tahun 2003 sehingga tahun 2010. Novel kedua karya Faisal Tehrani yang dikaji ialah novel *Nama Beta Sultan Alauddin*. Novel ini pernah diterbitkan oleh syarikat penerbitan Arbeden pada tahun 2007 dan pada tahun 2016, syarikat penerbitan Dubook telah menerbitkannya kembali.

3.6 PROSEDUR MENGANALISIS DATA

Prosedur menganalisis data dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah yang sistematik untuk memastikan hasil analisis yang tepat dan mendalam. Langkah pertama dalam menganalisis data adalah membaca dan meneliti semua bahan yang telah dikumpulkan. Pengkaji akan membaca dengan teliti setiap novel sejarah yang dipilih, artikel jurnal, majalah, serta sumber-sumber lain yang relevan. Pembacaan ini bertujuan untuk memperoleh gambaran keseluruhan mengenai kandungan, gaya penulisan, dan cara novel-novel tersebut menggambarkan peristiwa sejarah. Selain itu, pengkaji juga akan memerhatikan aspek penulisan seperti tema, watak, latar belakang, serta konteks sejarah yang disampaikan.

Setelah membaca dan meneliti data, pengkaji akan memilih data yang paling relevan dan penting untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji memilih petikan-petikan penting dalam novel sejarah terpilih dan dibandingkan dengan teks tradisional yang dipilih. Perbandingan ini secara tidak langsung memperlihatkan fakta sejarah dipaparkan dengan cara yang menarik dan berkesan dalam novel sejarah terpilih.

Setelah memilih data yang relevan, langkah seterusnya adalah memaparkan data secara sistematik. Pengkaji akan menyusun data yang telah dipilih dalam bentuk jadual atau grafik untuk memudahkan pemahaman dan perbandingan. Data boleh dipaparkan mengikut tema atau aspek yang dikaji, seperti elemen sejarah, perkembangan watak, atau aliran naratif dalam novel. Pemetaan ini memberi gambaran yang jelas tentang kreativiti pengarang dalam memanipulasikan sejarah yang terdapat dalam teks


tradisional dalam setiap novel sejarah yang dikarang. Pemetaan ini juga memudahkan pengkaji untuk melihat tren dan pola yang mungkin timbul dari perbandingan antara sumber yang berbeza iaitu *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Langkah terakhir dalam prosedur analisis data adalah menginterpretasi data yang telah dipaparkan dan membuat kesimpulan. Dalam langkah ini, pengkaji akan menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan dan meneliti perbandingan antara naratif teks tradisional dengan novel sejarah terpilih. Pengkaji juga akan menilai fungsi atau kesan prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran yang dilakukan oleh pengarang novel sejarah terpilih berdasarkan anjuran teori Teksdealisme.

Akhir sekali, berdasarkan interpretasi data yang diperolehi, pengkaji akan membuat kesimpulan tentang keunggulan novel sejarah yang dikaji. Kesimpulan ini akan menggariskan kekuatan dan kelemahan setiap novel dalam menggambarkan sejarah dan memberi pandangan tentang keupayaan pengarang dalam menyaring sumber sejarah melalui teks tradisional dalam menghasilkan novel sejarah.

3.7 KERANGKA KONSEPTUAL

Novel sejarah masih kurang mendapat perhatian para pengarang dalam penghasilan karya mahupun dalam penelitian kajian akademik. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan, penghasilan novel sejarah menuntut kecekalan pengarang untuk melakukan penyelidikan sebelum mengadunkannya dengan kreativiti dan imaginasi.



Rajah 3.2 Kerangka Konseptual

Bertitik tolak daripada kedudukan novel sejarah yang kurang diberikan perhatian serta pemusatan kajian terhadap keunggulan pengarang, maka kajian ini cuba merungkai keistimewaan novel sejarah yang dihasilkan oleh pengarang tempatan. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan penelitian dengan merungkai keunggulan teks novel sejarah. Seterusnya kajian ini akan menjelaskan keunggulan teks novel sejarah yang akhirnya menjadi cerminan terhadap gaya kepengarangan seseorang pengarang.

Tumpuan kajian ini dihalakan kepada novel sejarah yang dihasilkan oleh pengarang yang berwibawa dalam penghasilan novel sejarah iaitu Affifudin Omar yang pernah diberikan anugerah Novelis Novel Sejarah di Anugerah Buku Negara 2017 dan Faisal Tehrani Anugerah Seni Negara 2006. Setersunya novel sejarah yang dipilih merupakan novel sejarah yang menyaring idea dan pengalaman pembacaan terhadap *Sejarah Melayu* (edisi Shellabear, 2016) dan *Hikayat Hang Tuah* (edisi Kassim Ahmad, 2017). Atas pertimbangan yang dilakukan, novel sejarah *Tun Tuah* (2016), *Tun Perak* (2017), *1515* (2003) dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2010) dipilih sebagai novel kajian dan sumber utama data kajian.

Bagi memastikan objektif kajian tercapai dan dapatan kajian tidak tersasar, kajian ini menerapkan teori Teksdealisme oleh Mana Sikan (2016) sebagai teori kajian. Keempat-empat novel ini, dibaca, difahami dan disaring kandungannya berdasarkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori Teksdealisme. Prinsip-prinsip tersebut

ialah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Walau bagaimanapun, kajian ini membataskan penelitian terhadap prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran sahaja. Secara jelasnya, objektif kajian memfokus kepada prinsip kehadiran dan pelanggaran sahaja. Oleh itu, tumpuan terhadap dua prinsip ini sahaja adalah tepat dan seiring dengan hala tuju kajian. Menambah prinsip lain tanpa dijustifikasi dalam objektif akan menyebabkan analisis menjadi terlalu luas, menyimpang daripada fokus, dan mungkin mengaburkan dapatan. Penyelidikan yang baik bukanlah yang mencakupi semua aspek teori, tetapi yang memberikan penekanan tepat terhadap aspek paling signifikan kepada persoalan kajian.

Selain itu, kedua-dua prinsip ini mempunyai keupayaan paling signifikan dalam menjelaskan hubungan antara teks sejarah dan kreativiti pengarang dalam membentuk semula naratif sejarah menjadi novel sejarah yang unggul. Dalam konteks novel sejarah, pengarang tidak sekadar memindahkan fakta sejarah secara literal, sebaliknya berperanan sebagai pemikir dan pentafsir yang berperanan dalam menyusun semula peristiwa lampau menjadi sebuah naratif baharu yang bersifat kreatif serta berdaya estetika. Justeru itu, prinsip kehadiran dalam Teori Teksdealisme sangat penting kerana prinsip ini menelusuri sumber idea, maklumat sejarah serta pengalaman pengarang yang menjadi asas penciptaan sesebuah karya. Melalui prinsip ini, pengkaji dapat mengenal pasti keterlibatan teks tradisional seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dihadirkan semula dalam bentuk novel moden serta fakta-fakta sejarah

dimanipulasi menjadi sumber ilham untuk menghasilkan karya yang berakar kepada sejarah tetapi tetap bersifat fiksiyen.

Manakala prinsip pelanggaran memberi perhatian kepada dimensi dinamik dalam proses kreatif pengarang. Prinsip ini mengangkat unsur pembaharuan yang dilakukan oleh pengarang dalam mengolah semula sejarah, sama ada dengan mengubah struktur penceritaan, mencipta semula perwatakan watak-watak sejarah, ataupun memberi tafsiran alternatif terhadap peristiwa lampau. Melalui pelanggaran, pengarang memperlihatkan keberanian intelektual dan estetika dalam menawarkan pembacaan baharu terhadap sejarah, sekali gus menjadikan novel yang dihasilkan bukan sekadar cerminan masa lalu, tetapi juga cerminan kesedaran semasa pengarang. Maka, dua prinsip ini saling melengkapi di mana prinsip kehadiran menyediakan kerangka sumber, manakala prinsip pelanggaran memperlihatkan bagaimana sumber itu diolah semula secara kreatif oleh pengarang, seterusnya menjadi asas kukuh dalam menilai keunggulan kepengarangan dalam karya-karya sejarah terpilih.

Oleh itu yang demikian, pemilihan dua prinsip iaitu kehadiran dan pelanggaran membolehkan analisis dilaksanakan secara tuntas dalam kerangka teks yang terhad, tanpa mengabaikan prinsip utama dalam teori Teksdealisme. Pendekatan ini memastikan fokus kajian kekal terarah, mendalam, serta dapat memberikan dapatan yang signifikan terhadap keunggulan novel sejarah terpilih. Hasil dapatan analisis kajian berpandukan teori Teksdealisme dihuraikan secara terperinci dan keunggulan

kepengarangan dikenal pasti. Secara tidak langsung hasil dapatan kajian menyerlahkan gaya kepengarangan pengarang yang terlibat iaitu Affifudin Omar dan Faisal Tehrani.

3.8 KESIMPULAN

Metodologi kajian pada bab ini menjelaskan kaedah analisis secara lebih terperinci dan sistematik berkaitan kajian yang dijalankan. Bab ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa data dipilih dianalisis menggunakan teori yang sesuai dan akhirnya membantu proses penyelidikan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan teratur.



BAB EMPAT

DAPATAN DAN HASIL PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini secara khusus akan mengenal pasti elemen keunggulan teks yang terkandung dalam novel sejarah terpilih iaitu *Tun Tuah* (2016), *Tun Perak* (2017), *1515* (2003) dan *Nama Beta Sultan Alauddin* (2016) berdasarkan teori Teksdealisme. Walau bagaimana pun, penelitian dibataskan kepada dua prinsip sahaja iaitu prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran. Melalui data utama yang mendominasi kajian ni, pengkaji akan menganalisis data utama bersandarkan dua elemen keunggulan teks yang dibataskan. Seterusnya, bagi memperkukuh hasil dapatan yang diperoleh, pengkaji akan membincangkan hasil dapatan dengan terperinci.

4.2 Prinsip Kehadiran dalam Novel-novel Sejarah Terpilih

Prinsip kehadiran yang dianjurkan dalam teori Teksdealisme menawarkan proses yang berterusan menerusi pengarang, dan turut menjurus kepada khalayak. Prinsip kehadiran ini meliputi proses yang bermula dengan penciptaan idea, pengalaman, pembentukan teks, penulisan dan penilaian terhadap kerja-kerja kepengarangan dan pengkhalayakan. Secara ringkasnya, proses kehadiran berlaku pada fasa sebelum penulisan, ketika penulisan dan setelah penulisan selesai sehingga karya tersebut sampai pada khalayak (Mana Sikana, 1996).

4.2.1 Idealisme Pengarang

Idealisme merujuk kepada kepada sesuatu prinsip pegangan mahupun idea-idea unggul tentang kehidupan yang berorientasikan kebenaran serta keadilan (Azhar Wahid, 2009). Menerusi penelitian ini, idealisme yang cuba dibawakan pengarang dapat disoroti melalui dua medium yang berbeza iaitu teks-teks tradisional yang dirujuk serta novel-novel sejarah terpilih yang diselidiki. Sudah semestinya setiap pengarang mempunyai matlamat yang tersendiri dalam menghasilkan karyanya. Perihal ini dapat dikemukakan melalui beberapa perkara seperti pemilihan watak dan persoalan yang dibawakan dalam karya. Pengarang novel-novel sejarah menghadirkan pengalaman bacaan teks-teks tradisional, namun dimanipulasikan dengan idealisme yang baharu.

4.2.1.1 Pemilihan Watak Sejarah

Elemen watak dan perwatakan diperlukan dalam kepelbagaian fungsi daripada yang sangat asas kepada yang fundamental seperti memastikan majunya cerita ke hadapan, menentukan hala tuju, menghadirkan aksi untuk memperbentuk peristiwa, mencorakkan maklum balas khalayak, mendukung dan menterjemah idea, fikiran atau gagasan, menegakkan keyakinan, kebenaran serta nilai luhur, dan sebagainya (Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Zulkarnain Mohamed, 2020).

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji merumuskan dapatan bagi pemilihan watak di dalam jadual 4.1. Berdasarkan jadual tersebut, pengarang telah menghadirkan watak-watak yang terdapat dalam teks tradisional dalam novel-novel

sejarah terpilih dengan begitu teliti, dan memberikan perwatakan baharu terhadap watak-watak tertentu. Hal ini diperincikan seperti berikut:

Jadual 4.1

Idealisme Pengarang melalui Pemilihan Watak Sejarah dalam Novel Sejarah Terpilih

Pemilihan Watak Sejarah	Novel-novel Terpilih			
	<i>Tun</i>	<i>Tun</i>	<i>1515</i>	<i>Nama</i>
	<i>Tuah</i>	<i>Perak</i>		<i>Sultan</i>
				<i>Alauddin</i>
1. Penolakan sistem feodal	/			
2. Pengukuhan nilai agama Islam	/	/	/	/
3. Pengekalan watak sejarah yang unggul		/		/
4. Peningkatan imej Sultan Mahmud Syah			/	
5. Peningkatan imej Hang Jebat	/			

Jadual 4.1 menunjukkan idealisme pengarang melalui pemilihan watak sejarah dalam empat novel sejarah terpilih, iaitu *Tun Tuah*, *Tun Perak*, *1515*, dan *Nama Beta Sultan Alauddin*. Novel *Tun Tuah* menampilkan penolakan sistem feodal serta peningkatan

imej Hang Jebat. Sementara itu, semua novel memperkukuh nilai agama Islam, mencerminkan idealisme pengarang terhadap kepentingan nilai tersebut. Watak sejarah yang unggul dikekalkan dalam *Tun Perak* dan *Nama Beta Sultan Alauddin*. Novel *1515* pula memperlihatkan peningkatan imej Sultan Mahmud Syah.

Affifudin Omar sebagai seorang pengarang yang menghasilkan novel berunsur sejarah telah merekayasa perwatakan baharu terhadap watak-watak utama dalam novel-novelnya. Sebagai seorang pengarang yang kritis, Affifudin Omar menampilkan watak Tun Tuah yang bernuansa jika dibandingkan dengan watak-watak Hang Tuah dalam naskhah-naskhah tradisional. Dalam *Sejarah Melayu*, Hang Tuah sebagai sebahagian daripada masyarakat feudal diperlihatkan sebagai seorang yang begitu setia kepada pemerintah tanpa pernah menyanggah segala arahan yang diperintahkan kepadanya. Hal ini dapat diperlihatkan dalam petikan berikut apabila Hang Tuah dititahkan untuk meminang Puteri Gunung Ledang:

Maka sembah segala orang besar-besar, “Anak raja mana yang hendak Tuanku pinang, supaya patik sekalian kerjakan?”

Maka titah Sultan Mahmud, “Jikalau beristeri sama anak-anak raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki, barang yang tiada pada raja lain, itulah hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan.”

Maka sembah Laksamana dan Sang Setia, “Baiklah Tuanku.”

(*Sejarah Melayu*: 211)

Menerusi petikan di atas, Sultan Mahmud Syah menuntut keinginan yang terlalu melampau demi kepentingan diri sendiri. Baginda tidak mahu memperisterikan puteri

dalam kalangan puteri biasa seperti yang pernah diperisteri golongan kerabat diraja yang lain, lalu baginda berkehendakkan Puteri Gunung Ledang. Hang Tuah tidak menyanggah segala titah perintah baginda sultan, malah arahan meminang Puteri Gunung Ledang dilaksanakan bersama Tun Mamat dan Sang Setia. Secara tidak langsung memperlihatkan sikap Hang Tuah yang begitu menyanjungi arahan golongan pemerintah. Sistem feudal yang berorientasikan susun lapis masyarakat meletakkan autoriti kuasa dimiliki oleh golongan atasan. Oleh yang demikian, pemerintah yang berada pada susun lapis masyarakat tertinggi mempunyai kuasa yang lebih dominan berbanding orang bawahan. Hang Tuah yang mewakili masyarakat bawahan berbanding Sultan Mahmud Syah sekadar menurut tanpa sebarang bantahan terhadap arahan meminang Puteri Gunung Ledang.

Perwatakan tegas Tun Tuah yang tidak menurut segala perintah secara *membabi buta* dapat dikesan melalui rentetan peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang. Affifudin Omar menyerap peristiwa ini daripada *Sejarah Melayu* dengan memberikan suasana yang baharu terutamanya dengan pendirian Tun Tuah. Menerusi naratif *Tun Tuah*, pengarang menggambarkan penghujung kegemilangan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang ketika itu diwarisi Sultan Mahmud Syah. Sultan Mahmud Syah digambarkan sebagai seorang pemerintah yang suka bergelumang dengan perbuatan maksiat, malah cuba menyingkirkan orang-orang lama daripada pentadbiran negara termasuklah Tun Tuah. Sebagai strategi menyingkirkan Tun Tuah dari Melaka bagi membolehkan Sultan Mahmud Syah melaksanakan kehendak nafsunya tanpa ada nasihat dan teguran dari Tun Tuah, maka Sultan Mahmud Syah

merancang peminangan Puteri Gunung Ledang. Perutusan ini diterjemahkan melalui petikan berikut, “Negara ini sangat gemilang di seluruh dunia pada masa ini. Kita harus mempertahankan kegemilangannya ini selama-lamanya! Justeru beta harus memperisterikan seorang permaisuri yang istimewa!” (*Tun Tuah*: 331). Petikan ini jelas mencerminkan sistem feodal yang dipraktikkan dalam masyarakat. Sultan Mahmud Syah yang bertindak sebagai pemerintah menggunakan kekuasaannya dengan memberikan arahan peminangan Puteri Gunung Ledang walaupun dalam novel *Tun Tuah*, watak Puteri Gunung Ledang merupakan entiti yang berketurunan jin.

Pengarang menampilkan watak Tun Tuah sebagai seorang yang cuba menafikan sistem feodal. Menerusi peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang, pengarang menampilkan penentangan terhadap sistem feodal ini melalui perwatakan Tun Tuah. Tun Tuah sebagai seorang pembesar yang telah lama berkhidmat di istana Melaka mempunyai pengalaman yang banyak dan tidak mudah ditipudayakan melalui arahan yang diperintahkan. Oleh yang demikian, Tun Tuah cuba memperdaya kembali baginda Sultan dengan mereka-reka syarat peminangan yang dikehendaki Puteri Gunung Ledang, lalu meminta Tun Mamat menyampaikan syarat peminangan pada baginda Sultan. Perhalusi petikan berikut:

“Pertama sekali dia mahu darah Raja Ahmad semangkuk. Kedua, dia mahu satu jambatan emasa dan satu jambatan perak dari Melaka ke Gunung Ledang, hati kuman tujuh dulang, air mata dayang-dayang raja tujuh tempayan dan sebuah istana yang dibina daripada tulang dan rambut manusia!” jelas Tun Tuah. Dia dalam hatinya dia berdoa, “Ya

Allah, ampunkanlah hamba-Mu yang terpaksa berbohong ini demi kebaikan.”

(*Tun Tuah*: 344)

Syarat-syarat peminangan yang dikemukakan dalam teks ini, berlandaskan idea yang termaktub dalam *Sejarah Melayu*, namun pengarang mengolah semula syarat-syarat peminangan tersebut. Secara jelasnya, petikan di atas memperlihatkan kecerdikan Tun Tuah dalam menundukkan permintaan Sultan Mahmud Syah yang tidak waras kerana ingin beristerikan seorang wanita yang bukannya manusia sebaliknya berketurunan jin. Rencana peminangan ini juga merupakan suatu helah daripada baginda sultan untuk menyahkan Tun Tuah dari negeri Melaka dan perihal ini sebenarnya dimaklumi Tun Tuah sendiri. Menerusi fragmen pengkisahan peminangan Puteri Gunung Ledang ini, pengarang memanifestasikan penentangan terhadap sistem feodal yang memerangkap masyarakat, lalu penentangan ini dijalurkan melalui watak Tun Tuah. Pengarang memperelok watak dan perwatakan Tun Tuah dalam novel *Tun Tuah* sebagai seorang yang tidak membiarkan kesetiiaanya kepada pemerintah diperkotak-katikan.

Watak Tun Tuah ditampilkan sebagai seorang yang bestari dengan mentafsir arahan yang diberi terlebih dahulu tanpa menurutinya secara melulu. Perihal ini memperlihatkan perbezaan yang ketara dengan perwatakan Hang Tuah dalam teks tradisional yang lebih patuh pada arahan pemerintah tanpa timbang tara yang lebih ideal. Secara tidak langsung, pengarang masa kini mengkritik sistem sosial yang melewati masyarakat pada zaman dahulu yang tidak adil. Sistem feodal yang diamalkan secara jelas menafikan hak golongan bahawan yang sering ditindas dan

tidak mempunyai kuasa untuk bersuara. Pengarang juga sebenarnya membawa suasana zaman semasa yang lebih menjurus kepada perubahan sosial yang telah berubah dan membawa kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai hak sama rata dan keadilan sentiasa diperjuangkan.

Menerusi novel *Tun Tuah*, perwatakan Tun Tuah sebagai seorang yang mempunyai pegangan agama atau berpengetahuan dalam ajaran Islam turut dapat dikesan. Pengarang sebenarnya memperteguh watak Tun Tuah sebagai adiwira bangsa dari segi kepercayaan dan agamanya sebagai landasan hidup. Pengarang seolah-olah menghadirkan seorang adiwira yang tidak sekadar tangkas berpencak menentang musuh, tetapi seorang adiwira yang turut memiliki ilmu agama yang tinggi. Setiap tindakannya mempunyai kewajaran yang turut berpaksikan ajaran agama Islam. Sedari awal penceritaan, pengarang sudah memperlihatkan pembentukan keperibadian Tun Tuah yang diberikan pendedahan yang awal terhadap agama oleh ibu bapanya. Perihal ini diterjemahkan melalui petikan berikut, “Apabila Hang Tuah mencapai umur empat tahun pada tahun 1435, seorang mualim yang berbangsa Arab mengajar anak ini membaca Al-Quran serta menguasai bahasa Arab. Pada usia tujuh tahun Hang Tuah telah berjaya khatam Al-Quran dan menguasai bahasa Arab” (*Tun Tuah*: 6). Petikan ini memperjelaskan kehidupan kanak-kanak Tun Tuah yang begitu dekat dengan ajaran Islam, malah pendedahan awal terhadap ilmu agama inilah yang membentuk jati diri dan pemikiran Tun Tuah ketika menginjak usia remaja, seterusnya menjadi seorang dewasa yang tidak melupakan Tuhannya dalam setiap tindak-tanduk perlakuannya.

Perwatakan sebagai seorang yang berpegang teguh pada agama diterjemahkan melalui peristiwa jamuan yang diadakan di istana. Sebagai seorang pembesar, Tun Tuah dan empat orang lagi sahabatnya perlu duduk sebaris bersama Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari apabila mengadap Sultan Mansur Syah. Sesuatu yang menjadi kegusaran Tun Tuah dan sahabat-sahabatnya ialah tradisi minum arak yang dilangsungkan ketika majlis jamuan. Piala yang mengandungi arak akan mula diminum oleh sultan dan disambung oleh para pembesar. Mereka berlima sangat menyedari bahawa tradisi itu menyimpang daripada ajaran agama dan merupakan suatu perbuatan yang berdosa. Oleh yang demikian, Tun Tuah dan sahabat-sahabatnya merencana untuk menasihati sultan agar tradisi ini dihapuskan. Dua hari selepas perbincangan lima sahabat tersebut, baginda sultan pula jatuh gering dan pengarang menghadirkan suasana yang menjadi asbab kepada perberhentian amalan minum arak. Suasana ini digambarkan seperti berikut:

Selama seminggu dirawat oleh beberapa orang dukun, namun baginda tidak juga sembuh. Tuah dan sahabat-sahabatnya bersetuju menasihati Bendahara Paduka Raja supaya memujuk Sultan menghentikan amalan meminum arak. Seorang ahli sufi dipanggil mengubati Sultan. Ahli sufi ini tidak membenarkan Sultan meminum arak. Akhirnya, baginda sembuh. Bendahara yang kini bertambah alim di dalam ilmu Islam bersetuju dengan cadangan ini. Hasil daripada nasihat ini, Sultan akur. Maka istana Melaka bebas daripada arak. Segala tempayan dan guni yang menyimpan arak habis dipecahkan, seperti apa yang berlaku di Madinah semasa turun ayat al-Quran yang mengharamkan arak.

(Tun Tuah: 65)

Petikan di atas jelas menunjukkan kesungguhan Tun Tuah dan sahabat-sahabatnya dalam menentang tradisi minum arak di istana Melaka berhasil. Kegeringan baginda sultan yang tidak sembuh biarpun sudah beberapa kali menerima rawatan telah mendatangkan kesedaran, malah ahli sufi yang dipanggil untuk mengubati baginda telah melarang baginda daripada meminum arak. Perihal ini telah membawa perubahan kepada istana Melaka yang telah menghapuskan simpanan arak yang ada. Kebertangjawaban Tun Tuah pada ajaran agama Islam telah membangkitkan rasa berani dalam dirinya untuk menghentikan tradisi minum arak yang telah lama menjadi amalan di istana. Apabila dilantik sebagai Laksamana, Tun Tuah mempertikaikan tradisi minum arak yang menjadi amalan sekian lama oleh para sultan di istana Melaka sedangkan amalan tersebut dilarang di sisi agama Islam. Sebagai seorang wira yang mewakili masyarakatnya, malah tamadunnya, watak Tuah sewajarnya diberikan perwatakan yang muluk-muluk dalam menjadi teladan kepada masyarakatnya turun-temurun.

Pengarang menghadirkan watak Tuah dengan lebih teguh pegangan agamanya memandangkan perubahan zaman turut memperlihatkan perkembangan ajaran Islam yang lebih dominan dalam kelompok masyarakat Melayu, malah kebudayaan Melayu turut dibangunkan dengan ajaran agama Islam, dalam erti kata lain, segala perlakuan yang dianggap amalan masyarakat, namun melanggar ajaran Islam, maka amalan tersebut tidak lagi diamalkan. Tambahan pula, pengaruh Islam yang begitu kuat dalam masyarakat Melayu dapat ditonjolkan menerusi watak Tuah dalam usaha menentang amalan khurafat yang diamalkan dalam masyarakat pada zaman dahulu ketika


upacara-upacara besar yang dilangsungkan di istana. Selain itu, penjelmaan perwatakan Tuang yang lebih Islamik dapat menjadi suri teladan kepada masyarakat, bukan sahaja dari segi kepahlawanan tetapi juga dari segi kerohanian.

Pengarang menghasilkan novel *Tun Perak* dengan memaknakan rasa sensitif terhadap teks-teks tradisional seperti *Sejarah Melayu*, lalu menyerap kebaikan yang pernah dikemukakan sebelum ini ke dalam teks moden. Mana Sikana (2013) mengungkapkan bahawa menyerap kebaikan masa silam, lalu dicernakan dengan keunggulan teks-teks moden dan pascamoden ialah langkah penuh berani dan bijaksana. Dalam memperkatakan tentang Tun Perak, Tun Perak dikenali sebagai seorang yang mempunyai ketokohan dalam mengatur strategi peperangan. Dilahirkan dalam keluarga dari golongan bangsawan, ternyata bakat kepimpinan terus mengalir dalam darahnya. Tun Perak yang mendiami Klang telah kembali ke Melaka untuk membantu Melaka daripada serangan Siam dan ternyata Melaka menang dalam peperangan tersebut. Hal ini dikisahkan seperti berikut:

Hatta, maka orang Siam pun datanglah, lalu perang dengan orang Melaka. Ada beberapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Siam mati, Melaka tiada alah. Maka Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di hulu Muar. Maka rotan itu pun tumbuh: itulah dinamai orang Rotan Siam. Dan pasungan kayu ara itu pun tumbuh juga, datang sekarang di hulu Muar jua, dan tumang Siam tempat bertanak itu pun tumbuh juga, datang sekarang. Telah Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau pun kembalilah masing-masing ke tempatnya. Maka Tun Perak tiada diberi baginda pulang lagi ke Kelang, diam di Melaka, dijadikan baginda bentara.

(*Sejarah Melayu*: 89)

Petikan di atas memerihalkan peperangan antara Melaka dan Siam yang dimenangi Melaka atas bantuan Tun Perak dan orang-orang Kelang. Pertolongan daripada Tun Perak ini sebenarnya telah membuka mata baginda sultan untuk menghargai kepintaran dan ketokohan Tun Perak sebagai ketua angkatan perang, lalu dilantik sebagai betara dan seterusnya sebagai Perdana Menteri di Melaka. Ketokohan Tun Perak ini merupakan contoh teladan yang harus dimaklumi pembaca pada zaman semasa. Oleh yang demikian, Affifudin Omar tidak terlepas daripada menyisipkan peristiwa ketokohan Tun Perak ini dalam novel *Tun Tuah*. Tun Perak yang dilantik sebagai ketua angkatan perang Melaka menentang Siam telah berjaya menumpaskan Siam dan disambut dengan meriah oleh Sultan Muzafar Syah. Hal ini diperincikan seperti berikut:



Selepas seminggu berjalan, maka sampailah angkatan perang yang dipimpin Tun Perak di bandar Melaka. Mereka disambut Sultan Muzafar Syah, orang-orang besar dan seluruh rakyat secara besar-besaran. Sultan Muzafar Syah menganugerahkan Tun Perak gelaran Paduka Raja dan kepada Hang Ujal, Hang Busu, Hang Tulus gelaran Dato'. Kepada Tuah lima bersahabat gelaran Hang dikurniakan. Mereka berlima terus memberi khidmat sebagai bentara di istana.

(*Tun Perak*: 89)

Ketokohnya dalam memimpin angkatan perang ternyata begitu menonjol dalam diri Tun Perak. Oleh yang demikian, sebagai usaha pengukuhan dalam pengkaryaan, Affifudin tidak menyingkirkan aspek ketokohan Tun Perak ini dalam pengolahan semula dalam bentuk gaya bahasa semasa. Pengarang mahu menonjolkan bahawa masyarakat Melayu tidak sekadar mempunyai Hang Tuah lima bersaudara sebaliknya

mempunyai tokoh-tokoh lain juga yang terbilang, umpamanya Tun Perak. Sesuatu hal yang jelas, sejarah menghadirkan ramai tokoh-tokoh yang boleh dijadikan suri teladan dalam melahirkan bakat kepimpinan yang berkualiti.

Kecenderungan mengetengahkan watak unggul selain Hang Tuah turut dilakukan oleh Faisal Tehrani apabila menghasilkan novel berunsur sejarah berjudul *Nama Beta Sultan Alauddin*. Novel ini mengisahkan Sultan Alauddin secara keseluruhannya bermula dari zaman remaja baginda sehingga detik kewafatan baginda. Sultan Alauddin merupakan waris kesultanan Melayu Melaka yang masyhur dengan kepimpinannya yang adil dan tegas dalam memerangi pencuri di tanah Melaka. Perihal ini dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* seperti berikut:

Telah Sultan Alauddin mendengar pencuri terlalu ganas itu, maka baginda pun terlalu masygul. Telah hari malam maka baginda pun memakai cara pakaian si pencuri. Maka baginda pergi menyamar, tiada membawa teman, hanya Hang Isap dan Hang Siak juga dibawa baginda. Serta pergi itu, maka Sultan Alauddin pun berjalan tiga orang berkeliling negeri Melaka itu, hendak melihat hal negeri. Telah datang pada suatu tempat, maka baginda bertemu dengan si pencuri lima orang mengusung suatu peti berdua; yang tiga orang itu mengiringkan dia. Maka segera diusir baginda. Pencuri itu pun terkejut, lalu lari kelimanya; peti itu dicampakkannya.

(*Sejarah Melayu*: 169)

Petikan di atas merupakan bukti ketokohan seorang pemimpin yang sanggup menyamar sebagai rakyat biasa demi memerangi kes kecurian yang melanda negeri Melaka. Peristiwa ini dianggap signifikan dalam menggambarkan keperibadian Sultan Alauddin sendiri. Oleh yang demikian, Faisal Tehrani tidak terlepas mengungkapkan

kembali kisah ini dalam naratif moden. Faisal Tehrani menerusi novel ini merencanakan plot dengan menampilkan aksi untuk adegan ini. Sultan Alauddin dan Hang Siak dikisahkan mengejar pencuri-pencuri tersebut dan bersilat menumpaskan mereka. Faisal Tehrani memerihalkan peristiwa ini dengan gaya tersendiri seperti berikut:

Sultan Alauddin menggelek badan ke kanan tangkas, satu lagi buah seturut tumbukan baji tangan kiri baginda dilepaskan ke sasaran yang sama di rusuk kanan menyebabkan penjahat mengerang kesakitan. Waktu inilah baginda sultan mengambil kesempatan menetak leher dengan dengan sisi tangan kemudian menendang pelipatpenjahat serentak. Baginda tujahkan hujung rotan ke halkum penjahat. Penjahat tertiarap rebah di atas tanah. Melihatkan rakannya hampir tewas, seorang penjahat lain cuba menyerang dari belakang. Baginda sultan tidak punya pilihan lain kecuali mengeluarkan parangnya, mempertahankan diri, dan melibas pinggang pencuri hingga putus dua badannya.

(*Nama Beta Sultan Alauddin: 66*)

Secara tidak langsung, pengarang sebenarnya mengekalkan watak dan perwatakan terhadap watak Sultan Alauddin. Ketokohnya diberikan perincian yang lebih berbanding yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*, apabila watak Sultan Alauddin sendiri yang bertungkus-lumus menentang dan menumpaskan pencuri yang berbuat onar. Impaknya, pengarang mengangkat tokoh dari kalangan pemerintah yang tidak sekadar memberi arahan, sebaliknya turut sama-sama berjuang dalam membela nasib rakyat. Pemerintah yang berkualiti ditampilkan dalam karya fiksyen berunsur sejarah sebagai tamsilan yang harus dicontohi oleh pemerintah pada zaman semasa.

Pengekalan watak dan perwatakan Sultan Alauddin mencerminkan pengarang memberikan penekanan terhadap perilaku seorang pemerintah yang boleh diteladani

oleh para pemimpin yang lain pada masa kini. Sebagai seorang pemimpin, kekuasaan yang diperolehi tidak sewajarnya disalahgunakan, sebaliknya digunakan demi kesejahteraan masyarakat dan golongan bawahan yang diwakilinya. Selain itu, perihal jenayah masih relevan untuk diketengahkan dalam karya-karya pada zaman kini memandangkan jenayah seperti kes-kes kecurian masih berlaku. Hal ini harus dipandang serius oleh semua pihak termasuklah golongan pemerintah bagi menjamin kehidupan yang lebih sejahtera dalam sesebuah negara.

Menerusi novel *1515*, pengarang telah menyerap watak Sultan Mahmud Syah yang diinspirasi daripada *Sejarah Melayu*. Menerusi *Sejarah Melayu*, watak Sultan Mahmud Syah merupakan pemerintah terakhir zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Menerusi naskah tradisi ini juga, pembaca dapat mengenali keperibadian Sultan Mahmud Syah yang tidak mempamerkan teladan yang baik sebagai seorang pemerintah. Menerusi *Sejarah Melayu* kita dapat meneliti sikap Sultan Mahmud yang tidak berperikemanusiaan dengan mengutamakan kehendak diri sendiri tanpa mempedulikan rasa hormat terhadap orang lain. Hal ini dikisahkan seperti berikut:

Sekali peristiwa Sultan Mahmud Syah bermain dengan isteri Tun Biajid, anak Laksamana Hang Tuah. Tatkala itu Tun Biajid tiada di rumah, pergi ke Morib kerana Morib pegangannya. Maka pada suatu malam Sultan Mahmud pergi ke rumah Tun Biajid. Telah hampir dinihari, maka baginda pun hendak kembali, bertemulah dengan Tun Biajid baru datang dari Morib diiringkan segala orangnya. Maka Tun Biajid pun tahu akan Sultan Mahmud bermain dengan isterinya itu.

(*Sejarah Melayu*: 190-191)

Sultan Mahmud Syah sebagai pemerintah telah menggunakan kuasanya untuk berbuat sesuatu perkara berdasarkan kepentingan diri sendiri semata-mata termasuklah memenuhi kehendak nafsunya yang tidak terbatas. Sultan Mahmud Syah mengambil peluang ketiadaan Tun Biajid yang mempunyai urusan di Morib untuk ke rumah Tun Biajid. Sultan Mahmud Syah telah menurut kehendak nafsunya dengan meniduri isteri Tun Biajid. Perihal ini memaparkan sikap Sultan Mahmud Syah yang tidak menghormati hak orang lain dan berbuat sesuka hati mengikut hawa nafsu.

Walau bagaimanapun, menerusi *1515*, Faisal Tehrani telah membangunkan watak Sultan Mahmud Syah sebagai watak yang lebih unggul sebagai seorang pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Sultan Mahmud Syah dicitrakan sebagai seorang pemerintah yang melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemerintah dengan sewajarnya. Faisal Tehrani memperkemas watak Sultan Mahmud Syah sebagai seorang yang serius dalam mempertahankan Melaka daripada serangan Portugis. Faisal Tehrani mengungkapkan keseriusan Sultan Mahmud Syah sebagai pemerintah ketika merencana strategi mempertahankan Melaka daripada serangan Portugis:

Sultan Mahmud mengambil suasana. “Wahai anakanda Nyemah Mulya, jika kita perintahkan kamu untuk memimpin pasukan perang Melaka apakah kamu bersedia? Bukan kita mencadai sengaja ingin menguji kerana ini urusan besar; jika sanggup katakan ya, jika tidak maka berserah saja.”

Hamba tergamam seketika, menoleh memandang ayah hamba dengan rasa tidak percaya. Ayah hamba mengangguk dan tersenyum semacam mengingtkan hamba, inilah urusan Tuhan, inilah takdir yang telah ditentukan buat hamba.

(1515: 159)

Dalam petikan di atas, Sultan Mahmud Syah tampak bertanggungjawab dalam memainkan peranan sebagai pemerintah tertinggi sesebuah negara. Baginda tidak mempersiapkan kuasa yang ada pada dirinya dengan perihal yang tidak berfaedah, malah menyimpang daripada yang diriwayatkan dalam *Sejarah Melayu*. Menerusi petikan yang dikemukakan, Sultan Mahmud Syah membahagikan tugas sebagai pemimpin pasukan perang Melaka menyerang Portugis kepada Nyemah Mulya. Hal ini kerana Nyemah Mulya telah membuktikan ketangkasnya sebagai seorang panglima perang yang berkualiti apabila berjaya mempertahankan masjid daripada ditawan Portugis dalam serangan sebelumnya. Secara tidak langsung Faisal Tehrani mengidentifikasikan imej positif terhadap watak dan perwatakan Sultan Mahmud Syah.

Perwatakan Sultan Mahmud Syah yang ditampilkan Faisal Tehrani dalam *1515* ternyata begitu berbeza dengan yang dikarang dalam *Sejarah Melayu*. Pengarang cuba menzahirkan sebuah sejarah baharu yang menampilkan sisi-sisi positif Sultan Mahmud Syah yang lebih berwibawa sebagai seorang pemimpin dan lebih prihatin terhadap rakyatnya. Secara tidak langsung, pengarang cuba membersihkan nama seorang tokoh sejarah yang dinilai secara negatif dalam konteks teks-teks tradisional. Penilaian dan pertimbangan yang lebih telus harus dilakukan terhadap beliau dengan mempertimbangkan kekangan yang harus dihadapinya ketika itu sebagai pemerintah yang perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti ketidaksepakatan para pembesar, ancaman penjajah dan sebagainya.

Secara jelasnya, novel *Tun Tuah* karangan Affifudin Omar lebih menonjol dalam memerihalkan watak Hang Tuah itu sendiri yang diinspirasikan daripada *Hikayat Hang Tuah*. Watak lain yang berdamping dengannya juga menerima perhatian pengarang dalam proses penjelmaan semula watak dari *Hikayat Hang Tuah*. Pengarang memberi fokus terhadap peristiwa pertarungan antara Hang Tuah dan Hang Jebat yang dikisahkan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Pertarungan epik tersebut yang memperlihatkan Hang Jebat tumpas dalam pertarungan tersebut, malah mayatnya telah digantung. Secara tidak langsung, *Hikayat Hang Tuah* menawarkan perwatakan Hang Tuah sebagai protagonis dan Hang Jebat sebagai antagonis menerusi peristiwa ini. Oleh kerana Hang Jebat mewakili watak antagonis, maka imej yang mendasari wataknya adalah imej yang negatif. Imej negatif yang dizahirkan melalui watak Hang Jebat diperkukuhkan lagi dengan situasi Hang Jebat mengamuk di pasar setelah beberapa hari selepas peristiwa pertarungan dengan Hang Tuah. Setelah meninggal dunia, mayat Hang Jebat diperlakukan tanpa ihsan dan peri kemanusiaan. Petikan berikut memperincikan:

Maka bentara pun menangis, seraya berkata, “Wah Si Jebat saudaraku, mati tiada berguna dan tiada dengan pekerjaan tuanku. Jika engkau mati dengan pekerjaan tuanmu, aku pun seorang sertamu.” Setelah sudah dilihat bangkai Hang Jebat itu, maka Hang Kasturi pun bermohonlah menghadap raja. Maka oleh Tun Kasturi pun bermohonlah menghadap raja. Maka segala penglihatannya itu dipersembahkannya kepada raja: maka raja pun terlalu sukacita memuji-muji Laksamana.

Setelah Hang Kasturi sudah kembali itu, maka bangkai Hang Jebat pun disuruh oleh Laksamana Tarik ke pintu gerbang pada tengah jalan raya besar, dipasarkan supaya dilihat orang banyak pergi datang. Setelah genap tujuh hari, maka bangkai Hang Jebat pun digantung orang pula di tengah jalan raya.

(*Hikayat Hang Tuah*: 369)

Dalam petikan di atas, Hang Kasturi begitu berdukacita melihat mayat sahabatnya Hang Jebat yang mati dalam keadaan yang sia-sia kerana dianggap sebagai penderhaka dan tidak dipedulikan. Tiada pembelaan terhadap mayatnya, malah baginda sultan begitu bahagia apabila mengetahui Hang Jebat sudah meninggal dunia. Pembinaan imej negatif terhadap watak Hang Jebat digambarkan lagi apabila mayatnya digantung beberapa hari sebagai tatapan kepada rakyat jelata yang lain sebagai pengajaran. Selain itu, penggunaan perkataan “bangkai” dalam merujuk kepada mayat Hang Jebat adalah sesuatu yang sangat hina dan keterlaluan. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), bangkai ditafsirkan sebagai haiwan yang sudah pun mati. Jelasnya, watak Hang Jebat yang dianggap sebagai penderhaka kepada Sultan diberikan imej yang sangat hina oleh pengarang dalam *Hikayat Hang Tuah* pada pengakhiran kehidupannya sehingga disamakan seperti binatang.

Menerusi *Tun Tuah*, pengarang memperelokkan watak Hang Jebat pada pengakhiran kehidupannya tanpa menampilkan imej yang buruk terhadap Hang Jebat, begitu juga dengan mayatnya setelah beliau meninggal dunia selepas pertarungan dengan Hang Tuah. Tambahan pula dalam agama Islam, umatnya dituntut untuk memuliakan jenazah dan menjaga adab dalam pengurusan jenazah. Perihal ini bersangkutan seperti yang diungkapkan Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohamed Azlan Mis dan Khazriyati Sallehuddin (2016) dalam tulisan mereka:

Apabila seseorang umat Islam meninggal dunia, seluruh kaum keluarga dan sahabat handai akan terkesan dengan “pemergian” (kematian) tersebut. Peristiwa ini lazimnya ditangani dengan berhati-hati, bukan

sahaja dari segi prosedur pengurusannya, malah berkaitan dengan hal sosial termasuklah cara masyarakat memperkatakannya. Seajar dengan suasana kesedihan dan kehilangan yang timbul ekoran peristiwa kematian, cara berbahasa seseorang yang ingin memperkatakan hal kematian juga harus diperhalusi.

(hlm: 59)

Jelasnya, agama Islam sangat menuntut umatnya untuk menjaga adab ketika berhadapan dan menguruskan jenazah. Tidak terkecuali, ajaran agama Islam turut merangkumi aspek-aspek yang lain juga seperti menjaga perasaan ahli keluarga si mati dan cara pengungkapan bahasa yang sesuai dalam memerihalkan hal ehwal kematian. Menerusi *Tun Tuah*, pengarang membinasakan imej negatif terhadap pengakhiran kehidupan Hang Jebat, lalu dinukilkan seperti berikut:

Jebat mula dinampakkan lemah dan sedang menyusur ke alam barzakh. Tiba-tiba dia berkata dalam nada yang lemah, “Marilah wahai sahabat-sahabat ku dunia dan akhirat memegang tangan ku!”

“Mengucap syahadah Jebat, biar ianya mengiringimu!” bisik Tuah ke telinga Jebat.

“Laila ha illallah! Muhammad Rasululah!” Selamat tinggal wahai sahabat.....!”

Dengan iringan syahadah Jebat pulang ke alam barzakh meninggalkan empat sahabat-sahabat setianya menghadapi cabaran dan dunia fana ini.


(*Tun Tuah*: 243)

Pengarang cuba memperkukuhkan watak Hang Jebat dengan imej yang positif pada pengakhiran hayat Hang Jebat. Ketika menghadapi saat kematian, Jebat sempat bersemuka dengan empat sahabat baiknya yang selama ini telah sama-sama bersusah-payah bersama sejak kecil lagi. Hang Tuah yang menyebabkan kecederaan parah terhadap Hang Jebat sempat berbisik padanya agar mengucap kalimah syahadah sebelum menghembuskan nafas terakhir. Pengarang memberikan pentafsiran yang

berbeza ketika Hang Jebat berada di penghujung hayat di samping sahabat-sahabatnya, malah sempat mengucap kalimah syahadah seperti yang dianjurkan dalam ajaran agama Islam.

4.2.1.2 Gagasan Pengarang dalam Karya

Setiap pengarang mempunyai gagasan yang tersendiri yang hendak disampaikan melalui penulisan mereka. Menerusi gagasan yang diketengahkan, pembaca dapat mentafsir keperluan pengarang dalam menghasilkan penulisan tersebut, di samping para pembaca dapat menelaah nilai-nilai murni yang cuba disampaikan. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, ternyata pengarang novel-novel sejarah begitu cenderung memerihalkan citra keperwiraan, politik dan kepimpinan serta hubungan diplomatik dalam karya mereka. Perihal ini dapat dijelaskan melalui Jadual 4.2 berikut:



Jadual 4.2

Idealisme Pengarang melalui Gagasan Pengarang dalam Novel Sejarah Terpilih

Gagasan Pengarang	Novel-novel Terpilih			
	<i>Tun</i>	<i>Tun</i>	<i>Beta</i>	<i>Nama</i>
	<i>Tuah</i>	<i>Perak</i>	<i>1515</i>	<i>Sultan</i>
				<i>Alauddin</i>
1. Citra keperwiraan	/	/	/	/
2. Politik dan kepimpinan	/	/	/	/
3. Agama dan kepercayaan	/	/	/	/
4. Hubungan diplomatik	/	/	/	/
5. Menuntut ilmu	/			
6. Perdagangan	/			

Jadual 4.2 menunjukkan semua novel menampilkan gagasan pengarang berkaitan citra keperwiraan, politik dan kepimpinan, agama dan kepercayaan, hubungan diplomatik, menuntut ilmu serta perdagangan mencerminkan idealisme pengarang dalam mengangkat nilai-nilai kepahlawanan dan kebijaksanaan tokoh sejarah.

Menyorot perbandingan naratif antara *Sejarah Melayu* dengan novel-novel terpilih, ternyata novel berunsur sejarah ditunjangi gagasan keperwiraan watak-watak yang ditampilkan. Persoalan keperwiraan begitu dominan dalam novel berunsur sejarah dan diinspirasi daripada teks sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu*. Mendekati

konsep wira, Shahnnon Ahmad (1993) menyimpulkan wira sebagai “insan ideal yang ter-tonjol, merealisasikan aspirasi seluruh anggota masyarakatnya” (hlm. 102). Sementara, Low Kok On (2001) menyifatkan wira sebagai susuk yang istimewa yang dilengkapi dengan beberapa karakter keperwiraan seperti kacak, kuat, gagah, berani, bijak dan sanggup memperjuangkan kebajikan masyarakat. Secara tuntasnya, wira dapat diklasifikasikan sebagai seorang anggota masyarakat yang berkaliber serta mempunyai karakter yang ideal dan berperanan mewakili masyarakatnya dalam mempertahankan hak-hak masyarakat.

Berhubung dengan konsep keperwiraan yang dibincangkan, *Sejarah Melayu* secara jelas memerihalkan citra keperwiraan yang sebenarnya turut menjadi elemen penting dalam teks-teks sastera sejarah. M. Khalid Taib (1993) menyifatkan seorang wira yang diperkenalkan dalam teks-teks sastera sejarah merupakan wakil yang mendukung cita-cita bangsa dan seterusnya menjadi lambang kemegahan sesuatu bangsa. Petikan berikut membutirkan citra keperwiraan yang secara tidak langsung mengangkat kehebatan bangsa yang diwakili watak utamanya:

Maka kedua mereka itu mengamuklah. Segala orang Haru itu pun habis terjun ke air setengah lari ke perahunya sendiri. Maka diikuti oleh Seri Bija Diraja dan Tun Isap, dinaikinya perahu Haru itu, alah. Maka segala orang Seri Bija Diraja dilanggarnya kelengkapan Haru itu, dua tiga buah alah. Maka Laksamana dan segala hulubalang Melaka pun melanggar segala kelengkapan Haru itu. Maka ia pun patahlah perangnya lalu lari. Maka diperikut oleh segala orang Melaka. Maka banyaklah orang Haru alah, tinggal sebahagi lagi.

(*Sejarah Melayu*: 174)

Petikan di atas secara tidak langsung merujuk kepada pertempuran antara orang Melaka dengan Orang Haru. Hal ini berhubung dengan titah pemerintah Haru yang mahu jajahan Melaka dirosakkan; “Maharaja Diraja pun menintahkan hulubalang, Seri Indera namanya merosakkan segala jajahan Melaka,” (*Sejarah Melayu*: 173). Titah Maharaja Diraja Haru telah membawa kepada persediaan rapi peperangan yang telah dilakukan oleh pasukan perang Haru. Orang Haru telah bersiap dengan segala kelengkapan perang yang banyak dalam pertempuran ini berbanding dengan Melaka. Walau bagaimanapun, pasukan perang Melaka ditunjangi Laksamana, Tun Hisap dan Seri Bija Diraja yang mempunyai keberanian dan kecintaan yang tinggi terhadap Melaka telah berusaha mempertahankan Melaka dan menyebabkan pasukan perang Haru kalah dalam peperangan ini. Peristiwa peperangan Melaka dan Haru ini turut mendapat perhatian Affifudin Omar, lalu diolah seperti petikan di bawah:

Pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah melihat penambahan keluasan jajahan takluk Melaka. Berasaskan kekuatan ekonominya, Sultan memerintah Tun Tuah mengepalai angkatan Melaka melanggar Haru yang terletak di Utara Sumatra. Pada mulanya Sultan Alauddin tidak berniat melanggar Haru. Tetapi selepas Haru membuat kacau di tanah-tanah jajahan Melaka di wilayah-wilayah Sumatra Timur, baginda sangat murka.

Laksamana Tun Tuah, dibantu oleh Seri Bija Diraja dan Paduka Tuan melanggar Haru. Maka berlakulah pertempuran di laut yang hebat. Laksamana Tun Tuah memimpin tentera laut Melaka yang terdiri daripada Orang Laut mengalahkan angkatan maharaja Haru. Pertempuran melarat pula ke daratan di mana Seri Bija Diraja dan Paduka Tuan mengalahkan tentera Haru. Ini membolehkan Melaka menakluki negara Haru.

(*Tun Tuah*: 279)


Pengarang melalui petikan di atas memperkukuhkan tanggapan pembaca terhadap kehebatan negeri Melaka yang mempunyai negeri jajahan yang banyak serta dibantu

dengan kestabilan ekonominya. Kebiadapan tentera Haru yang membuat kacau di beberapa tanah jajahan Melaka telah mendatangkan kemurkaan pemerintah tertinggi Melaka, iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah. Menerusi petikan ini, Tun Tuah diperintah sebagai pemimpin angkatan perang dalam melawan ancaman daripada Haru. Tun Tuah yang dianggap sebagai wakil kepada masyarakatnya telah berjaya mematahkan serangan angkatan tentera Haru, sekali gus pengarang menyerlahkan kehebatan bangsa Melayu yang diwakili Tun Tuah.

Peristiwa peperangan antara Haru dengan Melaka dapat memberikan gambaran kepada pembaca akan nilai-nilai murni yang terdapat dalam watak-watak yang dikisahkan. Secara tidak langsung, peristiwa ini mempunyai objektif yang jelas dalam mengangkat kehebatan Melaka sebagai sebuah empayar yang disegani, malah menyerlahkan keperwiraan wira-wira alam Melayu. Umpamanya watak Tun Tuah yang menjadi suri teladan masyarakat Melayu mempunyai sifat kepatuhan pada arahan raja, sifat kepimpinan yang cemerlang sebagai ketua angkatan perang dan sifat keberanian yang tinggi dalam menentang pihak musuh. Selain itu, citra keperwiraan yang ditonjolkan dalam teks-teks ini dapat membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pembaca untuk menzahirkan rasa cinta pada negara dan berjuang mempertahankan tanah air.

Melalui novel *Tun Perak* pula, Affifudin Omar mempamerkan kecenderungan mengetengahkan watak yang menjuduli novel ini iaitu Tun Perak sendiri, seorang bendahara Melaka yang terbilang. Pada dasarnya, novel ini mengisahkan latar

belakang kehidupan Tun Perak dan keupayaannya sebagai salah seorang pentadbir terpenting dalam kerajaan Melaka. Tun Perak turut dilabel sebagai tokoh yang unggul sebagai teraju utama dalam peperangan yang melibatkan kemenangan Melaka. Muhammad Zaki Badawi (1979) menyabitkan Tun Perak sebagai tokoh yang paling signifikan pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dalam memenangkan Melaka secara besar-besaran dalam beberapa siri peperangan. Sememangnya menerusi naratif *Tun Perak*, pengarang mengangkat kepewiraan tokoh melalui tanggung jawab yang diberikan sebagai ketua angkatan perang dan tanggung jawab tersebut berjaya dipikul dengan sehabis baik. Sebagai contoh, keterlibatan Tun Perak dalam peperangan antara Melaka dengan Siam digambarkan pengarang seperti dalam petikan berikut:



Pada esok paginya angkatan Melaka yang dipimpin Tun Perak dan Tuah mara dari hadapan merempuh dengan gajah-gajah perang mereka terhadap barisan angkatan Siam. Maka perjuangan kemuncak berlaku secara pertarungan jarak dekat. Banyaklah perwira daripada kedua belah pihak yang gugur. Akhirnya tentera Siam dikalahkan apabila panglimanya Awi Cakri dibunuh semasa berjuang dengan Tun Perak. Gajah Tun Perak merempuh gajah Awi Cakri dan semasa pergelutan di antara kedua gajah itu, Tun Perak membaling lembingnya menasari dada panglima Siam itu. Lembing itu menerobos dada Awi Cakri sehingga ke belakangnya. Awi Cakri terus jatuh ke tanah dan menghembus nafasnya yang terakhir.

(*Tun Perak*: 85-86)

Melalui cuplikan di atas, keperwiraan Tun Perak diserlahkan oleh pengarang melalui peperangan antara Melaka dengan Siam. Tun Perak selaku ketua angkatan perang berada di barisan hadapan angkatan perang telah merempuh angkatan perang Siam dan berlawan dalam jarak yang dekat. Tun Perak mengambil tanggungjawab untuk berlawan dengan Awi Cakri yang juga merupakan ketua angkatan perang Siam ketika

itu. Pertarungan yang sengit menyerlahkan keperwiraan Tun Perak apabila berjaya menewaskan Awi Cakri yang mati kerana dadanya ditusuk lembing yang dibaling oleh Tun Perak. Kematian Awi Cakri melemahkan angkatan perang Siam dan akhirnya kemenangan berpihak pada angkatan perang Melaka.

Selain Affifudin Omar, Faisal Tehrani juga mengangkat gagasan keperwiraan tokoh menerusi watak-watak utama yang ditonjolkan dalam novel-novel sejarah terpilih. Menerusi novel *1515* misalnya, watak Nyemah Mulya yang diciptakan oleh pengarang tidak ketinggalan dizahirkan sebagai watak yang unggul dari segi keperwiraannya. Pengarang tidak meminjam watak-watak dari teks tradisional, tetapi pengarang masih menghadirkan gagasan keperwiraan dalam naratif yang baharu.

Biarpun Nyemah Mulya seorang wanita dan masih berada pada takah usia remaja, namun Nyemah Mulya diberikan perwatakan dengan memiliki kelebihan berbanding wanita-wanita lain seusianya. Ketika masih di dalam kandungan ibunya, pengarang telah mula memperlihatkan keluarbiasaan Nyemah Mulya apabila ibunya telah bermimpi didatangi wali Allah. Menerusi mimpi tersebut, ibunya disaran untuk menggoncang pokok pulasan sehingga gugur tujuh biji buah pulasan. Seterusnya buah-buah itu dimakan bersama bijinya sekali. Keperwiraan Nyemah Mulya juga digambarkan dengan kebolehan-kebolehan tertentu yang tidak dimiliki oleh manusia biasa yang lain seperti berikut:

Sejak itu hamba boleh melayang di udara, boleh memukul dari jauh dan boleh terbang dari satu pohon ke satu pohon. Ilmu batin kanungan dengan

kalimasada menjadi senjata hamba sejak itu. Kemudian enam bulan hamba belajar pula silat gayung ghaib yang dibawa dari tanah Arab diperkenalkan oleh Raja Merah Silu. Hamba menuntut dari Pak Alang Montan sehingga semua seni silat hamba uasai termasuk sendeng, limau, kuntau dan bermacam-macam lagi.

(1515: 30-31)

Keperwiraan Nyemah Mulya yang ditonjolkan pengarang ialah sifat-sifat luar biasa yang tidak dimiliki oleh manusia biasa yang lainnya. Ternyata pengarang mempersiapkan watak utama dalam novel ini dengan keistimewaan-keistimewaan tertentu yang menjadikan wataknya menyerlah sebagai seorang wira yang unggul. Nyemah mempunyai kelebihan untuk berterbangan di udara, memukul dari jarak yang jauh serta terbang dari satu pohon ke pohon yang lain. Tidak sekadar keistimewaan tertentu, malah Nyemah juga mempunyai kelebihan dari segi ilmu persilatan. Secara tidak langsung, pengarang menampilkan keperwiraan Nyemah Mulya dari segi kelebihan luar biasa dan ilmu seni mempertahankan diri yang dituntut secara eksklusif daripada pengamal yang berwibawa.

Keperwiraan yang dikaitkan dengan ketangkasan dalam ilmu persilatan diperincikan sebagai sifat khas yang dimiliki watak utamanya iaitu Sultan Alauddin turut dapat dikenal pasti dalam novel *Nama Beta Sultan Alauddin*. Novel ini menerapkan elemen-elemen yang positif dalam diri watak utamanya dan secara tidak langsung menerapkan nilai-nilai murni terhadap pembaca. Sedari kecil lagi pengarang memperlihatkan perbezaan perwatakan watak utama dengan kakandanya. Mereka selalu berlain pandangan dan pendapat, malah kakandanya iaitu Raja Ahmad lebih nakal sifatnya ketika masih kecil. Sultan Alauddin atau nama sebenarnya sebelum ditabalkan menjadi sultan Melaka ialah Raja Husain, memanfaatkan masa mudanya untuk menuntut ilmu

terutamanya ilmu persilatan. Petikan di bawah menunjukkan kesungguhan serta kelebihan yang dimiliki baginda dalam seni mempertahankan diri:

Pada pelajaran seterusnya baginda sudah mahir menyediakan langkah. Baginda dilatih bergerak lincah ke setiap arah, ke sisi kanan dan kiri sebelum merubah tangkas ke belakang atau mencangkung rendah dan sederhana tinggi sebelum melonjakkan tubuh ke udara dengan menjadikan tanah sebagai tempat untuk melancarkan lompatan. Dalam tiga hari, gerakan Raja Husain sudah ibarat angin. Raja Husain juga ditunjukkan bunga silat sebagai tata adab sebelum bersilat atau bertempur dengan lawan.

(Nama Beta Sultan Alauddin: 27)

Petikan di atas menunjukkan keperwiraan Sultan Alauddin dipupuk sejak dirinya masih kecil. Baginda juga seorang yang mempunyai kelebihan apabila mudah menerima pelajaran yang dipelajarinya tanpa perlu mengambil masa yang lama untuk belajar. Dalam tempoh selama tiga hari sahaja, baginda sudah dapat menguasai ilmu persilatan, malah pergerakannya juga tangkas diibaratkan seperti angin. Kelebihan ini meletakkan baginda sebagai seorang pemimpin yang berilmu serta berkemahiran dalam seni mempertahankan diri dan perihal ini penting sebagai langkah dalam menentang musuh dan menjadi seorang pemimpin yang dihormati.

Gagasan seterusnya yang melatari novel-novel kajian ialah politik dan kepimpinan. Politik dan kepimpinan merupakan suatu sistem yang dipraktikkan dalam pembangunan kehidupan masyarakat agar lebih teratur dan bersistem. Mendasari pemaknaan politik, Ridho Al-Hamdi (2020) memaknakan politik sebagai segala perihal yang bersangkutan dengan kekuasaan. Hishamudin Jamiludin dan Junaidi Awang Besar (2021) mengemukakan definisi politik dengan lebih jelas dengan

menyatakan politik sebagai suatu seni pengurusan dalam kehidupan manusia yang merangkumi pentadbiran dan digerakkan oleh entiti politik iaitu ahli politik dan rakyat biasa. Sementara itu, kepimpinan didefinisikan oleh Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd Nizam Sahad (2020) sebagai keupayaan untuk memimpin. Menyorot teks *Sejarah Melayu* gagasan politik dan kepimpinan diserlah dalam petikan berikut:

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzzafir Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah. Hatta, maka Seri Nara Diraja pun pindahlah ke sebelah kanan jadi Paduka Raja duduk pada tempat Bendahara.

(*Sejarah Melayu*: 90)

Dalam petikan ini, setelah Sultan Muzaffar Shah mendengar pandangan Tun Perak yang menjawab persoalan Amerta yang meragui cadangannya yang membawa seluruh isteri dan anak ke Melaka dari Klang. Jawapan yang diberikan Tun Perak iaitu mahukan pasukan perang berlawan bersungguh-sungguh demi ahli keluarga mereka begitu menarik perhatian baginda yang mendengarnya. Sultan merasa bahawa Tun Perak tidak lagi sesuai hanya menjadi bentara (orang yang bertanggungjawab sebagai utusan atau pembantu dalam tugas-tugas tertentu) tetapi sudah layak untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi, iaitu Perdana Menteri. Sultan menilai bahawa kepintaran, kebijaksanaan, dan integriti Tun Perak menjadikannya seseorang yang patut diberi kedudukan yang lebih tinggi dalam pentadbiran negara.

Menerusi novel *Tun Tuah*, citra politik dan kepimpinan dapat dilihat daripada beberapa watak yang menggerakkan plot penceritaan novel ini. Politik yang digambarkan memperlihatkan raja sebagai pemegang kuasa pemerintahan tertinggi menghargai usaha-usaha pembesar yang banyak berjasa terhadap Melaka. Selain itu, ketokohan dalam memimpin telah memperlihatkan kesan yang positif terhadap pemerintahan dan juga negeri Melaka secara amnya. Citra politik dan kepimpinan menerusi naskhah ini dapat ditelusuri melalui watak Tun Tuah dan sahabat-sahabatnya serta watak Tun Perak seperti petikan berikut:

Dari hari itu, kelima sahabat telah dinaikkan pangkat dari jawatan bentara di istana ke jawatan-jawatan yang lebih tinggi tarafnya. Pada umur dua puluh tiga tahun mereka telah berjaya memegang jawatan penting negara Melaka yang sedang makmur dan terus maju dalam bidang ekonominya. Bendahara Paduka Raja atau nama sebenarnya Tun Perak, adalah seorang yang warak. Beliau menggalakkan percambahan pusat pengajian Islam di bandar Melaka. Beliau yang merupakan bapa saudara Sultan Mansur Syah mempelajari ilmu agama daripada seorang mualim dari Gujerat. Kini bukan sahaja Melaka menjadi pusat di mana orang mencari kekayaan dunia, tetapi juga menjadi pusat penyebaran agama Islam terbesar selepas Aceh di Alam Melayu. Bebagai suku Melayu, seperti Minangkabau, Jawa, Bugis, Sulu, Banjar, Aceh, Sunda dan lain-lain, datang belajar di madrasah-madrasah yang didirikan.

(*Tun Tuah*: 62)

Gambaran di atas mendedahkan kesetiaan serta pengorbanan sebagai pemimpin masyarakat telah diberikan penghargaan, malah kepimpinan yang berkesan juga telah mendatangkan impak yang positif untuk kesan jangka panjang. Pada usia yang muda, pemerintah telah menaikkan jawatan Tun Tuah dan sahabatnya tanpa prejudis atas kejayaan mereka melaksanakan tugas-tugas sebagai bentara di istana sebelum ini.

Dalam menggambarkan politik dan kepimpinan, ternyata pengarang memperlihatkan kepada pembaca kesan terhadap politik dan kepimpinan yang dilaksanakan dengan sewajarnya. Menerusi petikan di atas pengarang mengisahkan Tun Tuah dan empat lagi sahabatnya telah dinaikkan pangkat dari jawatan bentara kepada jawatan yang lebih tinggi peringkatnya. Perlantikan ini adalah kerana kesungguhan yang ditampikan oleh mereka berlima sehingga pelabuhan Melaka menjadi sebuah pelabuhan yang aman, lagi mendatangkan keuntungan dari segi ekonominya.

Selain *Tun Tuah*, pemaparan gagasan politik dan kepimpinan juga dapat dikesan dalam *Tun Perak* oleh Affifudin Omar. Watak utamanya merupakan seorang tokoh yang terbilang dalam pemerintahan negeri Melaka dan merupakan insan yang begitu dipercayai sultan. Kredibilitinya sebagai seorang pemimpin diserlahkan dengan peristiwa pengumuman sultan yang mengangkatnya sebagai ketua angkatan perang dalam menentang serangan angkatan perang dari Siam. Hal ini ditampikan Affifudin Omar dalam petikan berikut:

“Dengar sini semua rakyat beta sekalian!” seru Sultan Muzafar Syah,
“Beta dengan ini mengangkat Tun Perak menjadi kepala perang Melaka menentang angkatan Siam. Taatilah segala perintahnya!”
“Daulat Tuanku!” teriak seluruh rakyat yang berhimpun seramai lebih kurang lima ribu orang itu.
“Ampun Tuanku!” Tun Perak berdatang sembah sambil melutut di hadapan Sultan, “Patik dengan rendah diri menerima tanggungjawab ini! Semoga Allah bersama patik!”

(*Tun Perak*: 65-66)

Sultan Muzafar Syah menaruh kepercayaan kepada Tun Perak untuk mengetuai angkatan perang Melaka dalam menangkis serangan angkatan perang Siam. Baginda sultan telah mengumumkan perlantikan tersebut di hadapan lima ribu orang rakyat Melaka yang akan bersama-sama mempertahankan negeri Melaka dari serangan musuh. Tun Perak menerima amanah yang diberi tanpa bantahan dan mengemudi angkatan perang dengan sebaiknya. Kepimpinan Tun Perak yang terbilang terbukti apabila angkatan perang Melaka berjaya menumpaskan pasukan dari Siam. Ternyata kepercayaan baginda sultan terhadap kepimpinan Tun Perak tidak sia-sia.

Gambaran mengenai politik dan kepimpinan turut dapat dikesan dalam *1515*, tulisan Faisal Tehrani. Sebagai sebuah novel sejarah sememangnya tidak terlepas mengangkat semula watak tradisi yang sudah dimaklumi masyarakat secara umumnya. Pengarang menerapkan subjek politik dan kepimpinan menerusi watak Sultan Mahmud yang telah dijelmakan semula dalam naskhah ini. Sebagai seorang pemimpin teratas, baginda bertanggung jawab dalam memacu politik negara dan menjadi teladan terbaik dalam kepimpinan. Pengarang menyerlahkan sikap Sultan Mahmud ketika Portugis menyerang Melaka pada tahun 1511. Perihal ini dikisahkan pengarang dengan peristiwa berikut:

Muncul baginda Sultan Mahmud dari arah istana menaiki gajah diiringi paluan gong. Sultan Ahmad juga menunggang gajah, sementara pejuang-pejuang lain bersama sepuluh ekor gajah lagi keluar dengan gagah, didahului pasukan pemanah berani mati berjumlah tiga ribu orang. Orang-orang Melaka yang terdorong oleh keberanian baginda sultan bergegas mengambil tempat semula.

(1515: 65)

Kedatangan Portugis ke Melaka dengan niat yang jahat telah dirancang oleh Albuquerque dengan sebaik perancangan apabila membahagikan dua kumpulan dalam usaha mendapatkan Melaka. Pasukan pertama menyerang dari sebelah pantai dan pasukan kedua mendarat dari sebelah sebuah masjid yang terbiar. Keadaan negara yang meruncing telah menduga kepimpinan Sultan Mahmud ketika itu sebagai seorang pemerintah tertinggi. Sultan Mahmud telah bertindak menaiki gajah, begitu juga Sultan Ahmad yang turut menunggang gajah bersama rakyat jelata yang lain berhadapan dengan musuh. Sebagai seorang pemimpin yang teratas, Sultan Mahmud tidak sewenang-wenangnya membiarkan negaranya diserangi musuh. Sultan Mahmud juga tidak mempergunakan orang bawahannya demi kedudukan eksklusifnya sebagai pemerintah tertinggi daripada melibatkan diri dalam mempertahankan negara, sebaliknya Sultan Mahmud sendiri dengan beraninya menentang musuh.

Aspek politik dan kepimpinan yang disentuh Faisal Tehrani dalam *Nama Beta Sultan Alauddin* turut mengheret keperibadian watak utamanya. Pengarang memperagakan perwatakan unggul seorang bakal pemimpin yang mempunyai sifat kepimpinan sejak kecil lagi. Hal ini diserlahkan pengarang dalam peristiwa berikut:

“Tentu sahaja Raja Ahmad berang Nuh Ha Mim itu tidak melutut ya tuk?” Kata Umar sambil menguap mengangakan mulut dengan luas. Datuk tersenyum. “Begitulah, hendak ditikamnya orang tua atau guru agama itu tetapi segera ditegah oleh Raja Husain. Makin bertambahlah geram dan marahnya Raja Ahmad kepada adiknya itu. Raja Ahmad bertitah...” Datuk berdehem dan mengeraskan suaranya.

(*Nama Beta Sultan Alauddin*: 16)

Ketika rombongan istana dalam perjalanan ke Pulau Besar untuk bermandi-manda, rombongan ini telah melalui kawasan yang didiami rakyat jelata. Mengikut tradisi, masyarakat awam akan berhenti, duduk dan melutut apabila menemui rombongan diraja. Walau bagaimanapun, seorang guru tasawuf tidak melakukannya sehinggalah mendatangkan amarah kepada Raja Ahmad, malah Raja Ahmad berkeinginan untuk membunuh guru tasawuf itu dengan alasan tidak menghormati rombongan diraja. Perlakuan ini segera ditegah oleh Raja Husain yang tidak bersetuju dengan tindakan kakandanya itu. Peristiwa ini memperlihatkan nilai kemanusiaan yang terkandung dalam diri Raja Husain sebagai seorang bakal pemerintah, malah seawal usia kanak-kanak, Raja Husain sudah matang dalam melakukan pertimbangan dan membuat keputusan, secara tidak langsung mencerminkan keupayaannya dalam meneruskan legasi pemerintahan yang adil terhadap negeri Melaka.

Gagasan seterusnya yang melatari teks-teks tradisional dan masih diungkapkan dalam teks-teks pada zaman semasa ialah agama dan kepercayaan. Teks-teks tradisional bukan sekadar mencatatkan perkembangan sesebuah kerajaan dan pemimpinnya, tetapi juga mencatatkan persoalan agama dan kepercayaan yang membentuk identiti masyarakat dan kerajaannya. Pemerintah memainkan peranan yang penting sebagai ketua dalam agama, memandangkan pemerintah menjadi tokoh yang disanjung, sekaligus memberi keyakinan kepada rakyat untuk mempercayai segala ideologi dan kepercayaan yang dianuti pemimpin. Berikut merupakan petikan yang menggambarkan keislaman Raja Kecil Besar:

Telah berapa lamanya Raja Kecil Besar di atas kerajaan, maka baginda bermimpi pada suatu malam, berpandangan pada keelokan Rasulullah SAW. Maka sabd Rasulullah SAW kepada Raja Kecil Besar, “Ucap olehmu kalimah syahadat.”

Maka dituruti oleh Raja Kecil Besar seperti sabda Rasulullah SAW itu. Maka sabda Rasulullah SAW, “Adapun namamu Sultan Muhammad; esok hari waktu asar matahari, datang sebuah kapal dari Judah, turun orangnya sembahyang di Pantai Melaka ini; hendaklah engkau ikut barang katanya.”

(Sejarah Melayu: 71)

Raja Kecil Besar telah memerintah kerajaan selama beberapa lama dan pada suatu malam, baginda bermimpi melihat keelokan Rasulullah SAW. Dalam mimpi tersebut, Rasulullah SAW memberi petunjuk kepada baginda untuk mengucapkan kalimah syahadat. Raja Kecil Besar menuruti petunjuk tersebut. Selain itu, Rasulullah SAW juga memberitahu bahawa pada keesokan harinya, pada waktu asar, sebuah kapal dari Judah akan tiba di pantai Melaka dan orang-orang dari kapal tersebut akan melakukan sembahyang di pantai itu. Baginda diminta untuk mengikuti segala perlakuan mereka. Peristiwa ini membawa kepada keislaman Raja Kecil Besar, Bendahara, golongan pembesar dan rakyat jelata di Melaka.

Peristiwa ini begitu signifikan kerana peristiwa ini menandakan penerimaan Raja Kecil Besar terhadap Islam, yang merupakan langkah penting dalam penyebaran agama Islam di kepulauan Melayu, khususnya di Melaka. Mimpi yang dialami oleh Raja Kecil Besar dan petunjuk yang diberikan oleh Rasulullah SAW menggambarkan peralihan spiritual baginda dari kepercayaan lama kepada agama Islam. Perihal ini juga mencerminkan agama Islam diperkenalkan kepada pemimpin-pemimpin Melayu melalui cara-cara yang istimewa.

Penelitian ini menemukan kecenderungan pengarang dalam mengemukakan gagasan agama dan kepercayaan, namun dimanifestasikan dengan pengemblengan naratif dengan kemahiran mengolah dan mengarang yang tersendiri oleh Affifudin Omar dan Faisal Tehrani. Penghasilan novel sejarah secara tuntasnya turut diseimbangi dengan pengetahuan agama dan kepercayaan yang sebenarnya menjadi panduan dalam kehidupan dan dapat memberi manfaat kepada pembaca. Secara tidak langsung, pengarang menyampaikan dakwah melalui penulisan. Menerusi novel *Tun Tuah*, pengarang memberi penekanan terhadap perihal arak yang diharamkan dalam agama Islam:

Dua hari selepas lima sahabat itu berbincang mengenai hal menasihati Sultan, tiba-tiba baginda jatuh gering. Selama seminggu dirawat oleh beberapa orang dukun, namun baginda tidak juga sembuh. Tuah dan sahabat-sahabatnya bersetuju menasihati Bendahara Paduka Raja supaya memujuk Sultan menghentikan amalan meminum arak. Akhirnya baginda sembuh. Baginda yang kini bertambah alim di dalam ilmu Islam bersetuju dengan cadangan ini. Hasil daripada nasihat ini, Sultan akur. Maka istana Melaka bebas daripada arak. Segala tempayan dan guri yang menyimpan arak habis dipecahkan, seperti apa yang berlaku di Madinah semasa turun ayat al-Quran mengharamkan arak.

(*Tun Tuah*: 65)

Petikan di atas mengisahkan baginda sultan yang gering namun tidak juga sembuh biarpun telah dirawat oleh beberapa orang dukun. Oleh yang demikian, atas keprihatinan terhadap pemerintah dan kemakmuran Melaka, Tun Tuah dan sahabat-sahabatnya telah meminta Tun Perak untuk menasihati baginda sultan agar tidak lagi meminum arak. Tambahan pula amalan tersebut merupakan amalan yang disanggah dalam ajaran agama Islam. Baginda sultan yang sembuh setelah dinasihati Tun Perak

telah memersetujui pujukan tersebut dan membersihkan Istana daripada amalan meminum arak, malah segala bekas penyimpanan arak telah dimusnahkan. Pengarang ternyata menyampaikan amanat dalam memerihalkan amalan meminum arak yang ditegah dalam agama Islam. Amalan ini telah menjadi suatu budaya dalam kalangan pemerintah Melaka ketika mengadakan keraian sehinggakan sukar untuk dihapuskan.

Menelusuri kandungan novel *Tun Perak* pula, pengarang menyentuh tentang penutupan rumah-rumah maksiat yang bukan sekadar menjadi tempat perlakuan maksiat semata, tetapi menjadi tempat kepada penularan bahan-bahan terlarang seperti pelbagai jenis dadah. Pengarang menyalurkan dakwah yang bersangkutan dengan larangan dalam ajaran agama Islam seperti berikut:

Temenggong ditugaskan menutup segala rumah-rumah maksiat. Beliau melakukannya dengan ghairah kerana anak sulungnya kini sudah menjadi seorang penagih candu. Candu mentah yang boleh dibeli dengan murah, diletak di dalam buluh kecil. Pelita lilin memanaskannya dari bahagian bawah buluh, mengeluarkan wap dadah heroin yang dihisap oleh penghisap di hujung buluh itu. Ini menyebabkan rasa khayal dan rasa diri penghisap seolah-olah melayang di udara. Segala deria intelek dan sekatan-sekatan hukum alam dan agama lesap seperti asap yang berlalu daripada minda si penghisap.

(*Tun Perak*: 467)

Petikan di atas memaparkan kegigihan seorang pegawai istana yang menerima arahan menutup rumah-rumah maksiat di Melaka, tambahan pula anaknya sudah terjebak dengan najis dadah. Dalam petikan ini, pengarang menggambarkan undang-undang dari pemerintah menolak aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Impak pembukaan tempat-tempat maksiat mampu mengundang permasalahan sosial yang lebih teruk terhadap

negara. Hal ini secara jelasnya diungkapkan dalam ajaran agama Islam yang melarang umatnya mendekati maksiat, begitu juga dengan perkara-perkara yang mendatangkan kemudharatan terhadap diri sendiri. Moh Matsna (2015) menyatakan menjauhi tempat-tempat haram iaitu tempat yang dijadikan medan maksiat dan tempat-tempat penjualan dan penyewaan barang haram adalah sesuatu yang wajar dilaksanakan bagi menghindari perkara-perkara yang negatif.

Menerusi *1515*, gagasan agama dan kepercayaan turut disisipkan dalam penceritaan. Pengarang secara sedar mahupun tidak sedar telah menyentuh subjek yang besar, perkara mulia yang dianjurkan dalam agama Islam iaitu syahid. Basri Ibrahim Al-Azhari (2022) merungkaikan syahid sebagai kematian yang dimuliakan atas sebab-sebab tertentu seperti berjuang di jalan Allah. Perihal ini dapat dikenal pasti dalam novel *1515* dalam perenggan berikut:

Syahidlah Tuan Bandan, ditembak lima das peluru dari senapang Albuquerque yang ketawa besar kegirangan. Waktu itulah gemparnya sekalian yang ada melihat jasad Tuan Bandan yang berlumuran darah bukan jatuh rebah ke bumi, tetapi naik terus ke langit bagai bulu ayam terapung dan terus naik ke langit tinggi, hilang begitu sahaja. Melihat itu semua, orang Melaka naik semangat untuk syahid. Tahulah mereka Tuan Bandan sudah diangkat menemui Tuhannya.

(1515: 69)

Dalam naratif *1515*, pembaca akan ditemukan dengan watak Tuan Bandan yang dikenali sebagai seorang nakhoda yang bertanggungjawab menjaga pelabuhan Melaka. Bukan sekadar itu sahaja, wataknya diperinci sebagai seorang ketua pasukan angkatan perang yang memimpin ratusan ahli perang berketurunan Jawa yang

menyerang pasukan Albuquerque dari arah belakang. Keberanian yang ditampilkannya menunjukkan Tuan Bandan seorang yang mengerti akan syahid yang diperkatakan dalam ajaran Islam. Akhirnya, Tuan Bandan dianggap syahid setelah mati terbunuh di tangan Albuquerque ketika sedang berperang mempertahankan tanah air dari serangan musuh. Pengarang turut menggambarkan mayat Tuan Bandan terapung di langit dan seberapa ketika lenyap dari pandangan mata. Peristiwa yang menakjubkan tersebut telah memberikan motivasi kepada para pejuang yang lain untuk terus berjuang dan tidak gentar gugur di medan peperangan sebagai seorang yang mati syahid.

Begitu juga dengan penampilan gagasan agama dan kepercayaan dalam *Nama Beta Sultan Alauddin*. Pengarang membawa suasana bulan Ramadan dalam pengkaryaan. Secara amnya, bulan Ramadan merupakan bulan tuntutan bagi umat Islam untuk melaksanakan ibadah puasa selama sebulan. Ibadah puasa pada bulan Ramadan ini merupakan amalan yang diwajibkan kepada mereka yang telah memenuhi syarat-syarat untuk melaksanakannya. Mohd Shukrey Ahmad dan Kamariah Kamarudin (2018) mengklasifikasikan puasa Ramadan sebagai puasa yang wajib dilaksanakan kerana merupakan sebahagian daripada rukun Islam dengan menahan diri daripada minum, makan dan perkara-perkara yang boleh membatalkan ibadah puasa dalam jangka waktu dari terbit fajar sehinggalah tenggelamnya matahari. Amalan berpuasa di bulan Ramadan dapat dikesani dalam petikan berikut:

Azan dilaungkan. Baginda Seri Maharaja menghampar puadai. Tun Senaja mengeluarkan guci berisi air menuang ke dalam bardak setiap seorang.

Sultan Alauddin membaca Bismillah dan membaca doa berbuka puasa, menyuakan cangkir ke mulut. Semua mata tertumpu kepada bibir baginda. Baginda berhenti sesudah seteguk dua. Melafazkan Alhamdulillah.

(*Nama Beta Sultan Alauddin: 112*)

Petikan di atas memaparkan suasana ketika hendak berbuka puasa. Pada hari tersebut baginda Sultan Alauddin telah dilawati Sultan Ahmad Syah, Bendahara Seri Maharaja, Raja Merlang, Tun Senaja dan Raja Mahmud yang masih kecil. Kedatangan mereka bertujuan untuk melawat dan berbuka puasa bersama Sultan Alauddin yang dikhabarkan bakal mengerjakan ibadah haji. Walaupun Sultan Alauddin meragukan kehadiran kesemuanya secara tiba-tiba, Sultan Alauddin tetap menerima kehadiran mereka sebagai tetamu baginda dan berbuka puasa bersama-sama. Azan maghrib yang berkumandang menandakan masuknya waktu berbuka puasa, dan ketika itu Seri Maharaja dan Tun Senaja mempersiapkan segala perkakas dan keperluan untuk berbuka puasa. Ketika berbuka puasa, detik Sultan Alauddin meneguk air begitu menjadi perhatian kerana secara senyap mereka cuba meracuni Sultan Alauddin.

Pencerekaan yang terkandung novel-novel berunsur sejarah tidak terlepas menginspirasi *Hikayat Hang Tuah* dalam menghasilkan sebuah naratif penceritaan yang baharu. *Hikayat Hang Tuah* bukan sekadar sebuah naskhah yang mengisahkan riwayat kehidupan Hang Tuah semata-mata, tetapi merangkumi pelbagai aspek kehidupan yang mampu dijadikan pengajaran. Aspek hubungan diplomatik antara negara antara yang dominan dalam naskhah *Hikayat Hang Tuah*

dan secara tidak langsung memberi pengalaman bacaan kepada pengarang untuk diungkapkan kembali. Ahmad Jelani Halimi (2008) menjelaskan pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah, baginda telah mengirim beberapa perutusan sebagai tanda persahabatan dengan beberapa kerajaan lain yang terdapat di Asia Tenggara. Kenyataan ini jelas menunjukkan kerajaan yang terbentuk ketika itu sangat mementingkan hubungan diplomatik dalam menjaga keharmonian negara dan persempadanan masing-masing.

Menerusi novel-novel kajian, dapat dikenal pasti akan kehadiran pengalaman bacaan terhadap *Hikayat Hang Tuah* apabila pengarang mengangkat gagasan hubungan diplomatik. Salmah Jan Noor Muhammad (2018) mentakrifkan hubungan diplomatik sebagai sebuah hubungan yang melibatkan antara dua atau lebih kerajaan dalam usaha memperkukuh pemerintahan, pentadbiran dan pembangunan sesebuah kerajaan. Hubungan diplomatik merupakan mekanisme yang penting dalam menjamin kestabilan sesebuah kerajaan dalam pelbagai aspek termasuklah politik, ekonomi, sosial dan memanjangkan keharmonian antara kerajaan dengan kerajaan. Dalam *Tun Tuah* misalnya, kecenderungan menghadirkan aspek hubungan diplomatik yang diinspirasi daripada *Hikayat Hang Tuah* dapat diperlihatkan pada kisah perhubungan antara Raja Bentan dan Raden Wira Nantaka. Hal ini dapat digambarkan dalam petikan di bawah:

“Beta mahukan suku-suku di dalam rumpun sawo matang ini bersatu di bawah satu payung, iaitu payung bangsa besar Melayu!” jawab Sultan.
“Apakah tuanku bertujuan membina semula keagungan bangsa sawo matang ini seperti maharaja-maharaja Srivijaya dahulu? Payungnya

menyatukan segala wilayah bermula dari Ranong turun ke Ligor, Pattani, Kedah sehingga seluruh semenanjung dan seluruh kepulauan Brunei, Manila, Sumatra dan Jawa!” ujar Hang Tuah.

“Betul tu Tuah!” titah Sultan, “Kamu pandai membaca apa yang ada di kepala ku!”

Raden Wira Nantaka, dinobatkan sebagai Ratu Melayu di istana tamu hasil ciptaan Hang Tuah. Upacara gilang-gemilang diadakan dengan diikuti perayaan selama empat puluh hari empat puluh malam.

(*Tun Tuah*: 46)

Dalam petikan di atas, Sultan Muzaffar menyimpan hasrat mahu menyatukan masyarakat serumpun yang berasal dari kerajaan sekitarnya. Kehadiran Raden Wira Nantaka dari Jawa sangatlah dialu-alukan, malah sultan berhasrat menobatkan Raden Wira Nantaka sebagai Ratu Melayu di istana tamu yang telah dipersiapkan Hang Tuah. Peristiwa ini ternyata diinspirasi daripada *Hikayat Hang Tuah* seperti cuplikan petikan di bawah:

Maka titah baginda, “Adinda apa maksud tuan datang ini kerana negeri Bentan ini bukan bandar besar?” Maka sembah Raden Wira Nantaja, “Daulat tuanku, patik ini hamba ke bawah duli; adapun maksud patik datang ini hendak menjadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan seperti Paman Patih datang itu, demikianlah patik.” Demi baginda menengar sembah Raden Wira Nantaja itu, maka baginda pun bangkit memeluk mencium Raden Wira Nantaja. Maka persalin pun dibawa oranglah semuanya menyandang tetapan kekuningan. Maka Raden Wira Nantaja pun memakai cara Melayu. Setelah sudah maka titah baginda pada bendahara dan temenggung, “Adapun pada hari ini kita hendak memberi nama akan saudara kita ‘Ratu Melayu’.

(*Hikayat Hang Tuah*: 61)

Petikan di atas merupakan gambaran layanan baik yang diberikan kepada Raden Wira Nantaja apabila tiba di Bentan. Pengiktirafan ini dapat memperlihatkan akan keakraban kedua-dua kerajaan di samping merapatkan hubungan bangsa Melayu

dengan bangsa Jawa. Selain itu, pengiktirafan yang diberikan juga merupakan suatu bentuk penghormatan terhadap kerajaan lain dan memberi jaminan dari segi keselamatan atas dasar hubungan baik yang terjalin. Jelasnya, sultan sebagai pemerintah telah berperanan dalam mewujudkan sebuah hubungan diplomatik yang berkesan iaitu dapat memberikan kelebihan kepada kedua-dua pihak atau kerajaan yang terlibat.

Dalam *Tun Perak* dan *Nama Beta Sultan Alauddin*, hubungan diplomatik diketengahkan melalui perkahwinan yang melibatkan dua kerajaan. Kedua-dua novel ini memperakukan berlakunya perkahwinan antara sultan Melaka dengan puteri dari Majapahit. Hal ini jelas berdasarkan petikan yang dicuplik seperti berikut:

Majlis kenduri menyambut permaisuri baharu, Raden Galoh Cendera Kirana, berlangsung selama 40 hari 40 malam. Banyaklah rakyat yang dijamu oleh istana dan juga banyaklah sumbangan daripada rakyat dan pedagang asing kepada istana. Yang kudung datang berjengkek, yang tempang datang bertongkat, yang buta datang bertonton dan yang lapar datang menjamah. Kerak nasi, tulang binatang berbusut, belulang lembu, kerbau dan kambing bertimbun, selepas kenduri besar ini ditamatkan.

(*Tun Perak*: 268)

Menerusi novel *Tun Perak*, pengarang memerihalkan kemeriahan sambutan terhadap perkahwinan antara pemerintah Melaka dengan seorang puteri dari Majapahit. Kemeriahan tersebut digambarkan oleh penulis dengan sambutan yang berlangsung selama 40 hari 40 malam. Selain itu, petikan ini juga membawa pandangan penulis zaman semasa yang sebenarnya mengkritik secara halus akan pembaziran yang

berlaku akibat daripada majlis yang dianjurkan secara besar-besaran sehingga sisa-sisa makanan bertimbun setelah berakhirnya kenduri.

Menerusi novel *Nama Beta Sultan Alauddin*, perhubungan kelamin antara pemerintah Melaka dan puteri dari Majapahit ditampilkan dalam sebuah kenyataan dalam menjelaskan susur galur Sultan Alauddin. Hal ini dapat diperhalusi dalam petikan berikut:

Menurut datuk, keadaan ini berlaku kerana ramainya orang yang iri hati dengan Sultan Alauddin. Terdapat banyak pandangan tentang siapakah sebenarnya Sultan Alauddin, tetapi datuk tetap berpegang yang baginda ialah anakanda Sultan Mansur Syah bersama Raden Galoh Cendera Kirana, seorang puteri Majapahit. Nama asal baginda ialah Raja Husain tetapi baginda menggunakan gelar Sultan Alauddin Riayat Syah.

(*Nama Beta Sultan Alauddin*: 11)

Secara jelasnya novel-novel kajian turut menyerap perhubungan antara dua kerajaan yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Peristiwa atau pengetahuan tentang perkahwinan antara dua kerajaan ini jelas dijungkir daripada *Hikayat Hang Tuah* seperti kalimat berikut:

Hatta maka Raja Melaka pun sampailah. Maka disambut oleh Patih Gajah Mada dan segala raja-raja ke peseban dan didudukkan di atas petarana yang keemasan. Setelah raja duduk maka khatib pun datang ke hadapan Raja Melaka. Maka khatib pun mengajarkan tertib nikah. Maka didudukkannya dari kanan Raden Emas Ayu. Maka nasi adap-adap pun diangkat oranglah. Maka raja pun santaplah laki isteri.

(*Hikayat Hang Tuah*: 160)

Jelasnya, melalui *Hikayat Hang Tuah*, perkahwinan Raja Melaka dengan puteri dari Majapahit dikisahkan menerusi majlis akad nikah yang dilangsungkan. Setelah itu, kemeriiahannya juga digambarkan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Segala persiapan dipersiap rapi, diperhias dengan indah dan sambutan secara gilang-gemilang. Secara tidak langsung perkahwinan yang berlangsung mewujudkan sebuah hubungan yang akrab antara dua kerajaan. Perkahwinan yang berlangsung ternyata memberikan kesan dalam memperkukuhkan kedudukan sesebuah kerajaan di samping menyebarkan kerjasama dalam pelbagai aspek seperti perihal ekonomi dan perdagangan. Pada dasarnya, perkahwinan merupakan perilaku alami dalam memajukan zuriat keturunan. Walau bagaimanapun, perkahwinan mega antara dua kerajaan yang berlangsung mempercambah pemaknaan perkahwinan itu sendiri yang melibatkan kuasa dan kedaulatan sesebuah kerajaan. Hubungan diplomatik terjalin melalui perkahwinan antara dua kerajaan, malah memberikan kesan yang berpanjangan terutama perihal yang berkaitan persempadanan dan keselamatan serantau.

Seterusnya, salah satu kecenderungan pengarang dalam mengungkapkan wacana dalam *Hikayat Hang Tuah* ialah menyelitkan gagasan menuntut ilmu. Menuntut ilmu sememangnya merupakan amalan yang sangat dituntut dalam mempercambah tingkat keintelektualan, kemahiran serta mempertingkatkan nilai sendiri. Menuntut ilmu juga menjadi tuntutan dalam ajaran agama Islam, sekali gus meletakkan menuntut ilmu merupakan suatu amalan yang perlu diteladani dalam kehidupan. Rimadaryani (2021) mengungkapkan menuntut ilmu merupakan perkara yang wajib terutamanya

yang berkaitan syariat dan ilmu-ilmu dunia yang lain juga dituntut namun haruslah diimbangi dengan ajaran agama Islam. Menerusi *Hikayat Hang Tuah*, elemen menuntu ilmu ini diterjemahkan oleh pengarang melalui peristiwa pahlawan-pahlawan Melaka yang menuntut ilmu mempertahankan diri, sesuai dengan keperibadian serta tanggung jawab mereka yang perlu mempertahankan Melaka dari serangan musuh. Situasi ini digambarkan pengarang seperti dalam petikan berikut:

Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun diajarnya oleh Aria Putera, bagai-bagai ilmu isyarat hulubalang dan firasat dan ilmu penjurit, tetapi lebih juga Hang Tuah diajarnya barang ilmu dan isyarat. Setelah sudah, maka Aria Putera pun berpesan pada Hang Tuah, “Hai cucuku, jika engkau pergi ke Majapahit kelak, jangan tidak engkau berguru pada saudaraku bernama Sang Pertala Nala itu, terlalu banyak tahunya dari aku. Ia menjadi ajar-ajar, tiada ia merasai dunia. Bermula aku pun belajar padanya sedikit banyak.” Maka sembah Hang Tuah, “Baiklah, tuanku, sebala tuanku hambamu junjung, kerana hambamu lima saudara ini sudahlah menjadi hamba di bawah kadam tuanku.” Maka Hang Tuah pun duduklah berhambakan dirinya kelima sahabat di bukit itu pada Aria Putera itu.

(*Hikayat Hang Tuah*: 32)

Pengarang memaparkan kesungguhan Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu yang menuntut ilmu isyarat hulubalang, ilmu firasat dan ilmu perajurit daripada Aria Putera. Aria Putera turut menasihati Hang Tuah agar turut berguru dengan Sang Pertala Nala jika berkemungkinan ke Majapahit kerana ilmunya lebih banyak berbanding Aria Putera. Pengarang menukilkan bahawa pahlawan Melaka lima bersaudara tidak sekadar mahir berpencak menentang musuh semata-mata, sebaliknya tetap terus menambahkan ilmu sebagai seorang perajurit tanah air. Biarpun disegani dan menjadi sebahagian daripada hulubalang dan orang

kepercayaan sultan, mereka tetap berusaha untuk menuntut ilmu dan merekayasakannya dalam kehidupan.

Perihal menuntut ilmu ini turut disaring dan dikisahkan semula oleh Affifudin Omar dalam naskahnya berjudul *Tun Tuah*. Watak Aria Putera masih menjadi pilihan pengarang untuk dikekalkan dan disampaikan dengan pengembangan idea seperti berikut:

Aria Putera mengajar mereka berlima mengenali segala pohon kayu dan lain-lain tumbuhan di dalam hutan gunung itu, serta segala kegunaan masing-masing. Selepas itu dia mengenalkan mereka kepada segala unggas mergastua yang hidup di dalam hutan.

Tiap-tiap pagi selepas bersolat subuh secara berjemaah, kelima budak-budak itu dilatih bersenam dan menguasai gerak silat daripada berbagai perguruan termasuk kung fu dari negara Cina. Mereka juga diajar menggunakan senjata seperti keris, lembing, kapak, tekpi dan lain-lain. Dan pada malamnya mereka diajar mengenali bintang-bintang untuk menjadi panduan semasa belayar di laut.

Universiti Utara Malaysia (Tun Tuah: 25)

Affifudin Omar masih bergantung pada teks *Hikayat Hang Tuah*, namun mengembangkan idea daripada teks asal. Cuplikan petikan di atas menawarkan suasana yang baharu apabila pengarang memperinci ilmu yang diberikan oleh Aria Putera merangkumi ilmu tentang alam sekitar, ilmu mempertahankan diri kung fu, pengetahuan menggunakan senjata dan ilmu tentang bintang yang dapat membantu ketika dalam pelayaran. Demikianlah Affifudin Omar menelusuri proses pengalaman bacaan terhadap *Hikayat Hang Tuah*. Hasil daripada pembacaan tersebut, Affifudin menemukan idea baharu dengan mempercambahkan jenis ilmu-ilmu yang dipelajari. Hal ini menyorot keperihatinan pengarang dalam mengungkapkan kepentingan

menuntut ilmu dan dalam masa yang sama memberi penekanan agar mempelbagaikan kemahiran dan pengetahuan sebagai persiapan dalam menghadapi sebarang kemungkinan pada masa akan datang, di samping sebagai perlindungan diri daripada diserang musuh.

Hikayat Hang Tuah turut menawarkan sosiobudaya masyarakat Melaka yang terlibat dengan aktiviti perdagangan. Kapal-kapal dagang dari serata dunia, datang berlabuh di pelabuhan Melaka, sekaligus merancakkan aktiviti perdagangan antara masyarakat tempatan dengan pedagang dari luar. Mohd Khoharuddin Mohd Balwi (2005) memerihalkan “Pedagang Melayu juga berdagang dengan pedagang dari seluruh dunia termasuklah dari China, India, Arab, dan Eropah. Melalui bukti yang telah dikemukakan ...pedagang Melayu juga turut serta berdagang hingga ke India dan China.” Melaka masyhur sebagai pelabuhan perdagangan ketika itu kerana menjadi laluan utama perdagangan serta disokong atas beberapa faktor seperti terlindung daripada tiupan angin monsun yang membolehkan kapal-kapal dagang menyinggah dan berlabuh di Melaka. Hal ini diperakui Nordin Hussin (2008) yang menyatakan bahawa pelabuhan Melaka merupakan kawasan yang strategik, malah terlindung daripada tiupan angin di antara Pulau Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu jika dibandingkan dengan wilayah yang menghadap Laut China Selatan. Oleh yang demikian, *Hikayat Hang Tuah* turut merakamkan Melaka sebagai destinasi pilihan para pedagang:

Setelah ia fikir demikian maka dipanggil nakhoda kapal itu, katanya, “Hai nakhoda, sekarang ini aku sendiri hendak pergi belayar ke tanah Melayu itu; hendaklah kamu sekalian bermuat dengan segala dagangan

kamu yang manapatut dibawa ke tanah Melayu itu.” Setelah nakhoda ketujuh itu menengar kata saudagar demikian, maka segala nakhoda kapal ketujuh itu pun berangkatlah; dalam tujuh hari itu lengkaplah segala mata dagangan itu. Setelah sudah lengkap maka kapal tujuh buah itu pun belayarlah menuju ke tanah Melayu.

(*Hikayat Hang Tuah*: 82)

Menerusi *Hikayat Hang Tuah*, terdapat kisah seorang saudagar dari Benua Keling yang kaya-raya yang bernama Parmadewan. Parmadewan berminat untuk menjalankan aktiviti perdagangan di Melaka. Parmadewan memberi arahan kepada nakhodanya akan keinginannya untuk ke tanah Melayu iaitu Melaka, malah diminta untuk dibawa segala barang dagangan yang hendak didagangkan. Setelah termuat dengan segala barang dagangan, maka mereka telah belayar ke tanah Melayu seperti yang diarahkan Parmadewan. Perihal ini turut tersaring oleh Affifudin Omar untuk dimasukkan dalam novel *Tun Tuah*:

Saudagar besar yang bernama Parmadewan ini juga sangat tertarik dengan pengurusan pelabuhan Melaka, di mana Sultan sendiri mengambil bahagian yang aktif. Malah beliau tertarik dengan usaha mewujudkan undang-undang pelabuhan dan perkapalan oleh pegawai-pegawai istana, termasuk Hang Tuah yang masih muda itu. Begitu juga Melaka telah melembagakan undang-undang serta peraturan perniagaan di pasarannya.

(*Tun Tuah*: 52)

Menerusi petikan di atas, pengarang mengembangkan idea yang disaring dari *Hikayat Hang Tuah*. Pengarang memperinci musabab Parmadewan berminat untuk menjalankan aktiviti perdagangan di Melaka. Parmadewan mempunyai persepsi yang baik terhadap Melaka kerana Melaka merupakan sebuah negara yang stabil dari segi politik dan ekonominya. Terdapat beberapa perkara yang memperlihatkan

pengurusan pelabuhan Melaka yang sistematik seperti Sultan tidak terkecuali dengan pengurusan pelabuhan dan wujud undang-undang bersangkutan yang mampu menjamin hak-hak para pedagang. Sekali gus mencerminkan Melaka sebagai sebuah kawasan perdagangan yang berpotensi menguntungkan, malah sebuah destinasi yang aman dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan hal ehwal perdagangan.

4.2.2 Pengekalan dan Pengubahsuaian Peristiwa

Dalam mengkaji perbandingan antara novel-novel sejarah terpilih dan teks tradisional, salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah pengekalan dan pengubahsuaian peristiwa. Teks tradisional, seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, berfungsi sebagai sumber utama sejarah yang mencatatkan peristiwa-peristiwa penting dalam bentuk naratif yang kaya dengan unsur budaya dan nilai agama. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, Jadual 4.3 memerihalkan peristiwa-peristiwa yang terkandung dalam teks-teks tradisional dan diungkapkan semula oleh pengarang dalam novel-novel sejarah terpilih:

Jadual 4.3

Kehadiran Peristiwa Sejarah dalam Novel Sejarah Terpilih

	Novel-novel Terpilih			
	<i>Tun</i>	<i>Tun</i>	<i>1515</i>	<i>Beta</i>
Peristiwa Sejarah	<i>Tuah</i>	<i>Perak</i>		<i>Sultan</i>
				<i>Alauddin</i>
1. Peristiwa perkahwinan diraja	/	/		/
2. Peristiwa pewarisan takhta	/		/	/
3. Peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang	/	/		
4. Peristiwa kemangkatan Sultan Mahmud Syah			/	
5. Peristiwa Amuk	/			
6. Peristiwa diserang lanun	/			
7. Peristiwa perang Melaka dan Feringgi	/		/	/

Jadual 4.3 memaparkan kehadiran peristiwa sejarah dalam empat novel sejarah terpilih. *Tun Tuah* menghadirkan paling banyak peristiwa daripada teks tradisional termasuk perkahwinan diraja, perwarisan takhta, peminangan Puteri Gunung Ledang, peristiwa Amuk, diserang lanun, dan perang Melaka-Feringgi. *Tun Perak* pula menampilkan perkahwinan diraja, peminangan Puteri Gunung Ledang dan perang Melaka-Feringgi. Novel *1515* mengangkat peristiwa perwarisan takhta, kemangkatan

Sultan Mahmud Syah, serta perang Melaka-Feringgi. Sementara itu, *Nama Beta Sultan Alauddin* menampilkan tiga peristiwa utama iaitu perkahwinan diraja, perwarisan takhta dan perang Melaka-Feringgi.

Walau bagaimanapun, dalam genre novel sejarah, pengarang cenderung untuk menyampaikan peristiwa-peristiwa tersebut dengan cara yang lebih kreatif, dengan memasukkan unsur fiksyen atau mengubah suai beberapa elemen agar sesuai dengan kehendak naratif dan pemahaman zaman. Pengekalan dan pengubahsuaian peristiwa ini bukan sahaja memberi perspektif baru terhadap sejarah, tetapi juga menggambarkan bagaimana perubahan zaman dan pemikiran mempengaruhi cara pengarang menginterpretasi peristiwa lampau.

4.2.2.1 Peristiwa Perkahwinan Diraja

Konsep perkahwinan berlandaskan agama Islam ditafsirkan sebagai sebuah ikatan zahir dan batin yang terjalin antara seorang lelaki dan wanita dalam sebuah rumah tangga untuk memenuhi keperluan jasmani dan rohani berasaskan pergaulan yang baik dan niat yang ikhlas (Mustafa Daud, 1991). Jamaludin Suhaimi (2006) pula menghuraikan perkahwinan sebagai hubungan antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang sah dari segi sosial, agama dan budaya. Secara tidak langsung, perkahwinan dapat difahami sebagai sebuah perhubungan yang diperakui sah menurut tuntutan agama, sosial dan budaya antara seorang lelaki dengan wanita. Menelusuri kesemua novel terpilih, terdapat beberapa novel yang menghadirkan pengalaman pembacaan tentang perkahwinan diraja yang terkandung dalam *Sejarah*

Melayu. Perkahwinan diraja yang dimaksudkan melibatkan perhubungan antara seorang lelaki dan seorang wanita yang sah, malah kedua-dua pasangan tersebut atau salah seorang daripadanya mempunyai status berketurunan diraja.

Perkahwinan diraja antara peristiwa yang banyak dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*. Perihal ini dapat disabitkan dengan beberapa peristiwa seperti perkahwinan Raja Suran dengan Puteri Onang Kiu (Alkisah Cetera yang Pertama), perkahwinan Raja Kecil Muda dengan Raden Lasmi Puri (Alkisah Cetera yang Pertama), perkahwinan Sultan Malikul Salleh dengan Puteri Ganggang (Alkisah Cetera yang Ketujuh), perkahwinan Sultan Muzzafar Syah dengan Tun Kudu (Alkisah Cetera yang Kedua Belas), perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana (Alkisah Cetera Keempat Belas), perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Hang Li Po (Alkisah Cetera yang Kelima Belas), dan perkahwinan Sultan Alauddin dengan Raja Kesuma Dewi (Alkisah Cetera yang Ketiga Puluh empat). Walau bagaimanapun, kedua-dua pengarang lebih memberi perhatian terhadap peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana dan juga Hang Li Po.

Affifudin Omar menghadirkan peristiwa perkahwinan antara Sultan Mansur Syah dengan seorang puteri dari Majapahit iaitu Raden Galoh Cendera Kirana dalam teks *Tun Perak*. Raden Galoh Cendera Kirana disifatkan sebagai seorang puteri yang mempunyai rupa paras yang jelita. Perihal ini diperakukan Siti Khariah Mohd Zubir dan Kamarulzaman Ibrahim (2012) yang menyatakan Puteri Raden Galoh Cendera

Kirana mempunyai raut wajah yang sangat cantik sehingga tidak terlawan oleh wanita-wanita di Majapahit ketika itu. Menerusi novel *Tun Perak*, peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Candra Kirana diperlihatkan seperti berikut:

Mendam Berahi bersama dengan satu lagi yang dibina Tun Tuah dan diberi nama Kota Segara bersiap sedia bertolak ke Jepara, pelabuhan Majapahit. Misinya ialah membawa Sultan Mansur Syah ke sana untuk berkahwin dengan Raden Galoh Candra Kirana.

Kapal Kota Segar itu diberi nama oleh Tun Perak.

“Mengapa Kota Segara Tun?” tanya Tun Tuah kepada Tun Perak.

“Segara itu datang dari kata inti ‘segar’,” jelas Tun Perak, “Tuanku Sultan berasa segar apabila niat mengahwini Raden Galoh telah menjadi kenyataan! Dan kenyataan itu kini masih dikotakan kerana pelayaran ke Majapahit akan mengambil masa lebih kurang 21 hari!”

(*Tun Perak*: 212)

Menerusi novel *Tun Perak*, pengarang menggambarkan persiapan yang dilakukan oleh para pembesar istana membina bahtera bagi memudahkan perjalanan ke Majapahit untuk merealisasikan harapan Sultan Mansur Syah untuk berkahwin dengan Raden Galoh Candra Kirana. Peristiwa ini dapat ditanggapi sebagai idea yang dilahirkan melalui pengalaman pembacaan terhadap teks *Sejarah Melayu*. Hal ini dapat ditafsirkan melalui petikan yang dikutip daripada teks *Sejarah Melayu* seperti berikut;

Syahadan, maka orang berjaga-jaga itu pun genaplah empat puluh hari empat puluh malam. Telah datang pada ketika yang baik, maka Sultan Mansor Syah pun dikahwinkan oleh Betara Majapahit dengan Raden Galuh Cendra Kirana. Telah sudah kahwin, masuklah ke dalam

pelamin. Maka Sultan Mansor Syah pun terlalu berkasih-kasihan dua laki isteri, dan Betara Majapahit pun terlalu amat kasih akan Sultan Mansor Syah, dibawanya duduk bersama-sama apabila dihadap orang; jika santap pun bersama-sama jua.

(*Sejarah Melayu*: 117)

Menerusi *Sejarah Melayu*, Sultan Mansor Syah dikisahkan bersama rombongan dari istana Melaka telah ke Majapahit untuk meminang Raden Galoh Cendera Kirana. Kedatangan rombongan peminangan ini telah diuji dengan pemberian 40 bilah keris dan dicuri semula. Setelah 40 hari 40 malam berada di Majapahit, Sultan Mansor Syah dikahwinkan dengan Raden Galoh Cendera Kirana.

Seterusnya, Affifudin Omar menerusi novel *Tun Tuah*, manakala Faisal Tehrani pula menerusi novel *Nama Beta Sultan Alauddin* tidak terlepas daripada menyisipkan peristiwa perkahwinan antara pemerintah negeri Melaka dengan puteri dari negeri atau kerajaan lain. Melalui *Sejarah Melayu*, pengarang menyerap idea perkahwinan antara Sultan Mansor Syah dengan Puteri Hang Li Po seperti yang dikisahkan dalam

Sejarah Melayu:

Setelah bertemu, maka dengan seribu kebesaran dan kemuliaan dibawa baginda masuk, lalu ke dalam istana. Maka Sultan Mansor Syah pun hairanlah melihat paras tuan puteri anak raja China itu. Maka disambut baginda puteri Hang Li Po itu, disuruh masukkan Islam. Telah sudah Islam, maka Sultan Mansor Syah pun kahwin dengan Puteri Hang Li Po itu, beranak seorang laki-laki, dinamai baginda Paduka Mimat; ia beranakkan Paduka Seri China, ayah Paduka Ahmad, ayah Paduka Isap.

(*Sejarah Melayu*: 124)

Berdasarkan naskhah *Sejarah Melayu*, pada awalnya raja China bertitah kepada Tun Perpatih Putih agar raja Melaka mengadap baginda, namun dek kerana keadaan

negeri Melaka yang sedang menghadapi musuh, raja Melaka tidak dapat meninggalkan Melaka. Setelah mendengar penjelasan Tun Perpatih Putih, baginda raja China pun menitahkan anakanda baginda Hang Li Po untuk berangkat ke Melaka bersama Tun Perpatih Putih. Setelah menganut agama Islam, Sultan Mansor Syah pun menikahi puteri Hang Li Po. Peristiwa ini diterjemahkan Affifudin Omar seperti dalam petikan berikut:

Laksamana Cheng Ho ditempatkan di istana tamu yang dibina oleh Hang Tuah sebagai tempat persemayaman Raden Wira Nantaka atau Ratu Melayu dulu. Kelima ratus perawan Cina pun ditempatkan di situ sementara menunggu siapnya perkampungan mereka di sebuah bukit berhampiran dengan istana. Puteri Hang Li Po dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah dan akan tinggal di sebuah istana baharu yang akan dibina di bukit berhampiran.

(*Tun Tuah: 79*)

Faisal Tehrani telah menggunakan pengalaman melalui pembacaan teks *Sejarah Melayu* dengan menghadirkan peristiwa berkaitan perkawinan diraja dengan teknik yang tersendiri, iaitu dengan menghadirkan falsafah sebab musabab Sultan Mansur Syah mempunyai ramai isteri. Menerusi petikan ini, para pembaca akan maklumi bahawa pengarang turut mengemukakan idea perkahwinan antara Sultan Mansor Syah dengan Puteri Hang Li Po. Gambaran tentang perkara tersebut yang terkandung dalam novel *Nama Beta Sultan Alauddin* diperlihatkan melalui petikan yang berikut:

“Almarhum Sultan Mansur ayahanda Sultan Alauddin beristeri ramai. Tujuannya ialah untuk mengembangkan lagi ajaran agama Islam. Menerusi perkahwinan juga ummah Islam yang unggul dapat dibentuk. Itulah fikiran Almarhum. Kerana itu baginda Sultan Mansur memiliki

isteri dari kalangan bangsa Cina iaitu Puteri Hang Li Poh. Bersamanya baginda beroleh Paduka Mimat dan Paduka Seri Cina.”

(*Nama Beta Sultan Alauddin*: 11)

Petikan-petikan di atas merupakan cuplikan yang dapat dikesani daripada naskhah teks-teks *Sejarah Melayu* dan dikisahkan semula dalam teks-teks moden. Perkahwinan Sultan Mansor Syah dengan puteri-puteri dari kerajaan Majapahit dan China memperlihatkan peristiwa yang penting untuk diketengahkan kepada masyarakat pada masa kini. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, kehadiran fakta-fakta yang diserap daripada *Sejarah Melayu* dapat dikesani berdasarkan peristiwa yang diketengahkan seperti peristiwa perkahwinan diraja. Kehadiran fakta ini diperkukuhkan lagi dengan kemunculan watak-watak penting dalam teks *Sejarah Melayu* seperti Sultan Mansor Syah, Raden Galoh Cendera Kirana dan Puteri Hang Li Po. Kehadiran peristiwa perkahwinan diraja yang dipaparkan oleh Faisal Tehrani tidak seperti Affifudin Omar yang mengambil terus peristiwa tersebut daripada teks *Sejarah Melayu*. Faisal Tehrani hanya menghadirkan peristiwa perkahwinan diraja melalui penceritaan pada watak Sultan Alauddin, iaitu memperkenalkan ayahanda kepada Sultan Alauddin, iaitu Sultan Mahmud yang beristeri ramai dan satu daripadanya ialah Puteri dari China, iaitu Puteri Hang Li Po.

Perkahwinan diraja yang diketengahkan ini memperlihatkan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan luar sebagai suatu usaha dalam memperkukuhkan empayar dan kerajaan. Ketika zaman pemerintahan Sultan Mansor Syah, baginda menjalinkan hubungan erat dengan kerajaan luar menerusi perkahwinan. Perkahwinan dilihat sebagai suatu

alternatif dalam mengeratkan hubungan antara kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan yang mempunyai pengaruh yang luas. Ramlah Adam (2016) menyifatkan perkahwinan diraja yang berlangsung dengan kerajaan Majapahit dan China merupakan salah satu strategi berbuat baik bagi mengelakkan peperangan antara kerajaan-kerajaan tersebut dan secara tidak langsung memperluaskan aktiviti perdagangan bagi negara-negara terlibat. Secara jelasnya, kehadiran idea dalam pembinaan naratif teks-teks moden turut dipengaruhi oleh teks-teks sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu* dan dapat difokuskan kepada perkahwinan yang diraja yang dilangsungkan.

Perkahwinan diraja yang berlangsung melibatkan kerajaan Melaka dengan kerajaan Majapahit dan China juga merupakan manifestasi ikatan perkahwinan yang tidak dibatasi oleh perkauman. Hakikatnya, *Sejarah Melayu* telah meyakinkan kita tentang berlakunya hubungan ras melalui perkahwinan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka (*Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, 1979). Secara jelasnya, pengungkapan peristiwa perkahwinan diraja ini memperlihatkan kepentingan perhubungan yang baik antara negara dengan negara lain. Dalam konteks hari ini, hubungan diplomasi antara negara terus relevan diamalkan bagi mempertingkatkan kerjasama demi kemajuan dalam pelbagai sektor merangkumi ekonomi, sosial, pendidikan, bahasa serta teknologi.

4.2.2.2 Peristiwa Pewarisan Takhta

Sejarah Melayu mengisahkan kerajaan dan raja-raja Melayu yang memerintah, malah dapat diperhalusi salasilah keturunan diraja yang bersilih ganti. Perihal ini diperakui Norazimah Zakaria (2005) yang berpandangan “*Sejarah Melayu* secara khususnya memerihalkan mengenai kerajaan Melayu dan raja-raja Melayu yang bertahan memerintah dan bukan sahaja Melaka tetapi juga menebarkan kuasanya ke negeri-negeri persekitarannya yang secara geografinya wujud dalam keadaan berserakan” (hlm. 320). *Sejarah Melayu* bukan sekadar menghebahkan keagungan dan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka serta raja-raja Melayunya pemerintahan raja-raja Melayu ketika itu, malah menjadi tamsil kepada peradaban bangsa Melayu ketika itu yang gemilang (V.Thilagavathi Gunalan, 1999). Oleh yang demikian, pengarang *Sejarah Melayu* secara tidak langsung mengungkapkan peristiwa pewarisan takhta yang memperlihatkan kesinambungan legasi pemerintahan.

Sistem pewarisan takhta yang ditonjolkan dalam *Sejarah Melayu* menyaksikan pemerintah seterusnya dipilih dalam kalangan jurai keturunan dan keutamaan diberikan kepada putera sulung kepada pemerintah sebelumnya. Berdasarkan pengalaman pembacaan terhadap *Sejarah Melayu*, pewarisan takhta diperihalkan setelah kemangkatan pemerintah semasa dan takhta seterusnya diwariskan kepada anakanda baginda. Menerusi *Sejarah Melayu*, terdapat beberapa peristiwa yang merujuk kepada pewarisan takhta seperti Aristun Syah mewarisi takhta Raja Kinda Hindi (Alkisah Cetera yang Pertama), Seri Rana Wira Kerma mewarisi takhta Paduka Seri Pikrama Wira (Alkisah Cetera yang Kelima), Dasia Raja mewarisi takhta Paduka

Seri Pikrama Wira (Alkisah Cetera yang Keenam), Raja Iskandar Syah mewarisi takhta Paduka Seri Maharaja (Alkisah Cetera yang Kesepuluh), dan lain-lain lagi.

Berdasarkan penelitian ini, peristiwa pewarisan takhta yang diketengahkan melibatkan peristiwa kemangkatan Sultan Mansor Syah. Sultan Mansor Syah yang telah gering turut dapat merasakan kehidupannya menuju penghabisan, maka telah menyampaikan amanat agar anakanda baginda iaitu Raja Husin dilantik sebagai penggantinya. Sultan Mansor Syah juga sempat menitipkan pesanan pada Raja Husin agar menjadi seorang pemerintah yang sabar dan memerintah dengan seadil-adilnya. Peristiwa kemangkatan Sultan Mansor Syah telah menjalurkan pewarisan takhta kepada anakanda baginda iaitu Raja Husin yang diberi gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah. Peristiwa tersebut lebih jelas diperlihatkan pengarang dalam *Sejarah Melayu* melalui petikan berikut:

Setelah Raja Husin mendengar titah ayahanda baginda itu, maka Raja Husin pun sangat menangis. Dan selang beberapa hari lamanya, maka Sultan Mansor Syah pun mangkatlah, berpindah dari negeri yang fana ke negeri yang baka. Maka dikerjakan orang seperti adat-adat raja. Telah sudah, maka Raja Husin kerajaan, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah.

(*Sejarah Melayu*: 168)

Petikan di atas mengisahkan kemangkatan Sultan Mansor Syah setelah beberapa hari dalam keadaan gering. Sultan Mansor Syah sama seperti kehidupan yang lain melalui fasa pengakhiran kehidupan apabila sudah sampai waktunya. Dalam fragmen ini, pengarang turut memberikan perhatian terhadap proses persemadian sebagai seorang yang berketurunan diraja dengan adatnya yang tersendiri. Secara tidak langsung

mencerminkan kedudukan seseorang pemerintah tertinggi dalam sesebuah kerajaan. Ketika gering, Sultan Mansor Syah sempat menitip pesan pada anakandanya iaitu Raja Husin agar bersabar dan menjadi pemerintah yang adil, malah di hadapan para pembesar, baginda telah mewasiatkan Raja Husin sebagai penggantinya. Setelah Sultan Mansor Syah mangkat, Raja Husin menaiki takhta pemerintahan menggantikan almarhum ayahandanya dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah.

Namun begitu, Affifudin Omar mempamerkan kecenderungan mengangkat kembali kisah kemangkatan Sultan Mansor Syah dalam karyanya *Tun Tuah* dengan cara yang tersendiri. Pengarang mengisahkan kemangkatan Sultan Mansor Syah selepas dua tahun Jebat dimakamkan. Ketika baginda sultan dalam keadaan kegeringan, pengarang menggambarkan anakanda sultan yang bernama Raja Husin diberikan didikan yang terbaik oleh Bendahara dengan segala macam ilmu sebagai persediaan menjadi seorang pemimpin. Selanjutnya, pengarang mengemukakan naratif berikut dalam usaha menghadirkan pengalaman pembacaan daripada *Sejarah Melayu* dalam teks zaman semasa:

Ditakdirkan Allah, pada tahun 1477 Masihi, Sultan Mansur Syah mangkat. Baginda digantikan oleh anakanda baginda, Raja Hussein. Raja Hussein diberi gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah. Bendahara Paduka Raja, Tun Perak terus memegang jawatan sebagai Bendahara, pada umur 66 tahun. Tun Tuah yang berumur lima puluh enam tahun juga terus memegang jawatan Laksamana.

(*Tun Tuah*: 271)

Dalam petikan di atas, pengarang memperkemaskan sorotan yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dengan memperinci tahun kemangkatan Sultan Mansor Syah, iaitu

pada tahun 1477. Seterusnya dapat diperhatikan, pengarang memperinci kedudukan Tun Perak dan Tun Tuah ketika Sultan Alauddin Riayat Syah menaiki takhta, mewarisi tampuk pemerintahan almarhum ayahanda baginda. Perincian yang dikemukakan pengarang memperlihatkan usaha pengarang dalam menghasilkan karya kreatif dengan merujuk pelbagai sumber sejarah. Affifudin Omar ternyata banyak bergantung pada sumber sejarah, hal ini dapat dilihat dengan catatan tarikh-tarikh tertentu seperti tahun dan umur kemangkatan Sultan Mansur Syah yang sebenarnya tidak tercatat dalam *Sejarah Melayu*.

Faisal Tehrani menggambarkan pewarisan takhta oleh Sultan Alauddin Riayat Syah bagi menggantikan almarhum ayandanya disambut dengan meriah. Hal ini dapat dikesan dalam petikan berikut:

Sebaik sahaja dimasyhurkan yang Raja Husain bakal ditabal menjadi raja, bertungkus lumuslah semua pembesar untuk persiapan istiadat menabal raja. Perintah mencuci negeri dikeluarkan oleh temenggung, segala jalan dibaharukan, segala parit dicuci, pecan pesara ditambah, rakyat belantara dihimpunkan dan hebahan meliputi segenap jajahan dan pulau, masuk sehingga ke pedalaman dan hulu.

(*Nama Beta Sultan Alauddin: 58*)

Menyorot petikan di atas, pengarang sebenarnya menyerlahkan sistem hierarki yang wujud dalam masyarakat ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Nazarudin Zainun (2015) mengungkapkan "sistem politik tradisional bercirikan satu hierarki kuasa dengan raja sebagai punca kuasa, manakala pemerintahannya ke atas rakyat disebut kerajaan, sementara pada zaman kesultanan Melayu Melaka seorang sultan

yang secara rasmi menguasai sebuah daerah, akan dirajai, sekali gus menjadi ketua dan lambang perpaduan negara” (hlm. 13). Hal ini merujuk persiapan yang dianjurkan bagi menabalkan Raja Husain sebagai pemerintah yang baharu. Pengarang menggambarkan suasana persiapan pertabalan Raja Husain yang dilakukan secara bersungguh-sungguh kerana dalam hierarki sistem politik tradisional, sultan merupakan golongan yang berada pada tingkat yang paling tinggi sebagai pemerintah. Sebagai rakyat yang menduduki hierarki yang rendah, golongan ini dikerah untuk membersihkan parit serta dikumpulkan untuk membantu dan memeriahkan hari pertabalan Raja Husain.

Sistem perwarisan takhta yang diamalkan menjelaskan bahawa pada zaman feudal Melayu, masyarakat sudah mempunyai sistem politik yang tersendiri. Mohd Mahadee Ismail (2018) menjelaskan telah menjadi suatu tradisi apabila pemimpin teratas yang baharu dalam masyarakat ditabalkan berdasarkan keturunan, kedudukan dan darjat yang dimilikinya dalam masyarakat. Selain itu, sistem beraja yang diamalkan berkurun lamanya masih kekal sehingga ke hari ini dan menjadi tunjang dalam pentadbiran negara. Walau bagaimanapun, sistem beraja yang diamalkan pada masa kini ialah sistem raja berperlembagaan di mana raja tidak mempunyai kuasa yang mutlak dalam pemerintahan, sebaliknya dibatasi oleh perlembagaan. Hakikatnya, pemupukan sistem perwarisan takhta dalam karya sastera dapat menyerlah keistimewaan sistem politik yang diwarisi dalam sesebuah negara, malah mengesyorkan jaminan kestabilan sistem pemerintahan pada masa akan datang.

4.2.2.3 Peristiwa Peminangan Puteri Gunung Ledang

Puteri Gunung Ledang antara figura yang begitu masyhur dalam naskhah-naskhah sastra sejarah. Puteri Gunung Ledang digambarkan sebagai seorang pemimpin yang bermukim di Gunung Ledang. Maizura Osman dan Nur Hashimah Jalaluddin (2018) memerihalkan Puteri Gunung Ledang sebagai susuk wanita yang cantik, walau bagaimanapun berasal dalam kalangan makhluk halus yang menetap di Gunung Ledang. Menerusi teks *Sejarah Melayu*, watak Puteri Gunung Ledang diperkenalkan menerusi adegan Sultan Mahmud yang berkehendakkan Puteri Gunung Ledang sebagai pemaistrinya, lantas menjalurkan kepada peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang. Hal ini dikisahkan seperti berikut:

Maka sembah segala orang besar-besar, “Anak raja mana yang hendak Tuanku pinang, supaya patik sekalian kerjakan?”
Maka titah Sultan Mahmud, “Jikalau beristeri sama anak raja-raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki, barang yang tiada pada raja yang lain, itulah hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan.”

(*Sejarah Melayu*: 211)

Selepas kemangkatan isteri Sultan Mahmud iaitu bonda kepada Raja Ahmad, Melaka kehilangan permaisuri dan Sultan Mahmud berkeinginan untuk berkahwin lagi. Petikan di atas secara jelas memerihalkan tentang keinginan Sultan Mahmud yang keterlaluan yang ingin meminang Puteri Gunung Ledang. Pengarang jelas memancarkan ketamakan Sultan Mahmud yang tidak mahu beristerikan anak-anak raja lain seperti yang dilakukan oleh raja-raja yang lain. Ketamakan Sultan Mahmud juga sebenarnya memberikan bebanan kepada Laksamana dan Sang Setia yang

diperintahkan untuk meminang Puteri Gunung Ledang yang berada di puncak Gunung Ledang.

Affifudin Omar ternyata cenderung untuk menyerap kisah peminangan Puteri Gunung Ledang dari *Sejarah Melayu* dalam teks-teksnya berbanding Faisal Tehrani. Walau bagaimanapun, Affifudin mengisahkan peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang berdasarkan perspektif yang berbeza. Buktinya berdasarkan petikan berikut:

Sebenarnya Bendahara dan Temenggong telah pun diberitahu Sultan bahawa baginda ingin berkahwin dengan Puteri Gunung Ledang.

Mereka berdua agak gusar dengan kehendak raja ini. Tidak pernah didengari mereka seorang raja di dunia yang berkahwin dengan seorang puteri jin. Malah mengikut ajaran muallim bahawa Islam tidak menggalak pengikutnya berkawan dengan mana-mana jin; jin Islam ataupun jin kafir. Tetapi selepas berbincang beberapa waktu, di mana Bendahara dan Temenggong cuba memujuk baginda agar membatalkan niatnya itu, Sultan tidak juga berganjak daripada kehendaknya. Akhirnya apabila kedua penasihat diraja ini berdiam diri, Sultan menitahkan supaya Tun Tuah mengepalai rombongan meminang puteri jin.

(*Tun Tuah*: 331-332)

Petikan di atas memerihalkan Bendahara dan Temenggong telah pun diberitahu Sultan bahawa baginda ingin berkahwin dengan Puteri Gunung Ledang. Mereka berdua agak gusar dengan kehendak raja ini. Tidak pernah didengari mereka seorang raja di dunia yang berkahwin dengan seorang puteri jin. Malah mengikut ajaran muallim bahawa Islam tidak menggalak pengikutnya berkawan dengan mana-mana jin; jin Islam ataupun jin kafir. Tetapi selepas berbincang beberapa waktu, di mana Bendahara dan Temenggong cuba memujuk baginda agar membatalkan niatnya itu,

Sultan tidak juga berganjak daripada kehendaknya. Akhirnya apabila kedua penasihat diraja ini berdiam diri, Sultan menitahkan supaya Tun Tuah mengepalai rombongan meminang puteri jin.

Menerusi penerbitan novel selepas *Tun Tuah* iaitu *Tun Perak*, Affifudin Omar masih berminat mengisahkan peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang:

Justeru satu rancangan dilakarkan oleh juak-juaknya. Tun Tuah disuruh melaksanakan satu tugas yang mustahil dapat dijayajalankannya; meminang Puteri Gunung Ledang.

“Semua orang tahu Puteri Jin itu tidak wujud,” ujar Seri Dewa Diraja, “Kalau wujud pun tidak mungkin seorang manusia boleh berkahwin dengannya. Nabi Sulaiman yang menguasai Jin pun tidak pernah berkahwin dengan puteri Jin.”

“Jadi! Apakah kesudahannya?” Tanya Sultan Mahmud.

“Kita mengenali Laksamana Tun Tuah yang tidak pernah gagal menjalankan perintah Sultannya,” jelas Seri Dewa Diraja, “Kali ini dia pasti akan gagal dan menanggung beban malu. Justeru dia akan bersugul dan jatuh sakit!”

(*Tun Perak*: 501-502)

Juak-juak Sultan merancang sesuatu untuk melaksanakan tugas yang mustahil, iaitu meminang Puteri Gunung Ledang. Seri Dewa Diraja menyatakan bahawa semua orang tahu bahawa Puteri Jin itu tidak wujud dan jika ia wujud sekalipun, manusia tidak mungkin dapat berkahwin dengannya. Seri Dewa Diraja memberi contoh Nabi Sulaiman yang menguasai jin, tetapi tidak pernah berkahwin dengan puteri jin. Sultan Mahmud bertanya mengenai kesudahan perkara itu, dan Seri Dewa Diraja menjelaskan bahawa Laksamana Tun Tuah yang terkenal kerana tidak pernah gagal dalam menjalankan perintah Sultan, kali ini pasti akan gagal dan menanggung beban malu, lalu akan bersugul dan jatuh sakit.

Kisah peminangan Puteri Gunung Ledang antara yang begitu masyhur diperkatakan walaupun watak Puteri Gunung Ledang tidak banyak diperkatakan dalam bab yang lain. Jelani Harun (2017) mentafsirkan peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang ini sebagai sebuah metafora terulung dalam sejarah persuratan Melayu yang sebenarnya memaparkan kiasan terhadap kezaliman seorang pemerintah. Pengalaman pembacaan terhadap keinginan Sultan Mahmud ingin meminang Puteri Gunung Ledang dalam *Sejarah Melayu* telah menyalurkan idea kepada Affifudin Omar untuk memberikan kepastian terhadap status watak Puteri Gunung Ledang. Menerusi novel *Tun Tuah* dan *Tun Perak*, Affifudin Omar memperincikan watak Puteri Gunung Ledang sebagai makhluk berketurunan Jin. Pengarang secara tidak langsung mengkritik peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang sebagai sesuatu yang mustahil untuk ditunaikan, malah suatu kritikan terhadap pemerintah yang menggunakan kuasanya untuk menitahkan arahan sesuka hati tanpa memikirkan kebajikan dan kesusahan yang bakal ditanggung orang suruhannya.

4.2.2.4 Peristiwa Kemangkatan Sultan Mahmud Syah

Menerusi salasilah kepimpinan Kesultanan Melayu Melaka, Sultan Mahmud Syah dinamakan sebagai pemerintah yang terakhir. Menerusi catatan sejarah juga, nama baginda turut disabitkan dengan kejatuhan Melaka. Hal ini disifatkan sedemikian kerana ketidakstabilan pemerintahan dan kepimpinan baginda yang berlandaskan nafsu. Abd Aziz Azmi dan Farrah Wahida Mustafar (2020) menggambarkan Sultan Mahmud Syah sebagai seorang pemerintah yang mengemukakan keputusan tanpa

usul periksa, pentingkan diri sendiri, mengikut kehendak hawa nafsu, mudah mempercayai fitnah, mempunyai perasaan hasad dengki serta melakukan penindasan dan kezaliman ketika baginda menjadi pemerintah. Petikan berikut mengisahkan peristiwa kemangkatan Sultan Mahmud Syah:

Setelah itu maka Sultan Mahmud Syah pun kembalilah ke rahmatullah SWT, dari negeri yang fana ke negeri yang baka. Kalu inna lillahi wa inna ilaihi rojiun. Maka dikerjakan orang jenazah baginda, bagaimana adat raja-raja yang telah lalu. Setelah baginda ditanamkan, maka mereka itu sekaliannya pun berkabunglah empat puluh hari.

(Sejarah Melayu: 288-289)

Petikan di atas menceritakan Sultan Mahmud Syah meninggal dunia dan kembali ke rahmatullah SWT, dari dunia yang sementara ini ke alam yang kekal. Jenazah baginda diuruskan mengikut adat raja-raja yang telah ditetapkan. Setelah baginda dikebumikan, seluruh rakyat dan pembesar berkabung selama empat puluh hari sebagai tanda penghormatan kepada baginda.

Berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap novel-novel sejarah terpilih, ternyata Faisal Tehrani turut menghadirkan peristiwa kemangkatan Sultan Mahmud menerusi gaya kepengarangan yang tersendiri seperti berikut:

Generasi muda, kerana sikap lurus dan tidak mempertikaikan, sering ditipu oleh sejarah palsu ini. Ia berlaku pada tahun 1517 setelah Sultan Mahmud dan Permaisuri Tun Fatimah mangkat.

Selepas pulang dari Eropah, Tun Nyemah telah mengecapi kemasyhuran luar biasa. Pengaruh anak muda tersebut pada ketika itu yang berusia sekitar dua puluh mencanak naik. Seisi Nusantara

mengenal Tun Nyemah. Wanita ini bagaimanapun mengekalkan sikap rendah diri, ramah dan juga mulia hati.

(1515: 295)

Petikan di atas menyorot tentang kemangkatan Sultan Mahmud Syah pada tahun 1517 masihi. Faisal Tehrani tidak banyak menyentuh tentang Sultan Mahmud Syah dalam naskahnya tetapi turut menyelitkan kemangkatan Sultan Mahmud Syah dalam teks 1515. Sultan Mahmud Syah merupakan sultan yang terakhir dalam sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dan disabitkan dengan pelbagai kepincangan sehingga membawa kepada penjarahan Melaka oleh Portugis. Pengarang mendokumentasikan watak Sultan Mahmud Syah dalam karya sebagai pedoman kepada pemimpin dalam mengemudi sesebuah pentadbiran, organisasi ataupun masyarakat. Biarpun digambarkan sebagai pemimpin yang gagal dalam pentadbirannya, namun pembaca dapat mempelajari sesuatu daripada sejarah kepimpinan dan pentadbiran Sultan Mahmud Syah. Sehubungan itu, Azmi Arifin (2020) turut berhujah bahawa, di sebalik kejelikan peribadi dan kekhilafan Sultan Mahmud Syah dalam mentadbir Melaka, baginda juga sebenarnya mempunyai perilaku-perilaku positif yang wajar juga diteladani. Hal ini diperinci seperti berikut:

...para pengkaji khususnya ahli sejarah tidak harus menonjolkan aspek negatif semata-mata, kerana di sebalik sifat atau keperibadiannya yang buruk itu, tetap terselit sifat kemuliaan dalam diri baginda. Misalnya, sikap 'gila perempuan' itu dapat ditutup oleh sikapnya yang sedikit sebanyak memahami hokum agama dan adat resam, sehingga setelah disedarkan atau dicemuh atas kesilapannya, baginda tidak memberontak, malah cepat mengakui kesalahannya dan cepat pula bertaubat, serta serik dan tidak lagi mengulangi perbuatannya yang buruk itu. Misalnya kerana terlanjur melakukan kesalahan bermukah dengan isteri Tun Biajid, Sultan Mahmud secara terbuka mengakui

kesalahan besarnya itu, malah menyatakan kewajaran baginda dijatuhi hukuman mati setelah diancam bunuh oleh Tun Biajid...Sultan Mahmud menerangkan kepada pengiringnya bahawa tindakan Tun Biajid itu adalah sah dari segi hukum adat dan agama.

(hlm. 32)

Azmi secara jelasnya cuba mengubah persepsi masyarakat atau pembaca yang memberi tanggapan yang negatif terhadap Sultan Mahmud Syah, sedangkan Sultan Mahmud Syah juga mempunyai nilai-nilai murni yang tidak diberikan perhatian. Tamsilnya, walaupun Sultan Mahmud Syah terlanjur dalam perlakuannya seperti bermukah dengan isteri Tun Biajid, namun Sultan Mahmud Syah tidak menafikan kesalahannya, malah tidak menentang apabila diancam bunuh oleh Tun Biajid. Intihanya, pengalaman bacaan terhadap watak Sultan Mahmud Syah adalah relevan untuk dihadirkan semula dalam teks-teks sastera semasa sebagai iktibar dan juga mengemukakan unsur didaktik dalam novel berunsur sejarah.

4.2.2.5 Peristiwa Amuk

Naskhah tradisional sememangnya tidak terlepas dalam meriwayatkan kehidupan masyarakatnya. Kita dapat memahami dan memperoleh pengetahuan tentang perkembangan masyarakat pada zaman dahulu. Menerusi *Hikayat Hang Tuah*, kita dapat memperhalusi kehidupan masyarakat zaman dahulu yang turut direncamkan dengan peristiwa amuk yang mengganggu keharmonian masyarakat setempat. Amuk merupakan suatu tindakan yang tidak terkawal yang turut didorong oleh emosi amarahnya. Wan Norhasniah Wan Husin (2012) memperincikan amuk sebagai suatu perbuatan yang dilakukan tanpa tujuan yang jelas, merampas sesuatu senjata dan

menghayunnya secara membabi buta dan mencederakan sesiapa sahaja yang ditemuinya. Peristiwa ini dikisahkan seperti berikut dalam *Hikayat Hang Tuah*:

Maka dalam berkata-kata itu maka berbunyi pula orang gempar di tengah pesara, terlalu huru-hara mengatakan orang mengamuk dalam kampung Bendahara Paduka Raja. Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun segeralah berlari-lari keluar berdiri di muka pintu melihat orang pesara itu berlarian ke sana ke mari: ada yang bersembunyi di bawah kedai, ada yang naik pagar tiada sempat lalu jatuh.

(*Hikayat Hang Tuah*: 36)

Hikayat Hang Tuah selaku hipoteks mengisahkan suasana peristiwa amuk yang berlaku di dalam kampung Bendahara Paduka Raja. Keadaan di pasar menjadi bertambah gamat apabila ada yang menyampaikan bahawa terdapat orang mengamuk di kampung Bendahara Paduka Raja. Sekalian warga yang berada di pasar sedaya upaya menyelamatkan diri menghindari dari orang mengamuk yang diperkatakan. Dalam perkiraan waktu yang sama, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu yang mendengar kekecohan dari halaman rumah, turut segera ke muka pintu untuk mengamati segala yang berlaku dan mereka dapat melihat sendiri suasana kekecohan ketika itu dek orang yang mengamuk seperti orang pasar yang berlarian berlain arah, ada juga yang bersembunyi di bawah kedai dan terdapat juga yang memanjat pagar sehingga terjatuh. Peristiwa amuk yang dikisahkan dalam *Hikayat Hang Tuah* turut menjadi inspirasi pengarang untuk dikisahkan semula. Kehadiran aspek pengalaman bacaan yang dimaksudkan dapat dinilai berdasarkan petikan berikut:

Suatu hari semasa Tuah sedang membelah kayu untuk digunakan oleh emaknya memasak, terdengar bunyi riuh rendah suara orang di dalam ketakutan. Ada yang menjerit, ada yang bertempik, ada yang mengerang kesakitan; rupa-rupanya ada seorang lelaki yang sedang mengamuk. Tuah memerhatikan orang-orang awam bertempiaran lari lintang-pukang menyelamatkan diri.

(*Tun Tuah*: 26-27)

Berdasarkan kedua-dua petikan di atas, ternyata pengarang menginspirasi peristiwa amuk yang dikemukakan dalam hipoteks untuk dikisahkan kembali. Pengarang menggambarkan peristiwa ini dengan menampilkan Hang Tuah yang sedang membelah kayu untuk kegunaan memasak oleh emaknya sebelum terdengar suara orang yang sedang dalam ketakutan. Keadaan suasana riuh tersebut disebabkan oleh seorang lelaki yang sedang mengamuk sehinggakan ada yang tercedera dan berlarian tanpa arah menyelamatkan diri masing-masing.

Proses intertekstual yang berlaku dari *Hikayat Hang Tuah* ke novel *Tun Tuah* ialah proses penyerapan peristiwa dan proses pengembangan perwatakan watak serta proses pengguguran watak. Pengarang melebarkan struktur naratif dengan memerihalkan aktiviti Hang Tuah dan menggugurkan watak-watak lain yang disebut dalam *Hikayat Hang Tuah* seperti Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu. Pengarang memberi fokus kepada watak Hang Tuah sahaja bertujuan memperjelaskan suasana dengan lebih terperinci tanpa melibatkan watak-watak lain yang pada hakikatnya tidak signifikan dalam fragmen penceritaan. Seterusnya, perincian watak Hang Tuah ini secara tidak langsung dapat mengangkat watak Hang Tuah sebagai watak utama yang dapat mengatasi permasalahan orang mengamuk yang melanda negeri Melaka.

4.2.2.6 Peristiwa diserang Lanun

Pengamatan terhadap *Hikayat Hang Tuah* akan menemukan kita terhadap beberapa musibah yang melanda. Musibah yang diungkapkan secara tidak langsung bertindak sebagai konflik-konflik yang memperteguhkan lagi naratif penceritaan yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Selain itu, musibah yang diketengahkan ini secara tidak langsung juga memberikan cabaran kepada watak utamanya iaitu Hang Tuah dalam meladeni kehidupan dan mempersiapkan diri sebagai seorang adiwira bangsa yang dikagumi masyarakat. Menerusi *Hikayat Hang Tuah*, pembaca memperoleh maklumat bahawa sedari kecil lagi Hang Tuah telah melalui pelbagai cabaran. Salah satu rintangan yang dikisahkan ialah musibah didatangi lanun ketika Hang Tuah dan sahabatnya berempas hendak pergi belayar. Walaupun baru berusia sepuluh tahun, lima sahabat akrab ini tidak gentar untuk berhadapan dengan musuh seperti yang terungkap dalam petikan berikut:

Setelah dilihat oleh temannya yang dua puluh lgi itu, ia pun terlalu amarah, katanya, “Bunuhlah budak celaka ini,” serta ditikamnya dan disumpitnya dengan bersungguh-sungguh akan budak lima itu. Maka Hang Tuah pun menunus kerisnya dan yang keempat itu pun mengunus kerisnya lalu menyerbukan dirinya pada musuh yang dua puluh itu. Maka ditikamnya oleh Hang Tuah, dua orang mati. Maka ditikam pula oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, empat orang mati; dan ditikamnya pula oleh Hang Lekiu, empat orang pula mati. Maka yang tinggal lagi sepuluh orang itu, larilah menyusur perahunya, lalu dikayuhnya ke perahu besar tiga buah.

(*Hikayat Hang Tuah*: 26)

Ketika berumur sepuluh tahun, Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya telah bersepakat untuk pergi merantau ke Pulau Linggi. Setelah beberapa lama dalam pelayaran, Hang Tuah mendapati terdapat tiga buah perahu menuju ke arah mereka. Hang Tuah serta

Hang Jebat beranggapan bahawa ketiga-tiganya merupakan perahu milik musuh. Mereka telah diserang oleh 20 orang tanpa sebab yang munasabah. Kehadiran musuh-musuh tersebut sememangnya berniat untuk membunuh dan mencederakan mereka berlima. Hang Tuah serta empat lagi sahabatnya tidak mudah menyerah kalah dan menentang serangan yang dilakukan dengan berani sehingga sepuluh orang daripadanya mati ditewaskan kelima-lima pahlawan Melaka tersebut, malah baki daripadanya telah kembali kepada perahu besar milik mereka.

Menerusi novel *Tun Tuah* yang turut mengangkat watak utamanya Hang Tuah seperti *Hikayat Hang Tuah* sememangnya menjalani proses intertekstual. Pengarang turut berminat menghadirkan peristiwa Hang Tuah dan sahabat berempatnya yang lain diserang lanun ketika pertama kali hendak merantu pada usia sepuluh tahun. Bersandarkan pada peristiwa yang sama, Affifudin Omar telah mengolahnya dengan bahasa dan idea yang tersendiri seperti petikan berikut:

“Allahuakhbar! Allahuakbar!” pekik kelima mereka sambil terjun dengan kaki-kaki mereka menerjah dada lanun-lanun itu, menyebabkan mereka rebah terlentang. Maka berlakulah pergelutan di mana parang panjang yang dibekalkan oleh ayah masing-masing dilibas melukakan lanun-lanun itu. Akhirnya seorang daripada lanun-lanun itu memekik, “Hai budak-budak! Cukuplah, jangan bunuh kami,” sambil memegang rusuknya yang terkena libasan parang panjang Si Tuah. “Kalau begitu, letak senjata kamu!” perintah Si Tuah. Kelima lanun yang luka-luka akibat libasan parang panjang mengikut perintah ini dan tidur meniarap di atas pasir seperti diperintahkan oleh Tuah.

(*Tun Tuah*: 19-20)

Berdasarkan peragaan petikan daripada kedua-ke dua teks yang diteliti, novel *Tun Tuah* secara jelasnya melebarkan struktur naratif pada peristiwa ini. Pengarang menghadirkan unsur dramatik sehingga memanjangkan naratif penceritaan bagi peristiwa ini. Pertarungan yang berlangsung dikisahkan dengan persiapan yang rapi oleh Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya. Mereka memiliki sumpit selain dibekalkan parang oleh ayah masing-masing. Ketangkasan mereka telah menyebabkan 15 orang lanun mati dan tinggal lima orang yang masih bernyawa walaupun masing-masing luka terkena libasan parang. Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya juga berjaya menawan lima lanun tersebut. Naratif asal yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah* telah menerima percambahan plot penceritaan seperti aksi pergelutan dan penangkapan baki lanun yang ada sebagai tahanan.

4.2.2.7 Peristiwa Perang Melaka dan Feringgi

Seterusnya, pengkaji menemukan tiga novel kajian menyisipkan peristiwa perang antara kerajaan Melaka dan Feringgi pada tahun 1511 sebagai sebahagian peristiwa yang dikisahkan. Melalui *Sejarah Melayu*, pembaca akan dibawa kepada suasana sebuah peperangan yang begitu dasyat sehingga akhirnya memperlihatkan kekalahan Melaka kepada Portugis. Peristiwa ini dicitrakannya seperti berikut:

Maka gemparlah orang Melaka. Maka dipersembahkan kepada Sultan Ahmad, “Bahawa Feringgi datang menyerang kita dengan tujuh buah kapal; delapan buah ghalias, sembilan buah ghali panjang, enam belas fusta.”

Maka Sultan Ahmad pun mengerahkan segala rakyat, menghadirkan kelengkapan perang. Maka berperanglah Feringgi dan Melaka. Maka dibedillah dari kapal, seperti hujan datangnya, dan bunyinya seperti

guruh di langit, rupa kilat apinya seperti kilat di udara, bunyi istinggarnya seperti kacang direndang. Maka segala orang Melaka tiada boleh berdiri di pantai, daripada kesangatan bedil Feringgi itu.

(*Sejarah Melayu*: 267)

Pengarang sama ada Affifudin Omar atau Faisal Tehrani tidak terlepas daripada menjadikan peristiwa kedatangan Feringgi ke Melaka sebagai sebahagian daripada peristiwa penting yang perlu dikisahkan semula. Noriah Taslim (2019) mengungkapkan fenomena intertekstual pada hakikatnya sudah lama berlaku dalam teks-teks tradisional di mana pengarang dituntut untuk mengambil unsur-unsur naratif yang telah wujud dalam budaya dan tradisinya. Affifudin memanfaatkan peristiwa ini dengan memperlihatkan kekalahan Melaka di tangan Portugis. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Pada bulan April 1511, iaitu sepuluh tahun selepas kehilangan Tuah, Portugis mula mengepong Melaka. Selepas empat bulan berperang dan dikepung, Melaka tewas ditangan Alfonso de Albuquerque, dibantu oleh sebilangan besar saudagar Cina dan saudagar Gujerat. Ada juga penderhaka-penderhaka Melayu yang menyebelahi Portugis. Mereka membenci Sultan Mahmud yang tidak mahu insaf di atas perlakuan mungkarnya terhadap manusia dan terhadap Allah S.W.T.

(*Tun Tuah*: 345)

Petikan di atas masih secara nyata memerihalkan tentang kejatuhan Melaka di tangan Portugis, malah turut disisipkan tarikh pada bulan April 1511. Affifudin Omar memperincikan faktor-faktor kekalahan Melaka yang sebenarnya turut dikhianati oleh orang-orang Melayu menyebelahi pasukan portugis, malah golongan ini sudah tidak mempercayai kepimpinan Sultan Mahmud yang lebih cenderung mengikut hawa nafsu apabila menjadi pemimpin. Jika diteliti *Sejarah Melayu*, ketika Melaka

dijajah Portugis, sultan yang memerintah ketika itu ialah Sultan Ahmad. Walau bagaimanapun, Affifudin Omar memberikan pemaknaan baharu dengan mengetengahkan watak Sultan Mahmud ketika ini. Menyorot sudut pemaknaan baharu, Affifudin Omar mengkritik sikap pemimpin yang suka mendahulukan hawa nafsu berbanding tanggungjawab sebagai hamba kepada Tuhan dan tanggungjawab sebagai pemimpin kepada masyarakat. Ketirisan dalam kepimpinan akhirnya mendatangkan impak yang sangat negatif kepada negara sehingga ditawan negara asing.

Faisal Tehrani menerusi novel berunsur sejarah *1515* turut mengeksploitasi peristiwa kejatuhan Melaka kepada Portugis, namun dengan cara yang tersendiri. Faisal Tehrani memberi pemaknaan baharu dengan memenangkan Melaka terhadap Portugis, malah kemenangan ini juga ditunjangi dengan kelincahan seorang gadis yang bernama Nyemah Mulya sehingga diberikan gearan tun oleh baginda Sultan Ahmad seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Di balairung seri padar sungguh manusia bersesak-sesak ingin melihat hamba. Di hadapan sudah terduduk menanti baginda Sultan Mahmud, Permaisuri Tun Fatimah dan baginda Sultan Ahmad yang masih lagi berwajah tidak begitu senang sebaik melihat hamba juga ada.

“Nyemah anakandaku, mulai hari ini kita beri gelar Tun kepada anakanda.”

(1515: 202)

Faisal Tehrani bukan sekadar menukar sejarah, tetapi daripada suatu sudut Faisal Tehrani mengangkat kewibawaan bangsa Melayu yang begitu berani

mempertahankan tanah air malah tidak gentar dengan berbekalkan semangat syahid yang dituntut dalam agama. Hal ini dapat digambarkan seperti dalam petikan berikut;

Saat mulanya pertempuran itulah hamba mendapatkan dua ratus pemuda tangkas yang mendambakan syahid berkumpul di hadapan istana lalu hamba pun bersuara mengenai rencana hamba.

“Dua ratus orang ini hamba harap benar-benar dapat menumbang nyawa untuk kejayaan Melaka kerana jika gagal tuan-tuan semua, alamat hancurlah Melaka. Hamba mahu tuan-tuan semua membawa setiap orang buluh lima belas ruas yang telah disumbat ubat bedil, serpih besi dan paku serta dibubuh sumbu. Ikat buluh-buluh itu kecap-kecap di sekeliling tubuh tuan-tuan dengan sumbunya boleh tuan-tuan capai dan bakar...”

(1515:175-176)

Petikan di atas secara jelas menggambarkan seorang pemimpin perang yang telah dilantik sultan telah berjaya mengumpul 200 orang pemuda yang berani, malah sanggup mempertaruhkan nyawa demi menyelamatkan Melaka daripada serangan Portugis. Secara tidak langsung, Faisal Tehrani sebenarnya menyerlahkan kehadiran peristiwa kejatuhan Melaka terhadap Portugis pada tahun 1511 yang dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*. Faisal Tehrani menggarap peristiwa tersebut dengan kreativitinya lalu dipersembahkan dalam novel berunsur sejarah *1515*.

Berdasarkan penekunan terhadap teks-teks yang terpilih, Affudin Omar dan Faisal Tehrani sebenarnya tidak terlepas dalam mengemukakan pengalaman bacaan teks tradisional dalam pengkaryaan sama ada secara sedar atau pun tidak sedar. Pengungkapan beberapa peristiwa yang menonjol dalam teks-teks yang dianalisis memperlihatkan peristiwa-peristiwa ini mampu memberikan pengalaman pembaca sebuah teks sejarah baharu kepada pembaca. Kehadiran peristiwa-peristiwa ini juga

sekurang-kurangnya dapat memperkukuh pembinaan naratif novel-novel yang dianalisis sebagai sebuah novel berunsur sejarah.

Sebagai sebuah naskhah sastera epik, *Hikayat Hang Tuah* tidak terlepas mencatatkan peristiwa penghabisan kegemilangan Melaka dan bermulanya era penjajahan Portugis terhadap Melaka. Abdul Rahman Ismail (2005) menjelaskan *Hikayat Hang Tuah* memberikan gambaran tentang negara dan masyarakatnya pada kurun ke-15 dan kurun ke-16. Selain meriwayatkan sosiobudaya masyarakat pada zaman itu, *Hikayat Hang Tuah* tampil sebagai wadah dokumentasi yang penting dalam pensejarahan sesebuah negara. Menerusi bab ke-28 dalam *Hikayat Hang Tuah*, bangsa Feringgi mula diperihalkan di Melaka, malah kedatangan mereka membawa kepada perubahan yang besar kepada Melaka sebagai sebuah negara yang masyhur sebelumnya. Kisah kedatangan Portugis ke Melaka dikisahkan seperti petikan berikut:

Maka pada ketika sunyi waktunya, tengah malam dan dinihari, maka Feringgi itu pun menaikkanlah segala meriam yang besar-besar di dalam kapal itu, habis dibawanya naik dimasukkan gedung itu, lalu diaturnya habis meriam itu segenap lubang bedil berkeliling gedung itu tujuh lapis. Maka diisinya ubat peluru tiga-tiga butir pada sepucuk meriam itu. Maka pada waktu tengah malam senyap orang tidur habis, maka kapitan itu pun menyuruh segala kelasinya memasang meriam itu habis kesemuanya daripada waktu tengah malam hingga naik matahari. Maka segala rumah dan pagar dan balai dan jambatan orang Melaka itu pun habislah diterbangkan oleh peluru meriam itu. Maka kapal Feringgi di negeri Manila dan Portugal pun datanglah empat puluh buah membantu temannya.

(*Hikayat Hang Tuah*: 545)

Berdasarkan petikan di atas, orang-orang Feringgi mengatur strategi yang rapi dalam memerangi Melaka. Mereka berjaya mendapatkan penempatan sementara iaitu sebuah tanah dan didirikan sebuah gudang untuk penyimpanan barang tanpa disedari orang-orang Melaka bahawa Feringgi mempunyai muslihat dan rencana. Ketika pada waktu malam, orang-orang Feringgi ini bersiap sedia dalam memerangi Melaka dengan menaikkan segala meriam yang ada. Serangan meriam dilepaskan sehingga siang keesokan harinya sehingga memusnahkan rumah, pagar, balai dan jambatan yang menjadi jalan perhubungan orang Melaka. Episod Melaka diserang Portugis yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah* turut menjadi pilihan pengarang untuk dikisahkan semula. Affifudin Omar menterjemahkan kisah ini dengan ringkas tanpa memasukkan unsur-unsur dramatik. Perihal ini dikisahkan seperti berikut:

Pada bulan April tahun 1511, iaitu sepuluh tahun selepas kehilangan Tuah, Portugis mula mengepung Melaka. Selepas empat bulan berperang dan dikepung, Melaka tewas ditangan Alfonso de Albuquerque, dibantu oleh sebilangan besar saudagar Cina dan saudagar Gujerati. Ada juga penderhaka-penderhaka Melayu yang menyebelahi Portugis. Mereka membenci Sultan Mahmud yang tidak mahu insaf di atas perlakuan mungkarnya terhadap manusia dan terhadap Allah SWT.

(*Tun Tuah*: 345)

Pengarang *Tun Tuah* merakamkan kembali pengalaman bacaannya terhadap peristiwa Portugis menyerang Melaka dalam novel tersebut. Pengarang merumuskan setelah empat bulan diserang dan dikepung, akhirnya Melaka ditawan Portugis. Pengarang turut menzahirkan penyumbang kepada kekalahan Melaka seperti bantuan daripada saudagar Cina dan saudagar Gujerati. Pengarang juga menyabitkan orang-orang Melayu sendiri yang menyebelahi pihak Portugis kerana membenci perlakuan

Sultan Mahmud yang sering melakukan kemungkaran. Jelasnya, pengarang menambahbaik idea Melaka diserang Portugis dengan musabab yang kukuh. Pengarang sebenarnya tetap menggambarkan Melaka sebagai sebuah kerajaan yang hebat dan tidak mudah ditawan oleh Portugis kerana Portugis mengambil masa selama empat bulan untuk menawan Melaka, dan kemenangan Portugis disokong oleh beberapa pihak yang menyebelahi mereka.

Menerusi 1515, pengarang secara tidak langsung mengangkat peristiwa Melaka diserang oleh Portugis. Pengarang menggunakan kreativiti kepengarangan yang dimiliki dengan mengolahnya dalam bentuk penceritaan dengan tidak menyalin sepenuhnya naratif daripada teks *Hikayat Hang Tuah*. Dalam perihal ini, Faisal Tehrani menukikan:

Kau dikejutkan daripada lena oleh bunyi tetuang yang aneh dan dentum meriam lebih setengah jam lamanya.

Saat itu, tahulah kau, Portugis sudah tiba ke alam Melayu bersama bala tenteranya. Bala tentera yang Tuhan datangkan untuk mengingatkan bahawa Dia ada, maka mengapa kalian tidak menyembah-Nya? Bahtera mereka berlabuh di situ buat beberapa lama. Tahulah kau harinya telah tiba.

(1515: 60-61)

Menerusi petikan di atas, pengarang menggambarkan bunyi tetuang yang aneh dan dentuman meriam saling berbunyi tanpa henti selama lebih daripada setengah jam lamanya. Setelah beberapa ketika barulah 'kau' menyedari bahawa Portugis telah sampai ke alam Melayu untuk menakluk Melaka. Faisal Tehrani tampil dengan gaya penceritaan yang berbeza apabila menampilkan sudut pandang penceritaan yang

berbeza. Jika dibandingkan dengan petikan yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*, pengarang bertindak sebagai pencerita yang mewakili sudut pandang ketiga. Walau bagaimanapun, dalam naratif *1515*, Faisal Tehrani menukar gaya penceritaan kepada sudut pandang orang kedua apabila menjadikan pembaca sebagai watak yang melalui penceritaan tersebut dengan menggunakan kata ganti diri 'kau'. Secara tidak langsung, tindakan pengarang ini membuatkan pembaca terasa dekat dengan pengarang.

4.2.3 Rakaman Penzamanan

Konsep rakaman zaman merujuk kepada proses merekodkan atau mendokumentasikan peristiwa, perkembangan, atau kejadian penting yang berlaku pada suatu masa tertentu dalam bentuk yang boleh disimpan dan dirujuk pada masa hadapan. Karya sastera selalu menjadi panduan dalam menzahirkan suasana, sosiobudaya serta kehidupan masyarakat pada zaman karya sastera tersebut dihasilkan. Seseorang pengarang akan bertindak sebagai pengarang yang merakam zaman yang diwakilinya melalui cerita, bahasa dan fikiran yang hidup pada ketika itu (Isma Saring, 2014). Secara keseluruhan, rakaman zaman dalam karya sastera adalah satu bentuk dokumentasi kreatif yang penting untuk memahami sejarah, budaya, dan kehidupan manusia pada suatu zaman. Melalui bahagian ini, pengkaji menilai latar masa, latar tempat, latar masyarakat dan latar budaya yang dihadirkan oleh pengarang dari teks-teks tradisional sebagai sumber idea dalam pembentukan alur penceritaan novel sejarah.

4.2.3.1 Latar Masa

Latar masa merujuk kepada waktu atau tempoh tertentu yang digunakan dalam sesebuah karya sastera untuk menggambarkan peristiwa, keadaan, atau suasana yang berlaku (Mahani Pengiran Ahmad, 2007). Latar masa memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk konteks cerita dan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peristiwa yang digambarkan oleh pengarang kepada khalayak pembaca. Secara keseluruhannya teks-teks tradisional menggambarkan latar masa peristiwa-peristiwa yang dikisahkan berlaku pada abad ke-15 dan ke-16. Secara tepatnya juga, latar masa yang menunjangi *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* ialah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Sejarah Melayu merupakan sebuah hasil pendokumentasian yang sangat penting dalam menilai atau mengetahui salasilah raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun, naskhah sastera sejarah ini tidak mencatatkan tarikh terutamanya terhadap peristiwa-peristiwa penting seperti hari pertabalan raja-raja, hari kewafatan raja-raja, hari perkahwinan raja-raja serta peristiwa yang melibatkan konflik dengan kerajaan-kerajaan lain. Namun, latar masanya dapat ditanggap sekitar abad ke-15 hingga ke-16, iaitu ketika zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan salasilah raja yang dapat dikesani.

Berdasarkan alur penceritaan yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*, dapatlah disimpulkan bahawa berikut merupakan rumusan terhadap giliran keturunan raja-raja Melaka yang memerintah Melaka:

Jadual 4.4

Senarai Raja-raja Melaka yang Memerintah Melaka

Bil	Nama Raja
1.	Raja Iskandar Syah
2.	Raja Muda
3.	Raja Tengah
4.	Sultan Muhammad Syah
5.	Sultan Abu Syahid
6.	Sultan Muzaffar Syah
7.	Sultan Mansur Syah
8.	Sultan Alauddin Riayat Syah
9.	Sultan Mahmud Syah
10.	Sultan Ahmad Syah

Jadual 4.1 di atas secara ringkasnya memaparkan Raja Melaka yang ditabalkan dan menjadi pemerinth Melaka sejak Melaka dibuka oleh Sultan Iskandar Syah sehinggalah kepada pemerintahan Sultan Ahmad Syah sebelum Melaka ditawan Portugis.

Novel-novel sejarah terpilih turut menghadirkan latar masa yang sama dalam memenuhi ruang naratif agar tampak lebih realistik. Berdasarkan penyaringan maklumat berkenaan latar masa yang digunakan, ternyata pengarang novel sejarah lebih cakna dalam menghasilkan novel sejarah dengan mempelbagaikan rujukan.

Usaha ini begitu signifikan kerana tarikh memberikan kerangka waktu yang jelas dan memungkinkan pembaca memahami konteks sejarah dengan lebih tepat. Penulisan sejarah dalam bentuk novel akan lebih mudah diterima jika pengarang merujuk kepada tahun peristiwa penting, seperti peperangan, perjanjian, atau peristiwa besar yang dianggap sejarah terhadap tanah air. Selain itu, dengan memasukkan tahun, pengarang dapat mengukuhkan kesahihan naratif dan menjadikan cerita lebih terikat dengan waktu sebenar, memberi dimensi sejarah yang lebih mendalam. Kecaknaan para pengarang novel sejarah dalam menghadirkan latar masa pada abad ke-15 dan ke-16 dapat diperhalusi dalam petikan berikut:

Pada tahun 1441, selepas membuat persiapan seadanya, maka berangkatlah ketiga anak beranak itu menggunakan perahu lading kepunyaan Hang Mahmud sendiri. Hang Tuah sangat teruja dengan tindakan kedua ayah-emaknya. Dia teringat ayat al-Quran dari Surat al-Jumaat yang diajari mualimnya. Dia juga teringat firman Allah di dalam Surah al-Insyirah, mafhumnya, ‘Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan...Dan hanya kepada Tuhanmu sahajalah, hendaknya engkau berharap.’

(*Tun Tuah*: 8)

Petikan ini menggambarkan latar masa abad ke-15, iaitu sekitar tahun 1441, yang merupakan zaman kegemilangan Kesultanan Melaka. Pada waktu itu, pelayaran dan perdagangan maritim merupakan aspek penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Penekanan terhadap tahun 1441 memberikan konteks sejarah yang menunjukkan bahawa peristiwa ini berlaku dalam tempoh yang penting dalam perkembangan kerajaan Melayu, khususnya Kesultanan Melaka Melaka yang sedang berkembang pesat sebagai pusat perdagangan antara Timur dan Barat.

Gambaran tentang perahu lading yang digunakan oleh Hang Mahmud menunjukkan aktiviti pelayaran yang lazim pada masa itu, di mana perahu dan kapal menjadi alat utama dalam pengangkutan dan perdagangan. Selain itu, pengajaran agama juga terlihat penting pada masa tersebut. Ayat al-Quran yang diingat oleh Hang Tuah, iaitu dari Surah al-Jumaat dan Surah al-Insyirah, mencerminkan pengaruh agama Islam yang telah menyebar luas di dunia Melayu pada abad ke-15, terutamanya di Kesultanan Melaka yang ketika itu dipimpin oleh Sultan Mansur Shah dan telah menjadi pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara.

Menerusi sebuah lagi novel sejarah karangan Affifudin Omar yang berjudul *Tun Perak*, Affifudin Omar juga begitu teliti dalam mengisahkan permulaan perkembangan pelabuhan Melaka yang menjadi pelabuhan sekunder kepada Pasai. Hal ini dinukilkan pengarang dalam bait-bait berikut:

Justeru Pasai menjadi pelabuhan dagangan maritim yang utama di dunia Melayu pada tahun-tahun sebelum 1420 Masihi. Melaka yang baharu 20 tahun usianya hanya menjadi pelabuhan sekunder kepada Pasai. Pembendaharaan negara Melaka tidak berupaya ketika ini mengupah Orang Laut untuk memaksa kapal-kapal Cina dan lain-lain kapal dari Timur untuk berhenti di pelabuhannya seperti yang dilakukan oleh Maharaja Srivijaya semasa zaman kegemilangannya dahulu. Di masa itu, orang Laut digunakan oleh Maharaja Srivijaya menjadi polis trafik, mengarah semua kapal dari Cina dan India supaya masuk berdagang di Palembang yang terletak 10 kilometer ke hulu Sungai Musi.

(*Tun Perak*: 4)

Petikan ini memberikan gambaran latar masa pada awal abad ke-15, lebih tepat lagi sekitar tahun sebelum 1420 Masihi, yang menggambarkan keadaan politik dan

ekonomi dunia Melayu pada masa itu. Pada waktu ini, Pasai merupakan pelabuhan dagangan utama di dunia Melayu, menjadikannya pusat perdagangan yang penting antara dunia Melayu, Cina, India, dan Timur Tengah. Pasai dikenali sebagai pusat perdagangan yang berkembang dengan pesat kerana kedudukannya yang strategik dan menjadi pusat penyebaran agama Islam di wilayah tersebut.

Melaka, yang baru berusia 20 tahun ketika itu, berada di bawah pengaruh dan kemajuan Pasai, dan masih dianggap sebagai pelabuhan sekunder. Latar masa ini menunjukkan bahawa Melaka masih dalam fasa awal pembangunan sebagai sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan, dan belum mencapai status sebagai pelabuhan utama seperti yang dikenali selepas itu.

Pembendaharaan negara Melaka ketika ini dilihat tidak berupaya untuk mengupah Orang Laut, yang merupakan kelompok masyarakat yang terlibat dalam aktiviti pelayaran dan menjaga keselamatan pelabuhan. Orang Laut pada zaman kegemilangan Srivijaya digunakan sebagai "polis trafik" untuk mengarahkan kapal-kapal perdagangan dari Cina dan India untuk singgah di Palembang, pusat perdagangan utama Srivijaya. Petikan ini mencerminkan keadaan sebelum Melaka mencapai kemuncak kejayaannya sebagai pelabuhan yang dominan dalam dunia perdagangan maritim, serta menunjukkan perbezaan yang jelas antara Melaka yang sedang berkembang dan Srivijaya yang pada masa itu sudah mencapai kemajuan dalam mengawal perdagangannya.

Seterusnya, penelitian beralih kepada novel sejarah tulisan Faisal Tehrani yang turut menyerap kehadiran latar masa abad ke-15 dan abad ke-16 dalam novelnya. Seperti Affifudin Omar, Faisal Tehrani juga cakna dalam memerihalkan peristiwa bersejarah dengan menampilkan tahun dalam penulisannya. Hal ini menunjukkan perhatian mendalam pengarang terhadap ketepatan sejarah dan kepentingan meletakkan peristiwa dalam konteks waktu yang jelas. Dengan memasukkan tarikh tertentu, Faisal Tehrani memberi dimensi lebih mendalam terhadap kejadian-kejadian penting dalam sejarah, serta mengaitkan setiap peristiwa dengan impaknya terhadap perkembangan sosial, politik, dan budaya masyarakat pada zaman tersebut. Melalui pendekatan ini, pembaca dapat lebih mudah memahami perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu dan kesan daripada peristiwa-peristiwa bersejarah yang digambarkan dalam novel tersebut. Contoh petikan yang menggambarkan latar masa pada abad ke-16 adalah seperti berikut:

Hamba ada mendengar khabar pada awal tahun 1511, tidak ingat pula hamba bila dan berapa hari bulan secara tepat, tentang seorang wizurai tua kerepot yang mempercayai dirinya utusan Tuhan untuk menanam salib di atas setiap ceruk muka bumi dana da hati pula mahu membongkar makam Rasulullah, telah belayar dari Goa bersama -sama lapan belas buah bahtera, diiringseangkatan kecil lapan ratus soldadu Portugis serta dua ratus orang upahan Malabar.

(1515: 148)

Petikan ini merujuk kepada peristiwa yang berlaku pada awal tahun 1511, yang merujuk kepada kedatangan armada Portugis di dunia Melayu, khususnya untuk menyerang Melaka. Dalam konteks masa, petikan ini menunjukkan tahun yang penting dalam sejarah dunia Melayu, iaitu tahun 1511, ketika pasukan Portugis yang

diketahui oleh Alfonso de Albuquerque mula melancarkan ekspedisi ketenteraan untuk menawan Melaka. Penulis menggunakan ungkapan "awal tahun 1511" untuk menunjukkan fasa permulaan serangan yang memberi kesan besar kepada sejarah Kesultanan Melaka. Walaupun tidak menyebutkan tarikh tepat, ungkapan "awal tahun 1511" sudah cukup memberikan gambaran bahawa peristiwa ini berlaku pada permulaan abad ke-16, yang merupakan zaman penjajahan dan pengembangan kuasa Eropah di Asia Tenggara.

Latar masa abad ke-15 dan ke-16 dalam novel sejarah memainkan peranan penting dalam memberikan konteks sejarah yang lebih mendalam dan autentik kepada pembaca. Fungsi utama penggunaan latar masa ini adalah untuk menghubungkan peristiwa-peristiwa yang digambarkan dalam karya dengan kejadian sejarah sebenar, yang membolehkan pembaca memahami lebih jelas tentang masyarakat, budaya, dan sistem politik pada waktu tersebut berfungsi. Dalam novel sejarah, penggunaan latar masa pada abad ke-15 dan ke-16 membawa kesan yang mendalam terhadap penulisan, kerana pengarang menekankan ketepatan fakta sejarah yang lebih nyata dan relevan. Perihal ini memberikan dimensi yang lebih konkrit terhadap cerita yang dibentangkan, serta mengaitkan peristiwa yang terjadi dengan perkembangan sosio-politik dan budaya dunia pada masa itu.

Selain itu, penggunaan latar masa ini juga memberikan ruang untuk pengarang menginterpretasikan nilai-nilai tertentu, seperti agama, perjuangan untuk kemerdekaan, atau perubahan sosial, diterapkan dalam cerita. Misalnya, penekanan

terhadap tahun 1511 yang merujuk kepada serangan Portugis bukan sahaja membolehkan pembaca memahami peristiwa tersebut dalam konteks sejarah, tetapi juga melihat pengaruhnya terhadap identiti dan perjuangan masyarakat Melayu ketika itu. Kesannya, latar masa abad ke-15 dan ke-16 dalam novel sejarah menjadikan cerita lebih berfakta dan menambah kekuatan naratif yang menghubungkan sejarah dengan fiksi.

4.2.3.2 Latar Tempat

Latar tempat adalah elemen penting dalam karya sastera yang merujuk kepada lokasi atau persekitaran di mana peristiwa-peristiwa dalam cerita berlaku. Secara tidak langsung, latar tempat yang diketengahkan memberikan gambaran yang jelas tentang tempat yang menjadi latar belakang bagi tindakan dan perkembangan cerita. Latar tempat dalam karya sastera turut memainkan peranan yang sangat penting kerana dapat mempengaruhi penghayatan pembaca terhadap cerita yang dikisahkan.

Menerusi *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, secara keseluruhannya latar tempat yang begitu dominan adalah negeri Melaka itu sendiri memandangkan kedua-dua teks tradisional ini merupakan catatan sejarah tentang negeri Melaka pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Melaka memainkan peranan yang sangat penting dalam kedua-dua teks tradisional, *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, sebagai pusat tamadun, kekuasaan, dan identiti budaya. Dalam *Sejarah Melayu*, Melaka digambarkan sebagai sebuah kerajaan yang berjaya mendominasi perdagangan dan politik di rantau Asia Tenggara. Kisah ini menekankan kebangkitan Melaka sebagai

sebuah empayar yang kuat selepas pengasasnya, Parameswara, memeluk Islam dan menubuhkan kerajaan yang makmur. Dalam karya ini, Melaka digambarkan sebagai simbol kemakmuran, keagungan, dan pusat penyebaran agama Islam di Nusantara.

Melaka juga digambarkan sebagai tempat lahirnya banyak pahlawan dan wira yang terkenal, seperti Hang Tuah, yang menjadi tokoh utama dalam *Hikayat Hang Tuah*. Dalam hikayat ini, Hang Tuah ialah seorang pahlawan yang setia kepada Sultan Melaka, yang mencerminkan nilai kesetiaan, keberanian, dan pengorbanan. Melaka, sebagai latar tempat utama, ditonjolkan sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai kekuasaan yang besar dengan struktur sosial dan budaya yang berteraskan keadilan dan keteguhan moral. *Hikayat Hang Tuah* juga menggambarkan kehebatan Melaka sebagai sebuah empayar yang disegani oleh kerajaan luar, terutama dengan adanya hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negara-negara jiran seperti China.

Berikut merupakan antara contoh petikan yang menyebut Melaka dalam teks *Sejarah Melayu*:

Maka disuruh baginda perbuat negeri pada tempat itu. Maka Raja Iskandar bertanya, “Apa nama kayu ini, tempat kita bersandar?”
Maka sembah orang, “Kayu Melaka namanya, Tuanku.”
Maka titah baginda, “Jika demikian, Melakalah nama negeri.”
Maka Raja Iskandar Syah pun diamlah di Melaka.

(*Sejarah Melayu*: 70)

Petikan di atas merupakan pertama kali perkataan ‘Melaka’ disebut dalam *Sejarah Melayu*. Petikan di atas menggambarkan keberadaan Raja Iskandar Syah di sebuah

tempat yang begitu mengasyikkannya. Setelah Singapura kalah dalam peperangan diserang Jawa, Raja Iskanda Syah membawa diri bersama orang-orangnya sehingga ke Muar dan seterusnya berpindah ke suatu tempat yang memperlihatkan suatu kejadian yang membawa kepada cetusan fikirannya untuk mewujudkan sebuah kerajaan di situ. Ketika sedang berehat di bawah sepohon pokok setelah berburu, anjing buruan baginda ditendang seekor pelanduk sehingga terjatuh ke dalam sungai. Perihal tersebut mendatangkan rasa kagum dalam diri baginda, lalu baginda bertanya pada seseorang tentang nama pohon yang sedang baginda berteduh. Setelah mengetahui nama pohon tersebut, baginda tidak teragak-agak untuk menubuhkan kerajaan negeri di situ dan menggelarkannya, Melaka.

Seterusnya, dalam novel-novel sejarah terpilih, Melaka merupakan latar tempat yang begitu dominan dalam semua novel, malah persepsi pengarang dalam mentafsirkan suasana dan mengisahkan kedudukan Melaka berberza-beza. Menerusi novel *Tun Tuah*, kita dapat menghayati Melaka sebagai sebuah Pelabuhan perdagangan yang baru dibuka dan menghadapi persaingan daripada pelabuhan perdangangan yang lebih dikenali sebelumnya. Hal ini dikisahkan Affifudin Omar seperti dalam petikan berikut:

Selepas empat tahun membuka Pelabuhan Melaka, iaitu pada tahun 1400 Masihi, usaha Megat Iskandar Syah atau nama gelarannya, Parameswara, masih lagi tidak berjaya menarik banyak kapal-kapal dagang dari China dan India serta Parsi dan Arab ke situ. Ini adalah kerana pada masa itu pedagang-pedagang Parsi, Arab dan India yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Islam, berkumpul di Pasai, utara Sumatra, selepas merentasi Lautan Hindi.

(*Tun Tuah*: 1)

Petikan di atas dengan jelasnya menceritakan pada awal abad ke-15, selepas empat tahun membuka Pelabuhan Melaka, Parameswara atau nama sebenar Megat Iskandar Syah, masih menghadapi kesukaran untuk memastikan kapal-kapal dagang dari China, India, Parsi, dan Arab singgah di Pelabuhan Melaka. Keadaan ini disebabkan oleh peranan penting yang dimainkan oleh Pelabuhan Pasai, yang terletak di utara Sumatra, sebagai pusat pertemuan pedagang-pedagang dari Parsi, Arab, dan India, kebanyakannya terdiri daripada golongan Islam. Pasai, yang terkenal sebagai pusat perdagangan yang sibuk, telah menjadi tempat berkumpul utama pedagang-pedagang tersebut setelah merentasi Lautan Hindi.

Meskipun Melaka mempunyai lokasi yang strategik, dengan akses terus ke Selat Melaka yang menghubungkan Laut China Selatan dan Lautan Hindi, cabaran yang dihadapi oleh Parameswara ialah persaingan daripada Pasai yang lebih dikenali dalam kalangan pedagang-pedagang asing. Pelabuhan Pasai sudah lama menjadi destinasi utama dalam laluan perdagangan dunia, malah menjadi lokasi pedagang-pedagang dari pelbagai negara bertemu untuk menjalankan urusan dagangan mereka. Keadaan ini menyebabkan Melaka yang baru dibuka sukar untuk menarik perhatian pedagang-pedagang dari luar.

Affifudin Omar turut mengetengahkan Melaka sebagai sebuah pelabuhan, namun persepsinya lebih berbeza, memperlihatkan kreativiti Affifudin Omar dalam

mengolah idea yang sama, namun dizahirkan dengan pengucapan yang berbeza.

Petikan berikut membuktikan:

Melaka kini menjadi pelabuhan terakhir untuk semua kapal-kapal dagang di dunia yang hendak bertukar barangan. Malah barangan dari Eropah pun dilambak di Pelabuhan Melaka oleh pedagang Arab yang mendapatkannya dari Pelabuhan Venice, di Itali dan di Constantinople.

Pengajaran ilmu Islam dilakukan oleh mualim-mualim dan mubaligh-mubaligh dari Arab, Parsi dan India di merata tempat di bumi Melaka. Anak-anak raja dan kaum kerabat golongan politik diajari di istana oleh mualim-mualim yang kebanyakannya merupakan ahli-ahli sufi yang datang menumpang dengan kapal-kapal dagang Islam.

(Tun Perak: 5-6)

Petikan di atas memperlihatkan Melaka pada suatu ketika pernah dikenali sebagai pusat perdagangan utama di Asia Tenggara, telah berkembang pesat sehingga menjadi pelabuhan persinggahan terakhir untuk semua kapal dagang dari pelbagai pelusuk dunia. Pelabuhan Melaka bukan sahaja menjadi tempat pertukaran barangan dari negara-negara di Asia, tetapi juga barangan dari Eropah, yang dilambakkan oleh pedagang-pedagang Arab. Pedagang Arab memperoleh barangan Eropah dari Pelabuhan Venice di Itali dan Constantinople, yang merupakan pusat perdagangan utama di Eropah pada zaman itu. Hal ini menunjukkan betapa Melaka menjadi pusat pertemuan perdagangan global, apabila pelbagai jenis barangan dari seluruh dunia ditukar dan didagangkan, menjadikannya pelabuhan yang amat strategik dan penting dalam laluan perdagangan antarabangsa.

Selain daripada kepentingannya dalam perdagangan, Melaka juga menjadi pusat penyebaran ilmu pengetahuan, khususnya ilmu agama Islam. Mualim-mualim dan

mubaligh-mubaligh yang datang dari Arab, Parsi, dan India telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Islam di Melaka. Mereka mengajar ilmu agama kepada penduduk tempatan dan juga golongan bangsawan, terutamanya anak-anak raja dan kaum kerabat bangsawan. Di istana, anak-anak raja menerima pendidikan agama dari mualim-mualim yang kebanyakannya merupakan ahli-ahli sufi. Keberadaan ahli-ahli sufi ini membawa unsur kerohanian dan mendalami pemahaman agama Islam dalam kalangan masyarakat Melaka, sekali gus menjadikan Melaka sebuah pusat kebudayaan dan ilmu Islam yang berpengaruh di dunia Melayu. Kesimpulannya, Melaka tidak hanya berkembang sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang sibuk, tetapi juga sebagai pusat penyebaran ilmu agama dan kebudayaan Islam yang memberi impak besar kepada perkembangan wilayah ini, serta memperkukuhkan hubungan antarabangsa dalam dunia Islam pada zaman tersebut. Faisal Tehrani turut menjadikan Melaka sebagai salah satu latar tempat dalam novelnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Di kota Melaka, Sultan Mansur Syah tidak berkata berosak hati. Sementara bondanya, Raden Galoh Cendera Kirana berbiji ratap. Kanda Perempuan Raja Husain iaitu Raja Bakal turut sama berduka cita. Tibalah saat bonda Raja Husain tersebut bersuara menyatakan kesedihan dan harapannya kepada baginda sultan.

(Nama Beta Sultan Alauddin: 29)

Petikan ini menggambarkan suasana dukacita di kota Melaka ketika Raja Husain dikhabarkan telah hilang di Pulau Besar. Sultan Mansur Syah berasa teramat kecewa. Rasa kesedihan ini turut dirasai oleh bondanya, Raden Galoh Cendera Kirana dan Kanda Perempuan Raja Husain, Raja Bakal, yang turut berkongsi kesedihan tersebut.

Keadaan ini mencerminkan sebuah perasaan kolektif dalam kalangan orang-orang di istana yang merasa kehilangan dan kesedihan yang mendalam. Setelah perasaan pilu itu diceritakan, bonda Raja Husain tampil untuk mengungkapkan perasaan kesedihannya kepada Sultan Mansur Syah. Selain daripada itu, baginda juga meluahkan harapan kepada agar dapat mencari jalan penyelesaian atau melakukan tindakan yang dapat memberi ketenangan hatinya. Kejadian ini berlaku di kota Melaka, yang pada masa itu dikenali sebagai sebuah pusat pemerintahan yang kaya dengan budaya dan adat istiadat.

Seterusnya, penelitian terhadap latar tempat turut memperlihatkan pengarang menghadirkan Temasik atau Singapura sebahagian daripada latar tempat yang menunjangi novel-novel sejarah terpilih. Kedudukan Singapura yang tidak berjauhan dari Melaka, menjadikan negara ini turut diperihalkan dalam teks tradisional:

Maka dihantari baginda rakyat dan gajah kuda, tiada terpermanai banyaknya. Maka Sang Nila Utama pun berbuat negeri di Temasik, maka dinamai baginda Singapura. Maka baginda pun taballah di Singapura, maka Bat membacakan cirinya; maka Sang Nila Utama digelar oleh Bat, Seri Teri Buana.

Telah berapa lamanya Seri Teri Buana kerajaan di Singapura itu maka baginda berputera dua orang anak laki-laki, keduanya baik paras rupa; yang tua Raja Kecil Besar Namanya, yang muda Raja Kecil Muda namanya.

(Sejarah Melayu: 34)

Petikan ini menceritakan tentang tindakan Sang Nila Utama yang menghantar rakyat dan gajah kuda yang sangat banyak, sebagai persediaan untuk mendirikan sebuah negeri baru. Beliau kemudiannya mendirikan kerajaan di Temasik, yang kemudian

dinamakan Singapura. Dalam proses tersebut, Bat memainkan peranan dalam mengenalkan ciri-ciri kerajaan tersebut dan menggelar Sang Nila Utama dengan gelaran Seri Teri Buana. Setelah beberapa lama memerintah di Singapura, Seri Teri Buana dikurniakan dua orang anak lelaki yang sangat tampan. Anak sulungnya dikenali sebagai Raja Kecil Besar, manakala anak bongsunya dinamakan Raja Kecil Muda. Petikan ini merujuk kepada asal-usul dan permulaan pemerintahan di Singapura, serta perkembangan awal kerajaan yang dipimpin oleh Seri Teri Buana. Affifudin Omar tidak ketinggalan menyerap kembali idea yang pernah dicatatkan dalam teks-teks tradisional yang mengungkapkan negeri Singapura, seperti dalam petikan berikut:

Hang Tuah dikatakan membawa diri ke Singapura. Ada juga yang mengatakan beliau pergi betapa di Bukit Jugra. Walau ke mana beliau menghilangkan diri, niatnya hendak berjauhan dari bandar Melaka tercapai. Ketiadaan Tuah di kota Melaka membolehkan Sultan Mahmud bebas melakukan segala maksiat sesuka hatinya, dibantu oleh juak-juaknya.

(Tun Tuah: 345)

Petikan ini menceritakan tentang Hang Tuah yang dikatakan telah meninggalkan Melaka dan pergi ke Singapura, atau ada juga yang berpendapat beliau menghilangkan diri di Bukit Jugra. Walau ke mana pun beliau pergi, tujuan utama Hang Tuah adalah untuk menjauhkan diri dari bandar Melaka. Ketiadaan Hang Tuah di Melaka memberi ruang kepada Sultan Mahmud untuk melakukan perbuatan maksiat tanpa sebarang halangan. Dalam hal ini, Sultan Mahmud dibantu oleh para pembantu dan pengikutnya yang setia, atau juak-juaknya, untuk melaksanakan kehendaknya. Petikan ini menunjukkan kesan daripada ketiadaan seorang wira

seperti Hang Tuah dalam menjaga kestabilan moral dan ketertiban dalam pemerintahan, yang akhirnya membuka peluang bagi penyalahgunaan kuasa oleh Sultan Mahmud:

Tun Biajid berpindah keluar dari Melaka ke Singapura. Sultan Mahmud yang kepalanya dikaburi asap candu tidak berasa bersalah lama kerana selepas itu baginda terus rakus melakukan dosa-dosa baik terhadap manusia lain mahupun Allah SWT.

Pembunuhan Tun Zainal Abidin, anak Tun Perak dan pencemaran keluarga Tun Biajid, anak Tun Tuah mewujudkan keadaan tegang di antara dua keluarga ikon Melayu ini di sebelah pihak dengan pihak Sultan Mahmud di pihak yang lain. Bendahara Tun Perak sendiri tidak lagi ghairah ke istana, begitu jua Tun Tuah. Mereka ke situ hanya apabila ada perkara yang sangat penting untuk diuruskan.

(*Tun Perak*: 489-490)

Petikan ini menggambarkan peristiwa yang berlaku selepas Tun Biajid berpindah dari Melaka ke Singapura, yang juga merupakan salah satu latar tempat yang signifikan dalam *Sejarah Melayu*. Perpindahan ini menunjukkan perubahan penting dalam kehidupan para tokoh Melayu pada zaman itu, di mana Singapura menjadi tempat yang melibatkan pelbagai peristiwa yang mencetuskan ketegangan dalam kerajaan Melaka.

Keadaan yang tegang antara dua keluarga besar, iaitu keluarga Tun Perak dan Tun Biajid, dengan Sultan Mahmud menjadi semakin meruncing selepas pembunuhan Tun Zainal Abidin dan pencemaran nama baik keluarga Tun Biajid. Perbalahan ini mewujudkan suasana yang tidak harmonis, di mana Bendahara Tun Perak dan Tun Tuah mula menjauhkan diri dari istana Melaka. Mereka hanya kembali ke istana

apabila terdapat perkara penting yang perlu diuruskan, yang menggambarkan ketegangan politik dan sosial yang berlaku di sebalik pemerintahan Sultan Mahmud. Latar Singapura dalam petikan ini menggambarkan transisi penting dalam sejarah Melayu, di mana wilayah tersebut menjadi tempat perlindungan dan juga tempat ketegangan politik yang melibatkan tokoh-tokoh penting dalam sejarah tersebut.

Latar tempat seterusnya yang turut menjadi intipati penceritaan dalam novel sejarah terpilih ialah Rom. Latar tempat ini dinyatakan secara jelas dalam teks *Hikayat Hang Tuah* seperti berikut:

“Hai Laksamana, apa bicara Laksamana kita hendak suruh ke Benua Rom itu?” Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, selagi ada nyawa dalam badan patik ini, insya-Allah Taala, jangankan ke Benua Rom, jikalau dititahkan pergi ke Bukit Qaf sekalipun patik pergi jua. Tapi patik pohonkan patik itu Maharaja Setia akan teman patik; sebagai lagi, hendaklah dikurnia akan temn patik itu pegawai yang baik-baik beri banyak supaya terberat pada mata orang.”

(*Hikayat Hang Tuah*: 491)

Petikan ini menggambarkan keteguhan dan kesetiaan seorang pegawai terhadap rajanya. Hang Tuah tidak menolak apabila menerima arahan daripada raja untuk ke Rom untuk membeli meriam. Dalam konteks ini, latar tempat yang disebutkan, iaitu "Benua Rom," merujuk kepada Rom, yang pada zaman tersebut dianggap sebagai pusat kuasa dan tamadun besar di dunia. Ungkapan "Benua Rom" tidak hanya merujuk kepada lokasi geografi yang sebenar, tetapi lebih sebagai simbolik kepada sebuah tempat yang jauh dan penuh cabaran, yang melambangkan kuasa dan kemegahan yang luar biasa.

Benua Rom, yang pada asalnya merujuk kepada Empayar Rom yang terletak di Eropah, menjadi suatu mercu tanda dalam banyak karya sastera Melayu klasik, menggambarkan kemegahan dan kebijaksanaan yang dicapai oleh tamadun tersebut. Dalam petikan ini, Laksamana menunjukkan kesediaannya untuk melaksanakan titah raja dengan penuh ketabahan dan kesetiaan, walaupun menuju ke suatu tempat yang jauh dan penuh misteri seperti Benua Rom. Perihal ini memberi gambaran tentang paradigma dalam tradisi Melayu, Rom dilihat sebagai destinasi yang penting dalam sejarah dan budaya, yang sering kali diungkapkan dalam bentuk simbolik untuk menggambarkan kejayaan dan keagungan. Oleh yang demikian, latar tempat Benua Rom dalam *Hikayat Hang Tuah* dan petikan ini mencerminkan nilai-nilai kesetiaan, keberanian, serta pengaruh tamadun besar di dunia Melayu, yang mendasari banyak naratif sejarah dan sastera Melayu.

Affifudin Omar juga tidak terlepas dalam menghadirkan latar tempat Rom dalam penulisannya. Rom digambarkan sebagai sebuah negara yang begitu maju dan memonopoli perusahaan dan perdagangan melibatkan kelengkapan perang. Hal ini diperakukan dalam petikan berikut:

Satu daripada usahanya ke arah ini ialah melengkapkan angkatan Melaka, khususnya angkatan lautnya, dengan meriam berbagai jenis; besar, sederhana dan kecil. Justeru beliau terpaksa pergi ke Rom dan Turki untuk membeli alat-alat perang ini. Di masa itu negara Itali merupakan satu negara pengeluar senjata perang yang terulung di Eropah.

(*Tun Tuah*: 294)

Petikan ini mengungkapkan usaha seorang pemerintah yang berperanan dalam memperkukuhkan angkatan ketenteraan Melaka, terutamanya angkatan lautnya, melalui pembekalan senjata meriam dalam pelbagai saiz. Salah satu langkah yang diambil oleh beliau adalah dengan pergi ke Rom dan Turki untuk membeli meriam-meriam yang diperlukan. Keputusan untuk memperoleh meriam-meriam dari negara tersebut menunjukkan strategi yang bijak dalam memanfaatkan kekuatan ketenteraan yang ada di luar Melaka demi memperkukuh pertahanan negeri. Perjalanan ini bukan sahaja mencerminkan kepentingan untuk memiliki senjata canggih, tetapi juga mengindikasikan hubungan antara Melaka dan negara-negara Eropah pada zaman tersebut dalam konteks perdagangan dan diplomasi ketenteraan.

Petikan ini juga secara tidak langsung memberi gambaran yang jelas tentang kekuatan dan kemajuan teknologi ketenteraan pada masa tersebut, sekaligus menonjolkan kepentingan Rom dalam peperangan dan strategi ketenteraan. Hal ini dapat digunakan oleh pengarang untuk menunjukkan keupayaan teknologi dan alatan perang mempengaruhi kejayaan atau kejatuhan sesuatu empayar.

4.2.3.3 Latar Masyarakat

Latar masyarakat dalam karya sastera merujuk kepada gambaran atau penggambaran mengenai kehidupan sosial dan budaya dalam masyarakat yang menjadi latar belakang bagi peristiwa atau tindakan yang berlaku dalam cerita. Latar masyarakat sewajarnya realistik iaitu merujuk kepada perilaku watak-wataknya berpijak, bertindak, berfikir dan berinteraksi (Sahlan Mohd. Saman, Othman Putih dan Ramli

Isin, 1986). Latar masyarakat meliputi pelbagai aspek kehidupan sosial, seperti nilai, norma, hierarki sosial, kelas sosial, hubungan antara individu dalam masyarakat, dan pengaruh budaya atau tradisi tertentu. Latar masyarakat juga mencerminkan keadaan sosial dan budaya yang mempengaruhi tindakan, pemikiran, dan perkembangan watak dalam cerita. Dalam karya sastera, pengarang sering kali menggunakan latar masyarakat untuk menggambarkan realiti kehidupan dalam masyarakat tertentu serta untuk menunjukkan bagaimana elemen-elemen sosial ini mempengaruhi kehidupan individu dan hubungan antara mereka.

Penelitian ini menemukan kecenderungan dalam teks tradisional yang memaparkan latar masyarakat yang berpegah teguh pada adat resam. Antara yang begitu menonjol ialah adat resam meminang. Meminang ialah perlakuan seorang menyatakan keinginannya memperisterikan seorang wanita dan apabila pinangannya diterima, maka pasangan tersebut dianggap telah bertunang, seterusnya mengikat perjanjian untuk mendirikan rumah tangga (Mohammad Amir Wan Harun, Jasni Sulong dan Atikullah Abdullah, 2024). Menerusi *Sejarah Melayu*, adat peminangan dikisahkan seperti berikut:

Maka beberapa raja-raja datang meminang, tiada diterima oleh betara Majapahit. Maka kedengaranlah ke Melaka peri baik paras Raden Galuh itu. Maka Sultan Mansor Syah pun berahi rasa baginda akan Raden Galuh itu. Maka baginda berkira-kira hendak berangkat ke Majapahit. Maka baginda memberi titah kepada Bendahara Paduka Raja menyuruh berlungkap. Maka Bendahara pun mengerahkan semuanya orang orang berlungkap dan membaiki alat akan pergi...

(*Sejarah Melayu*: 110-111)

Petikan ini menggambarkan peristiwa yang melibatkan adat meminang dalam konteks hubungan antara dua kerajaan, iaitu Majapahit dan Melaka. Dalam petikan ini, terdapat gambaran mengenai beberapa raja yang datang untuk meminang tetapi tidak diterima oleh Betara Majapahit. Perihal ini menunjukkan bahawa dalam tradisi meminang, ada protokol tertentu yang perlu diikuti dan tidak semua pinangan diterima begitu sahaja, melainkan dengan pertimbangan yang teliti oleh pihak keluarga atau pemerintah yang terlibat. Proses meminang bukan hanya melibatkan pihak keluarga yang berkenaan tetapi juga melibatkan pegawai-pegawai tinggi istana, seperti Bendahara, yang turut memainkan peranan dalam memastikan segala urusan peminangan berjalan lancar. Secara keseluruhan, petikan ini menggambarkan betapa pentingnya adat dan pengurusan dalam proses meminang dalam kalangan pemerintah zaman dahulu.

Novel-novel sejarah terpilih turut menghadirkan latar masyarakat yang berpegang teguh pada adat resam. Peristiwa peminangan permaisuri dari Majapahit yang dikhabarkan begitu elok paras rupa menjadi pilihan Affifudin Omar untuk dikisahkan semula:

“Apa niat Laksamana datang dari jauh mengadap beta?” tanya Betara, selepas diperkenankan Tun Tuah dan rombongannya kepada baginda oleh Patih Gajah Mada. “Dan apa kaitan kamu wahai Patih Kerma Wijaya dengan kesultanan Melaka?”

Selepas Tun Tuah menerangkan niat mereka datang meminang Putri Raden Galoh Candra Kirana untuk dijadikan permaisuri Sultan Mansur Syah, Patih Kerma Wijaya pula datang menyembah.

(Tun Tuah: 139)

Petikan ini menggambarkan situasi diplomatik yang berlaku antara dua kerajaan besar pada zaman dahulu, iaitu Majapahit dan Melaka. Dalam konteks ini, terdapat beberapa elemen penting yang boleh diperhalusi terutamanya mengenai adat, peranan individu dalam kerajaan, dan proses meminang dalam masyarakat Melayu klasik. Petikan ini secara keseluruhan memberi gambaran tentang pentingnya hubungan diplomatik, penghormatan terhadap raja, serta peranan individu dalam kerajaan dalam suatu sistem sosial dan politik yang teratur. Proses meminang di sini bukan hanya sekadar soal perkahwinan tetapi juga mencerminkan adat, budaya, dan politik dalam masyarakat Melayu klasik, di mana setiap langkah dan tindakan dipertimbangkan dengan teliti untuk menjaga keharmonian dan hubungan antara dua kerajaan besar.

Affifudin Omar masih berminat untuk mengisahkan peristiwa peminangan puteri dari Majapahit dalam novel *Tun Perak* kerana peristiwa ini merupakan elemen penting dalam sejarah dan tradisi Melayu yang memberi dimensi baru dalam pengembangan karakter dan konflik dalam karya tersebut. Dalam *Tun Perak*, peminangan ini menunjukkan peranan penting Tun Perak sebagai seorang pahlawan yang terpaksa berhadapan dengan keputusan yang mempengaruhi keselamatan dan kehormatan negeri Melaka. Walaupun peristiwa yang sama telah diceritakan dalam novel *Tun Tuah*, Affifudin Omar memilih untuk mengisahkan kembali peristiwa tersebut dengan pendekatan dan sudut pandang yang berbeza, memberi tumpuan kepada watak Tun Perak yang lebih matang dan berpengalaman. Peristiwa tersebut digambarkan seperti berikut:

“Jadi kita akan masuk meminangnya dengan penuh keyakinan akan berjaya?” tanya Dato’ Bija Sura.

“Ya, itu langkah pertama yang akan kita lakukan,” jawab Tun Perak.

“Maksud Tun, kita tawan hati Raden Galoh dahulu,” jelas Tuah, “Tetapi selepas Raden Galoh berada di istana Melaka, orang Majapahit pula akan mengatakan akhirnya mereka yang menawan istana Melaka.

(Tun Perak: 192)

Petikan ini menggambarkan perbincangan tentang strategi diplomatik dan perancangan dalam usaha meminang, yang melibatkan elemen pemikiran mendalam dan taktik dalam hubungan antara kerajaan. Petikan ini memberikan gambaran tentang bagaimana adat meminang dalam konteks kerajaan Melayu klasik bukan hanya melibatkan aspek sosial dan peribadi, tetapi juga dimensi diplomatik dan kuasa yang lebih besar. Keyakinan, perancangan strategik, dan kesedaran akan dinamik politik antara kerajaan adalah elemen-elemen penting dalam usaha meminang yang melibatkan kerajaan-kerajaan besar. Proses meminang ini, lebih daripada sekadar mengikat hubungan peribadi, berfungsi sebagai alat untuk mengukuhkan atau meneguhkan kedudukan politik dan kuasa antara dua pihak yang terlibat.

Seterusnya, ruang naratif teks tradisional tidak terlepas menggambarkan latar masyarakat yang berniaga sebagai suatu pekerjaan dalam usaha menyara kehidupan. Pekerjaan berniaga sering kali dilihat sebagai sumber mata pencarian yang penting dalam kehidupan masyarakat tradisional, khususnya dalam karya-karya yang menggambarkan keadaan ekonomi dan sosial pada zaman tersebut. Keberadaan peniaga dalam teks tradisional juga mencerminkan pentingnya sikap berusaha dan berdikari dalam masyarakat Melayu. Mereka dilihat sebagai individu yang mampu bertahan dan berkembang dalam persekitaran yang penuh cabaran, menggambarkan

nilai keusahawanan yang dihormati dalam tradisi Melayu. Masyarakat yang berniaga sebagai usaha menyara kehidupan digambarkan melalui watak Hang Mahmud, ayahanda Hang Tuah seperti dalam petikan berikut:

“Sekarang baiklah kita pindah ke Bentan. Maka demikian marilah berengkap dan bersimpan segala kulakasar kita.”

Maka Hang Mahmud pun berengkaplah dengan sebuah lading. Setelah sudah, maka Hang Mahmud pun berpindahlah ke Bentan. Maka ia pun berbuat rumah hampir kampung Bendahara Paduka Raja. Maka Hang Mahmud pun berjual dan berkedai makanan di kedainya itu.

(*Hikayat Hang Tuah*: 23-24)

Petikan ini menggambarkan latar masyarakat yang berniaga dalam konteks kehidupan Hang Mahmud. Fokus utama dalam petikan ini adalah kegiatan berniaga yang dilakukan oleh Hang Mahmud selepas berpindah ke Bentan. Hang Mahmud membuka kedai dan menjual makanan. Perihal ini menunjukkan bahawa berniaga adalah salah satu aktiviti utama dalam masyarakat tersebut apabila individu seperti Hang Mahmud mencari sumber pendapatan dengan cara berdagang. Perniagaan yang dijalankan juga berfungsi sebagai tempat untuk berinteraksi dengan penduduk setempat, sekali gus menjadi sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat.

Affifudin Omar turut mengejar struktur naratif novel *Tun Tuah* dengan menggambarkan latar masyarakat yang berniaga dengan mengisahkan kembali kisah Hang Mahmud. Penerapan elemen perniagaan dalam latar masyarakat ini memberi dimensi yang lebih mendalam dalam naratif *Tun Tuah*, memandangkan kehidupan masyarakat yang berniaga menggambarkan nilai keusahawanan dan daya usaha yang tinggi untuk mencapai kejayaan. Secara tidak langsung, mencerminkan kebergantungan masyarakat Melayu terhadap aktiviti ekonomi yang stabil dalam

memastikan kesejahteraan hidup mereka. Affifudin Omar menukilkan latar masyarakat yang berniaga seperti berikut:

Hang Mahmud membuka warung menjual makanan di Pelabuhan Melaka sambil membesarkan anak tunggalnya, Hang Tuah yang dilahirkan pada tahun 1431. Dia hanya berjaya mendapat pendapatan sara diri sahaja, tiada kelebihan rezeki untuk hidup senang. Apabila Hang Tuah mencapai umur empat tahun pada tahun 1435, seorang mualim yang berbangsa Arab mengajar anak ini membaca AL-Quran serta menguasai bahasa Arab. Pada usia tujuh tahun Hang Tuah telah berjaya khatam Al-Quran dan menguasai bahasa Arab.

(Tun Tuah: 6)

Berdasarkan petikan di atas, perniagaan merupakan salah satu cara utama masyarakat untuk mencari pendapatan. Hang Mahmud membuka warung menjual makanan di Pelabuhan Melaka. Pelabuhan Melaka, sebagai pusat perdagangan yang sibuk pada abad ke-15, adalah tempat yang strategik untuk menjalankan perniagaan, terutamanya yang berkaitan dengan makanan. Perdagangan di pelabuhan ini menggambarkan kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang menarik pedagang dari seluruh dunia. Warung yang dibuka oleh Hang Mahmud menunjukkan kebergantungan masyarakat pada aktiviti berniaga sebagai sumber pendapatan. Walaupun hasil perniagaan Hang Mahmud hanya mencukupi untuk sara diri, perihal ini mencerminkan realiti kehidupan golongan yang berniaga hidup secara sederhana dan bergantung pada perniagaan harian untuk menampung kehidupan.

Latar masyarakat seterusnya yang begitu dominan dalam teks-teks tradisional dan novel berunsur sejarah terpilih ialah latar masyarakat yang beragama Islam. Pengaruh Islam dalam masyarakat Melayu tradisional amat ketara, terutamanya dalam

pembentukan nilai, norma, dan struktur sosial yang diterapkan dalam kehidupan seharian. Islam juga membawa perubahan besar dalam aspek pemerintahan, sosial, dan pendidikan. Penyebaran agama Islam ke dalam masyarakat tradisional telah membawa kepada penubuhan institusi agama seperti masjid dan surau yang menjadi pusat ilmu, pertemuan, dan perbincangan, di samping mendalami ajaran agama. Petikan berikut menggambarkan peranan pemerintah yang beragama Islam yang mempengaruhi keislaman rakyat jelatanya:

Setelah sudah makhdum sembahyang; maka raja pun menderumkan gajahnya. Maka makhdum pun dibawa baginda naik gajah, lalu dibawa masuk ke dalam. Maka Bendahara dan segala orang-orang besar pun semuanya masuk Islamlah, dengan sekalian besar kecil, tua muda, dan perempuan laki-laki, semuanya disuruh baginda masuk Islam.

(*Sejarah Melayu: 72*)

Dalam petikan ini, tindakan raja yang mengarahkan Bendahara dan semua orang-orang besar untuk memeluk Islam menggambarkan kekuasaan dan pengaruhnya dalam menentukan agama dan kepercayaan rakyatnya. Raja sebagai pemimpin negara dan simbol kuasa, sering kali menjadi contoh utama kepada rakyat dalam banyak aspek kehidupan, termasuk dalam perkara agama. Oleh itu, penerimaan Islam oleh golongan pembesar dan rakyat, termasuk yang besar kecil, tua muda, lelaki perempuan, menggambarkan penerimaan yang luas dan menyeluruh terhadap agama Islam dalam kalangan masyarakat tersebut.

Menerusi *Hikayat Hang Tuah* pula, latar masyarakat yang beragama Islam ditonjolkan melalui watak Hang Tuah dan Maharaja Setia yang telah ke Makkah melakukan ibadah

haji. Perjalanan haji ini bukan sahaja mencerminkan ketaatan mereka terhadap perintah agama, tetapi juga menunjukkan pengaruh Islam dalam membentuk kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu pada masa itu. Ibadah haji, sebagai salah satu rukun Islam, menjadi simbol kematangan rohani dan pengabdian kepada Tuhan.

Petikan berikut mengisahkan hal ini:

Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun pergilah bersama-sama dengan orang Makkah sekalian itu mengerjakan seperti rukun haji itu. Setelah sudah habis dikerjakannya, lalu turun ke Mina pula melontar batu yang bernama Jamratul Akabah dan Jamratul Wusta dan Jamratul Ula itu. Setelah sudah, lalu mengorban. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bercukur.

(Hikayat Hang Tuah: 500)

Petikan ini menggambarkan perjalanan Laksamana dan Maharaja Setia yang menunaikan ibadah haji dengan mengikuti setiap rukun haji yang wajib, seperti melontar batu di Jamrah, melakukan korban, dan bercukur. Peristiwa ini menunjukkan kesungguhan mereka dalam melaksanakan ibadah dengan penuh ketaatan kepada Allah. Perjalanan ini juga mencerminkan nilai-nilai agama Islam yang mengutamakan kesucian, pengorbanan, dan kepatuhan kepada perintah Allah, serta menunjukkan bahawa ibadah haji adalah perjalanan spiritual yang sangat penting dalam kehidupan seorang Muslim. Selain itu peristiwa Hang Tuah dan Maharaja Setia menunaikan haji telah memberikan suatu paradigma iaitu walaupun mereka merupakan pahlawan dan pembesar istana yang berkuasa, mereka tetap menghormati kewajipan agama sebagai penghubung antara manusia dengan Tuhan.

Novel-novel sejarah terpilih dalam kajian ini masih menyerap dan mengetengahkan latar masyarakat yang beragama Islam. Namun, peristiwa yang ditonjolkan tidak meniru petikan daripada teks-teks tradisional. Sebaliknya, pengarang menggunakan latar belakang sejarah sebenar dan mengolahnya dengan kreativiti serta imaginasi yang tinggi, membolehkan pembaca melihat peristiwa sejarah daripada perspektif yang lebih segar dan relevan. Menerusi karya-karya tersebut, nilai-nilai Islam tetap dipelihara, tetapi tidak terikat sepenuhnya dengan naratif atau gaya penulisan yang ada dalam karya-karya klasik. Affifudin Omar dalam karyanya *Tun Tuah* memerihalkan latar masyarakat yang mengamalkan solat berjemaah:

Pada keesokan harinya, selepas solat berjemaah waktu Subuh yang diimamkan oleh Jebat, kelima sahabat itu menuju ke pedalaman pulau itu yang dipenuhi hutan belantara. Mereka kesemua bersetuju untuk beralih makan daripada makanan laut kepada makanan daging binatang buruan. “Kita makan daging ayam hutan pula dan kalua dimurahkan rezeki kita makan daging kijang!” ujar Lekiu.

Universiti Utara Malaysia (*Tun Tuah*: 14)

Petikan ini bermula dengan menggambarkan suasana pagi hari, di mana kelima sahabat itu melaksanakan solat berjemaah pada waktu Subuh. Solat berjemaah adalah satu amalan yang sangat dihargai dalam Islam, dan dengan menyebut bahawa solat tersebut diimamkan oleh Jebat, ia memberikan gambaran bahawa kesemua sahabat ini bukan sahaja mempunyai hubungan erat sebagai teman, tetapi juga menjaga amalan agama dalam kehidupan mereka, walaupun dalam situasi yang mencabar. Hal ini menunjukkan keteguhan iman dan disiplin mereka dalam melaksanakan kewajipan agama.

Menerusi *Tun Perak*, watak utama diberikan perwatakan tegas dalam memelihara agama Islam, sebagai pegangan yang tidak boleh dipermainkan. Sebagai seorang tokoh yang dihormati dan memiliki kedudukan tinggi dalam masyarakat, Tun Perak digambarkan sebagai individu yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Islam, tidak kira dalam keadaan apa sekalipun. Ketegasannya dalam mempertahankan agama dapat dilihat melalui tindakannya yang sentiasa mengutamakan kebenaran dan keadilan, serta tidak mudah tunduk kepada pengaruh luar yang bertentangan dengan ajaran agama. Ketegasan Tun Perak digambarkan seperti berikut:

“Kalau dah jadi Muslim tu biarlah jadi Muslim yang betul, tidak lagi mencampur aduk pengamalan kepercayaan yang lama itu!” akhirnya Tun Perak menegaskan sekali lagi, “Apabila dah jadi Muslim dan lepas itu menjadi murtad bermakna kepercayaan kepada Islam itu dipermainkan. Sebab itu syarak mengenakan hukuman bunuh ke atas orang yang murtad!”

(*Tun Perak*: 15)

Tun Perak menegaskan bahawa seseorang yang telah memeluk Islam perlu menjadi seorang Muslim yang sebenar-benarnya, yang bermaksud mengamalkan ajaran Islam dengan sepenuh hati dan mengikuti prinsip-prinsip agama dengan kesungguhan. Dalam konteks ini, Tun Perak menekankan pentingnya ketulusan dan komitmen dalam memeluk agama Islam, dan bukan sekadar sebagai satu label atau identiti semata-mata. Watak ini juga memperlihatkan sifat ketabahan dalam mendidik masyarakat tentang pentingnya menjaga maruah agama, dan berani menegur kesalahan yang dilakukan oleh golongan berkuasa sekalipun. Tun Perak bukan sahaja dilihat sebagai seorang pemimpin yang bijak dan berstrategi, tetapi juga sebagai seorang yang menjadi contoh teladan dalam kehidupan beragama.

Selanjutnya, Faisal Tehrani tidak ketinggalan mewujudkan latar masyarakat yang beragama Islam. Novel *1515*, membawa subjek syahid yang bukan sahaja mendalami penghayatan terhadap sejarah semata-mata. Faisal Tehrani cuba menggambarkan peranan umat Islam dalam mempertahankan martabat agama dengan menonjolkan karakter-karakter yang berani dan ikhlas dalam perjuangan mereka. Melalui latar masyarakat yang beragama Islam, beliau menekankan nilai-nilai keimanan, keberanian, dan kesetiaan yang menggerakkan watak-watak utama dalam melaksanakan misi mereka iaitu mempertahankan Melaka dari serangan Portugis seperti cuplikan berikut:

Ucapan hamba itu ternyata menaikkan semangat dua ratus pemuda warak yang tidak pernah melakukan dosa besar dan beriman pula, malah merekalah anak-anak murid ayah hamba.

“Kami siap Sayyidah Nyemah,” sahut Usamah bersegera.

“Syahid cita-cita kami Sayyidah Nyemah,” ujar Hambali nyaring.

“Demi Islam Sayyidah Nyemah,” tegas Abu Bakar teguh.

(1515: 177)

Petikan ini bermula dengan ucapan Nyemah Mulya yang berhasil membangkitkan semangat dua ratus pemuda warak. Pemuda-pemuda ini digambarkan sebagai individu yang memiliki keimanan yang teguh, tidak pernah melakukan dosa besar, dan sangat taat dalam agama. Petikan ini menggambarkan semangat juang yang tinggi dan keteguhan iman yang dimiliki oleh watak-watak utama dalam perjuangan mereka. Usamah dengan segera menunjukkan kesiapan untuk berjuang, menandakan bahawa dia tidak ragu-ragu untuk menghadapi sebarang cabaran yang datang. Hambali pula dengan penuh semangat menyatakan bahawa cita-cita mereka adalah untuk mencapai

syahid, yang mencerminkan tekad mereka untuk memperjuangkan agama Islam hingga ke titisan darah terakhir. Bagi Abu Bakar, dia menegaskan bahawa segala perjuangan mereka dilakukan demi Islam, menunjukkan bahawa perjuangan mereka bukan hanya untuk kepentingan duniawi, tetapi lebih kepada mencapai keredaan Allah. Kesemua watak ini menunjukkan komitmen yang mendalam terhadap agama, dengan cita-cita yang lebih tinggi daripada sekadar kemenangan material, yakni syahid sebagai matlamat yang mulia. Hal ini menunjukkan bahawa mereka adalah golongan pemuda yang sangat menjaga moral dan akhlak, serta berpegang kepada prinsip agama dengan sepenuh hati. Keimanan mereka menjadi asas utama dalam menentukan arah hidup mereka.

Menerusi novel *Nama Beta Sultan Alauddin* pula, Faisal mengetengahkan pengajian ilmu tasawuf oleh watak utama ketika masih kecil, yang merujuk kepada pencarian dan pemahaman tentang kesucian jiwa serta hubungan antara manusia dengan Tuhan, dilihat sebagai elemen penting dalam membentuk peribadi watak utama. Dengan memperkenalkan elemen ini, Faisal Tehrani ingin menunjukkan bahawa nilai-nilai rohani dan pemahaman tentang agama bukan sahaja berkembang melalui pengalaman hidup, tetapi juga melalui pembelajaran formal sejak usia muda. Hal ini digambarkan oleh Faisal Tehrani melalui petikan berikut:

Pengajian tasawuf dengan tuk guru Nun Ha Mim berjalan lancar. Ketekunan Raja Husain melancarkannya. Pada sebelah malam Raja Husain belajar bersilat sambil menggunakan keris Laksamana Hang Tuah. Ketika itu murid-murid silat Laksamana Hang Tuah selain terdiri daripada Raja Husain, turut juga disertai Hang Isap dan Hang Siak. Kedua-duanya merupakan sahabat karib Raja Husain meskipun terdiri dari orang kebanyakan.

(*Nama Beta Sultan Alauddin*: 41)

Pada permulaan petikan, disebutkan bahawa Raja Husain mengikuti pengajian tasawuf dengan tuk guru Nun Ha Mim, yang berjalan dengan lancar. Tasawuf merupakan cabang dalam Islam yang menekankan aspek kerohanian, ketuhanan, dan pembersihan jiwa daripada sifat-sifat buruk. Pengajian ini biasanya melibatkan latihan rohani yang mendalam untuk mendekati diri kepada Allah. Raja Husain menunjukkan ketekunan yang tinggi dalam pengajiannya, yang menandakan bahawa beliau seorang yang serius dalam mencari ilmu dan memperbaiki akhlak serta hubungannya dengan Tuhan. Ketekunan beliau dalam pengajian ini juga mencerminkan sifat ketabahan dan dedikasi terhadap pembelajaran yang penting dalam mencapai kesempurnaan rohani.

4.3 Prinsip Pelanggaran dalam Novel Sejarah Terpilih

Melakukan pelanggaran dalam karya bukanlah sesuatu yang baru, malah dapat memperlihatkan interpretasi pengarang yang berbeza dalam pengkaryaan. Pelanggaran menerusi teori Teksdealisme diklasifikasikan sebagai suatu proses penciptaan yang dinamik untuk mewujudkan pembaharuan dalam berkarya (Mana Sikana, 1996). Pembaharuan yang terhasil bukan sekadar memaparkan kelainan berbanding karya yang terhasil pada sebelumnya, tetapi memancarkan daya kreativiti kepengarangan seseorang pengarang. Pengarang sewajarnya keluar daripada kebiasaan dan tidak statik dengan cara dan metod yang sama dalam menghasilkan karya. Hal ini diperakukan Hizairi Othman (2000) seperti berikut, “Menjadi keinginan semula jadi pula bagi penulis untuk sentiasa memajukan dirinya. Jika dia berjaya mengungkapkan suatu tema dan teknik tertentu contohnya, dia akan mencari

sudut lainnya yang lebih sukar...” Oleh yang demikian, pengarang akan menggembleng kreativiti untuk melakukan pelanggaran bagi menghasilkan karya yang lebih baik daripada karya sebelumnya.

Proses pelanggaran yang dilakukan oleh pengarang merupakan sebahagian daripada kriteria keunggulan kepengarangan yang dianjurkan teori Teksdealisme. Sebagai penelitian dalam memenuhi kehendak prinsip pelanggaran, terdapat tiga persoalan yang disediakan dalam menganalisis prinsip pengukuhan dalam novel-novel kajian. Pertama, apakah aspek pengekalan dan perubahan yang dilakukan oleh pengarang? Kedua, bagaimana pelanggaran itu dilakukan? Soalan ketiga pula ialah, apakah fungsi dan kesannya terhadap pembinaan teks tersebut? Melalui tiga persoalan yang ditetapkan dalam teori ini, secara tidak langsung penelitian lebih berfokus dalam melakukan proses penganalisisan terhadap novel-novel kajian. Tuntasnya, penelitian ini merumuskan pengarang menerusi novel-novel kajian telah melakukan pelanggaran terhadap sejarah, pelanggaran terhadap plot dan pelanggaran terhadap watak. Secara tidak langsung, pengarang telah berupaya menyerlahkan daya kreativiti yang tinggi dalam menghasilkan karya yang baharu.

4.3.1 Pelanggaran Tema

Tema adalah inti atau asas kepada sebuah karya sastera atau seni. Tema merujuk kepada idea utama yang cuba disampaikan oleh pengarang atau pencipta karya tersebut kepada pembaca atau penonton. Tema bukan sahaja berfokus pada cerita atau plot, tetapi juga melibatkan mesej atau pengajaran yang ingin disampaikan melalui watak, peristiwa, dan latar. Penggunaan tema yang berkesan memerlukan pengarang untuk

membina plot, watak, dan dialog yang menyokong idea utama tersebut. Dalam erti kata lain, tema menjadi pemandu bagi seluruh struktur cerita. Oleh itu, tema bukan sahaja membantu pembaca untuk lebih memahami karya tersebut, tetapi juga memberikan dimensi yang lebih mendalam kepada penghayatan keseluruhan cerita. Seterusnya, perbincangan akan lebih berfokus kepada pelanggaran tema yang dilakukan oleh pengarang dalam penghasilan novel sejarah. Konsep pelanggaran tema dalam sastera merujuk kepada keadaan apabila tema utama atau mesej yang disampaikan dalam karya sastera ditentang dan tidak konsisten seperti karya yang menjadi teks sumber perbandingannya, dalam konteks penelitian ini merujuk kepada teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Tema *Sejarah Melayu* secara jelasnya berpusat kepada kisah raja-raja Melayu, yang mencerminkan keagungan, kebijaksanaan, dan perjuangan para pemerintah dalam memerintah kerajaan mereka. Kisah raja-raja dalam teks tradisional Melayu mencakupi pelbagai aspek kehidupan pemerintahan, seperti perjuangan menentang musuh luar, hubungan diplomatik dengan negara lain, serta usaha untuk mengekalkan kestabilan dalam negeri. Dalam banyak cerita, raja-raja ini sering diuji dengan pelbagai cabaran dan konflik, baik dalam bentuk peperangan mahupun dalam urusan dalaman kerajaan seperti perebutan kuasa atau ancaman dari pembesar-pembesar. Kejayaan atau kegagalan mereka dalam mengatasi cabaran ini sering menjadi fokus utama cerita, dan ini memberikan pengajaran moral tentang kepemimpinan, keberanian, dan ketabahan. Perhalusi petikan berikut yang dapat menggambarkan tema yang dibawa dalam *Sejarah Melayu*:

Maka ada anak Bendahara Seri Wak Raja tiga orang; yang tua sekali perempuan Tun Kudu namanya, terlalu amat baik parasnya, maka diperisteri oleh Sultan Muzaffir Syah. Adapun yang tengah itu laki-laki, Tun Perak Namanya; dan yang bongsu Tun Perpatih Putih Namanya. Adapun Tun Perak itu tiada kena kerja, maka pergi beristeri ke Kelang; ia diam di Kelang sekali. Hatta berapa lamanya orang Kelang pun menolak penghulunya. Maka ia menghadap ke Melaka hendak memohonkan penghulu yang lain. Maka titah Sultan Muzaffir Syah, “Siapa pula kamu kehendaki akan penghulu kamu?”

Maka sembah orang Kelang, “Tuanku, jikalau ada kurnia akan patik, Tun Peraklah patik pohonkan akan jadi penghulu patik sekalian.”

Maka titah baginda, “Baiklah Tun Perak jadi penghulu orang Kelang itu.”

Wallahuaklam bissawab.

(*Sejarah Melayu*: 86)

Petikan ini menggambarkan kisah tentang anak Bendahara Seri Wak Raja yang terdiri daripada tiga orang, termasuk Tun Perak yang akhirnya menjadi penghulu di Kelang. Kisah ini berkait dengan tema utama *Sejarah Melayu*, iaitu kisah raja-raja Melayu, kerana ia melibatkan hubungan antara keluarga diraja dengan kedudukan serta kuasa pemerintahan dalam masyarakat Melayu.

Dalam petikan ini, Sultan Muzaffir Syah, seorang sultan yang memerintah Melaka, memainkan peranan yang penting dalam menentukan kedudukan Tun Perak sebagai penghulu di Kelang. Keputusan baginda Sultan Muzaffir Syah untuk melantik Tun Perak menunjukkan pengaruh dan kekuasaan yang dimiliki oleh raja-raja Melayu dalam urusan pentadbiran dan politik kerajaan mereka. Perihal ini selaras dengan tema *Sejarah Melayu* yang sering memfokuskan kepada peranan raja-raja dalam menentukan nasib masyarakat dan wilayah di bawah pemerintahan baginda. Tun

Perak, walaupun pada awalnya tidak berkerja, akhirnya mendapat kedudukan penting di Kelang setelah mendapat sokongan daripada rakyat di sana. Situasi ini menunjukkan kuasa dan kewibawaan seorang sultan atau raja dapat mempengaruhi struktur pemerintahan di peringkat daerah, sekaligus mencerminkan nilai-nilai kesetiaan, keadilan, dan kebijaksanaan yang sering dipaparkan dalam kisah-kisah raja-raja Melayu. Dalam konteks ini, Sultan Muzaffir Syah berperanan sebagai pemimpin yang adil dan saksama dalam melantik seseorang yang dianggap layak oleh rakyatnya, iaitu Tun Perak. Secara keseluruhannya, petikan ini mencerminkan tema utama teks *Sejarah Melayu*, iaitu peranan raja-raja dalam menentukan kedudukan dan kestabilan politik di dalam kerajaan. Selain itu, menunjukkan hubungan antara raja dan rakyat yang berperanan dalam pembentukan struktur sosial dan pentadbiran kerajaan.

Selanjutnya, penelitian tertumpu terhadap tema yang diungkapkan naskhah *Hikayat Hang Tuah*. Secara keseluruhannya *Hikayat Hang Tuah* membawa tema kepahlawanan Hang Tuah itu sendiri. Hang Tuah digambarkan sebagai adiwira yang tiada tolok bandingnya dalam kalangan masyarakat. Secara lahirinya, Hang Tuah digambarkan mempunyai sifat-sifat kepahlawanan yang sejati, malah baik dari segi sikap dan akhlaknya. Selain itu berpegang teguh pada kesetiaan terhadap pemerintahnya (Mustafa Mohd Isa, 1999). Kepahlawanan Hang Tuah data ditafsirkan melalui petikan berikut:

Maka kata Sang Persata Nala kepada Laksamana, “Apa kehendak anakku sekalian datang?” Maka sembah Laksamana, Adapun hamba-hamba datang ini hendak berguru akan ilmu penjurit dan ilmu segala hulubalang. Pada bicara hati hambamu, jangankan lagi ada tahunya penjurit dan

perlente lebih daripada hambamu barang mainnya.” Setelah Sang Persata Nala menengar kata Laksamana itu maka baginda pun berdiam dirinya; seketika lagi maka kata Sang Persata Nala, “Adapun kehendak hati anakku semuanya habis kuketahui; tetapi kelimanya pun kuajarkan. Tetapi dalam anakku lima ini, yang lebih hanyalah Laksamana, kerana sudah bahagian Laksamana seorang. Adapun yang lain tiada dapat menurut dia; tetapi yang kuajarkan ini sama juga.”

(*Hikayat Hang Tuah*: 162)

Petikan ini dengan jelas menonjolkan tema kepahlawanan, yang merupakan salah satu tema utama dalam teks tradisional *Hikayat Hang Tuah*. Kepahlawanan dalam petikan ini bukan hanya dilihat daripada sudut kekuatan fizikal, tetapi juga kebijaksanaan dan kepakaran dalam ilmu perang yang dimiliki oleh seseorang pahlawan atau hulubalang. Sang Persata Nala, dilihat sebagai seorang guru yang bijaksana, malah merupakan simbol terhadap ilmu kepahlawanan yang tinggi. Beliau bukan sahaja memiliki pengetahuan dalam penjurit (ilmu perang), tetapi juga dapat mengenali dan menilai kemampuan murid-muridnya. Hal ini menunjukkan bahawa kepahlawanan dalam teks tradisional Melayu bukan sekadar kekuatan fizikal semata-mata, tetapi juga merangkumi kebijaksanaan, strategi, dan pemahaman mendalam terhadap seni peperangan.

Petikan ini mengisahkan Laksamana, sebagai salah seorang murid, datang untuk berguru kepada Sang Persata Nala walaupun sudah mempunyai pengalaman dalam merupakan seorang pahlawan yang handal. Situasi ini menunjukkan sifat pahlawan yang terus belajar dan tidak berpuas hati dengan ilmu yang ada. Kepahlawanan bukan hanya tentang tindakan berani di medan perang, tetapi juga melibatkan pencarian ilmu dan pemahaman yang lebih mendalam dalam menghadapi pelbagai cabaran. Sang Persata Nala juga mengakui bahawa antara lima orang yang datang untuk berguru,

Laksamana adalah yang paling berkemampuan dan berpotensi untuk menguasai ilmu perang tersebut. Namun, dia tetap berjanji untuk mengajar kesemua muridnya, walaupun tidak semuanya mampu menyamai kebolehan Laksamana. Secara tidak langsung peristiwa ini menonjolkan keperibadian Hang Tuah sebagai pahlawan yang terbilang dan diperakukan Sang Persata Nala.

Menyorot tema novel-novel berunsur sejarah terpilih, terdapat persamaan tema dan juga pelanggaran tema yang ketara. Pelanggaran tema daripada teks-teks tradisional berlaku apabila penghasilan novel sejarah mempunyai matlamat yang tersendiri yang ingin dicapai oleh pengarang. Oleh yang demikian, matlamat ini telah mendorong serta memupuk jalinan peristiwa sehingga terhasil sebuah penceritaan yang lengkap, dan sekali gus membentuk tema yang tersendiri, yang menyimpang dari tema teks-teks tradisional.

Secara jelasnya, novel-novel sejarah terpilih setiap satu daripadanya mengangkat seorang tokoh pilihan pengarang untuk dijadikan watak utama dalam cerita. Pemilihan tokoh ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkenalkan individu tertentu yang dianggap signifikan dalam sejarah, tetapi juga untuk memberi fokus kepada pengembangan watak tersebut melalui perspektif pengarang. Oleh itu, pemusatan cerita lebih tertumpu kepada keperwiraan, keperibadian, dan keintelektualan watak utama yang sering kali berfungsi sebagai simbol atau refleksi nilai-nilai tertentu yang diinginkan pengarang untuk disampaikan kepada khalayak pembaca. Tokoh utama dalam novel sejarah moden tidak hanya digambarkan sebagai seorang pahlawan, tetapi

juga sebagai seorang individu yang memiliki sifat-sifat lain seperti ketekunan, kebijaksanaan, dan kemampuan intelektual yang membantunya mengharungi pelbagai cabaran. Perihal ini dapat ditelusuri menerusi petikan di bawah yang dicuplik dari novel *Nama Beta Sultan Alauddin*:

Lagipun Sultan Alauddin dilihat sebagai sultan yang masih muda belia. Baginda baru sahaja berusia Sembilan belas tahun atau awal dua puluhan semasa menaiki takhta. Bukan itu sahaja, ada pembesar yang ambil endah tak endah kerana berfikir bahawa Raja Ahmadlah waris yang sah untuk ditabalkan menjadi sultan. Apatah lagi golongan mamak di kalangan pembesar istana pula kurang menghormati baginda kerana baginda berdarah Jawa dari sebelah bonda. Semua ini membuatkan Sultan Alauddin sentiasa risau. Baginda tidak mahu dilihat sebagai sultan muda yang lemah.

(*Nama Beta Sultan Alauddin*: 62)

Petikan ini menggambarkan keadaan Sultan Alauddin yang masih muda dan terdedah kepada cabaran dalam pemerintahannya. Sultan Alauddin baru sahaja berusia sembilan belas tahun atau awal dua puluhan semasa menaiki takhta, menjadikannya seorang pemerintah yang sangat muda. Usia muda ini mungkin menyebabkan sebahagian pembesar istana tidak menganggap baginda sebagai seorang yang cukup matang untuk memimpin, malah ada yang berpendapat bahawa Raja Ahmad adalah waris yang lebih sah untuk dilantik sebagai sultan. Tambahan pula, golongan mamak, yang merupakan sebahagian daripada pembesar istana, turut kurang menghormati Sultan Alauddin kerana beliau berdarah Jawa dari sebelah bonda, yang mungkin dianggap tidak murni oleh golongan tersebut yang lebih mementingkan darah keturunan raja Melayu.

Semua faktor ini menambah kebimbangan kepada Sultan Alauddin, yang merasa tertekan dengan kedudukannya sebagai seorang sultan muda. Baginda tidak mahu dilihat sebagai seorang yang lemah atau tidak layak memimpin, kerana kekurangan penghormatan dari pembesar-pembesar ini boleh menjejaskan kewibawaannya di hadapan rakyat dan dalam kerajaan. Baginda berasa perlu untuk membuktikan dirinya sebagai seorang sultan yang berwibawa dan mampu mengendalikan kerajaan dengan tegas walaupun masih muda. Ini menunjukkan pergolakan dalam hati Sultan Alauddin, yang perlu berhadapan dengan cabaran bukan hanya dari segi kepimpinan tetapi juga dari segi penghormatan dan penerimaan daripada golongan pembesar istana serta rakyat.

Oleh yang demikian, perhatian terhadap peranan keturunan raja-raja yang menjadi tema utama dalam *Sejarah Melayu* diabaikan pengarang menerusi penghasilan novel sejarah. Hal ini adalah perbezaan besar antara kedua-dua jenis karya ini, apabila novel sejarah lebih memberi ruang kepada penggambaran tokoh individu yang berkemampuan luar biasa, manakala *Sejarah Melayu* lebih menekankan kekuatan dan pengaruh keturunan dalam pembentukan masyarakat dan negara. Pengarang lebih cenderung untuk menonjolkan protagonis yang bukan sahaja berdepan dengan konflik politik, tetapi juga cabaran peribadi dan moral. Watak-watak ini sering kali lebih kompleks, dengan latar belakang yang berbeza-beza, bukan semata-mata berasaskan keturunan diraja. Dalam konteks ini, novel sejarah lebih memberi penekanan kepada pencapaian individu, sifat kepimpinan, keberanian, dan ketekunan yang membawa watak utama keluar daripada kesulitan. Hal ini mengarah kepada satu pendekatan yang

lebih inklusif dalam pembentukan sejarah iaitu kejayaan tidak lagi dikaitkan semata-mata dengan warisan keluarga diraja, tetapi lebih kepada usaha dan kebijaksanaan individu dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Seterusnya, pengkaji menemukan pelanggaran tema yang begitu ketara menerusi novel *1515*, hasil penulisan Faisal Tehrani. Pelanggaran tema ini jelas kelihatan melalui pembalikan sejarah yang dilakukan oleh penulis, yang bertentangan dengan tema-tema konvensional yang sering dikaitkan dengan *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Dalam karya ini, Faisal Tehrani tidak mengikuti naratif sejarah yang telah lama diterima, sebaliknya mengubah persepsi umum tentang tokoh-tokoh sejarah serta peristiwa-peristiwa penting dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Pengarang menampilkan watak utama novel ini dengan watak ciptaan yang tidak diinspirasi daripada teks tradisional, sama ada *Sejarah Melayu* ataupun *Hikayat Hang Tuah*. Petika di bawah menggambarkan kemenangan Melaka terhadap Portugis:

“Duhai Albuquerque memang aku ini perawan yang menjadi sebutan tetapi aku bukan Perempuan lacur. Maaf aku terpaksa membunuh kau tetapi aku berjanji akan menanam mayatmu ini di Lisbon.”

Setelah panglima tua itu diam kaku, hamba pun keluar dari masjid dengan baju dan kain kelumbung berjelus darah. Bertakbir orang Melaka bertakbir saat melihat hamba keluar hidup-hidup. Semua orang bertempik bersorak kerana jelaslah Feringgi sudah kalah.

(1515: 202)

Petikan ini menggambarkan keadaan Nyemah Mulya yang telah membunuh Alfonso Albuquerque, yang juga merupakan ketua angkatan perang Portugis yang menyerang Melaka. Reaksi orang Melaka yang bersorak dan bertakbir selepas kemenangan ini

menggambarkan kebanggaan dan semangat kolektif rakyat Melaka yang berjaya mengalahkan musuh mereka. Ini adalah satu gambaran yang sangat berbeza daripada sejarah yang sering kita pelajari, yang memfokuskan pada kejatuhan dan penaklukan Melaka oleh Portugis. Dengan kemenangan ini, Melaka dilihat bukan hanya sebagai kerajaan yang mampu bertahan, tetapi juga sebagai simbol kegemilangan dan keberanian.

Novel *1515* karya Faisal Tehrani menceritakan tentang peristiwa penting dalam sejarah Melaka, iaitu serangan Portugis terhadap Melaka pada tahun 1511. Namun, Faisal Tehrani menulisnya dengan pendekatan yang berbeza dari naratif sejarah yang terkandung dalam teks-teks tradisional, seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Dalam *1515*, Faisal Tehrani menggambarkan sebuah senario alternatif apabila Melaka berjaya mengalahkan Portugis, berbeza dengan kisah sejarah yang mencatatkan bahawa Melaka akhirnya jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.


Tema novel ini sememangnya bertentangan dengan teks-teks sejarah tradisional yang sering menggambarkan kejatuhan Melaka sebagai satu tragedi besar dalam sejarah Tanah Melayu. Dalam novel *1515*, Faisal Tehrani cuba memberikan satu alternatif sejarah Melaka, melalui keberanian dan strategi kepimpinan yang bijak, dalam mempertahankan Melaka dari penjajahan Portugis. Faisal Tehrani mengangkat tema ini untuk menunjukkan semangat perlawanan rakyat Melaka dan menggambarkan kecekapan pemimpin-pemimpin Melaka dalam mengatur pertahanan dan menghadapi ancaman luar.

Seterusnya, tidak ada watak seperti Hang Tuah dalam novel ini, walaupun Hang Tuah sering dianggap simbol keberanian dan kesetiaan dalam teks sejarah tradisional. Sebaliknya, *1515* memberi tumpuan kepada watak-watak baru yang dicipta iaitu Nyemah Mulya lebih berkait rapat dengan senario sejarah yang diubahsuai oleh penulis. Watak ini berfungsi untuk menyampaikan mesej tentang kepimpinan, perjuangan, dan keintelektualan dalam menghadapi penjajahan. Novel ini juga memainkan peranan penting dalam membangkitkan persoalan mengenai identiti dan pembentukan sejarah. Faisal Tehrani secara tidak langsung menggambarkan sejarah boleh dibentuk dan ditulis semula berdasarkan perspektif tertentu. Oleh yang demikian, naskhah *1515* juga merupakan satu bentuk kritikan terhadap cara sejarah tradisional dikemukakan, terutama mengenai kejatuhan Melaka yang dipandang sebagai tragedi tanpa melihat potensi untuk perubahan. Keupayaan seseorang pengarang juga sangat bermakna dalam meromatiskan sejarah yang dianggap sebagai tragedi selama ini. Secara keseluruhannya, novel sejarah *1515* oleh Faisal Tehrani adalah sebuah wacana yang menawarkan pandangan yang berbeza dalam menilai sejarah kejatuhan Melaka terhadap Portugis pada tahun 1511.

4.3.2 Pelanggaran Plot

Plot merupakan sebahagian daripada elemen yang penting dalam mengembangkan idea menjadi sebuah penceritaan yang lengkap. Plot yang utama terdiri daripada permulaan, perkembangan dan pengakhiran. Plot boleh diertikan sebagai struktur penceritaan yang mengandungi rangkaian kejadian atau peristiwa yang diatur

berdasarkan hukum sebab dan akibat serta logik (Rani Siti Fitriani, 2021). Plot sewajarnya didasari dengan unsur logik cerita yang dihasilkan, di samping memberikan kefahaman kepada pembaca mengenai keseluruhan cerita. Seperkara lagi, pengarang juga sewajarnya kreatif dalam pembinaan plot agar plot cerita yang dihasilkan tidak mendatar dan membosankan.



Rajah 4.1 Binaan Plot (Sumber: Othman Puteh, 2002)

Rajah 4.1 merupakan contoh binaan plot yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama yang merangkumi permulaan, pertengahan atau perkembangan dan pengakhiran. Pada bahagian permulaan, pengarang mempunyai pelbagai pilihan untuk memulakan penceritaan dengan pilihan kaedah yang ada seperti pemerian, dialog, monolog dan sebagainya. Pada peringkat perkembangan, penulisan menjadi lebih dramatik apabila konflik dikembangkan sehingga mencapai tahap klimaks. Pada bahagian pertengahan atau perkembangan, pelbagai kaedah boleh diaplikasikan bagi melancarkan penulisan

seperti kronologi, imbas kembali, imbas muka dan sebagainya. Seterusnya, plot akan melalui fasa peleraian atau penyelesaian pada bahagian pengakhiran. Pada bahagian pengakhiran, segala permasalahan yang dicetuskan pada peringkat konflik perlu dileraikan. Pada bahagian ini, pengarang boleh mengenakan pelbagai kaedah yang sesuai seperti kejutan, trajedi, penamat terbuka dan lain-lain lagi, bergantung kepada keupayaan kreativiti dan kemahiran mengarang seseorang pengarang.

Penghasilan novel sejarah tidak terlepas daripada menginspirasi teks-teks tradisional dalam menghasilkan alur penceritaan. Hakikatnya, teks tradisional seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* mengemukakan plot yang sangat panjang, malah mempunyai episod cerita yang banyak. Dalam mengemukakan plot yang baharu bagi menghasilkan novel sejarah, pengarang akan menyaring dan memilih hanya plot tertentu sahaja untuk dikisahkan semula dalam versi yang baharu. Perihal ini bersangkutan dengan hasrat pengarang dalam menampilkan tema dan persoalan serta mesej yang ingin disampaikan melalui novel sejarah tulisannya. Oleh yang demikian, pengarang akan memberi penekanan terhadap plot tertentu sahaja dari teks tradisional dan digabungjalinkan dengan babak-babak baharu yang digarap oleh pengarang dalam penghasilan novel sejarah.

Teks-teks tradisional dalam Alam Melayu mempunyai kerencaman sifat dan dapat dibahagikan beberapa kategori. Teks *Sejarah Melayu* merupakan teks tradisional yang dikategorikan sebagai teks sastera sejarah yang secara tuntasnya meriwayatkan jurai keturunan raja-raja. Sastera sejarah dikarang oleh seseorang yang telah dilantik oleh pemerintah dengan tujuan tertentu iaitu supaya nama dan kemasyhurannya kekal

hingga kepada generasi terkemudian (Norazimah Zakaria, 2014). Alur penceritaan yang terkandung dalam Sejarah Melayu dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama iaitu merujuk kepada Alkisah Cetera yang Pertama sehingga Alkisah Cetera yang Kesepuluh adalah bahagian yang menceritakan asal usul kerajaan; bahagian kedua pula meliputi Alkisah Cetera yang Kesebelas sehingga Alkisah Cetera yang Kedua Puluh Lima membawa muatan cerita tentang zaman kegemilangannya dan bahagian ketiga iaitu Alkisah Cetera yang Kedua Puluh Enam sehingga Alkisah Cetera yang Ketiga Puluh Empat tentang zaman kemerosotan dan kejatuhannya.

Seterusnya, teks tradisional yang turut penting dalam penelitian ini ialah *Hikayat Hang Tuah*. Hikayat Hang Tuah pula dikategorikan sebagai teks sastera epik atas padanan beberapa ciri yang digariskan. Sastera epik merujuk kepada puisi atau prosa yang membawakan naratif tentang kepahlawanan seseorang tokoh yang menjadi kebanggaan sesuatu bangsa (Naapie Mat, 2005). Oleh yang demikian, plot *Hikayat Hang Tuah* dibangunkan dengan kisah-kisah yang menonjolkan kepahlawanan Hang Tuah itu sendiri sebagai seorang wira agung dalam kalangan masyarakat Melayu. Plot yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah* dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama diwakili oleh bab satu sehingga bab 18 yang secara jelasnya menawarkan kisah-kisah yang menonjolkan kepewiraan Hang Tuah melalui beberapa siri perlawanan dan pertentangan dengan musuh. Bahagian kedua pula meliputi bab 19 sehingga bab 34 merupakan kisah-kisah yang menjurus kepada pengembaraan seorang wira dalam kehidupannya.

Seseorang pengarang yang bijaksana akan melaksanakan tindakan-tindakan tertentu bagi memastikan karya yang dihasilkan berkualiti. Hakikatnya, sesebuah teks atau karya tidak terhasil dengan sendirinya tanpa pengaruh teks-teks yang terhasil sebelumnya. A. Teeuw (1984) berpendapat, tiada sebuah teks pun bersifat mandiri, dalam erti kata yang lain penghasilan dan pembacaannya tidak dapat dilaksanakan tanpa adanya pengaruh teks-teks lain. Menyorot kandungan novel-novel sejarah terpilih, pengarang sebenarnya telah melakukan tindakan berdasarkan kreativiti masing-masing. Sama ada secara sedar ataupun tidak sedar, tindakan yang dilakukan oleh pengarang telah mewujudkan perhubungan antara teks hipoteks dengan hiperteks. Proses penghasilan novel-novel sejarah terpilih telah memperlihatkan usaha pengarang dalam mengembleng teks-teks tradisional.

Menerusi *Tun Tuah*, pengarang menggugurkan banyak episod yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*. Pengarang mengabaikan ceritera-ceritera terawal yang tidak menyebut Hang Tuah atau tidak melibatkan Hang Tuah. Contohnya, pengarang tidak mengungkap kembali kisah Raja Iskandar Zulkarnain yang menakluk Benua Hindi, kisah tiga orang anak Raja Suran yang bertemu Wan Empuk dan Wan Malini serta kisah Badang yang menjadi gagah selepas memakan muntah hantu. Penghasilan novel *Tun Tuah* dikenal pasti mula menerima pengaruh daripada *Sejarah Melayu* mulai ceritera keempat belas, dan secara tidak langsung ceritera sebelumnya telah diabaikan pengarang.

Pengarang juga tidak memanfaatkan kesemua cerita yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah* untuk diabadikan semula dalam teks yang baharu. Menerusi *Tun Tuah*, dapat dikenal pasti pengarang menggugurkan episod Puteri Gunung Ledang yang menaiki takhta menggantikan Raja Melaka, peristiwa Hang Tuah yang teringin ditanam hidup-hidup untuk merasai pengalaman dalam kubur dan kisah Raja Melaka yang memilih untuk menjadi darwis. Hal yang sama dilakukan pengarang dalam proses kreatif penghasilan novel *Tun Perak*. Pengarang hanya memberi fokus kepada peristiwa-peristiwa yang melibatkan Tun Perak untuk diserap daripada hipoteks dan diungkapkan kembali dalam novel *Tun Perak* dengan gaya tersendiri.

Faisal Tehrani menerusi kedua-dua penulisananya tampak lebih jelas dalam menggugurkan peristiwa-peristiwa yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Faisal Tehrani hanya menyentuh peristiwa yang mengandungi kisah Sultan Alauddin dalam penghasilan *Nama Beta Sultan Alauddin*. Dalam *Sejarah Melayu*, kisah Sultan Alauddin termuat dalam ceritera keempat belas sehingga ceritera dua puluh enam sahaja. Oleh yang demikian, pengarang mengabaikan ceritera-ceritera lain yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*. Dalam *Hikayat Hang Tuah* pula, watak Sultan Alauddin tidak dikisahkan secara terperinci, kecuali perkahwinan Raja Melaka dengan permaisuri dari Majapahit yang seterusnya menjalurkan zuriat atau waris seterusnya iaitu Sultan Alauddin. Menerusi *1515* juga, pengarang ternyata tidak terlalu bergantung kepada teks-teks tradisi. Pengarang sekadar menyerap idea tentang kejatuhan Melaka terhadap Portugis dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Menyorot perbandingan antara novel-novel terpilih dengan naskah tradisional, novel *Tun Tuah* tidak terlepas mengusulkan kecenderungan terhadap pelanggaran plot yang terjalin dalam *Sejarah Melayu*. Novel *Tun Tuah* yang memberi fokus kepada riwayat hidup Tun Tuah telah dimulakan dengan kisah Parameswara yang membuka pelabuhan Melaka pada tahun 1400 masihi. Seterusnya novel ini digerakkan dengan kisah Hang Tuah ketika masih kecil, remaja dan sehinggalah dilantik sebagai pembesar istana. Pengakhiran novel ini mengisahkan Tun Tuah yang telah membawa diri ke Singapura sebelum Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511. Menerusi novel ini, pengarang memaknakan riwayat kehidupan Tun Tuah sebagai seorang pembesar yang berkebolehan, malah menjadi harapan dalam menjalinkan hubungan yang baik antara kerajaan Melaka dengan kerajaan-kerajaan yang lain.

Merujuk *Sejarah Melayu*, novel *Tun Tuah* memperlihatkan usaha pengarang dalam memutarbalikkan plot yang mendasari *Sejarah Melayu*. Kisah perkahwinan Sultan Melaka dengan Puteri Raden Galoh dan Hang Li Po sememangnya dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*. Pengarang menekuni *Sejarah Melayu*, lalu menyisipkan semula kisah yang sama dalam novel *Tun Tuah*. Hal ini dapat dibuktikan melalui sebahagian aliran penceritaan yang diperturunkan di bawah yang dikesani daripada novel *Tun Tuah* dan *Sejarah Melayu*:

Jadual 4.5

Perbandingan Plot Perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera

Kirana

<i>Sejarah Melayu</i>	<i>Tun Tuah</i>
a) Sultan Mansur Syah dikahwinkan dengan Raden Galoh Cendera Kirana	a) Puteri Hang Li Po dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah
b) Melaka memohon jajahan Majapahit iaitu Inderagiri dan Siantan sebelum kembali ke Melaka	b) Laksamana Cheng Ho membawa khabar Maharaja Cina mengidap penyakit kulit
c) Hang Tuah mendapatkan kuda Sultan Mansur Syah yang jatuh ke dalam telaga	c) Siam menghantar tentera menyerang Melaka
d) Hang Tuah difitnah bermukah dengan dayang dan dijatuhkan hukuman dibunuh	d) Hang Tuah memujuk Tun Teja menerima lamaran Tun Tuah
e) Raja China menghantar utusan ke Melaka untuk menjalin hubungan persahabatan	e) Dang Ratna dan Tun Teja telah mengikut Hang Tuah belayar ke Melaka
f) Tun Perpatih Putih dihantar ke China sebagai lawatan balas kerajaan China sebelumnya.	f) Laksamana Pahang mengarahkan beberapa kapal layar berlabuh menyelamatkan Tun Teja

- g) Raja China menghantar puterinya Hang Li Po ke Melaka untuk dikahwinkan dengan Sultan Mahmud Syah**
- g) Rombongan Melaka ke Majapahit meminang Raden Galoh Candera Kirana
- h) Sultan Mansur Syah menitahkan sebuah ghali dibina untuk rombongan ke Majapahit sempena majlis perkahwinan baginda.**
-

Merujuk Jadual 4.5, perbandingan plot antara *Sejarah Melayu* dan novel *Tun Tuah* dikemukakan. Jadual ini secara ringkasnya memfokus pada plot perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendana Kirana, seorang puteri dari kerajaan Majapahit dan seorang puteri dari kerajaan China iaitu Hang Li Po. Affifudin Omar mengambil idea daripada teks hipogram dengan melakukan beberapa perubahan. Pengarang menginspirasi teks hipogram, lalu mengolah semula bagi menghasilkan sebuah teks yang baharu.

Affifudin Omar tidak menggugurkan kedua-dua peristiwa ini dalam novel *Tun Tuah*. Kedua-dua peristiwa ini begitu signifikan dalam usaha pengukuhan Melaka sebagai sebuah kerajaan yang stabil dari segi perhubungan antarabangsa. Menerusi perkahwinan yang berlangsung, kedua-dua buah negara menjalin hubungan yang erat dengan kerajaan Melaka, sekali gus mengikis ancaman dari kuasa-kuasa serantau atau kuasa-kuasa besar yang lain. Walau bagaimanapun, Affifudin Omar menyaring

semula plot yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dan selanjutnya menyusun semula plot yang baharu dalam novel *Tun Tuah*. Jelasnya, bersandarkan *Sejarah Melayu*, Sultan Mansur Syah berkahwin dengan Raden Galoh Cendera Kirana terlebih dahulu sebelum berkahwin dengan Hang Li PO. Selepas peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendana Kirana, terdapat beberapa lagi peristiwa yang bersifat dalaman seperti kuda Sultan Mansur Syah yang terjatuh ke dalam telaga dan peristiwa Hang Tuah difitnah bermukah dengan dayang istana sebelum terjadinya peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Hang Li Po.

Tun Tuah pula menawarkan plot yang baharu apabila pengarang tampil menyusun semula plot tanpa menggugurkan kedua-dua peristiwa perkahwinan diraja tersebut. Pengarang menukar plot dengan menaratifkan peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Hang Li Po terlebih dahulu, sebelum mengisahkan perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana. Pengarang mengembangkan plot selepas peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah bersama Hang Li Po dengan beberapa peristiwa penting sebelum melanjutkannya kepada peristiwa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana. Peristiwa yang disisipkan ialah perkhbaran Maharaja China yang menghidap penyakit kulit, serangan Siam ke atas Melaka dan peristiwa Tun Tuah mendapatkan Tun Teja untuk diperisterikan Sultan Mansur Syah. Secara tidak langsung dalam penyusunan plot yang dihasilkan dalam *Tun Tuah*, pengarang telah melibatkan pelbagai peristiwa penting yang secara

tidak langsung tidak terikat dengan penyampaian dalam *Sejarah Melayu* yang bersifat lewah dalam penyampaian sesuatu peristiwa.

Tindakan pengarang dalam menyusun semula plot tanpa menyalin semula daripada *Sejarah Melayu* merupakan tindakan pengarang dalam membebaskan karyanya dari tipa induk. Walaupun menginspirasi *Sejarah Melayu*, namun pengarang menggembleng kreativiti dalam penyusunan plot dalam karya semasa iaitu *Tun Tuah*. Sesebuah karya tidak akan dianggap istimewa jika masih memerihalkan perkara yang sama atau dihasilkan dengan menggunakan kaedah yang sama.

Seterusnya, Affifudin Omar turut memanipulasikan plot peristiwa yang mengisahkan kelicikan Sultan Mahmud dalam merencana pembunuhan seorang pegawai istana yang telah meniduri pelacur kegemaran baginda. Sultan Mahmud digambarkan sebagai seorang pemerintah yang tidak dapat mengawal nafsu seksnya. Hal ini dilihat sebagai kelemahannya sebagai seorang pemerintah tertinggi dalam sesebuah kerajaan sehingga membawa kepada kehancuran kerajaannya sendiri. Kelemahan ini dianggap sebagai keruntuhan akhlaknya sebagai raja sehingga menjadikannya seorang raja yang zalim terhadap rakyatnya (Mustafa Mohd Isa, 1999). Sebuah peristiwa yang menjadi pilihan pengarang terhadap perwatakan Sultan Mahmud dapat diperhalusi petikan di bawah;

Pada suatu malam, Sultan Mahmud Syah pergi ke rumah seorang perempuan, Tun Dewi namanya Maka didapati baginda Tun Ali Sandang ada di sana; maka Sultan Mahmud pun berbalik, baginda menoleh ke belakang, dilihat baginda Tun Isap, anak Tun Abu Yazid, cucu Tun Abu

Sayid, cicit Seri Udana, piut Tun Hamzah, anak Bendahara Seri Amar Diraja, ada mengiring baginda. Maka oleh Sultan Mahmud diambil baginda sirih di puan, dianugerahkan pada Tun Isap. Maka Tun Isap pun fikir pada hatinya, “Apa gerangan ertinya Yang Dipertuan memberi aku sirih dari puan ini? Pada bicaraku entah Yang Dipertuan menyuruh membunuh Tun Ali Sandang gerangan?”

Kerana pada zaman dahulukala sirih di puan raja itu terlalu mulia, tiada barang-barang orang dianugerahkan raja; barang siapa dianugerahi sirih daripada puan itu tanda kurnialah akan orang itu. Telah demikian fikir Tun Isap, maka Tun Isap berbalik ke rumah Tun Dewi, lalu dinaikinya, ditikannya Tun Ali kena dadanya terus, lalu mati. Telah Tun Ali sudah mati, maka Tun Isap pun turun mengadap Sultan Mahmud. Maka orang pun gemparlah, mengatakan Tun Ali itu dibunuh oleh Tun Isap.

(*Sejarah Melayu*: 191-192)

Petikan di atas mengisahkan Sultan Mahmud Syah telah bertandang ke rumah seorang perempuan yang bernama Tun Dewi. Tun Dewi merupakan salah seorang gundik kesukaan Sultan Mahmud Syah. Walau bagaimanapun, timbul rasa iri hati dalam diri baginda apabila melihat Tun Ali Sandang turut berada di situ. Baginda mengambil keputusan untuk berpatah balik, namun dalam perjalanan pulang, baginda sempat menoleh belakang melihat beberapa orang pegawai istana yang mengiringi baginda. Seterusnya, baginda memberikan sirih kepada Tun Isap sebagai simbolik kepada arahnya supaya Tun Ali dibunuh. Sirih dalam kalangan masyarakat Melayu merupakan tumbuhan yang begitu bermakna kerana melambangkan status masyarakat, kesantunan masyarakat, nilai estetika dan kesusasteraan (Abdul Hamid, 2001). Tun Ali yang menganggap suatu penghormatan apabila diberikan sirih oleh baginda telah berpatah balik ke rumah Tun Dewi dan membunuh Tun Ali.

Pengarang menyisipkan kembali peristiwa ini dalam novel *Tun Tuah* namun plotnya dalam alur penceritaan berbeza kerana peristiwa ini dihadirkan selepas kemangkatan

Sultan Alauddin Riayat Syah, sedangkan dalam *Sejarah Melayu*, peristiwa ini sebelum kemangkatan baginda. Hal ini diperjelaskan dalam jadual di bawah;

Jadual 4.6

Perbandingan plot Peristiwa Kemangkatan Sultan Alauddin

<i>Sejarah Melayu</i>	<i>Tun Tuah</i>
<p>a) Sultan Mahmud telah ke rumah Dewi dan mendapati Tun Ali Sandang juga ada di situ, lalu baginda memberi sireh kepada Tun Isap sebagai isyarat membunuh Tun Ali Sandang.</p>	<p>a) Sultan Alauddin Riayat Syah mangkat pada 1488 masihi.</p>
<p>b) Sultan Mahmud berhajat mengahwini Puteri Gunung Ledang.</p>	<p>b) Raja Menawar, cicit Permaisuri Tua dihantar ke Kampar dan dirajakan di sana.</p>
<p>c) Hang Tuah telah meninggal dunia dan digantikan oleh menantunya iaitu Laksamana Khoja Hassan.</p>	<p>c) Sultan Mahmud Syah menjatuhkan hukuman mati ke atas Sri Bija Diraja yang tidak datang menyembahnya pada hari raya.</p>

- d) Hang Nadim melarikan Tun Teja ke Melaka.
- e) Tun Fatimah dikahwinkan dengan Tun Ali.
- f) 43 buah kapal Portugis menyerang Melaka.
- g) **Sultan Alauddin mangkat dan digantikan Sultan Muzaffar Syah.**
- d) Permaisuri Tua meracuni Sultan Mahmud.
- e) Bendahara Tun Perak meninggal dunia.
- f) **Sultan Mahmud memberi sireh kepada Tun Isap sebagai isyarat membunuh seorang pegawai yang meniduri pelacur yang digemari sultan.**

Jadual 4.6 di atas menyerlahkan penyimpangan plot antara teks sumber iaitu *Sejarah Melayu* dan juga teks baharu iaitu novel *Tun Tuah*. Berdasarkan perpindahan plot peristiwa pembunuhan Tun Ali selepas kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah, pengarang dapat memperkenalkan elemen kejutan dan ketegangan yang lebih besar kepada pembaca. Perihal ini mencipta lebih banyak rasa ingin tahu dalam kalangan pembaca dan membuka ruang kepada pembaca untuk menilai semula tindakan setiap watak dalam konteks yang berbeza. Selain itu, pengarang juga ingin memberikan penekanan terhadap watak Sultan Mahmud Syah berbanding Sultan Alauddin Riayat Syah. Oleh yang demikian, usaha pengarang menjadikan peristiwa tersebut berlaku selepas kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah memperlihatkan hasrat pengarang

yang mahu menekankan aspek perubahan dalam kepimpinan dan sifat-sifat Sultan Mahmud Syah yang lebih dominan dan berkuasa.

Penyimpangan plot yang dilakukan pengarang juga secara tidak langsung membawa kepada tujuan estetika dalam pengkaryaan. Apabila pengarang memilih untuk mengubah urutan peristiwa, pengarang boleh mengolah penceritaan untuk mencapai tujuan estetika yang lebih menarik. Perubahan ini bertujuan untuk mencipta struktur penceritaan yang lebih menarik atau memberi tumpuan pada perasaan atau konflik emosi terhadap sesuatu watak dengan lebih mendalam.

Affifudin Omar turut memanipulasikan plot jika dibandingkan dengan plot yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Peristiwa-peristiwa yang terkandung dalam novel *Tun Tuah* merupakan refleksi pengarang terhadap bacaan teks sastera tradisional. Jadual di bawah membandingkan kedua-dua plot, sekali gus memperlihatkan kebergantungan teks semasa terhadap teks tradisional dalam pembinaan plot penceritaan.

Jadual 4.7

Perbandingan Plot Peristiwa Perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Tun Teja

<i>Hikayat Hang Tuah</i>	<i>Tun Tuah</i>
b) Berlangsungnya perkahwinan Raja Melaka dengan Raden Galoh Emas Ayu	a) Hang Tuah memujuk Tun Teja menerima lamaran Sultan Mansur Syah

- b) Hang Tuah lima bersaudara ke Gunung Wirana Putra untuk berguru dengan Sang Persata Nila
- c) Rancangan amukan oleh 40 orang prajurit dan rancangan membunuh Hang Tuah
- d) Hang Tuah membinasakan taman larangan Betara Majapahit
- e) Patih Kerma Wijaya menfitnah Hang Tuah berlaku curang di istana
- f) Hang Tuah dibuang negeri dan membawa diri ke Inderapura
- g) Hang Tuah melarikan Tun Teja ke Melaka untuk Sultan Melaka**
- b) **Dang Ratna dan Tun Teja telah mengikut Hang Tuah belayar ke Melaka**
- c) Laksamana Pahang mengarahkan beberapa kapal layar berlabuh menyelamatkan Tun Teja
- d) Rombongan Melaka ke Majapahit meminang Raden Galoh Candra Kirana
- e) **Sultan Mansur Syah menitahkan sebuah ghali dibina untuk rombongan ke Majapahit sempena majlis perkahwinan baginda.**

Jadual 4.7 di atas memperlihatkan sebahagian daripada struktur plot yang membina naratif *Hikayat Hang Tuah* dan novel *Tun Tuah*. Jadual di atas secara tidak langsung membuktikan bahawa plot novel *Tun Tuah* didasari daripada plot yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Berdasarkan plot yang dikemukakan, pengarang mengekalkan beberapa elemen di samping melakukan perubahan dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengkaryaan. Menerusi plot yang dibincangkan,

pengarang memilih untuk mengekalkan peristiwa perkahwinan Sultan Melaka dengan permaisuri dari Majapahit dan perkahwinan Sultan Melaka dengan Tun Teja. Kedua-duanya merupakan wanita yang mempunyai kedudukan, malah memiliki raut wajah jelita, sekali gus menggambarkan status Sultan Melaka yang berada di puncak kemasyhuran. Walau bagaimanapun, pengarang telah melakukan perubahan terhadap plot hipogram dengan memanipulasikan plot sedia ada. Secara tidak langsung mewujudkan pelanggaran terhadap plot asal yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Menekuni plot yang menggerakkan *Hikayat Hang Tuah*, perkahwinan Raja Melaka dengan Raden Galoh Emas Ayu yang berasal dari Majapahit dilangsungkan terlebih dahulu sebelum Hang Tuah melarikan Tun Teja dan dibawa ke Melaka untuk dikahwinkan dengan Raja Melaka. Secara tidak langsung, pengarang melakukan pelanggaran terhadap plot yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Tindakan pelanggaran yang dilakukan membolehkan pengarang menghasilkan sebuah karya yang berbeza daripada karya sedia ada dan sebagai usaha dalam menghasilkan sebuah karya baharu yang unggul. Secara tidak langsung merefleksikan kesungguhan pengarang dalam memaksimumkan kreativiti dalam berkarya.

4.3.3 Pelanggaran Watak

Watak memainkan peranan yang penting dalam sesebuah cerita, kerana wataklah yang akan menggerakkan atau merealisasikan idealisme yang ingin disampaikan pengarang dalam penulisannya. Watak dalam sastera Melayu sering kali dibentuk oleh elemen sosial dan budaya yang mencerminkan identiti serta norma masyarakat tempatan. Sesungguhnya, watak dan perwatakan merupakan representasi sosio-budaya yang

memberi makna dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat (Nor Ain Binti Matnoh, Zairul Anuar Md. Dawam dan Sim Chee Cheang, 2022). Pelbagai watak yang ditonjolkan pengarang dalam karya dan setiap watak mempunyai peranannya yang tersendiri seperti watak wira yang menunjangi sesebuah cerita dan watak sampingan yang membantu watak wira dalam melancarkan alur penceritaan dan menyampaikan mesej yang ingin disampaikan pengarang.

Watak wira dapatlah ditakrifkan sebagai watak yang paling istimewa antara watak-watak yang diwujudkan dan dianggap memiliki sifat yang hampir sempurna, malah sentiasa menjadi teladan kepada masyarakat (A. Wahab Ali, 2012). Memandangkan sifat *Sejarah Melayu* yang merupakan karya sastera sejarah yang mengisahkan leluhur kerabat diraja, naskhah ini menampilkan watak Raja-raja Melaka sebagai watak wira. Watak-watak raja-raja Melaka ini memperlihatkan kekuasaan dan pengaruh yang kuat yang dimiliki mereka. Selain itu, *Sejarah Melayu* menampilkan Hang Tuah, seorang tokoh pahlawan yang terbilang dan Bendahara Paduka Raja yang mempunyai kepintaran dalam pentadbiran dan menjadi orang kepercayaan raja. Melalui *Hikayat Hang Tuah* pula yang mengisahkan susur galur Hang Tuah dan kehidupan yang berkaitan dengan Hang Tuah, sudah semestinya menyerlahkan watak Hang Tuah itu sendiri sebagai watak wira. Menelusuri novel-novel sejarah terpilih, pemusatan watak wira lebih tertumpu pada watak utama yang diketengahkan memandangkan plot yang dibina oleh pengarang lebih pendek berbanding teks tradisional. Novel *Tun Tuah* menonjolkan watak Tun Tuah, seorang pahlawan Melaka yang disegani, malah Tun Tuah juga digambarkan sebagai seorang diplomat yang mewakili Melaka dalam

mewujudkan hubungan diplomasi yang baik dengan negara-negara lain. Novel *Tun Perak* mengetengahkan Tun Perak sebagai watak wira yang begitu bijaksana dalam membuat keputusan dan menjadi ketua dalam angkatan perang Melaka. Seterusnya, novel *Nama Beta Sultan Alauddin*, memperkenalkan watak Sultan Alauddin sebagai watak wira yang tangkas berpencak silat di samping mempunyai pekerti yang mulia. Novel *1515* pula mengetengahkan watak wira seorang wanita yang diberi nama Nyemah Mulya yang dipilih oleh Sultan Mahmud sebagai ketua angkatan perang Melaka menentang serangan askar Portugis. Walau bagaimanapun, hanya novel *1515* yang mengetengahkan watak ciptaan pengarang, sedangkan watak wira yang mendukungi novel *Tun Tuah*, *Tun Perak* dan *Nama Beta Sultan Alauddin* merupakan nama tokoh yang turut disebut dalam teks tradisional terutamanya dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Selain watak wira, pengkaji turut mengenal pasti watak sampingan yang diperkenalkan dalam teks-teks tradisional terpilih dan novel-novel sejarah terpilih. Watak sampingan merujuk kepada karakter dalam sesebuah cerita atau karya yang bukan watak utama tetapi turut memainkan peranan yang penting dalam perkembangan plot dan pembentukan tema. Watak sampingan dicipta untuk memberi sokongan atau cabaran kepada watak utama, serta membantu memperkayakan naratif. Setiap perlakuan watak sampingan adalah penting kerana dapat memberikan implikasi terhadap watak utama (Victoria Hanley, 2012). Menerusi *Sejarah Melayu*, kita dapat mempertemukan watak-watak sampingan seperti Maharaja China yang sering menghantar utusan kepada Raja Melaka sehingga terbentuknya sebuah hubungan diplomatik yang era

tantara kedua-dua kerajaan. Selain itu, terdapat juga watak Tun Ali dan Puteri Gunung Ledang. *Hikayat Hang Tuah* pula akan mempertemukan kita dengan beberapa watak sampingan seperti Hang Jebat dan Sultan Melaka.

Seterusnya, pengamatan turut menemukan kecenderungan pengarang dalam melakukan pelanggaran terhadap watak-watak yang terkandung dalam karya hipogram. Sekilas pandang, teks-teks tradisional tidak terlepas dalam membangunkan watak-watak yang menyerlah dan diingati dalam kelompok masyarakat zaman berzaman. Secara jelasnya, Afiffudin Omar dan Faisal Tehrani memanipulasi watak yang lahir dari teks tradisional dalam novel *Tun Tuah* dan *Nama Beta Sultan Alauddin*. Peristiwa yang dikisahkan semula dizahirkan dengan watak yang berbeza atas justifikasi pengarang memberikan pemaknaan baharu terhadap watak yang diberikan penekanan. Menerusi novel *Tun Tuah*, pengarang melanggar watak Hang Kasturi yang bertarung dengan Hang Tuah setelah dijatuhi hukuman oleh baginda sultan tanpa usul periksa. Faisal Tehrani pula menerusi *Nama Beta Sultan Alauddin* telah melakukan pelanggaran terhadap watak Raja Muhammad yang membunuh anak bendahara ketika destarnya terkena bola sepak raga anak bendahara.

Menerusi *Sejarah Melayu*, Alkisah Cetera yang Keenam Belas menampilkan kisah Hang Kasturi yang semakin liar menawan istana raja dan raja pula mula terkenangkan Hang Tuah yang diperintahkannya untuk dibuang negeri. Hang Kasturi cuba menentang raja yang menghakimi Hang Tuah tanpa usul periksa, tambahan pula

Hang Tuah tidak pernah menidakkan segala suruhan baginda raja. Pertarungan epik antara Hang Kasturi dan Hang Tuah dikisahkan seperti berikut:

Maka Hang Tuah pun menanggalkan kerisnya dan diperbaikinya. Maka bertikam pula ia dengan Hang Kasturi, dua tiga kali lekat keris Hang Tuah, ada tertikam pada tiang, ada tertikam pada dinding, disuruh Hang Kasturi cabut. Moga-moga dengan takdir Tuhan, maka keris Hang Kasturi pun lekat tertikam pada dinding pintu itu. Maka segera ditikam oleh Hang Tuah dari belakang terus ke hulu hatinya. Maka kata Hang Kasturi, “Demikianlah laki-laki menikam orang mencuri, dan mengubah waadnya? Engkau dua tiga kali lekat kerismu, kusuruh tanggalkan jua; aku sekali lekat kerisku engkau tikam.” Maka sahut Hang Tuah, “Siapa bersetia dengan engkau? Kerana engkau orang derhaka.” Maka ditikamnya pula sekali lagi oleh Hang Tuah; maka Hang Kasturi pun matilah.

(Sejarah Melayu: 131-132)

Petikan di atas menampilkan suasana tegang antara Hang Tuah dan juga Hang Kasturi yang sedang bertarung menggunakan keris. Hang Tuah menentang Hang Kasturi atas penderhakaan terhadap baginda sultan yang dilakukan oleh Hang Kasturi. Pertarungan sengit yang berlangsung memperlihatkan keris Hang Kasturi yang terlekat pada dinding pintu, lalu Hang Tuah mengambil kesempatan ketika itu untuk menikam Hang Kasturi. Tikaman pertama tersebut merupakan tikaman dari arah belakang sehingga menembusi hulu hati Hang Kasturi. Ketika itu, Hang Kasturi sempat menyindir Hang Tuah yang menikamnya secara mencuri sedangkan dirinya tidak bersenjata dan sering menghindar pertarungan jika keris Hang Tuah tidak ada pada tangannya. Hang Tuah meneguhkan pendiriannya dengan menyatakan bahawa tiada sesiapa pun akan mendampingi orang yang derhaka terhadap sultannya, lalu Hang Tuah menikam Hang Kasturi sekali lagi dan tikaman tersebut akhirnya

menamatkan riwayat hidup Hang Kasturi. *Sejarah Melayu* pada bahagian ini meletakkan watak Hang Tuah sebagai protagonis dan watak Hang Kasturi sebagai watak antogonis. Affifudin Omar masih mengekalkan Hang Tuah sebagai watak protagonis dalam peristiwa ini namun telah menukar watak antogonisnya kepada watak Hang Jebat. Perihal ini dibuktikan berdasarkan petikan di bawah:

Pertarungan berjalan terus sehingga menelan masa satu jam setengah. Jebat yang menunjukkan keletihan, tetapi Tuah tetap segar lantaran amalan jasmaniah dan rohaniah di dusun Syeikh Mansur. Keletihan Jebat ini memberi kesan kepada penumpuan gerak langkahnya. Di suatu ketika semasa dia melompat untuk menikam Tuah, tangan kirinya yang harus menepis tikaman balas daripada Tuah tidak berupaya melakukannya. Keris Tuah menerobos pertahanannya menuju ke dada kirinya. Keris itu terbenam dalam, menyebabkan Jebat terlonjak ke belakang, darah bersemburan keluar memercik ke muka Tuah.

(*Tun Tuah*: 241-242)

Pertarungan yang berlangsung dikisahkan dengan teliti berbanding yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*, yang secara tidak langsung telah menghadirkan unsur dramatik dalam babak ini. Menerusi petikan ini, secara jelasnya pengarang mengemukakan keletihan Jebat menjadi punca yang menjurus kepada ketewasan Jebat kepada Tuah memandangkan tingkahnya semakin terbatas. Jebat tidak mampu untuk menepis tikaman balas daripada Tuah, dan tikaman dari Tuah menusuk dada kirinya sehinggakan darah memercik dan menyebabkan kematian Jebat. Pengarang mengisahkan semula babak pertarungan tersebut dengan gaya yang tersendiri, dengan beberapa pengubahsuaian tanpa meniru secara keseluruhannya.

Secara jelasnya, wujud pelanggaran watak pada babak ini jika dibandingkan dengan teks *Sejarah Melayu*. Watak protagonis dalam babak ini iaitu Hang Tuah masih dikekalkan, namun watak antogonisnya iaitu Hang Kasturi telah ditukar kepada Hang Jebat. Watak Hang Kasturi dan diganti dengan watak Hang Jebat merupakan manifestasi pengarang dalam mengangkat watak Hang Jebat. Sememangnya watak Hang Jebat lebih dominan berbanding watak Hang Kasturi dalam pemikiran masyarakat Melayu. Babak pertarungan ini cuba dikemaskini oleh pengarang berdasarkan pengetahuan yang telah diketahui oleh masyarakat iaitu Hang Tuah bertarung dengan Hang Jebat dan bukannya Hang Kasturi. Secara tidak langsung, pelanggaran watak yang dilaksanakan pengarang merupakan usaha penambahbaikan terhadap pengetahuan sedia ada dalam pemikiran masyarakat.

Selanjutnya, pelanggaran watak yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dilakukan oleh Faisal Tehrani dalam novelnya *Nama Beta Sultan Alauddin*. Pengarang mengexploitasi peristiwa pembunuhan anak Bendahara Paduka Raja oleh Raja Muhammad yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*. Peristiwa ini dikisahkan seperti berikut dengan dukungan watak-watak yang dinyatakan:

Sekali peristiwa Raja Muhammad pergi bermain-main berkuda di kampung Bendahara Paduka Raja. Adapun kepada masa itu Tun Besar anak Bendahara bermain sepak raga di lebuah dengan segala orang muda-muda. Maka Raja Muhammad pun lalu; Tun Besar tengah sedang menyepak raga. Maka raga itu pun jatuh menimpai destar Raja Muhammad, jatuh ke tanah. Maka kata Raja Muhammad, “Cis! Jatuh destar kita oleh Tun Besar,” sama ia memandangi penjawatnya. Maka berlari-lari orang membawa puan baginda, ditikamnya Tun Besar, kena belikatnya terus ke hulu hati. Maka Tun Besar pun matilah. Telah orang melihat Tun Besar mati, maka gemparlah segala anak buah Bendahara Paduka Raja, semua keluar dengan segala alat senjatanya.

Maka Bendahara Paduka Raja pun keluar bertanya, “Apa sebabnya maka orang gempar ini?”
Maka kata orang itu, “Anakanda Tun Besar mati, dibunuh oleh Raja Muhammad.”

(*Sejarah Melayu*: 144)

Menerusi *Sejarah Melayu*, dikisahkan Raja Muhammad mengisi masa yang ada dengan pergi bermain di kawasan kampung Bendahara Paduka Raja. Berdasarkan petikan di atas, dalam waktu yang sama juga, anak bendahara yang bernama Tun Besar sedang bermain sepak raga bersama teman-temannya. Tatkala Raja Muhammad mendekati kawasan Tun Besar bermain sepak raga, tanpa disengajakan bola sepak raga tersebut mengenai destar yang dipakai Raja Muhammad sehingga terjatuh ke tanah. Perkara tersebut telah mendatangkan rasa amarah dalam diri Raja Muhammad sehingga bertindak di luar kawalan kemanusiaan dengan menikam Tun Besar tanpa memberikan peluang kepada Tun Besar untuk mempertahankan dirinya yang hakikatnya tidak segaja.

Peristiwa ini secara tidak langsung mencerminkan perilaku seorang pembesar dalam melaksanakan hukuman berpaksikan kedudukan semata-mata tanpa dibatasi dengan keadilan. Peristiwa ini menjadi rentetan dalam memperkisahkan riwayat kehidupan Sultan Alauddin Riayat Syah dan ditampilkan dalam novel *Nama Beta Sultan Alauddin*. Namun terdapat pertentangan watak yang secara jelasnya dapat ditekuni dalam petikan berikut:

Satu kejadian yang paling besar menimpa Melaka ialah apabila Raja Ahmad telah membunuh anak Bendahara Tun Perak. Kejadian tersebut berlaku secara tidak sengaja tetapi cukup menggemparkan seluruh empayar Melaka. Malah itulah kesilapan sebenar Raja Ahmad. Kejadian itu telah mengubah takdir sejarah.

(*Nama Beta Sultan Alauddin: 55*)

Secara jelasnya, petikan di atas masih mengekalkan peristiwa yang sama iaitu peristiwa pembunuhan anak Bendahara. Pengarang secara terang mengungkapkan bahawa peristiwa tersebut berlaku secara tidak sengaja dalam teks *Nama Beta Sultan Alauddin*. Selanjutnya, kecaknaan pengarang terhadap pengetahuan sejarah telah mempersiapkan sejarah versi baharu apabila melakukan pelanggaran terhadap watak utama peristiwa ini iaitu dengan menggantikan Raja Ahmad kepada Raja Muhammad. Secara tidak langsung, pengarang cuba keluar dari pengaruh tipa induk.

Faisal Tehrani menerusi *Nama Beta Sultan Alauddin* tidak ketinggalan menyerap peristiwa pembunuhan Tun Telanai yang berasal dari Terengganu dari *Sejarah Melayu*. Peristiwa ini sememangnya berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah. Suatu ketika dahulu, Terengganu dan Pahang merupakan sebahagian daripada negeri yang berada di bawah naungan Melaka, dan menjadi kelaziman Tun Telanai sebagai pemerintah Terengganu mengunjungi dan bermalam di negeri Melaka. Sultan Muhammad yang juga merupakan pemerintah Pahang ketika itu berasa marah kerana Tun Telanai tidak mengadap baginda di Pahang, tambahan pula Sultan Muhammad beranggapan Terengganu berada di bawah naungan Pahang. Akibat daripada ketegangan ini, Sultan Muhammad Shah memerintahkan pembunuhan Tun Telanai yang dilaksanakan Seri Akar Raja, malah membawa kepada kematian pembesar yang dihormati itu. Peristiwa ini memberikan gambaran tentang pergolakan dan konflik dalam kalangan golongan pembesar dan raja yang

berlaku dalam sejarah pemerintahan Melaka, yang akhirnya memberi kesan terhadap kestabilan kerajaan tersebut.

Selepas kematian Tun Telanai, ahli keluarganya yang lain melarikan diri ke Melaka untuk mengadu kepada Sultan Alauddin mengenai tindakan Sultan Muhammad yang membunuh Tun Telanai kerana berkunjung ke Melaka. Tindakan Sultan Muhammad itu menyebabkan Sultan Alauddin murka, apatah lagi dengan ancaman Sultan Muhammad yang berhasrat untuk menyerang Melaka. Pada awalnya, Sultan Alauddin mengarahkan agar tentera Melaka bersiap sedia untuk menyerang Pahang. Namun, Bendahara Paduka Raja Tun Perak menasihati agar tindakan itu tidak dilaksanakan kerana hanya akan merugikan Melaka. Tun Perak mencadangkan agar hanya Hang Tuah dihantar ke Pahang untuk menyelesaikan permasalahan tersebut, dan cadangan ini diterima oleh Sultan Alauddin. Laksamana Hang Tuah pun dihantar ke Pahang dengan membawa surat dari Sultan Melaka. Tidak lama selepas itu, Laksamana Hang Tuah tiba di Pahang, dan surat tersebut dibacakan di hadapan Sultan Muhammad. Sebelum itu, Laksamana Hang Tuah telah berpesan kepada salah seorang pengiringnya untuk membunuh seorang ahli keluarga Seri Akar Raja sebaik sahaja surat itu dibacakan. Perihal ini dapat dicerna melalui petikan berikut:

Maka Laksamana pun berpesan kepada seorang orangnya, “Jikalau surat sudah dibaca, hendaklah kau bunuh seorang keluarga Seri Akar Raja.”

Maka kata orang itu, “Baiklah.”

Maka surat pun sampai ke dalam. Maka segala orang yang mengadap itu sekaliannya turun dari atas balai; melainkan Sultan Pahang juga tinggal seorang. Maka gajah dikepilkan di balai, surat pun disambut oranglah lalu dibaca, demikian bunyinya: “Salam doa paduka adinda, datang kepada kakanda.”

(Sejarah Melayu: 180)

Faisal Tehrani masih mengekalkan peristiwa ini dalam karyanya, namun melakukan pelanggaran terhadap watak yang membunuh saudara Seri Akar Raja. Menerusi petikan di atas secara jelasnya pengarang memerihalkan kedatangan Hang Tuah ke Pahang untuk memberikan peringatan dan pengajaran kepada Sultan Muhammad agar tidak melulu membuat keputusan terutama melibatkan nyawa manusia. Hang Tuah sempat berpesan kepada seorang pengikutnya untuk membunuh salah seorang ahli keluarga Seri Akar Raja apabila surat dari Sultan Alauddin sudah dibaca. Berikut merupakan pemerihalan peristiwa yang sama dalam naskhah Nama Beta Sultan Alauddin:

“Setibanya patik di Pahang, ada hulubalang melompat ingin membunuh patik. Patik bersedia dan telah mendapat tahu. Kebetulan hulubalang yang kurang bijak ini, ia sepupu Seri Akar Raja. Patik terpaksa menahan nyawa dan membunuh sepupunya. Saat patik menghadap Sultan Ahmad Syah, baginda telah pun murka kononnya patik membunuh orang dalam negeri Pahang tanpa izin. Tetapi lekas patik mengingatkan bahawa Seri Akar Raja membunuh Telanai Trengganu tanpa sebab jua.”

(Nama Beta Sultan Alauddin: 93)

Merujuk petikan di atas, ternyata Faisal Tehrani melakukan pelanggaran terhadap watak yang membunuh saudara kepada Seri Akar Raja. Sebaik sahaja tiba di Pahang, Hang Tuah sudah menerima tentangan daripada seorang hulubalang yang tidak semena-mena melompat ke arahnya dengan tujuan untuk membunuhnya. Secara kebetulan pula, hulubalang tersebut merupakan saudara kepada Seri Akar Raja yang akhirnya dibunuh Hang Tuah. Kematian hulubalang tersebut benar-benar menyebabkan pemerintah Pahang marah, namun Hang Tuah membidas marah tersebut dengan menyatakan pembunuhan tersebut tidak berbeza dengan peristiwa

pembunuhan Telanai Terengganu yang tidak berdosa. Melalui *Sejarah Melayu*, pengiring Hang Tuah yang melaksanakan tugas tersebut, sebaliknya menerusi *Nama Beta Sultan Alauddin*, pengarang menjadikan watak Hang Tuah sendiri yang membunuh saudara Seri Akar Raja.

Penetapan watak yang dilakukan oleh Faisal Tehrani ini memberikan fungsi yang lebih bermakna kepada watak Hang Tuah itu sendiri. Watak Hang Tuah yang terkenal dengan prinsip kesetiaan dan keberanian dilihat dari sisi yang lebih kompleks. Sebagai seorang yang patuh pada raja, Hang Tuah akan melaksanakan segala yang diperintahkan, biarpun beliau terpaksa melaksanakan tugas yang tidak disukai untuk menjaga kehormatan dan kestabilan negara. Secara tidak langsung, pengarang memperkukuhkan watak Hang Tuah dari segi nilai-nilai kesetiannya. Pelanggaran watak ini juga membawa dimensi baharu dalam penceritaan. Tindakan pengarang menukar pelaku dalam peristiwa pembunuhan saudara Seri Akar Raja secara tidak langsung memberikan daya tarikan kepada pembaca memandangkan pelaku dalam teks *Sejarah Melayu* hanyalah pengiring Hang Tuah berbanding di dalam *Nama Beta Sultan Alauddin* ialah Hang Tuah sendiri yang melaksanakannya.

Selanjutnya, kecenderungan pelanggaran yang dilakukan pengarang dalam penghasilan novel-novel terpilih ialah pelanggaran terhadap watak yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Bagi memperlihatkan kelainan dalam penghasilan karya berunsur sejarah, pengarang cenderung menukar watak-watak yang pernah dinyatakan sebelum ini dalam *Hikayat Hang Tuah*. Secara tuntasnya, *Hikayat Hang*

Tuah menampilkan Hang Tuah sebagai watak utama. Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Mas Rynna Wati Ahmad (2021) memperakukan bahawa *Hikayat Hang Tuah* menampilkan Hang Tuah dan empat sahabatnya yang meladeni kehidupan dengan menonjolkan watak yang terpuji di samping turut mengetengahkan nilai unggul kepahlawanan serta nilai kesetiaan yang tinggi sebagai rakyat dan juga dalam hubungan persahabatan.

Hikayat Hang Tuah selaku hipoteks turut mengisahkan watak-watak lain seperti Puteri Gunung Ledang. Puteri Gunung Ledang sememangnya nama yang masyhur dalam teks tradisi sehingga diadaptasi menjadi filem seperti filem “Puteri Gunung Ledang” (1961) arahan S. Roomai Nor dan filem “Puteri Gunung Ledang” (2004) arahan Saw Teonggeranan. Walau bagaimanapun, peranan Puteri Gunung Ledang dalam *Hikayat Hang Tuah* tidaklah sebesar peranan watak yang sama dalam *Sejarah Melayu*:

Alkisah maka tersebutlah perkataan Raja Melaka. Pada suatu hari pada ketika yang senang baginda duduk semayam diadap Bendahara dan Laksamana dan segala pegawai sekalian. Maka titah baginda “Ayo mamak bendahara dan Laksamana, pada bicara kita, hendak rajakanlah anak kita yang perempuan ini akan ganti kita jadi raja di negeri Melaka, kerana kita pun sudah tualah.” Maka sembah bendahara dan Laksamana, “Daulat Tuanku Syah Alam, sebenarnya seperti titah Duli Yang Maha Mulia itu.” Maka titah baginda, “Jikalau demikian, segeralah mamak bendahara dan Laksamana berlungkap, kerahkan segala pegawai dan petuanan memulai berjaga-jaga.” Maka sembah bendahara dan Laksamana, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.”

Maka dikerjakan oranglah seperti titah baginda itu. Setelah genap empat puluh hari empat puluh malam maka Puteri Gunung Ledang pun dihiasi oranglah dengan pakaian kerajaan dengan selengkapnya. Setelah sudah maka Puteri Gunung Ledang pun dinaikkan baginda ke atas peterana yang keemasan yang bertatahkan ratna mutu manikam berumbai-umbaikan mutiara. Maka pedang kerajaan pun terpikullah oleh anak

raja-raja terdiri kiri kanan Puteri Gunung Ledang itu. Setelah sudah, maka nobat pun berhentilah. Maka Puteri Gunung Ledang itu dilangiri oleh baginda seperti adat raja-raja bersiram naik raja. Maka nasi semangat pun diangkat oranglah ke hadapan Puteri Gunung Ledang dan yang mengangkat hidangan itu semuanya menyandang tetampan kekuningan belaka. Setelah sudah baginda pun berangkat keluar. Maka hidangan pun diangkat oranglah ke balairung beratus-ratus. Maka segala menteri dan hulubalang pun masing-masing makanlah pada hidangannya. Setelah sudah makan, maka datang pula hidangan minuman dan tambul pelbagai rupanya dan rasanya. Maka piala yang bertatahkan ratna mutu manikam itu pun diperedarkan oranglah pada segala menteri pegawai hulubalang sekalian itu. Maka minumlah sekaliannya terlalu ramai dengan tepuk tarinya.

(*Hikayat Hang Tuah*: 535-536)

Menerusi petikan di atas, watak dan perwatakan Puteri Gunung Ledang dapat dikenal pasti. Raja Melaka yang sedang bersemayam telah berfikiran untuk turun dari takhta sebagai pemerintah, lalu digantikan oleh anakandanya kerana usianya yang kian lanjut. Atas titah baginda yang disampaikan, maka Bendahara dan Laksamana telah mula mengaturkan gerak kerja untuk majlis pertabalan anakanda baginda sebagai pemerintah yang baharu. Dalam petikan ini juga disebutkan pewaris baginda, iaitu anak perempuan baginda yang bernama Puteri Gunung Ledang. Puteri Gunung Ledang dipersiapkan dengan segala persalinan indah dan diraikan dalam adat istiadat pertabalan yang berlangsung selama empat puluh hari empat puluh malam.

Watak Puteri Gunung Ledang ternyata ditafsirkan berbeza dalam novel *Tun Tuah*. Pengarang tidak terikat dengan *Hikayat Hang Tuah*, sebaliknya menampilkan watak yang berbeza. Jika, menerusi *Hikayat Hang Tuah*, Puteri Gunung Ledang ialah raja Melaka, tetapi dalam novel *Tun Tuah*, Puteri Gunung Ledang ialah makhluk berketurunan jin. Hal ini dibuktikan dalam petikan berikut:

Mereka berdua agak gusar dengan kehendak raja ini. Tidak pernah didengari mereka seorang raja di dunia yang berkahwin dengan seorang puteri Jin. Malah mengikut ajaran mualim bahawa Islam tidak menggalak pengikutnya berkawan dengan mana-mana jin; jin Islam atau pun jin kafir. Tetapi selepas berbincang beberapa waktu, di mana Bendahara dan Temenggong cuba memujuk baginda agar membatalkan niatnya itu, Sultan tidak juga berganjak daripada kehendaknya. Akhirnya apabila kedua penasihat diraja ini berdiam diri, Sultan menitahkan supaya Tun Tuh mengepalai rombongan meminang puteri Jin ini.

(*Tun Tuah*: 331-332)

Petikan di atas mengisahkan hasrat baginda sultan yang mahu memperisterikan Puteri Gunung Ledang. Walaupun mengetahui bahawa Puteri Gunung Ledang bukanlah manusia biasa, sebaliknya merupakan bangsa jin, baginda sultan tetap dengan pendiriannya tidak mahu melupakan hasratnya. Perihal yang sama turut dicatatkan dalam novel *Tun Perak*. Affifudin Omar sememangnya tetap dengan pendiriannya dengan memotretkan Puteri Gunung Ledang sebagai makhluk halus iaitu bangsa jin. Watak dan perwatakan Puteri Gunung Ledang dalam *Tun Perak* digambarkan dalam petikan berikut:

Justeru satu rancangan dilakarkan oleh juak-juaknya. Tun Tuah disuruh melaksanakan satu tugas yang mustahil dapat dijayakannya; meminang Puteri Gunung Ledang
“Semua orang tahu Puteri Jin itu tidak wujud,” ujar Seri Dewa Diraja,
“Kalau wujud pun tidak mungkin seorang manusia boleh berkahwin dengannya. Nabi Sulaiman yang menguasai Jin pun tidak pernah berkahwin dengan puteri Jin.”

(*Tun Perak*: 501)

Menerusi novel *Tun Perak*, keberadaan Tun Tuah sebagai pembesar istana tidak disenangi oleh baginda sultan kerana Tun Tuah akan menegah segala perkara yang ditegah agama. Baginda sultan yang suka berfoya-foya ketika itu terasa segala

kemahuan nafsunya tersekat. Oleh yang demikian, baginda dan beberapa orang lagi pengikutnya telah merancang agenda agar Tun Tuah dapat keluar dari istana dan ketika itu, baginda dan pengikut-pengikutnya dapat berbuat sesuka hati tanpa perlu patuh pada larangan sesiapa. Tun Tuah telah diberikan diperintahkan oleh baginda sultan untuk meminang Puteri Gunung Ledang, sedangkan baginda tahu perkara itu amatlah mustahil untuk dilaksanakan kerana Puteri Gunung Ledang digambarkan sebagai bangsa jin dalam novel ini. Baginda sultan sanggup memperdaya Tun Tuah dengan harapan Tun Tuah tidak berada di istana dan baginda dapat meneruskan aktiviti-aktivitinya yang tidak bermoral.

Dalam teks-teks tradisi iaitu *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, watak Puteri Gunung Ledang yang ditampilkan adalah berbeza. Oleh yang demikian mewujudkan kesamaran terhadap watak Puteri Gunung Ledang. Affifudin Omar selaku pengarang kreatif tampil dengan pendirian terhadap watak Puteri Gunung Ledang. Watak Puteri Gunung Ledang secara jelasnya diberikan peranan sebagai seorang puteri dari bangsa jin dalam kedua-dua novel sejarahnya iaitu *Tun Tuah* dan *Tun Perak*. Secara tidak langsung, pembaca dapat menepis keraguan terhadap watak Puteri Gunung Ledang dan dapat menghubungkaitkannya dengan pemikiran yang logik.

4.3.4 Pelanggaran Sejarah

Sejarah Melayu tidak ketinggalan mendokumentasikan sejarah Melaka sebagai sebuah kerajaan yang gemilang dan akhirnya ditawan Portugis. Suatu ketika dahulu, Melaka sememangnya melewati fasa kegemilangan sebagai sebuah pelabuhan yang

ternama, yang menjadi pusat perdagangan dunia. Selain itu, Melaka ditunjangi dengan kestabilan politik di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Ab. Rahim Selamat, Kamaroizaman Mohd Jidi dan Nur Zakiah Hani Kamarolzaman (2010) menyifatkan tidak mudah untuk menafikan kegemilangan Melaka pada garis masa antara tahun 1400 hingga tahun 1511.

Namun, kejayaan yang dikecapi Melaka akhirnya menemui zaman kejatuhannya apabila diserang dan ditawan Portugis. Peristiwa kejatuhan Melaka sebagai sebuah empayar yang berwibawa ketika itu, benar-benar memberi kesedaran dan menjadi iktibar pada masyarakat hari ini dalam menzahirkan rasa cinta akan negara. *Sejarah Melayu* tampil sebagai wadah dalam memerihalkan peristiwa kekalahan Melaka yang sebelumnya dikagumi sebagai sebuah empayar yang besar. Menerusi *Sejarah Melayu*, dapat ditelusuri suasana perang ketika Melaka menentang serangan Portugis seperti petikan berikut:

Maka tampil Alfonso d'Albuquerque dengan seribu rakyat soldadu berinstingar, menempuh kepada segala orang Melaka, bunyi pelurunya istingar itu seperti kacang jatuh ke bidai, demikianlah. Daripada sangat tempuh anak Portugal, maka pecahlah perang orang Melaka, lalu undur. Maka tinggal Sultan Ahmad seorang terdiri di atas gajah. Maka oleh Feringgi gajah Sultan Ahmad dikepungnya, dibanyak-banyakinya. Maka Sultan Ahmad pun beradakkan tombak dengan Feringgi, kena tapak tangan baginda, luka sedikit. Maka oleh Sultan Ahmad digendangkan tangannya. Maka titah baginda, "Hai anak Melayu, lihatlah tangan kita sudah luka."

(*Sejarah Melayu*: 269)

Sejarah Melayu sebagai hipoteks yang menjadi rujukan novel-novel terkemudian terutamanya novel berunsur sejarah mengisahkan kehidupan masyarakat pada zaman

Kesultanan Melayu Melaka yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan seperti politik, sosial dan ekonomi. Kemasyhuran Melaka juga diketengahkan melalui hubungan antarabangsa dengan kerajaan-kerajaan yang berpengaruh ketika itu seperti China. *Sejarah Melayu* juga menjadi rujukan dalam memerihalkan peperangan yang berlangsung antara Melaka dan Feringgi dan merupakan antara fragmen yang penting dalam mengisahkan sejarah zaman Kesultanan Melayu Melaka. Menerusi *Sejarah Melayu*, Alfonso d'Albuquerque telah mengatur perancangan menyerang Melaka dengan rapi apabila telah menyediakan angkatan perang yang lengkap bersenjata. Serangan yang dilakukan oleh pihak lasykar Feringgi berjaya melemahkan pasukan Melaka yang mula berundur sedikit demi sedikit dari pertempuran. Walau bagaimanapun, Sultan Ahmad masih setia di atas gajah mempertahankan tanah air sehinggalah tapak tangannya terluka. Hulubalang Melaka yang lain meneruskan perjuangan mempertahankan tanah air sehinggalah Melaka benar-benar alah dan Portugis mula menawan setiap ceruk wilayah Melaka.

Walaupun bagaimanapun, naratif sejarah yang termaktub iaitu kejatuhan Melaka terhadap Portugis telah dinafikan Faisal Tehrani menerusi *1515*. Faisal Tehrani menyerap idea sejarah kejatuhan Melaka lalu diubah bersandarkan kreativiti serta keupayaan kepengarangannya dalam mencipta idea yang baharu tanpa menyalin fakta sejarah semata-mata. Kreativiti pengarang dalam mengolah sejarah dapat ditelusuri dalam petikan berikut:

Albuquerque menggelepar seperti ayam disembelih, menendang kaki kiri kanan. Tahulah hamba roh untuk panglima jahat seperti ini amatlah kasar sekali direntap dari jasadnya.

“Duhai Albuquerque memang aku ini perawan yang menjadi sebutan tetapi aku bukan perempuan lacur. Maaf aku terpaksa membunuh kau tetapi aku berjanji akan menanam mayatmu ini di Lisbon.”

Setelah panglima tua itu diam kaku, hamba pun keluar dari masjid dengan baju dan kain kelumbung berjeluas oleh darah. Bertakbir orang Melaka bertakbir saat melihat hamba keluar hidup-hidup. Semua orang bertempik bersorak kerana jelaslah Feringgi sudah kalah.

(1515: 201-202)

Gambaran tersebut memaparkan ketangkasan Nyemah Mulya yang menumpaskan Albuquerque, malah kematian Albuquerque digambarkan dengan begitu tragis apabila disamakan seperti ayam yang menggelepar setelah disembelih. Kematian Albuquerque adalah sangat bermakna kerana Albuquerque merupakan orang terpenting dalam usaha menyerang Melaka dan kematiannya membenarkan kemenangan kepada pihak Melaka. Perihal ini sangat bertentangan dengan sejarah sebenar yang mencatatkan serangan Portugis terhadap Melaka telah membawa kepada kejatuhan Kerajaan Kesultanan Melaka yang merupakan sebuah kerajaan yang masyhur ketika itu dan membawa kepada rentetan penjajahan kuasa asing yang lain juga selepas peristiwa tersebut.

4.4 KESIMPULAN

Dalam bab analisis ini, pengkaji telah mengkaji elemen keunggulan teks dalam novel sejarah terpilih seperti *Tun Tuah*, *Tun Perak*, *1515*, dan *Nama Beta Sultan Alauddin*.

Pendekatan yang diambil adalah berteraskan teori Teksdealisme dengan memberi fokus kepada dua prinsip, iaitu kehadiran dan pelanggaran. Melalui prinsip kehadiran, pengkaji mengenal pasti idealisme pengarang, pemilihan watak, dan penampilan

perwatakan yang berbeza dalam konteks budaya dan nilai masyarakat. Novel-novel tersebut bukan sekadar hanya menceritakan tentang kepahlawanan watak-watak terpilih, tetapi juga memperlihatkan penentangan terhadap sistem sosial yang tidak adil, khususnya terhadap kelompok pemerintah.

Pelanggaran pula dilihat pada aspek tema, plot, watak dan sejarah, di mana pengarang memberikan interpretasi baharu terhadap sejarah terutama dalam memaparkan kepimpinan dan perjuangan tokoh-tokoh. Misalnya, watak Tun Tuah dipersembahkan bukan sahaja sebagai pahlawan setia, tetapi juga sebagai individu berani yang menolak kezaliman. Pelanggaran tema, plot dan sejarah memberi implikasi signifikan kepada pembangunan naratif, menjadikan novel-novel ini relevan dengan zaman kontemporari, di samping menyemarakkan semangat nasionalisme. Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa elemen keunggulan teks dalam novel sejarah bukan sekadar mengulangi naratif tradisi tetapi juga mencipta semula dengan kelainan yang berimpak kepada pemahaman sejarah oleh masyarakat hari ini. Hasil kajian ini membuktikan bahawa pengkarya mampu menyampaikan kritikan sosial dan menggugah kesedaran melalui pemaknaan baharu terhadap sejarah yang kaya dengan nilai dan pengajaran.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan rumusan keseluruhan kajian, menghubungkan objektif kajian dengan hasil dapatan yang diperoleh. Bab ini juga akan menghuraikan implikasi kajian terhadap bidang yang berkaitan, mengenal pasti kebaruan yang ditemui, serta memberikan cadangan untuk kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan berdasarkan hasil yang diperoleh.

5.2 RUMUSAN

Kajian ini bertitik tolak daripada pengamatan terhadap konsep novel sejarah yang tidak dapat dikenal pasti secara jelasnya. Kedudukan novel sejarah terumbang-ambing tanpa pemahaman yang jelas terhadap konsep sejarah. Perihal ini mendatangkan permasalahan dalam mengklasifikasikan sesebuah novel sebagai novel sejarah. Secara tidak langsung merencatkan usaha keilmuan serta penerbitan novel sejarah secara kolektif. Tambahan lagi, penerbitan novel sejarah berbahasa Melayu di tanah air tidak serancak seperti penerbitan novel genre lain yang mendapat perhatian serta permintaan yang tinggi di pasaran. Hal ini dapat disabitkan dengan beberapa perkara seperti penghasilan novel sejarah yang memerlukan daya dan masa yang lebih dalam menyelidik fakta sejarah terlebih dahulu sebelum melanjutkan proses kreatif dan kepengarangan.

Kajian ini juga cuba membuktikan keunggulan teks sejarah yang dihasilkan tanpa menyalin sejarah semata-mata, sebaliknya berlakunya proses kreatif yang menuntut keintelektualan pengarang dalam menstrukturkan naratif penceritaan yang baharu. Oleh yang demikian, kajian ini memanfaatkan teori Teksdealisme yang dicituskan oleh Mana Sikana dalam memperinci keunggulan teks yang terkandung dalam novel sejarah terpilih. Berdasarkan matlamat teori Teksdealisme tersebut, teori ini dilengkapi dengan empat prinsip yang jelas untuk menganalisis teks yang terpilih. Prinsip-prinsip tersebut diwakili oleh prinsip kehadiran, prinsip pengukuhan, prinsip pelanggaran dan prinsip individualisme dalam usaha mengukur dan memperjelaskan keunggulan teks yang dianalisis. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini membataskan penelitian terhadap dua prinsip sahaja iaitu prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran.

Perspektif Teksdealisme pula masih belum diaplikasi secara meluas dalam menganalisis novel berunsur sejarah. Hal ini kerana, kajian-kajian sebelum ini mempraktikkan teori yang selari seperti Pensejarahan Baharu dan Dekonstruktif Sejarah dalam menganalisis novel-novel berunsur sejarah. Perspektif Teksdealisme perlu diterokai memandangkan teori ini menjadi penanda aras keunggulan sesebuah karya, secara tidak langsung mengangkat taraf karya sastera khususnya novel berunsur sejarah ke tahap yang lebih tinggi. Karya sastera yang berwibawa tidak sekadar mempunyai keindahan estetikanya sahaja tetapi mempunyai pemikiran dan disokong oleh mutu kepengarangannya. Oleh yang demikian, pemunggaran ciri-ciri keunggulan teks terutamanya dalam novel berunsur sejarah akan menyerlahkan kualiti novel

berunsur sejarah dan membuktikan peri penting novel berunsur sejarah dalam meriwayatkan kesusasteraan tanah air dan peradaban bangsa.

Objektif pertama kajian ini adalah mengenal pasti elemen keunggulan teks dalam novel-novel sejarah terpilih, yang terdiri daripada dua prinsip utama iaitu prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran, berdasarkan teori Teksdealisme. Proses mengenal pasti elemen-elemen ini melibatkan pengamatan terperinci terhadap proses kepengarangan pengarang menyusun teks, memanipulasi struktur naratif, serta fungsi serta elemen ini terhadap penghasilan novel sejarah.

Prinsip kehadiran merujuk kepada kehadiran serta pengaruh idea yang dalam teks. Dalam konteks novel sejarah, prinsip ini sering kali dicapai melalui penggambaran peristiwa sejarah sebenar, watak-watak bersejarah, dan latar tempat yang mempunyai nilai sejarah yang terungkap dalam teks tradisional *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Prinsip kehadiran ini berperanan untuk memberi pembaca rasa keterlibatan dalam peristiwa sejarah yang digambarkan. Penggunaan butiran sejarah yang tepat, seperti perincian mengenai peristiwa besar, pakaian, budaya, serta dialog yang berhubung dengan zaman yang ditulis, merupakan aspek yang menguatkan prinsip kehadiran ini.

Sebaliknya, prinsip pelanggaran pula berkaitan dengan elemen-elemen yang menyimpang daripada jangkauan daripada yang terkandung dalam teks-teks tradisional. Dalam novel sejarah, pelanggaran ini sering kali berlaku apabila pengarang

menyelitikan unsur-unsur fiksiyen atau memberi tafsiran yang berbeza daripada versi sejarah yang diterima umum. Misalnya, pengarang mencipta watak fiksiyen yang berinteraksi dengan watak bersejarah atau menyusun peristiwa sejarah dalam urutan yang tidak konvensional. Pelanggaran seperti ini memberi ruang kepada pembaca untuk memikirkan semula kebenaran sejarah yang sering dianggap tidak boleh dipertikaikan dan mendorong kepada refleksi kritikal terhadap kaedah sejarah ditulis dan disampaikan kepada khalayak. Melalui pelanggaran ini, pengkaji dapat menilai tindakan pengarang yang melakukan pelanggaran dalam penghasilan karya kreatif.

Dengan mengenal pasti elemen-elemen keunggulan teks ini, pengkaji dapat mentafsirkan pengarang menggunakan prinsip kehadiran dan pelanggaran untuk menghasilkan novel sejarah berpandukan teks tradisional seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* sebagai sumber idea pengkaryaan. Secara tuntasnya, Affifudin Omar lebih setia terhadap teks tradisional sebagai sumber idea pengkaryaan dalam novel sejarah berbanding Faisal Tehrani termasuklah dari segi pemilihan watak, peristiwa dan juga penyusunan plot.

Objektif yang seterusnya ialah menganalisis elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran terhadap novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme. Berdasarkan analisis terhadap prinsip kehadiran, fokus diberikan terhadap pengalaman bacaan terhadap *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* bagi menyaring kehadiran fakta yang terdapat dalam novel-novel

terpilih. Dalam perbandingan antara *Sejarah Melayu* dan novel sejarah terpilih, dapat dikesani beberapa peristiwa yang diungkapkan kembali dalam novel sejarah terpilih. Novel *Tun Tuah* paling menonjol dalam menyerap peristiwa yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* berbanding novel sejarah yang lain. Seterusnya, analisis tekstual berdasarkan *Hikayat Hang Tuah* juga menemukan novel *Tun Tuah* paling terpengaruh dengan peristiwa yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*. Dapatan yang diperoleh ini dianggap realistik kerana novel *Tun Tuah* yang menampilkan watak Hang Tuah sebagai watak utama sememangnya banyak diriwayatkan dalam teks-teks tradisional berbanding novel sejarah terpilih yang lain mengangkat watak yang hanya beberapa adegan atau episod sahaja diberikan perhatian dalam teks-teks tradisional.

Menyelongkar prinsip yang seterusnya ialah prinsip pelanggaran. Menyusuri penceritaan yang terkandung dalam novel sejarah terpilih, secara tuntasnya dapat dikenal pasti rangka penceritaan diilhamkan daripada naskhah tradisi dengan penemuan beberapa watak dan peristiwa yang pernah dikisahkan sebelum ini. Secara tidak langsung, jalur penceritaan novel-novel terpilih terbina dengan plot-plot yang mendasari naskhah tradisi iaitu *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Peristiwa-peristiwa yang dianggap penting dalam naskhah tradisi diserap kembali dan dikemukakan dalam teks-teks pada zaman semasa. Walau bagaimanapun, dalam membangunkan novel berunsur sejarah, dapat dikesani berlakunya pelanggaran tema, pelanggaran dari segi plot yang dikemukakan berbanding plot asal dan pelanggaran terhadap watak yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* dan pelanggaran terhadap sejarah.

Berdasarkan objektif kajian seterusnya yang ditetapkan iaitu merumuskan elemen keunggulan teks yang terdiri daripada prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran terhadap novel-novel sejarah terpilih berdasarkan teori Teksdealisme, dapatan kajian ini mengundang penelitian lebih kritis dalam membahaskan tindakan pengarang dalam mengaplikasikan prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran, menurut teori Teksdealisme. Pengarang begitu cakna dalam memerihalkan sejarah berpandukan sumber sejarah seperti teks tradisional, dengan mengemukakan watak dan peristiwa yang terkandung dalam teks-teks tradisional. Novel-novel sejarah terpilih dalam kajian ini mengilhamkan sumber sejarah dalam membina naratif dan membentuk perwatakan watak yang baharu. Pengarang mengolah sejarah dengan memberikan interpretasi tersendiri terhadap sejarah, membangkitkan persoalan kritikal mengenai kebenaran sejarah, serta memberikan perspektif yang lebih luas terhadap peristiwa sejarah yang digambarkan. Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa novel sejarah tidak hanya mengulangi naratif tradisi tetapi juga mencipta semula pemahaman sejarah yang kaya dengan nilai sosial dan pengajaran.

5.3 IMPLIKASI

Kajian terhadap keunggulan teks novel sejarah memberi pelbagai implikasi yang besar, baik dari sudut akademik mahupun praktikal. Implikasi pertama adalah terhadap pemahaman dan penghargaan terhadap sejarah dalam kalangan pembaca. Teks novel sejarah bukan sekadar menyampaikan fakta sejarah, tetapi juga berperanan untuk memperkenalkan latar belakang budaya, sosial, dan politik yang wujud dalam sesebuah era. Dalam konteks ini, kajian tentang keunggulan teks novel sejarah dapat

membantu dalam memperkukuh hubungan antara karya sastera dan sejarah, serta memberi pembaca pemahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan tamadun sesebuah bangsa atau negara.

Menyorot pertimbangan akademik, kajian ini memberikan sumbangan kepada teori sastera, khususnya dalam bidang sastera dan sejarah. Dengan mengkaji keunggulan teks novel sejarah, penyelidik dapat mengenal pasti elemen-elemen yang menjadikan sesebuah novel sejarah itu berkualiti dan relevan untuk dibaca oleh generasi masa kini. Aspek seperti penggunaan teknik penceritaan, pembangunan watak, dan peranan latar sejarah dalam menghidupkan cerita merupakan faktor utama yang menambah nilai terhadap keunggulan sesebuah karya. Keberhasilan dalam menggabungkan fakta sejarah dengan naratif fiksi dalam teks novel sejarah yang baik turut mencerminkan keupayaan penulis dalam mencipta karya yang mampu menarik minat pembaca sambil memberikan pengajaran berharga tentang peristiwa sejarah.

Selain itu, kajian ini juga memberi implikasi terhadap pendidikan sejarah. Berbekalkan teks novel sejarah sebagai bahan pengajaran, pendidik dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan. Pendekatan ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari fakta sejarah, tetapi juga untuk memahami perasaan, emosi, dan kehidupan seharian masyarakat pada waktu tersebut. Oleh itu, kajian keunggulan teks novel sejarah bukan sahaja memperkaya pemahaman sejarah, tetapi juga membuka ruang untuk penerokaan lebih lanjut dalam menggunakan sastera

sebagai alat untuk memperkukuh pendidikan sejarah di peringkat sekolah dan universiti.

Selanjutnya dari segi sosial, kajian ini berpotensi untuk membangkitkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menghargai sejarah dan warisan budaya negara. Novel sejarah yang berkualiti boleh memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan identiti nasional dan meningkatkan rasa bangga terhadap pencapaian masa lalu. Sebagai contoh, apabila generasi muda membaca teks novel sejarah yang menggambarkan perjuangan kemerdekaan atau peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah negara, ia dapat menanamkan rasa hormat terhadap nilai-nilai kebebasan dan semangat nasionalisme.



Secara keseluruhannya, kajian mengenai keunggulan teks novel sejarah memberi impak yang luas dalam bidang sastera, pendidikan, dan sosial. Kajian ini mampu memperkayakan wacana intelektual dan membuka ruang untuk pendekatan baru dalam memperkenalkan sejarah kepada masyarakat.

5.4 KEBAHARUAN

Menerusi penelitian dan perbincangan terhadap hasil dapatan kajian, terdapat beberapa penemuan dalam mengungkapkan keunggulan teks dalam novel sejarah. Secara tidak langsung, analisis keunggulan teks turut memperjelaskan proses kreatif pengarang

dalam menghasilkan novel sejarah. Berikut merupakan jadual 5.1 yang merumuskan dapatan kajian yang yang diperolehi:

Jadual 5.1

Rumusan Dapatan Kajian

	Novel-novel Terpilih			
	<i>Tun</i>	<i>Tun</i>	<i>1515</i>	<i>Nama</i>
Dapatan Kajian	<i>Tuah</i>	<i>Perak</i>		<i>Beta</i> <i>Sultan</i> <i>Alauddin</i>
1. Kehadiran Idealisme Pengarang	/	/	/	/
2. Kehadiran Peristiwa Sejarah	/	/	/	/
3. Kehadiran Rakaman Penzamanan	/	/	/	/
4. Pelanggaran Tema	/	/	/	/
5. Pelanggaran Plot	/	/	/	/
6. Pelanggaran Watak	/	/	/	/
7. Pelanggaran Sejarah			/	

Jadual 5.1 merupakan gambaran secara ringkas terhadap dapatan yang diperolehi daripada kajian ini. Dalam kajian ini, penerapan prinsip kehadiran dan prinsip pelanggaran dalam teori Teksdealisme dianalisis secara merentas empat buah novel sejarah terpilih, iaitu *Tun Tuah* dan *Tun Perak* karya Affifudin Omar, serta *1515* dan *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani. Analisis menunjukkan bahawa

semua novel ini memperlihatkan penerapan subtema utama dalam kedua-dua prinsip, dengan variasi kecenderungan dalam menegaskan keunggulan setiap teks.

Berdasarkan prinsip kehadiran, ketiga-tiga subtema utama dapat dikesan dalam semua novel yang dikaji. Pertama, Kehadiran Idealisme Pengarang jelas terpapar apabila pengarang menyalurkan pandangan, sikap, dan aspirasi mereka terhadap sejarah bangsa. Dalam *Tun Tuah*, Affifudin Omar menegaskan nilai kesetiaan dan keberanian sebagai asas idealisme kepahlawanan Melayu, manakala dalam *Tun Perak* beliau menekankan kepentingan kepemimpinan yang bijaksana demi kestabilan negara. Faisal Tehrani pula memanfaatkan novel *1515* untuk menyuarakan idealisme sejarah alternatif yang membayangkan kemenangan bangsa Melayu, manakala dalam *Nama Beta Sultan Alauddin*, beliau menampilkan idealisme Islamik dengan mengangkat wacana kepemimpinan berteraskan spiritual.

Kedua, kehadiran pengekalan dan pengubahsuaian peristiwa turut berlaku dalam semua novel. Affifudin Omar banyak mengekalkan peristiwa-peristiwa penting yang dirakam dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, seperti peperangan, pewarisan takhta, serta konflik politik di istana. Namun begitu, beliau turut melakukan pengubahsuaian kecil untuk memperkaya naratif, khususnya dalam memberikan ruang psikologi dan dimensi kontemporari terhadap watak. Hal yang sama dapat dikesan dalam karya Faisal Tehrani. Meskipun beliau terkenal dengan pelanggaran sejarah, novel *1515* tetap mengekalkan peristiwa asas kejatuhan Melaka sebagai titik mula cerita sebelum digarap secara alternatif, manakala dalam *Nama Beta Sultan Alauddin*,

kisah pemerintahan Sultan Alauddin tetap berpijak pada fakta sejarah meskipun diwarnai dengan elemen tambahan.

Seterusnya, kehadiran rakaman penzamanan juga dapat dikenal pasti dalam kesemua novel kajian. *Tun Tuah* dan *Tun Perak* menampilkan suasana sosial, politik, dan budaya istana Melayu Melaka dengan setia, sekali gus memperkukuh nilai dokumentasi sejarah. *1515* meskipun berbentuk sejarah alternatif, tetap merakamkan latar zaman Melaka abad ke-16 sebagai kerangka penceritaan. Dalam *Nama Beta Sultan Alauddin*, rakaman penzamanan ditampilkan melalui penggambaran kehidupan rohani, politik dan suasana pemerintahan Sultan Alauddin yang bersifat realistik dan terikat dengan konteks sejarahnya.

Sementara itu, dari sudut prinsip pelanggaran, empat subtema utama dapat ditelusuri, iaitu pelanggaran tema, pelanggaran plot, pelanggaran watak, dan pelanggaran sejarah. Kesemua novel mengandungi pelanggaran tema, plot, dan watak, tetapi hanya *1515* yang benar-benar menampilkan pelanggaran sejarah. Pelanggaran tema dalam *Tun Tuah* dan *Tun Perak* berlaku apabila pengarang memperluaskan tafsiran tema kesetiaan dan kepemimpinan kepada konteks moden yang lebih mendalam. *1515* pula melanggar tema tradisi dengan membawa naratif kemenangan Melayu yang bercorak utopia, manakala *Nama Beta Sultan Alauddin* meluaskan tema kepemimpinan kepada aspek tasawuf dan kerohanian.

Pelanggaran plot dapat dikesan dalam *Tun Perak* yang menambah dimensi dramatik pada strategi politik bendahara, sementara *Tun Tuah* memperincikan konflik dalaman wira yang tidak begitu digarap dalam hikayat. *1515* menonjol dengan pelanggaran plot melalui penciptaan sejarah alternatif, dan *Nama Beta Sultan Alauddin* mengolah plot dengan memberi ruang besar kepada pengalaman spiritual Sultan. Pelanggaran watak pula jelas dalam keempat-empat novel, misalnya penggambaran Hang Tuah yang lebih beremosi, *Tun Perak* yang lebih falsafah, *Nyemah Mulya* yang dicipta sebagai pemimpin wanita, serta Sultan Alauddin yang dihidupkan semula dengan tafsiran kritis. Namun demikian, pelanggaran sejarah hanya dikesan dalam novel *1515*, iaitu apabila Faisal Tehrani berani melawan catatan tradisional dengan membayangkan Melaka tidak jatuh ke tangan Portugis. Hal ini tidak berlaku dalam tiga novel lain yang kekal setia pada sejarah walaupun ada pelanggaran kecil pada tema, plot, dan watak.

Secara jelasnya, pengarang akan menampilkan tokoh sejarah yang dipilih dengan acuan perwatakan yang dicipta. Novel sejarah akan mengangkat seorang tokoh dan watak inilah yang menjadi penggerak kepada penceritaan sehingga membawa kepada peristiwa-peristiwa sejarah yang berkaitan ataupun peristiwa-peristiwa yang dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* ataupun *Hikayat Hang Tuah*. Pengarang mengangkat kembali watak sejarah, namun diberikan penambahbaikan terhadap watak tersebut sehingga terlihat lebih teguh pendirian, kuat pegangan agama dan lebih bijak membuat pertimbangan berbanding watak yang sama dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Tokoh sejarah yang ditampilkan ternyata membawa perwatakan yang berbeza seiring dengan kemahuan pengarang, dan secara tidak langsung

menyerlahkan pendirian pengarang dalam memerihalkan peristiwa sejarah yang dipilih.

Selanjutnya, penelitian ini juga menemukan kreativiti pengarang ketika berlangsungnya proses kreatif dengan memanipulasikan peristiwa sejarah. Peristiwa sejarah yang dimaksudkan secara jelasnya dikisahkan dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Pengarang menunjukkan kesetian terhadap teks dengan menyerap kembali peristiwa sejarah tersebut, namun memanipulasikannya dengan percambahan idea yang tersendiri. Contohnya, novel *1515* yang mengungkapkan kembali kedatangan Portugis ke Melaka yang berusaha untuk menawan Melaka, namun pengarang memanipulasikan peristiwa bersejarah ini dengan memberikan kemenangan kepada Melaka yang akhirnya menawan Portugis. Secara tidak langsung, pengarang cuba memberikan tafsiran yang berbeza atau melihat sejarah dari perspektif yang berbeza.

Seterusnya, kajian ini menyerlahkan kepengarangan kedua-dua orang pengarang yang terlibat dalam kajian ini. Kepengarangan Affifudin Omar dan Faisal Tehrani ternyata berbeza dalam menghasilkan novel sejarah. Kedua-duanya melalui proses keunggulan dalam menghasilkan novel sejarah kerana menepati prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori Teksdealisme. Walau bagaimanapun, kedua-duanya tetap menyerlahkan perbezaan yang ketara sebagai identiti kepengarangan masing-masing. Affifudin Omar banyak melakukan rujukan dan memperkemaskan sejarah sedia ada dengan lebih lengkap seperti tahun sesuatu peristiwa. Affifudin Omar juga menafikan unsur-unsur

yang tidak logik dalam naskhah tradisi. Hal ini dapat diperlihatkan pada peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang dalam *Tun Tuah* apabila pengarang menganggap figura tersebut tidak wujud di alam nyata. Berbeza pula dengan kepengarangan Faisal Tehrani yang menyerap sejarah tetapi lebih mengeksploitasikan fakta sejarah tersebut sehingga penceritaan tidak lagi terikat dengan kronologi sejarah yang sebenar. Perihal ini memperlihatkan keupayaan dan kreativiti Faisal Tehrani dalam mengarang. Keunggulan teks *Tun Tuah* dan *Tun Perak* terletak pada kesetiaan naratif terhadap sejarah yang diimbangi dengan sedikit pelanggaran kreatif, manakala keunggulan *1515* dan *Nama Beta Sultan Alauddin* pula berpunca daripada keberanian Faisal Tehrani menafsir semula dan melanggar konvensi tradisi. Hal ini membuktikan bahawa gabungan kesetiaan sejarah dan keberanian pelanggaran menjadi landasan utama dalam menjelmakan keunggulan novel sejarah Melayu.

5.5 CADANGAN

Kajian yang dijalankan telah memperhalusi keunggulan teks bagi novel sejarah. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan novel sejarah bukan sekadar mempunyai nilai didaktik yang mampu membentuk jati diri bangsa, sebaliknya turut dilengkapi ciri-ciri keunggulan sebagai sebuah teks yang idealis. Oleh yang demikian terdapat beberapa cadangan dalam penghasilan kajian dalam lapangan yang sama pada masa akan datang:

- a) Melaksanakan kajian keunggulan teks novel sejarah dengan memberikan fokus kepada hipoteks yang lain pula selain *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

- b) Melaksanakan kajian perbandingan keunggulan teks novel sejarah antara novel sejarah Malaysia dengan novel sejarah serantau.
- c) Melaksanakan kajian terhadap novel sejarah namun memberi fokus kepada teks novel sejarah remaja dengan mengaplikasikan teori sastera yang lain selain teori Teksdealisme.

5.6 PENUTUP

Berdasarkan penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati novel sejarah berdiri sebagai sebuah karya yang unggul, malah terdapat usaha pengarang dalam memperbaiki sejarah sedia ada dalam membangkitkan semangat nasionalisme dan memperbaiki imej bangsa dengan imej-imej yang positif. Paradigma pengarang dalam menghasilkan novel sejarah juga tidak sekadar terbatas pada hipoteks semata-mata, pengarang memanipulasikan sumber sejarah di samping upaya kepengarangan masing-masing dalam membentuk naratif yang baharu.

Rujukan

- A.Wahab Ali. (2012). *Kemunculan novel dalam sastera moden Indonesia dan Malaysia: Satu kajian perbandingan*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- A. Teeuw. (1984). *Pengantar teori sastra*. Dunia Pustaka Jaya.
- Ab. Rahim Selamat, Kamaroizaman Mohd Jidi & Nur Zakiah Hani Kamarolzaman. (2010). *Melaka negeri maju: Perspektif pendidikan*. Penerbit UTHM.
- Abd Aziz Azmi & Farrah Wahida Mustafar. (2020). Keruntuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 1, 1-23.
- Abdul Halim Ali. (2012). Satu analisis pengkisahan semula sejarah Melayu tradisional dalam perspektif baharu. *Jurnal Perspektif*, 4(2), 16-27.
- Abdul Hamid Adnan. (2001). Sirih pinang dan kebudayaan Melayu: Satu kajian tentang tepak sirih. *Disertasi sarjana tidak diterbitkan*, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Abdullah. (2009). *Wacana falsafah sejarah perspektif Barat dan Timur*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Ismail. (2005). *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sani Usman. (2005). *Nilai sastera ketatanegaraan dan undang-undang dalam Kanun Syarak kerajaan Aceh dan Bustanus Salatin*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Zawawi Mohd Hairani. (2013). Penilaian kritis ke atas Azizi Haji Abdullah. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Affifudin Omar. (2016). *Tun Tuah: Wira dan diplomat terbilang*. Afif Books Sdn. Bhd.
- Affifudin Omar. (2017). *Tun Perak Paduka Raja*. Afif Books Sdn. Bhd.
- Ahmad Adam. (2016). *Antara sejarah dan mitos: Sejarah Melayu dan Hang Tuah dalam historiografi Malaysia*. SIRD.
- Ahmad Sukari Mohamad & Mohd Nizam Sahad. (2020). *Kepimpinan guru berteraskan ta'dib: Perspektif baharu kepemimpinan guru abad ke-21*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Zaidi Baharuddin & Ani Omar. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam drama. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 4, 32-39.

- Amir Zakiy Hamzah & Che Abdullah Che Ya. (2020). Pentafsiran baharu terhadap sejarah tempatan melalui novel Luka Nering. *Jurnal Melayu*, Isu (Khas), 373-389.
- Arba'eyah Abdul Rahman (2006). Kepengarangan peribahasa Melayu. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arriyanti. (2016). Sejarah dan realitas kekinian dalam novel *Rahsia Meede*. *METASASTRA*, 9(1), 1-12.
- Azhar Wahid. (2009). *Pendidikan pembangunan modal insan*. Penerbit UPSI.
- Azmi Arifin. (2020). Konflik antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir dan kejatuhan Kota Melaka 1511. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 25-62.
- Baldick, C. (1990). *The concise oxford dictionary of literary terms*. Oxford University Press.
- Basri Ibrahim Al-Azhari. (2022). *Fiqh bencana alam*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Chenhan Zhang, Qingpeng Zhang, Shui Yu, James J. Q. Yu & Xiaozhuang Song. (2020). Complicating the Social Networks for Better Storytelling: An Empirical Study of Chinese Historical Text and Novel. *IEEE Transactions on Computational Social Systems*, 8(3), 754-767.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan*. Mc Graw Hill Education.
- Dalley, H. (2018). The meaning of settler realism: (De) Mystifying frontiers in the postcolonial historical novel. *NOVEL: A Forum on Fiction*, 51(3), 461-481.
- Faisal Tehrani. (2003). *1515*. Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2016). *Nama Beta Sultan Alauddin*. Dubook Press Sdn. Bhd.
- Faizah Jalal & Ani Omar. (2015). Pelayaran Inderaputera II karya Ismail Kassan: Analisis daripada perspektif Teksdealisme. *PENDETA Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 6, 274-293.
- Fauzi Hasan. (2019). Keunggulan kepengarangan Faisal Tehrani dari perspektif Teksdealisme, *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Malaya.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Mohd. Ali & Madiawati Mamat @Mustaffa. (2018). Individualisme Faisal Tehrani dalam kepengarangan berdasarkan novel-novel terpilih. *Jurnal RUMPUN: Jurnal antarabangsa persuratan Melayu*, 6, 31-60.

- Ghazali Din. (2016). Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan Model Proses Kreatif Teks naluri. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ghazali Taib & Abdul Halim Ali. (2018). Analisis persejarahan baharu dalam novel *1515*. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 42-57.
- Hafizah Iszahanid. (2017, Ogos 14). Novel Anugerah julang ketokohan Ibu Zain. *Berita Harian*.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. (2016). Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak dari perspektif semantik kognitif. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 16(2), 53-71.
- Hanley, V. (2012). *Kuasai cerita anda*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Has Alia Hasnan & Mohamed Nazreen Shahul Hamid. (2022). Creativity and Authorship in Historical Novels: A Comparative Analysis of Affifudin Omar's Tun Perak Paduka Raja and Langit Kresna Hariadi's Gajah Mada Makar Dharmaputra. *Malay Literature*, 35(2), 173-198.
- Hishamudin Jamiludin & Junaidi Awang Besar. (2021). Penerimaan pengundi Melayu terhadap kepelbagaian parti politik di kawasan DUN Pekan Nanas, Tanjong Piai, Johor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(4), 1-14.
- Hizairi Othman. (2000). *Kreativiti dalam penciptaan karya sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat. (2010). *Penulisan sejarah*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismas Saring. (2014). *Kontal kantil*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Jamaludin Suhaimi. (2006). Hubungan antara kerapatan hubungan dan kepuasan perkahwinan mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak. *Tesis Sarjana Muda*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Jelani Harun. (2017). *Karya agung dan politik kenegaraan Melayu*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamariah Kamarudin, Nor Shahila Mansor & Muhd Zulkifli Ismail. (2017). Kesan ketamadunan Islam Andalusia dalam novel Melayu pilihan. *Jurnal Kemanusiaan*, 15, 1-8.
- Kassim Ahmad (pngr.). (2017). *Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Hussain. (1972, September). Harun Aminurashid. *Dewan Sastra*.
- Khoo Kay Kim & Jazamuddin Baharuddin. (ed.). (1979). *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*. Persatuan Sejarah Malaysia.

- Low Kok On. (2001). *Citra wira rakyat dalam legenda Mat Salleh*. Universiti Malaysia Sabah.
- Lukacs, G. (1965). *The historical novel*. Merlin Press.
- Lukacs, G. (1981). *Essays on realism*. MIT Press.
- M. Khalid Taib. (1993). Konsep dan kedudukan wira dalam teks Melayu klasik terpilih: Satu tinjauan dari sudut etika sezaman dan universal. Dlm. Siti Aisyah Murad (Ed.) *Konsep wira dalam sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahani Pengiran Ahmad. (2007). *Cetusan nasionalisme dalam Makna Sebenar Sebuah Ladang*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Maizura Osman & Nur Hashimah Jalaluddin. (2018). Metafora kritikan dalam mitos peminangan Puteri Gunung Ledang: Analisis pragmatik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1), 19-46.
- Mana Sikana. (1996). *Teori sastera Teksdealisme*. Penerbit Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di akar diri*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mana Sikana. (2015). *Koleksi teori sastera: Klasik, tradisional, moden, pascamoden dan tempatan*. Pustaka Karya.
- Mawar Safei. (2005). Hipoteks tradisional dalam novel-novel Anwar Ridhwan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 132-155.
- Mimas Ardhianti. (2016). Kajian New Historicism novel Hatta: Aku datang karena sejarah karya Sergius Sutanto. *Jurnal Buana Bastra*, 3(1), 1-10.
- Misran Rokiman. (2009). Pembangunan tamadun Islam akan berulang? Meneliti novel remaja 1511 H Kombat karya Faisal Tehrani. *AKADEMIKA*, 75, 3-20.
- Moc. Nurfahrul Lukhmanul Khakim. (2016). Telaah penulisan karya sastra sejarah sebagai refleksi sumber pembelajaran. *Jurnal Sejarah dan Budaya*, 10(1), 94-99.
- Moh Matsna. (2015). *Pendidikan agama Islam: Al-qur'an hadis*. PT Karya Toha Putra.
- Mosseley, M. (2019). Lincoln in The Bardo: "Uh, NOT a Historical Novel". *Humanities*, 8(2), 96-106.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (1993). Pencerekaan sejarah: Kajian terhadap empat buah novel. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2005). *Pencerekaan dalam novel sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohammad Amir Wan Harun, Jasni Sulong & Atikullah Abdullah. (2024). *Fiqh perkahwinan & keluarga Islam*. Penerbit USM.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2022) Teknik kepengarangan Baha Zain dalam puisi kemanusiaan terpilih berdasarkan teori Teksdealisme. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Khoharuddin Mohd Balwi. (2005). Budaya perniagaan dan perdagangan Melayu dalam teks Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 52-72.
- Mohd Mahadee Ismail. (2018). Budaya politik kontemporari masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia: Satu penilaian kritis. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 470-482.
- Mohd Nazri Zainuddin. (2015). Novel Tengku Menteri dan Urih Pesisir: Analisis kepimpinan berkualiti dengan teori Teksdealisme. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rosli Saludin. (2015). Kepelbagaian dan keunikan adat Negeri Sembilan memperkuat bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 1-15.
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din, & Phaosan Jehwae. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA: Journal Of MalayLanguage, Education And Literature*, 11(1), 68–87.
- Mohd Saipuddin Suliman. (2016). Penerapan teori Stilistik dan Teksdealisme bagi menganalisis puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Saipuddin Suliman, Shahrin Nizal Mohd Nor, Nordiana Ab Jabar, Norazimah Zakaria, Lim Ying Xuan & Afidatul Syazwani Afandi. (2023). Pembinaan teori Teksdealisme dan penelitian terhadap karya puisi konkrit. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 11(1), 37–53.
- Mohd Shukrey Ahmad & Kamariah Kamarudin. (2018). Nilai Islam dalam komik majalah Dewan Pelajar. *Jurnal Melayu*, 17(1), 49-73.
- Muhamad Faiz Sazali, Mawar Safei & Che Abdullah Che Ya. (2021). Hipoteks sejarah dalam novel Kalbu Qalha. *Jurnal Melayu*, 20 (2), 346-360.
- Muhammad Nor Sahfiq Amran & Mas Rynna Wati Ahmad. (2021). Rasa emosi Hang Jebat dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu*, 20(2), 267-281.
- Muhammad Zaki Badawi. (1979). *Latar belakang kebudayaan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Daud. (1991). *Perkahwinan menurut Islam*. Utusan Publications & Distributotors.

- Mustafa Mohd Isa. (1999). *Kajian teks Melayu klasik terpilih*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Naapie Mat. (2005). *Glosari pengajian Melayu*. Cerdik Publications.
- Nagy, L. (2014). Historical Fiction as a Mixture of History and Romance: Towards the Genre Definition of the Historical Novel. *Prague Journal of English Studies*, 3 (1), 7-17.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Shaiful Bahri Md. Radzi, Khazin Mohd. Tamrin, Yahaya Abu Bakar. (2009). Enrique Melaka @ Panglima Awang sebagai Magellan Melayu. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27 (2), 167-198.
- Nor Ain Binti Matnoh, Zairul Anuar Md. Dawam & Sim Chee Cheang (2022). Simbolisme watak dan perwatakan berdasarkan konteks sosio-budaya masyarakat Malaysia melalui filem Ola Bola (2016). *e-Bangi*, 16(6), 1-13.
- Norazimah Zakaria. (2005). Sejarah Melayu: Sebuah genre sistesis yang baik bagi memenuhi tuntutan moral Islam dan aspek pengawalan politik. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 319-334.
- Norazimah Zakaria. (2014). Peranan pengarang tradisi dalam melahirkan masyarakat pemikir. *Procedia Sosial and Behavioral Sciences*, 134, 259-269.
- Nordiana Ab. Jabar. (2015). Keunggulan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam puisi tradisional KOMSAS. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum, Muhamad Fadzllah Zaini & Rohaya Md. Ali. (2023). Analisis Ethos, Pathos dan Logos dalam komunikasi kepimpinan Nama Beta Sultan Alauddin karya Faisal Tehrani. *Malaysian Journal of Communication*, 39 (1). 473-489.
- Nordin Hussin. (2008). Geografi dan perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada perdagangan dunia, Asia dan dunia Melayu 1700-1800. *Akademika*, 73, 3-26.
- Noriah Taslim. (2019). Kembali ke akar: Menilai politik, genre dan adab dalam Naratif Ogonshoto. Dalam Mawar Safei (Ed.). *Pemikiran Sasterawan Negara Anwar Ridhwan*. (ms 48-60). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Muhammad Syahir Ayob. (2018). Kehadiran pemikiran Anwar Ridhwan dari sudut kekuasaan politik dalam drama 'Yang Menjelma dan Menghilang'. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 247-266.

- Nur Shahirah Amir & Mawar Safei. (2023). Kreativiti perwatakan dan sejarah dalam novel Wanita Rawa Terakhir. *RUMPUN Jurnal Pesuratan Melayu*, 11(2), 23-39.
- Nurhanis Sahiddan, Hashim Ismail & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, (2020) The strength of Malayness through colonial mimicry in Affifudin Omar's Tun Tuah. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17 (1), 188-200.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel Orang Kota Bharu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 13-22.
- Nurul Husna Mat Nor. (2020). Keberanian dan proses kreatif dalam kepengarangan Osman Ayob menerusi novel Empangan Tugal. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3(11), 10-18.
- Othman Puteh. (1999). *Penulisan cerpen, visi dan langgam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2002). *Tip & motivasi penulisan genre cerpen*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Pierce, R. (2008). *Research methods in politics: A practical guide*. SAGE Publications.
- Ramlah Adam. (2016, September). *Hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka dengan kawasan sekitar dan antarabangsa*. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu.
- Rani Siti Fitriani. (2021). *Ensiklopedi bahasa dan sastra klasik: Jenis dan macam sastra klasik*. Hikam Pustaka.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Komunikasi tradisi dalam kepengarangan Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kemanusiaan*, 24(1), 23-49.
- Rosma Derak. (2007). Penulisan sejarah dalam novel terpilih Faisal Tehrani: Satu kajian sulbaltarn. *Tesis Sarjana*. Universiti Sains Malaysia.
- Rosma Derak. (2014). Mendekonstruksi sejarah dalam novel 1515: Satu penulisan semula daripada perspektif golongan sulbaltarn. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 21, 125-147.
- Rosma Derak & Asmiaty. (2016). Perjuangan wanita dalam novel *Surat-surat Perempuan Johor*. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 24, 91-109.
- Ridho Al-Hamdi. (2020). *Paradigma politik Muhammadiyah: Epistemologi berpikir dan bertindak kaum reformis*. IRCiSoD.

- Rimadaryani. (2021). *Menuju perubahan menjadi hafidz Qur'an*. Guepedia.
- Russell Johnes. (ed.) (2018). *Loan world in Indonesia and Malay*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir. (2003). *Sejarah kesusasteraan Melayu moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah & Suhaimi Muhammad. (ed.). (2017). *Glosari istilah kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd. Saman. (1995). *Novel perang dalam kesusasteraan Malaysia, Indonesia dan Filipina: Satu perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd. Saman, Othman Putih & Ramli Isin. (1986). *Memperkatakan tiga genre*. Fajar Bakti.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2018). Implikasi hubungan diplomatik terhadap kerajaan Melaka dan Kedah berdasarkan naskhah Melayu tradisional. *International Journal of Malay World and Civilization*, 6(2), 99-108.
- Sara Beden. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 36-56.
- Shahnon Ahmad. (1993). Konsep wira Melayu moden dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Dlm. Siti Aisyah Murad (Ed.) *Konsep wira dalam sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaidatul Suhana Ros. (2013). Pascakolonialisme dalam novel Faisal Tehrani. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Aisyah Mohamed Salim & Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2014). Membaca Perwatakan Stamford Raffles Menggunakan Pensenjarahan Baru: Analisis dua teks. *Jurnal Melayu*, 12(1), 1-13.
- Siti Hawa Salleh. (2009). *Kelopak pemikiran sastera Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Khariah Mohd Zubir & Kamarulzaman Ibrahim. (2012). Watak dan peranan wanita dalam Sulalatus Salatin. *Jurnal Peradaban Melayu*, 7, 157-180.
- Talib Samat. (2013). *Penulis dan penulisan*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Titi Farhanah. (2017). Kepengarangan sastera kitab Fath-al-Rahman karya Zakariya al-Ansari. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umar Junus. (1985). *Fiksyen dan sejarah: Suatu Dialog*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ungku Maimunah Mohd Tahir & Zulkarnain Mohamed. (2000). *Watak dan perwatakan dalam sastera*. UPM Press.
- V. Thilagavathi Gunalan. (1999). Genesis autograph Sejarah Melayu. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 26, 101-119.
- Wan Hasmah Wan Teh. (2016). Maskuliniti yang diruntuhkan Feminiti: Satu penelitian stereotaip gender dalam novel *Seri Dewi Malam* karya Affifudin Haji Omar. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 23, 21-42.
- Wan Norhasniah Wan Husin. (2012). *Peradaban dan perkauman di Malaysia: Hubungan etnik Melayu-China*. Penerbit Universiti Malaya.
- Wildan, Mohd Harun & Yenni Sefrida. (2015). Fakta sejarah dalam novel Perempuan Keumala karya Endang Moerdopo. *CENDEKIA*, 9(1), 25-36.
- Zubir Idris. (2017). Etnosentrisme: Kepengarangan dalam syair perang Melayu Nusantara. *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 266-291.

